

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PROJEK MRT**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
  - a) Apakah peranan dan mekanisme kerajaan negeri dalam perancangan dan pemantauan projek MRT?
  - b) Apakah pertimbangan dan pengiraan dalam pembayaran pampasan bagi tanah yang diambil?
  - c) Adakah projek MRT perlu mendapat kelulusan OSC di PBT berkenaan?

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri memberikan sepenuh sokongan terhadap cadangan Projek MRT ini setelah diberikan penerangan tentang impak dan kesan daripada projek ini. Projek MRT ini akan memberikan kesan ekonomi yang besar seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, satu jawatankuasa teknikal di peringkat negeri telah diwujudkan bagi melakukan aktiviti pemantauan. Jawatankuasa ini dikelolakan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) bersama Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD).
- b) Mengikut perenggan 2 Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960, perkara yang mesti dipertimbangkan dan diambil kira oleh Pentadbir Tanah dalam menentukan pampasan iaitu :-
  1. Nilai pasaran tanah berkenaan termasuk bangunan (mengikut harga pasaran). Nilai pasaran berdasarkan tarikh pewartaan tanah di bawah Seksyen 4 atau Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960;
  2. Sebarang kenaikan nilai tanah akibat daripada pengambilan hendaklah ditolak daripada jumlah pampasan yang ditawarkan;
  3. Kerosakan akibat pengasingan (*severance*) tanah berkenaan dari tanahnya yang lain jika ada yang ditanggung atau mungkin akan ditanggung oleh orang yang berkepentingan;
  4. Kerosakan akibat kesan mudarat (*injurious effect*) jika ada yang ditanggung atau mungkin akan ditanggung oleh orang yang berkepentingan terhadap hartanya yang lain sama ada harta alih atau tidak alih dengan apa-apa cara lain;
  5. Apa-apa perbelanjaan yang munasabah kerana kena pindah tempat kediaman atau perniagaan akibat pengambilan dan;

6. Sebarang aku janji yang jelas dan boleh dikuatkuasakan oleh agensi pemohon untuk membina sebarang kemudahan yang akan memberi faedah kepada tanah baki.

Di samping itu juga, dilampirkan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor berkaitan penentuan pampasan. Pekeliling ini disediakan sebagai garis panduan kepada semua Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Daerah di dalam Negeri Selangor berhubung prosiding dan prinsip-prinsip menetapkan nilai tanah dan pampasan menurut seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) bagi menjamin keseragaman pelaksanaan prosiding siasatan pengambilan tanah untuk rujukan dan tindakan pihak tuan.

- c) Berdasarkan kepada prosedur biasa, projek MRT ini perlu mendapatkan kelulusan OSC di PBT yang terlibat. Walau bagaimanapun, bagi projek MRT Sungai Buloh – Kajang ini Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN), secara dasarnya telah mencadangkan agar permohonan Kebenaran Merancang (KM) dibentangkan terus ke Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) untuk kelulusan. Ini adalah berdasarkan kepada peruntukkan Seksyen 20 A, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) yang mana ia boleh diguna pakai untuk projek-projek kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PILIHANRAYA KETUA KAMPUNG DI TIGA KAMPUNG**

2. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

Berapakah kos yang telah dibajet untuk pilihanraya ini ? Senaraikan mengikut kampung.

- b) Bagaimanakah kerajaan memastikan senarai pengundi adalah betul dan sempurna ?
- c) Kenapa lambang parti tidak dibenarkan ?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan kos peruntukkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja (RM 20,000.00) bagi setiap kampung yang terlibat dalam Projek Pemilihan Pengerusi JKKK Kg Baru/Bagan/Tersusun 2011.
- b) Bagi memastikan ketelusan dalam Projek Perintis Pemilihan Pengerusi JKKK ini, Kerajaan Negeri mengguna pakai senarai pengundi berdaftar yang diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Ini dapat memastikan penduduk kampung yang layak dan berdaftar dengan SPR sahaja yang layak mengundi.
- c) Dalam Pemilihan Pengerusi JKKK Kg. Baru/Bagan/Tersusun, Kerajaan Negeri mengamalkan demokrasi bagi membolehkan semua pihak yang berminat dan berkepimpinan menyertai pemilihan Pengerusi JKKK ini atas nama sendiri dan bukan atas nama parti seperti di dalam Pilihan Raya yang biasa.

Oleh yang demikian, tidak akan berlaku ketidakadilan bagi mana-mana individu yang menyertai pemilihan ini. Ini menunjukkan sikap terbuka dan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memastikan kehendak penduduk kampung dicapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : KEMUDAHAN ASAS UNTUK SEMUA RAKYAT SELANGOR**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi mengatasi penduduk di kawasan luar Bandar yang tidak mendapat kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan elektrik?
  - b) Bagaimana kerajaan kenal pasti isi rumah yang masih belum ada kemudahan asas tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Usaha yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah bekalan air bersih dan elektrik di kawasan luar Bandar dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah yang mempunyai kemudahan-kemudahan dan bantuan bekalan air dan elektrik khas kepada penduduk luar bandar.

Selain itu, pihak SYABAS juga ada melaksanakan program Air Bersih. Walau bagaimanapun, setakat ini tiada permohonan atau aduan yang diterima mengenai penduduk Selangor yang tidak mendapat kemudahan elektrik dan bekalan air.

- b) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Institusi Penghulu merupakan pihak yang memainkan peranan untuk mengenal pasti isu-isu kemudahan asas dan makluman mengenai isi rumah yang tidak mempunyai kemudahan asas. Setakat ini, tiada aduan mengenai isu belum ada kemudahan asas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT MEMATUHI PEKELILING PERBENDAHARAAN**

4. Merujuk kepada Usul 20 Tahun 2010 berkenaan urus tadbir anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap syarikat tahu dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 9/1993, 10/1993, 11/1993 dan 12/1993?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tiada syarikat membayar bonus tanpa mematuhi dasar yang ditetapkan mengikut PP Bil. 10/1993 dan pembayaran mesti mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan Pihak Berkuasa Negeri (MMKN/EXCO)?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang tidak berkaitan dengan operasi yang boleh menjejaskan keuntungan syarikat?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui Pemerbadanan Menteri Besar (*MBI*) sentiasa memantau pelaksanaan Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan tersebut melalui Mesyuarat Lembaga MBI yang diadakan secara berkala dan dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

Mesyuarat ini menjadi platform untuk membincangkan isu-isu dan perkara-perkara berkaitan anak-anak syarikat khususnya perkara berkaitan kewangan dan tadbir urus syarikat. Sehubungan itu, kelulusan melibatkan perancangan dan urus tadbir kewangan perlu disahkan pada mesyuarat tersebut.

- b) Sebarang cadangan bayaran bonus perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah terlebih dahulu seterusnya diangkat kepada Mesyuarat Lembaga MBI untuk endorsan.
- c) Bagi memastikan syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat, mulai tahun 2008, urus tadbir MBI telah diperkukuhkan melalui pewujudan kakitangan dan pejabat. MBI berperanan memantau prestasi setiap anak syarikat dengan teliti supaya lebih fokus kepada operasi yang dilaksanakan dan dilaporkan kepada Mesyuarat Lembaga MBI,

### MAKLUMAT TAMBAHAN

<b>Bil Pekeliling</b>	<b>Perkara</b>
Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/1993	Garis Panduan Mengenai Penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan Bagi Syarikat-syarikat Kerajaan
Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10/1993	Dasar dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Syarikat-syarikat Kerajaan
Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11/1993	Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Dividen Oleh Syarikat-syarikat Kerajaan
Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12/1993	Arahan-arahan Bagi Meningkatkan Kualiti Perancangan dan Kawalan Ke atas Pengurusan Syarikat-syarikat Kerajaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK : RUMAH EXCO**

5. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah status semasa Rumah EXCO tersebut?
  - b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap rumah tersebut buat masa kini?

**JAWAPAN :**

- a) Cadangan untuk De Palma mengambil alih tidak diteruskan. Tiga(3) buah rumah banglo masih diduduki YB. Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, YB. Pegawai Kewangan Negeri dan sebuah lagi dijadikan pejabat oleh Menteri Besar Incorporated (MBI).  
  
Tujuh (7) buah rumah banglo lagi disewakan untuk kegunaan program-program Kerajaan Negeri dan program-program luar.
- b) Soalan ini dimajukan kepada Pejabat YB. Tuan Iskandar bin Abdul Samad selaku EXCO/Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setingan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO` HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
SUNGAI AIR TAWAR**

**TAJUK: PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

6. PKPS ditubuhkan untuk memajukan industri pertanian di negeri Selangor bagi manfaat rakyat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program atau projek PKPS untuk manfaat langsung rakyat Selangor?
- b) Adakah PKPS terlibat dalam usaha melahirkan usahawan tani?
- c) Apakah unjuran keuntungan PKPS untuk disumbangkan kepada kerajaan negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) ditubuhkan pada 2 Januari 1972 di bawah Enakmen No. 12 Tahun 1972 dan mula beroperasi pada 1 Mac 1973. PKPS telah diberi peranan untuk memajukan industri pertanian bagi membantu mempercepatkan pembangunan sosio-ekonomi Negeri Selangor. Pelaksanaan projek dibuat secara langsung dan melalui anak-anak syarikat.

Projek-projek PKPS yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat Negeri Selangor adalah seperti berikut.

Bil	Projek	Mula Operasi	Aktiviti
i.	PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. - Kompleks Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan	1999	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Penyewaan lot perniagaan ikan, daging, sayur dan buah-buahan kepada orang ramai.</li> <li>b) Jumlah lot perniagaan di Pasar Borong Selangor ialah 310 lot.</li> <li>c) Kajian yang dijalankan oleh pihak UKM pada tahun 2008 menunjukkan pendapatan peniaga di pasar tersebut adalah antara RM3,000 ke RM600,000 sebulan.</li> </ol>
ii.	Pusat Latihan Akuakultur PKPS, Bestari Jaya, Rawang.	2005	<ol style="list-style-type: none"> <li>a) Menjalankan aktiviti kursus untuk peserta dalam teknik penternakan ikan air tawar.</li> <li>b) Beberapa peserta telah pun memulakan projek mereka sendiri setelah tamat kursus.</li> <li>c) Purata jumlah peserta yang dilatih setiap bulan ialah 25 orang @ 300 orang/tahun.</li> </ol>



iii.	POLENS (M) Sdn. Bhd. Seksyen 23, Shah Alam.	1994	<p>a) Pemprosesan dan pembungkusan makanan kesihatan berasaskan herba dan madu.</p> <p>b) Merangkumi aktiviti pengeluaran produk jenama sendiri, pembungkusan kontrak dan 'trading'.</p> <p>c) Sejak ditubuhkan telah membantu seramai tidak kurang daripada 300 usahawan dalam membungkus produk-produk keluaran mereka. Pembungkusan adalah dalam bentuk kapsul, tablet dan sachet. Sebagai contoh syarikat Sendayu Tinggi dan Naqia Corporation yang telah di bantu oleh POLENS dan kini menjadi usahawan jutawan.</p>
iv.	Projek Tanaman Kontan (Ubi Kayu)	2010	Sebagai permulaan PKPS telah membuka sebidang tanah seluas 110 ekar di Sg. Belankan, Sepang dengan tanaman ubi kayu untuk disalurkan kepada IKS tempatan.

- b) PKPS membantu usahawan-usahawan tani dengan menjalankan projek pertanian yang mana hasil projek disalurkan kepada usahawan-usahawan tani untuk dipasarkan. Sebagai contoh, hasil keluaran projek-projek PKPS adalah seperti, Ubi Kayu (Sepang), Ikan Tilapia (Rawang), Benih Ikan Keli (Rawang) dan Buah-buahan Tropika (SFV).

PKPS juga berusaha untuk melahirkan usahawan-usahawan tani dengan menyediakan ruang perniagaan di Pasar Borong Selangor (Seri Kembangan). Selain daripada itu, PKPS memberi latihan dalam teknik penternakan ikan air tawar kepada usahawan-usahawan tani di Pusat Latihan (Rawang).

- c) PKPS memberi sumbangan kewangan kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun hasil daripada keuntungan yang dicatatkan. Unjuran keuntungan PKPS untuk disumbang kepada Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah sebanyak 10%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK : HASIL INDUSTRI PASIR**

7. Kerajaan negeri telah menetapkan sasaran hasil industri pasir berjumlah RM150 Juta setahun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah hasil industri pasir setakat pertengahan Tahun 2011?
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk meningkatkan hasil pasir tahun ini sehingga mencapai sasaran RM150 Juta?
- c) Bagaimanakah permintaan terhadap industri pasir bagi memastikan hasilnya meningkat?

**JAWAPAN :**

- a)
  - i. Sasaran Kerajaan Negeri untuk mencapai RM150 juta setahun adalah hasil dari keseluruhan bahan batuan yang mana pasir adalah salah satu darinya. Bahan-bahan lain adalah seperti tanah merah serta bahan-bahan kuari seperti granit dan batu kapur.
  - ii. Bagi tahun 2011, sehingga 30<sup>hb</sup> Jun 2011, KSSB telah membuat bayaran royalti berjumlah RM10.86 juta kepada Pejabat Tanah yang berkenaan. Ianya adalah lebih tinggi dari bayaran royalti untuk sepanjang tahun 2010 iaitu RM10.80 juta.
  - iii. Dari segi keuntungan sebelum cukai pula, sehingga 31<sup>hb</sup> Mei 2011, KSSB telah mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.5 juta dari perolehan sebanyak RM37.41 juta untuk tempoh yang sama.
  - iv. Jika dilihat dari segi nilai pasaran pasir yang dikelolakan oleh KSSB, sehingga 31<sup>hb</sup> Mei 2011 nilai keseluruhannya berdasarkan harga jualan di tapak adalah sekitar RM 60.34 juta (Lombong GLC KSSB : RM27.02 juta, Lombong Persendirian : RM21.98 juta dan Sungai : RM11.34 juta)

- b) Antara strategi yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil pasir adalah;
- i. KSSB meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi permintaan pasaran;
  - ii. KSSB membuka lokasi-lokasi pengeluaran yang baru setelah mendapat kelulusan permit dari Pejabat Daerah/Tanah;
  - iii. Tindakan penguatkuasaan yang berterusan terhadap aktiviti pemindahan pasir tanpa permit;
- c) Permintaan dari industri pembinaan untuk pasir sentiasa ada. Dengan rancangan Kerajaan Pusat untuk membangunkan projek-projek mega antaranya Greater KL dan MRT Sungai Buluh – Kajang serta beberapa jalan dan lebuh raya baru, permintaan pasir akan meningkat dengan begitu banyak.

Peningkatan permintaan ini dapat meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Selangor melalui KSBB yang akan berusaha untuk memenuhi permintaan tersebut.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : SKIM PINJAMAN MIKROKREDIT**

8. Skim pinjaman mikro kredit adalah satu usaha yang baik untuk menolong peniaga peniaga kecil dan orang-orang yang ingin memulakan perniagaan kecil. Tetapi ramai pemohon telah mengadu bahawa, terdapat banyak syarat-syarat yang ketat dikenakan dan ini menjadikan permohonan mereka gagal. Oleh yang demikian, kerajaan negeri perlu mencari jalan alternatif untuk memberi peluang kepada orang ramai yang ingin memohon pinjaman ini dengan mudah.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini berapa ramai yang memohon pinjaman ini dan berapa orang yang dapat pinjaman ?

**JAWAPAN:**

- a) Jadual 1, di bawah menunjukkan bilangan dan jumlah pengeluaran pembiayaan mengikut daerah sehingga 23hb Jun 2011.

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Jumlah Pembiayaan
1.	Sabak Bernam	712	2,309,600.00
2.	Hulu Selangor	456	1,257,000.00
3.	Kuala Selangor	431	1,072,100.00
4.	Hulu Langat	366	956,500.00
5.	Kuala Langat	445	1,182,500.00
6.	Sepang	205	492,500.00
	Jumlah	2,624	7,270,200.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

9. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah prestasi kewangan Negeri Selangor secara perbandingan sejak 3 tahun yang lepas ?
  - b) Sila nyatakan setakat manakah tempias kenaikan inflasi terhadap kedudukan kewangan Negeri Selangor secara holistik ?
  - c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kedudukan kewangan Negeri Selangor sentiasa berada dalam keadaan stabil dan kukuh ?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan 30 Jun 2011 berakhir masing-masing dengan lebih/(kurangan) semasa sebanyak RM49.11 juta, (RM65.96 juta), RM124.24 juta dan RM198.95 juta. Kedudukan rizab negeri Selangor (lebih terkumpul Akaun Hasil Disatukan) seperti pada 30 Jun 2011 adalah berjumlah RM931.20 juta. Rizab negeri Selangor pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah masing-masing berjumlah sebanyak RM673.97 juta, RM608.01 juta dan RM732.25 juta.

Kumpulan wang Disatukan yang terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulanwang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2008, 2009, 2010 dan 30 Jun 2011 adalah masing-masing berjumlah RM1,424.37 juta, RM1,319.97 juta, 1,586.88 juta dan RM1,767.66 juta dengan peningkatan sebanyak 20.22% dan 11.39% pada tahun 2010 dan 30 Jun 2011 berbanding tahun sebelumnya.

- b) Antara punca kenaikan inflasi adalah disebabkan oleh:
- I. kenaikan kos pengeluaran yang berpunca daripada kenaikan harga barang,
  - II. ketidakseimbangan antara jumlah permintaan dengan jumlah penawaran barangan dan perkhidmatan pada sesuatu masa tertentu; dan;
  - III. peningkatan harga barangan dan perkhidmatan yang diimport dan penurunan kadar pertukaran asing

Kesan kenaikan inflasi boleh dibahagikan kepada dua (2) jenis iaitu langsung dan tidak langsung. Secara langsung Kerajaan Negeri Selangor tidak menerima kesan ke atas kenaikan kadar inflasi memandangkan sebahagian daripada kos pengeluaran telah diserap dalam bentuk subsidi oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam pemberian subsidi.

Walaupun bagaimanapun, kenaikan inflasi ini secara tidak langsung boleh meningkatkan lagi kos belanja mengurus dan pembangunan Kerajaan Negeri yang telah dibajetkan disebabkan oleh kenaikan harga barang

Selain daripada itu pendapatan eksport akan menurun. Ini akan memberi kesan kepada pelaburan dalam Negeri Selangor memandangkan Negeri Selangor merupakan sebuah negeri perindustrian.

Sekiranya keadaan inflasi berterusan keadaan ini juga boleh menjejaskan hasil Kerajaan Negeri memandangkan rakyat akan lebih mengutamakan perbelanjaan untuk sara hidup berbanding melunaskan cukai terhadap Kerajaan Negeri.

c) Langkah-langkah proaktif yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kedudukan kewangan Negeri Selangor sentiasa berada dalam keadaan stabil dan kukuh adalah seperti berikut:-

i. Perbendaharaan Negeri 27 April 2011 telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 6 Tahun 2011 - Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah bagi membuat penambahbaikan terhadap garis panduan perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil kira ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna. dengan menekankan kepada:-

- 1) *value for money*;
- 2) peranan Unit Audit Dalam;
- 3) kajian pasaran tentang kos perbekalan barangan dan perkhidmatan; dan
- 4) pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek selaras dengan jadual pelan tindakan dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Peruntukan tambahan tidak akan disediakan kecuali bagi keadaan yang mendesak dan kritikal sahaja.

Langkah-langkah perbelanjaan berhemah adalah merangkumi had perbelanjaan Pegawai Pengawal, had perbelanjaan penyediaan makanan, pemberian cenderamata, penganjuran bengkel/seminar/mesyuarat/kursus/acara majlis/upacara keraian, sambutan majlis-majlis rasmi, perjalanan dalam negeri dan luar negara, pewujudan jawatan, pembelian harta modal dan inventori, sewa dan pengubahsuaian ruang pejabat, penggunaan utiliti dan bekalan pejabat, elaun lebih masa dan pendahuluan diri/pendahuluan pelbagai.

- ii. Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien disamping memberi pulangan faedah yang optimum. Bagi tahun 2008, 2009 dan 2010, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip sebanyak RM20 juta berbanding RM14 juta pada tahun 2007 hasil daripada faedah keatas pelaburan;
- iii. Meneruskan pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip 2011) dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pusat ICT

Selangor sebagai satu pasukan. Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-

- 1) Polisi 'Knock Door' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
- 2) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
- 3) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
- 4) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

iv. Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Tanah dan Daerah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-

- a) Mengenalpasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
- b) Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman;
- c) Membuka kaunter pada waktu rehat; dan
- d) Menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

v. Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan di Peringkat Daerah ianya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : TANAH RUNTUH DI HULU LANGAT**

10. Tanah runtuh yang berlaku di Hulu Langat telah menyebabkan 16 orang anak yatim di Madrasah al-Hidayah at-Taqwa terkorban pada 21 Mei 2011 yang lepas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kecuaian pihak manakah yang menyebabkan tanah runtuh tersebut boleh berlaku?
- b) Apakah tindakan yang diambil untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh terus berlaku?
- c) Apakah tindakan pembelaan terhadap Madrasah dan pelajar?

**JAWAPAN :**

- a) Kejadian tanah runtuh tersebut adalahlah berpunca daripada aktiviti manusia di mana cerun potongan di bina terlalu curam dan dibiarkan tanpa sebarang kaedah pengukuhan cerun.
- b) Bagi pihak MPKj, Unit Cerun akan ditubuhkan di bawah jabatan kejuruteraan yang mana fungsinya adalah untuk memantau pembangunan di kawasan berbukit/cerun/tanah tinggi. 'Task force' juga telah ditubuhkan untuk menjalankan inventori bagi kawasan pembangunan tanah tinggi di kawasan Hulu Langat.
- c) Pelajar-pelajar dan penghuni telah ditempatkan sementara di asrama anak yatim yang berdekatan penempatan semula di lokasi yang lain akan dibina setelah laporan bagi kejadian ini disiapkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PROGRAM SKIM MIMBAR**

11. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah orang yang telah layak setakat ini mengikut komposisi kaum bagi program Skim MIMBAR yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah orang yang telah layak setakat hari ini mengikut komposisi kaum bagi program Skim MIMBAR di kalangan peminjam-peminjam tersebut?
- c) Sejauh manakah program Skim MIMBAR ini berkesan di dalam membantu para peminjam-peminjam tersebut?

**JAWAPAN :**

a) dan b)

<b>BIL</b>	<b>ETNIK/KAUM</b>	<b>PERMOHONAN DITERIMA</b>	<b>PESERTA BERJAYA</b>	<b>PERATUSAN (%) BERJAYA</b>
1	MELAYU	4,458	943	89.90
2	INDIA	744	79	7.54
3	CINA	157	25	2.39
4	ORANG ASAL	1	1	0.10
<b>JUMLAH</b>		<b>5,360</b>	<b>1,048</b>	<b>100.00</b>

c) MiMBAR Selangor berkesan dalam membantu para peminjam kerana:

- i) Pinjaman MiMBAR Selangor yang mudah tanpa faedah dan tanpa penjamin
- ii) Bukan institusi yang banyak birokrasi
- iii) Mengelakkan rakyat meminjam daripada along yang akhirnya tidak dapat menyelesaikan masalah hutang mereka.
- iv) Hasilnya, sambutan amat menggalakkan sehingga kakitangan terpaksa menjalankan kerja-kerja lebih masa. Jumlah yang disasarkan dan jumlah permohonan yang diterima begitu memberangsangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)TAJUK : PILIHANRAYA MASJID**

12. Di Selangor proses pemilihan jawatankuasa masjid telah dilakukan sebelum ini manakala Kerajaan negeri Pulau Pinang pula menamakannya pilihan raya masjid.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan Selangor bercadang merombak proses pemilihan AJK masjid untuk diadakan seumpama pilihan raya?
- b) Siapakah pihak yang boleh dipertanggungjawabkan untuk mengadakan proses pemilihan yang adil?
- c) Apakah jaminan bahawa proses pemilihan AJK masjid Selangor dilakukan telus dan adil?

**JAWAPAN :**

- a) Pemilihan AJK masjid adalah proses untuk memastikan Jawatankuasanya melaksanakan pengimarah dan mentadbir masjid dengan penuh tanggungjawab. Pemilihan yang dilaksanakan di negeri Selangor adalah yang terbaik dan akan diteruskan pada masa akan datang. Ini kerana hasil daripada pemilihan tersebut, masjid ditadbir dengan lebih baik dengan memperbanyakkan program pengajian, kemasyarakatan dan tarbiyyah.
- b) Pegawai-pegawai Agama Islam Daerah bersama Nazir adalah mereka yang bertanggungjawab memastikan pemilihan dilaksanakan dengan adil. Pemilihan AJK Masjid secara pemilihan majoriti bagi bagi melayakkan diri dengan criteria yang perlu dipenuhi sebagai AJK Masjid.
- c) Cara pemilihan ini bagi memastikan tidak berlaku pemilihan yang tidak telus dan melahirkan AJK yang berwibawa dan bertanggungjawab. Sehubungan itu, satu garis panduan telah disediakan dan ditaklimatkan kepada semua Nazir sebelum diadakan sesuatu pemilihan. Semua ahli kariah masjid boleh terlibat sama memastikan kepimpinan masjid dipilih dari kalangan yang benar-benar layak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : PENGURUSAN PERMBERSIHAN AWAM**

13. Kerajaan Negeri menyerahkan semula pengurusan pembersihan awam kepada semua 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri yang sebelum ini dikendalikan Alam Flora Sdn Bhd.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional pengurusan pembersihan awam ini dikendalikan oleh PBT.
- b) Adakah semua PBT berkemampuan untuk menguruskan pembersihan awam sendiri dengan efisien?
- c) Adakah implikasi kewangan dan tenaga kerja pada pihak PBT?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah mengarahkan agar semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya mengambil alih kerja-kerja pembersihan awam yang sebelum ini dikendalikan oleh Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Hal ini berikutan kerana terdapat banyak aduan yang diterima daripada orang awam terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh AFSB. Selain daripada itu, AFSB turut menetapkan kadar harga yang berbeza di setiap kawasan selenggara PBT bagi kerja-kerja pembersihan awam. Sehubungan dengan itu, pihak konsesi lantikan PBT terpaksa menanggung bebanan hutang berikutan daripada masalah berkenaan.
- b) Berdasarkan daripada mesyuarat yang telah diadakan, setiap PBT telah menyatakan kemampuan bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam berkenaan. Walau bagaimanapun, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah kekangan kewangan untuk melaksanakannya. Hal ini dapat dibuktikan apabila MDKS dan MDSB terpaksa menanggung hutang kepada pihak AFSB.
- c) Masalah kewangan dan tenaga kerja merupakan masalah utama kepada semua PBT bagi melaksanakannya. Hal ini kerana semua PBT memerlukan tenaga kerja yang mencukupi bagi menjalankan aktiviti pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan supaya aduan yang diterima daripada orang ramai akan dapat diselesaikan dengan segera. Manakala masalah kekangan kewangan merupakan faktor utama yang dihadapi oleh semua PBT dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : PREMIUM TANAH RM1,000.00**

14. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri akan mengamalkan konsep ini ke atas semua jenis kegunaan tanah?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang menjalankan program pemutihan ke atas tanah-tanah simpanan kerajaan yang diterokai?

**JAWAPAN :**

- a) Skim bayaran premium pada kadar RM 1,000 nominal hanya ditawarkan bagi tujuan bangunan kediaman persendirian sahaja iaitu individu.
- b) Melalui skim ini, peneroka yang telah menduduki tanah kerajaan boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan tanah tersebut bagi tujuan mendapatkan hak milik. Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut adalah berdasarkan ulasan kesesuaian tanah untuk diberi milik oleh jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PELABURAN**

15. Berdasarkan pindaan Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) berhubung pemberian taraf perintis yang dibentangkan dalam Parlimen baru-baru ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan Negeri Selangor menjadi destinasi utama pelaburan memandangkan kita mempunyai potensi yang terbaik termasuk pelabuhan?

**JAWAPAN :**

- a) hasil semakan bersama pihak MIDA dimaklumkan bahawa tiada sebarang pindaan kepada taraf perintis yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang melabur di Malaysia. namun begitu, bagi memastikan Negeri Selangor menjadi destinasi utama pelaburan pihak kerajaan negeri telah mengambil beberapa pendekatan seperti berikut :-
- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
  - ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri / pelabur di Selangor.
  - iii. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
  - iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
  - v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One Stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
  - vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
  - vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
  - viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

- ix. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
- x. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- xi. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
- xii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.
- xiii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
- xiv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
- xv. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK**

16. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah PKNS akan membangunkan rumah-rumah mampu milik di daerah Petaling dalam masa lima tahun yang akan datang memandangkan keperluan rakyat terhadap rumah mampu milik semakin meningkat di daerah Petaling?

**JAWAPAN :**

- a) Permohonan cadangan membangunkan perumahan mampu milik di daerah Petaling masih dalam pertimbangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri dan keputusan belum diperolehi lagi. Kawasan yang dicadangkan di Seksyen U12 Shah Alam adalah seperti berikut :-

<b><u>Jenis Perumahan Mampu Milik</u></b>	<b><u>Unit</u></b>
850 kp	102
750 kp	34
650 kp	48
500 kp	16

PKNS telah membina terlebih dahulu kesemua keperluan perumahan kos rendah/mampu milik dalam pembangunan PKNS di Daerah Petaling. PKNS sedang bekerjasama dengan lain-lain pemaju bagi membantu mereka untuk membangunkan perumahan kategori di tapak pembangunan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : ISU: PROGRAM PEMUTIHAN KILANG DI MERU**

17. Terdapat banyak tanah-tanah milik persendirian yang belum ditukar syarat dari pertanian kepada perindustrian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh mana sambutan program pemutihan kilang dalam program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Berapa banyak Kilang di Meru yang telah diluluskan dalam program ini.

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah kilang haram yang terdapat di Meru adalah sebanyak 35 buah dan dalam program ini, sebanyak satu (1) buah kilang di Meru yang telah diluluskan tukar syarat.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: MAJLIS AGAMA ISLAM**

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan secara terperinci satu per satu harta –bangunan, tanah dan lain lain milik MAIS (Majlis Agama Islam Selangor).
- b) Sila senaraikan secara terperinci juga jumlah kos perbelanjaan, program yang dihadiri dan hasil lawatan luar negeri secara satu per satu yang melibatkan Pegawai- Pegawai MAIS sejak 2009 hingga kini.

**JAWAPAN:**

a) Berikut adalah senarai harta milik Majlis mengikut daerah:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>UNIT</b>	<b>CATATAN</b>
1.	KLANG	27	Premis – 22 Tanah – 5
2.	PETALING	79	Premis – 77 Tanah – 2
3.	WISMA MAIS	247	Premis – 247
4.	GOMBAK	69	Premis – 66 Tanah – 3
5.	HULU LANGAT	14	Premis – 13 Tanah – 1
6.	SEPANG	12	Premis – 12
7.	SABAK BERNAM	12	Premis – 9 Tanah – 3
8.	KUALA LANGAT	2	Premis – 2
9.	KUALA SELANGOR	1	Tanah – 1
10.	HULU SELANGOR	2	Tanah – 2
11.	W.PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1	Tanah – 1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>465</b>	

b) Lawatan luar negeri yang dihadiri oleh Majlis adalah seperti berikut:

- Conference on Muslims In Multicultural Societies
  - Dihadiri oleh Penasihat Undang-undang MAIS
  - Kos Rm3,331.23
  
- Lawatan Ke Majlis Agama Islam Singapura
  - Dihadiri oleh Jawatankuasa Wakaf dan Pegawai Kanan MAIS
  - Kos RM3,080

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : HOTEL BAJET BARU**

19. Akhir-akhir ini didapati banyak hotel bajet baru yang wujud di bandar-bandar utama Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah hotel bajet yang beroperasi dan diberikan lesen di semua 12 PBT dari tahun 2008 hingga 2011?
- b) Apakah garis panduan untuk hotel-hotel bajet ini beroperasi?
- c) Apakah mekanisme untuk memantau jika ada kegiatan maksiat?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah hotel bajet yang beroperasi dan berlesen di semua PBT dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut.

<b>BIL</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>BILANGAN HOTEL BAJET BERLESEN</b>
1.	MBSA	7
2.	MBPJ	18
3.	MPK	17
4.	MPAJ	13
5.	MPSJ	13
6.	MPS	20
7.	MPKj	17
8.	MPSp	3
9.	MDKS	19
10.	MDHS	-
11.	MDKL	10
12.	MDSB	1
<b>JUMLAH</b>		<b>138</b>

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Setiap PBT di negeri Selangor menggunakan Undang-Undang Kecil Hotel (2007) sebagai garis panduan yang merangkumi perkara-perkara asas bagi aktiviti pengeluaran lesen hotel bajet seperti syarat-syarat lesen serta tindakan penguatkuasaan terhadap hotel-hotel bajet di dalam kawasan PBT.
  
- c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, PBT tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melakukan maksiat atau aktiviti tidak bermoral di hotel-hotel bajet. Oleh yang demikian, aktiviti pemantauan di hotel-hotel bajet dijalankan secara bersepadu bersama-sama PDRM dan JAIS. Di samping itu juga, pemilik hotel-hotel bajet perlu menyediakan buku daftar pelanggan untuk semakan pihak berkuasa. Pemilik hotel-hotel bajet perlu memastikan pelanggan yang menginap di hotel mereka mengisi butiran atau maklumat diri yang lengkap sebelum dibenarkan menginap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : SUBSIDI UNTUK RAKYAT**

20. Kerajaan Persekutuan dijangka berbelanja lebih RM20 bilion bagi tahun 2011 bagi menampung pelbagai subsidi untuk rakyat berbanding kerajaan Selangor berbelanja hanya kira-kira RM132 juta setahun untuk program air percuma.

Bertanya kepada YAB Dato 'Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri akan memperluaskan pemberian subsidi dalam perkara lain pula?
- b) Bagaimanakah status kewangan negeri ketika ini?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah banyak melaksanakan program-program yang membantu golongan berpendapatan rendah dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin , Kerajaan Negeri telah banyak mengeluarkan peruntukan bagi membiayai program-program berbentuk subsidi untuk rakyat di Selangor.

Melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM2,000,000.00 pada setiap tahun untuk program-program pembasmian kemiskinan seperti **Program Blueprint** iaitu pemberian peralatan perniagaan yang dapat membantu para peserta untuk meningkatkan hasil dan produktiviti seterusnya membantu meningkatkan pendapatan peserta.

Contoh peralatan yang diluluskan adalah seperti mesin jahit lurus, mesin jahit tepi, motor roda tiga, mesin penguli tepung (mixer), mesin pembakar (oven), mesin ABC, stall bergerak dan pelbagai peralatan lain dan peralatan ini diberikan secara percuma kepada mereka yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Program Kerajaan Prihatin memberi **bantuan bina baru** dan **baik pulih rumah** kepada mereka yang layak. Pada setiap tahun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Anak-Anak Syarikat memperuntukkan RM 4,100,000.00 untuk tujuan tersebut. Seramai **384 orang** telah menerima bantuan **bina baru rumah** dan **440 orang** telah menerima bantuan **baik pulih rumah** sejak tahun 2008 sehingga Jun 2011 dengan kos perbelanjaan sebanyak **RM 13,164,452.00**.

Selain itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM2,000,000** pada setiap tahun untuk membiayai kos pendidikan anak-anak dari golongan yang tidak berkemampuan melanjutkan pelajaran di Kolej Teknikal Inpens. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk menaja pelajar-pelajar ini untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang teknikal yang ditawarkan di Kolej Inpens.

Kerajaan Negeri juga meluaskan pemberian subsidi melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan di mana Program Bantuan Kesihatan telah dilaksanakan pada tahun 2009. Bantuan ini memberi keutamaan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai, ahli keluarga yang sakit dan golongan yang berpendapatan rendah. Program ini memberi bantuan kesihatan seperti dialisis buah pinggang, pembedahan kecil dan katarak mata. Sebanyak **RM500,000** diperuntukkan pada setiap tahun untuk membiayai program ini. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Wanita telah memperkenalkan **Skim Mammogram** iaitu pemeriksaan percuma untuk mengesan barah payudara untuk wanita berumur 40 tahun ke atas. Sebanyak RM 1,000,000.00 setahun diperuntukkan untuk skim ini.

Kerajaan Negeri juga memberi bantuan subsidi untuk Anak-Anak Pekerja Ladang melalui Program Subsidi Tambang Bas. Selain itu banyak program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam meluaskan skop pemberian subsidi kepada semua rakyat Selangor. Melalui program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Skim Mikrokredit (MIMBAR) adalah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menyalurkan subsidi kepada rakyat dan diharapkan dapat membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk terus meningkatkan taraf hidup.

- b) Secara keseluruhannya, status semasa kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 30 Jun 2011 menunjukkan prestasi yang baik dengan lebihan semasa sebanyak RM198.95 juta dan lebihan terkumpul sebanyak RM931.20 juta. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2007, 2008, 2009, 2010 dan 30 Jun 2011 berakhir masing-masing dengan lebihan/(kurangan) semasa sebanyak RM131.87 juta, RM49.11 juta, (RM65.96 juta), RM124.24 juta dan RM198.95 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : KEMPEN ZON BERSIH**

21. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah kewangan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tong sampah dalam program ini?
- b) Adakah program zon bersih mencapai sasarannya?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta untuk diagihkan kepada 12 PBT bagi pelaksanaan Program Zon Bersih. Berikut adalah pecahan perbelanjaan yang telah digunakan untuk pembelian tong sampah mengikut PBT

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>PERUNTUKAN YANG DIGUNAKAN</b>
1.	MBSA	RM 24,750.00
2.	MBPJ	RM 33,000.00
3.	MPK	RM 14 820.00
4.	MPSJ	RM 18,000.00
5.	MPAJ	RM 27,000.00
6.	MPS	RM 39,000.00
7.	MPKj	RM 4,375.00
8.	MPSp	RM 14,246.00
9.	MDKS	RM 15,880.00
10.	MDKL	RM 17,500.00
11.	MDHS	-
12.	MDSB	RM 1,800.00

- b) Secara keseluruhannya program Zon Bersih ini telah berjaya dilaksanakan yang mana untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang paling bersih di Malaysia dan semangat menjaga kebersihan dalam diri rakyat Negeri Selangor khususnya. Program Zon bersih untuk sesi 2009/2010 berjaya dilaksanakan dan sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada semua pihak yang mana melibatkan Jawatankuasa Penduduk, NGO, Agensi-agensi luar dan sebagainya.

Lanjutan daripada itu kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan program Zon Bersih untuk sesi 2010/2011 bermula bulan Oktober 2010. Tema bagi pemilihan kawasan program Zon Bersih 2010/2011 adalah merupakan kawasan Pekan dan jika dilihat dari segi pelaksanaan program ini dapat mengubah keadaan persekitaran di Zon Bersih dan juga masyarakat terutamanya dari segi penjagaan kebersihan dan kesihatan. Penduduk banyak didedahkan kepada kepentingan penjagaan persekitaran. Contohnya, pengawasan kes-kes denggi, kempen kitar semula dan amalan pembuangan sampah yang teratur.

Selain itu, matlamat untuk menarik penglibatan daripada masyarakat dalam mengatur serta memelihara alam sekitar secara bersama adalah tercapai dengan adanya kerjasama dari pihak mereka seperti aktiviti turun padang semasa program atau aktiviti gotong-royong dijalankan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)**

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Aduan dari penghuni perumahan rakyat LPHS, di seksyen 26 Shah Alam adalah syarikat penyelenggaraan yang di lantik LPHS tidak laksanakan tugas hingga surau dilimpahi air najis. Huraikan apakah benar dakwaan ini?
- b) Jelaskan, berapa unitkah rumah di perumahan ini kosong dan berapakah yang dihuni? Huraikan berapakah pecahannya mengikut kaum?
- c) Kenapa rekod polis dijadikan alasan untuk menolak permohonan penyewa dari kalangan orang miskin?

**JAWAPAN :**

- a) Dakwaan ini adalah tidak benar kerana syarikat penyelenggaraan yang dilantik telah melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Skop kerosakan yang dibangkitkan tidak termasuk di bawah perjanjian pengurusan dan penyelenggaraan antara LPHS dengan syarikat penyelenggaraan kerana kerja ini melibatkan kerja-kerja teknikal yang perlu ditangani oleh LPHS sendiri. Walau bagaimanapun, syarikat penyelenggaraan telah memaklumkan kepada LPHS apabila berlaku masalah yang dibangkitkan oleh penduduk berkenaan limpahan air najis tersebut.

Isu melibatkan limpahan air najis berhampiran kawasan surau berlaku disebabkan saluran paip kumbahan tersumbat dah tidak mengalir ke '*mainhole*'. Masalah seperti ini kerap berlaku akibat sikap penduduk yang sering membuang barang-barang yang tidak sepatutnya ke dalam tandas. Walau bagaimanapun perkara ini telah di atasi oleh LPHS pada 9 Jun 2011.

- b) Setakat 30 Jun 2011 terdapat 289 unit rumah kosong dan 691 unit rumah yang telah diisi oleh penyewa sama ada oleh orang awam atau menempatkan setinggan Rimba Jaya. Manakala pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

<b>KAUM</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS</b>
<b>Melayu</b>	471	68%
<b>Cina</b>	1	1 %
<b>India</b>	219	31%
<b>Jumlah</b>	<b>691</b>	<b>100%</b>

- c) Semakan rekod polis bukan merupakan syarat utama bagi pengambilan penyewa PPR Kg. Baru HICOM atau mana-mana PPR lain di Negeri Selangor. Namun demikian, terdapat kes-kes tertentu di mana penyewa yang telah tamat tempoh penyewaan atau bukan penyewa sah memohon untuk terus tinggal di PPR didapati mempunyai rekod jenayah atau kes polis melalui aduan yang dikemukakan oleh penyewa lain. Siasatan dan semakan ini perlu dilakukan bagi mengelak sebarang kes pecah rumah, vandalisme, samseng dan sebagainya berlaku di kawasan PPR. Perkara ini penting untuk di atasi lebih awal bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman penghuni-penghuni lain di PPR sering melaporkan aduan kepada LPHS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : PROGRAM BANTUAN 'BLUEPRINT'**

23. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah orang rakyat Selangor yang telah mendapat kemudahan bantuan '*blueprint*' ini, dan jenis-jenis bantuan yang diberi.
  - b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk program ini sejak Pakatan Rakyat memerintah.
  - c) Berapakah tempoh yang digunakan untuk memproses permohonan bantuan ini

**JAWAPAN :**

- a) Program Bantuan "Blueprint" Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor telah diwujudkan sejak tahun 2006. Program ini memberi bantuan berupa peralatan atau mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan. Jumlah penerima Program Bantuan "blueprint" Pembasmian Kemiskinan Negeri adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Penerima</b>
2008	197
2009	334
2010	245
2011 ( sehingga JUN 2011)	206
<b>Jumlah</b>	<b>982</b>

Jenis-jenis bantuan yang diberi kepada pemohon yang layak adalah dari segi peralatan atau mesin dalam sektor;

- i. Makanan
- ii. Jahitan
- iii. Taska / Pusat Asuhan Kanak-kanak yang diusahakan secara kecil-kecilan
- iv. Kraftangan
- v. Perniagaan runcit

- b) Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi program ini sejak Pakatan Rakyat memerintah adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
2008	1,266,200.00
2009	1,083,200.00
2010	1,174,000.00
2011	606,835.00
<b>Jumlah</b>	<b>RM 4,130,235.00</b>

- c) Tempoh yang diambil bagi memproses permohonan Program Bantuan ini adalah selama 6 (enam) hingga 8 (lapan) bulan bergantung kepada jumlah permohonan bagi satu-satu daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK: PENGKALAN DATA BERSEPADU RAKYAT (MISKIN) NEGERI SELANGOR**

24. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Kerajaan pernah menyuarakan tentang perancangan untuk membina pangkalan data secara bersepadu rakyat miskin/asnaf melibatkan jabatan kebajikan masyarakat, Lembaga zakat Selangor dan lain-lain. Apakah status terkini perancangan tersebut.
- b) Adakah pangkalan data itu nanti dapat di akses di Pusat Khidmat DUN.

**JAWAPAN:**

- a) Selari dengan dasar kerajaan "Dari kebajikan kepada berdikari" (*Welfare to workfare*), Kerajaan Negeri akan membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai "*Workfare Information System*" yang akan memberi fokus kepada golongan rakyat miskin/asnaf untuk menjana ekonomi dengan memberikan bantuan dan peluang untuk mereka menceburi bidang pekerjaan dan perniagaan dengan bimbingan khusus dari Kerajaan Negeri.

Keutamaan juga akan diberikan kepada golongan-golongan terpinggir, pekerja-pekerja yang kurang mahir dan berpendapatan rendah juga akan turut diberi peluang untuk menjana ekonomi sendiri melalui bantuan modal asas dan latihan bagi menceburi bidang-bidang yang dapat membantu mereka menjana dan mempertingkatkan pendapatan sendiri supaya taraf hidup mereka berubah dari masa ke semasa dan dapat menjalani kehidupan sama seperti warga Selangor yang lain.

Selain dari itu, dengan adanya sistem ini, maklumat graduan-graduan dari keluarga miskin yang merupakan rakyat Selangor akan dikumpulkan dan Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada graduan yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan akan diberikan bimbingan, latihan dan kemahiran melalui program mentor-mentee bagi memperbaiki diri mereka untuk mempunyai kesungguhan yang tinggi, berdaya saing dan mempunyai sikap jati diri yang positif. Kursus-kursus motivasi juga akan diberikan kepada mereka bagi mengubah minda mereka supaya lebih berwawasan dan menjadikan mereka berupaya membina hala tuju kehidupan mereka lebih positif.

Sistem maklumat *Workfare* ini juga akan membangunkan satu pangkalan data yang bersepadu yang akan mengintegrasikan maklumat-maklumat berkaitan dengan bantuan-bantuan Kerajaan Negeri yang telah disalurkan kepada rakyat Selangor bagi merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan dan memastikan bantuan disalurkan kepada rakyat miskin/asnaf tanpa ada tiada pertindihan bantuan serta disalurkan kepada rakyat yang amat memerlukannya.

Perolehan dan peruntukan kos untuk membangunkan sistem ini telah diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dan Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat dalam proses mengumpulkan data-data daripada kesemua agensi Kerajaan yang telah dikenalpasti dan mendapatkan maklumat serta membuat beberapa sesi lawatan kepada agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam memberikan bantuan dalam menyediakan keperluan sistem dan seterusnya membuat perolehan pembangunan sistem secara tender terbuka.

- b) Sistem ini akan dilaksanakan secara *web-based* iaitu mewujudkan satu portal khusus yang memberi bantuan kepada rakyat Selangor dan boleh diakses oleh mana-mana agensi/jabatan atau Pusat Khidmat DUN yang diberi kebenaran untuk mengkases maklumat ini oleh Kerajaan Negeri seperti mana Sistem MES yang lain seperti Sistem SMUE, TAWAS dan sebagainya. Ianya boleh dijadikan perancangan agensi untuk menyalurkan bantuan dan memudahkan Pusat Khidmat DUN serta agensi pemberi bantuan memilih penerima bantuan kemiskinan atau memberi mereka dana untuk menceburi bidang perniagaan atau keusahawanan dalam mempertingkatkan taraf hidup.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : KAWASAN SIMPANAN HUTAN YANG DIGAZETKAN**

25. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah keluasan tanah, lokasi serta tujuan kawasan hutan simpanan yang telah digazetkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2000 hingga 2008.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menjaga kawasan simpanan hutan yang telah disewa keluar untuk tujuan pertanian dan senaraikan kawasan tanah hutan yang telah diluluskan untuk tujuan pertanian mengikut pecahan daerah bagi tahun 2001-2011.

**JAWAPAN :**

- a) Senarai hutan Simpanan Kekal yang diwartakan keluar daripada tahun 2000 hingga 2008 adalah seperti berikut :-

TAHUN	HUTAN SIMPAN	DAERAH HUTAN	LUAS (HEKTAR)	TUJUAN
2000	BUKIT CHERAKAH	SELANGOR TENGAH	36.00	PEMBANGUNAN
	HULU LANGAT	SELANGOR TENGAH	48.97	PEMBANGUNAN
	<b>JUMLAH</b>		<b>84.97</b>	
2001	SUNGAI BULOH	SELANGOR TENGAH	49.42	PEMBANGUNAN
	BUKIT LAGONG	SELANGOR TENGAH	146.73	PEMBANGUNAN
	BUKIT CHERAKAH	SELANGOR TENGAH	149.74	PEMBANGUNAN
	AYER HITAM	SELANGOR TENGAH	33.994	PEMBANGUNAN
	TELOK GEDONG	PANTAI KLANG	80.94	PEMBANGUNAN
	<b>JUMLAH</b>		<b>460.827</b>	
2002	SUNGAI BULOH	SELANGOR TENGAH	16.7	PEMBANGUNAN
	SUNGAI KARANG	PANTAI KLANG	24.3	PEMBANGUNAN
	KANCHING	HULU SELANGOR	1.241	PEMBANGUNAN
	BUKIT BADONG	HULU SELANGOR	466.29	LOJI AIR
	AMPANG	HULU SELANGOR	466.29	PEMBANGUNAN
		SELANGOR	9.712	

		TENGAH		
		<b>JUMLAH</b>	<b>518.216</b>	
2003	BUKIT TAREK	HULU SELANGOR	1000.00	PEMBANGUNAN
	TEMPLER	HULU SELANGOR	205.90	PEMBANGUNAN
	BUKIT LAGONG	SELANGOR TENGAH	628.87	PEMBANGUNAN
	BUKIT CHERAKAH	HULU SELANGOR	385.98	PEMBANGUNAN
	AYER HITAM	SELANGOR TENGAH	22.25	PEMBANGUNAN
		<b>JUMLAH</b>	<b>2243.00</b>	
2004	RAWANG	HULU SELANGOR	26.00	PERTANIAN
	SUNGAI KARANG	PANTAI KLANG	347.02	PERTANIAN
		<b>JUMLAH</b>	<b>373.02</b>	
2005	BUKIT CHERAKAH	SELANGOR TENGAH	250.00	PEMBANGUNAN
		<b>JUMLAH</b>	<b>250.00</b>	
2006	AYER HITAM	SELANGOR TENGAH	22.26	PEMBANGUNAN
	BUKIT CHERAKAH	SELANGOR TENGAH	406.25	PEMBANGUNAN
		<b>JUMLAH</b>	<b>428.51</b>	
2007	BUKIT TAREK	HULU SELANGOR	965.14	PERTANIAN
	BUKIT BELATA	HULU SELANGOR	1901.10	PERTANIAN
	JUGRA KOMPOK 2	PANTAI KLANG	456.00	PERKAMPUNGAN
		<b>JUMLAH</b>	<b>3322.24</b>	
2008	JUGRA KOMPOK 1	PANTAI KLANG	95.13	PEMBANGUNAN
		<b>JUMLAH</b>	<b>95.13</b>	
		<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>7402.89</b>	



- b) Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan pembekuan pengeluaran Permit Penggunaan untuk tujuan pertanian dalam Hutan Simpanan Kekal sejak akhir tahun 2008 kerana ia berlawanan dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Walau bagaimanapun permit penggunaan boleh dikeluarkan untuk tanaman kontan dan jangka pendek serta sekiranya ia dilaksanakan secara Perhutanan Tani (Agro-forestry). Senarai permit penggunaan yang telah diluluskan sejak tahun 2001 ialah seperti berikut. :-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL  
(SEMENTA)**

**TAJUK: MASALAH SOSIAL**

26. Masalah sosial seperti gejala pembuangan bayi tetap berlaku di Selangor walaupun telah diperintah oleh Pakatan Rakyat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme kerajaan untuk membanteras masalah sosial?
- b) Sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan untuk mengatasi masalah ini?
- c) Apakah halangan-halangan yang dihadapi bagi gejala ini?

**JAWAPAN :**

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah portfolio Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan telah mengambil langkah yang proaktif di dalam merancang dan merangka Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial. Pada peringkat pertama satu mekanisme khusus telah diwujudkan seperti berikut :
  - i) **Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri**  
Penubuhan Jawatankuasa ini berperanan untuk menjadi agen yang dapat menghasilkan perancangan strategik dalam meningkatkan usaha menangani masalah gejala sosial secara efektif. Jabatan / agensi terlibat adalah seperti di bawah :
    - a) Semua Pejabat Daerah;
    - b) Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
    - c) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
    - d) Polis Diraja Malaysia Selangor (PDRM);
    - e) PEMADAM;
    - f) Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK);
    - g) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
    - h) Jabatan Kebajikan Masyarakat;
    - i) Lembaga Zakat Selangor;
    - j) Jabatan Pelajaran;
    - k) Jabatan Kesihatan;
    - l) Jabatan Pendaftaran Negara;
    - m) IPTA / IPTS
    - n) Majlis Permuafakatan Ibu bapa dan Guru (MPPIBG);
    - o) Majlis Permuafakatan Tadika Selangor;
    - p) Wakil Media; dan
    - q) Persatuan Belia, Persatuan Wanita, PIBG, MPTS, IPTS serta NGO

- ii) **Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Daerah.**  
Selain itu, Penubuhan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial Daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pertubuhan Belia, Pertubuhan Wanita, Ketua – ketua Kaum, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Persatuan Penduduk dan NGO. Peranan dan matlamat penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk :
  - a. Merancang program, mengenalpasti masalah / punca untuk dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Induk di peringkat Negeri.
  - b. Menubuhkan Bilik Gerakan GeMS di setiap daerah dan memastikan program dilaksanakan dengan efektif contohnya melaksanakan latihan kemahiran bersiri secara bulanan atau mingguan dengan fokus kepada minat remaja dan belia masa kini. Selain itu, mewujudkan Talian Kasih bagi memudahkan remaja, belia dan ibu bapa untuk mendapatkan khidmat nasihat dan panduan atas isu yang berkaitan seperti aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan agama. Talian ini boleh dikategorikan sebagai talian kaunseling Masyarakat.
- iii) **Penglibatan NGO**  
Mempertingkatkan pembabitan NGO di dalam menyokong perancangan dan membantu pelaksanaan program.
- iv) **Unit Gejala Sosial Negeri**  
Penubuhan Unit Gejala Sosial berfungsi untuk menyelaras dan menyelenggara setiap program yang di rancang dilaksanakan secara agresif dan bersepadu.

Bagi memastikan keberkesanan program beberapa tindakan dan langkah telah diambil iaitu dengan menggunakan Pendekatan 5P seperti berikut :

- i) **Pencegahan**  
Program dijalankan kepada golongan yang berisiko tinggi yang terdedah kepada masalah sosial seperti remaja, belia dan anak-anak daripada pasangan yang mengalami masalah rumah tangga seperti mengadakan Kursus Jati Diri Remaja (GeMS).
- ii) **Pembangunan dan Pemulihan**  
Dilaksanakan secara berterusan kepada mereka yang telah terjebak dengan gejala sosial dengan sesi kaunseling dan dihantar ke Kem Pemulihan akhlak. Jawatankuasa Masjid dan JKKK, PIBG serta NGO akan dilibatkan secara aktif untuk memastikan pendekatan “terapi keluarga” seperti bengkel keluarga bahagia.
- iii) **Pencelahan dan Penguatkuasaan**  
Dilaksanakan secara berperingkat dan berdasarkan kepada keperluan dan dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi yang berkenaan seperti Kempen Anti Zina.

1. Mewujudkan projek perintis Pusat Seheni GeMS yang menggunakan konsep kolaborasi sinergistik dengan melibatkan semua Jabatan dan Agensi Kerajaan serta penduduk setempat untuk berkongsi hasrat bersama membebaskan komunitinya daripada gejala sosial.

Berikutan kewujudan mekanisme khusus yang menumpukan kepada usaha membanteras masalah sosial ini, maka program yang dirancang akan lebih tersusun, kemas dan efektif.

- b) Pada tahun ini (2010) dua (2) kawasan telah dijadikan sebagai kawasan fokus untuk pelaksanaan Program Menangani Gejala Sosial iaitu Pangsapuri Sri Perantau, Klang dan Desa Kasih di Daerah Sabak Bernam. Setakat ini sebanyak **31 Program Menangani Gejala Sosial (GeMS)** telah berjaya dilaksanakan antaranya Program Karnival GeMS di daerah – daerah dan Kursus Jati Diri Remaja GeMS.

Kejayaan pelaksanaan GeMS dimantapkan lagi dengan mengadakan **Program Kempen Anti Zina** yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Ogos 2010 sempena sambutan kemerdekaan. Susulan itu, beberapa siri program Anti Zina telah diadakan di seluruh daerah di Negeri Selangor dan diselaraskan oleh Pejabat Daerah di Setiap Daerah dan pencapaian adalah seperti berikut :

Program	Jumlah tangkapan	Kawasan / Daerah
Anti Zina Siri I	Tiada tangkapan	Petaling
Anti Zina Siri II	135 kes	9 Daerah
Anti Zina Siri III	81 kes	9 Daerah

Berdasar statistik di atas menunjukkan bahawa jumlah kes penangkapan bagi kes berkaitan dengan jenayah syariah mencatatkan penurunan. Hal ini membuktikan perlaksanaan Kempen Anti Zina telah memberi satu impak kepada masyarakat mengenai bahaya zina kepada masyarakat khususnya dan amnya kepada Negeri Selangor. Walaubagaimana pun statistik Kempen Anti Zina Siri 1 menunjukkan tiada tangkapan direkodkan kerana Kempen Anti Zina Siri satu merupakan satu permulaan dan hanya pencegahan dilakukan dimana risalah mengenai bahayanya zina diedarkan kepada masyarakat di Daerah Petaling.

Kejayaan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor dapat dikukuhkan lagi berdasarkan kepada statistik Polis Diraja Malaysia dengan Kadar Jenayah secara keseluruhannya di Negeri Selangor adalah stabil dan terkawal berdasarkan indikator indeks jenayah yang menunjukkan penurunan sebanyak 8.38 % dari 1 Januari 2011 sehingga 7 Jun 2011. Hal ini membuktikan kempen kesedaran serta pengupayaan kolektif komuniti dalam Jelajah GeMS yang melibatkan Majlis Dialog GeMS dengan penyertaan semua pimpinan tertinggi di setiap daerah di Negeri Selangor yang terdiri daripada Pegawai Daerah, Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan, ADUN/ Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat, Penghulu, Ketua Kampung, AJK Masjid, Pengerak Belia Tempatan, dan Ketua Komuniti telah memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahayanya gejala sosial dan pentingnya mencegah dan menanganinya.

- c) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dalam meminumkan senario gejala sosial di Negeri Selangor. Antara program-program yang telah dilaksanakan seperti Kempen Anti Zina, Jelajah Generasi Idaman Selangor, Sembang Santai, Kursus Jati Diri (GeMS) dan Program GeMS Bebas dadah. Walaunbagaimana terdapat halangan-halangan yang terpaksa dihadapi bagi memastikan keberkesanan program ini antaranya ialah :
- a) **Bidang Kuasa Terhad**  
Masalah bidang kuasa yang terbatas menyebabkan sesetengah tindakan perlu mendapat kebenaran daripada pihak yang bertanggungjawab dan perlu mengambil masa yang panjang.
  - b) **Kewangan Yang Terhad**  
Peruntukkan kewangan yang terhad menyebabkan program-program menangani gejala sosial di Negeri Selangor terpaksa dilaksanakan secara berperingkat.

Selain itu peranan masyarakat perlu dari segenap lapisan masyarakat harus bersatu padu dan mengaplikasikan pelbagai pendekatan dalam menyelesaikan masalah gejala sosial ini. Setiap individu termasuk ibu bapa perlu peka dan memainkan peranan khususnya dalam memastikan anak-anak tidak terjebak dengan gejala sosial yang merosakkan masa depan mereka. Cabaran menangani gejala sosial terutama yang melibatkan pembuangan bayi semestinya diberi perhatian yang lebih besar dan memandang serius masalah ini. Justeru, sesuatu perlu dilakukan sebelum ia menjadi penyakit sosial yang sukar diubati.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : BANTUAN UNTUK KAWASAN SUNGAI BULOH**

27. Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan cadangan menjadikan kawasan Rubber Research Institut (RRI) Sungai Buloh sebagai hub baru pembangunan Lembah Kelang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri berhubung dengan cadangan tersebut?
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai idea pembangunan lain bagi kawasan Sungai Buloh?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan hab berkenaan?

**JAWAPAN :**

- a) Cadangan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan tanah milik Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh untuk cadangan pembangunan bercampur dan sebagai hab baru Lembah Klang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) dan merupakan salah satu projek utama yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri dalam ucapan bajet tahun 2011. Tapak Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh tersebut terletak dalam mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling merangkumi kawasan seluas kira-kira 1, 350 hektar (3,334 ekar) dan terletak di dalam dua (2) kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan iaitu di dalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam seluas 600 hektar (1,482 ekar) dan di dalam kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya seluas 750 hektar (1,852 ekar).

Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan KWSP akan melaksanakan pembangunan bercampur di kawasan tersebut melibatkan kediaman mampu milik, perdagangan, industri serta kemudahan prasarana. Keseluruhan pembangunan kawasan ini di anggarkan bernilai RM10 bilion dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2025. Maklumat awal yang diperolehi mengenai mekanisme pembangunan tanah ini ialah KWSP melalui anak syarikatnya iaitu Kwasa Land Sdn. Bhd. akan mendapatkan tanah ini melalui pembelian dari Kementerian Kewangan pada harga yang dipersetujui. Sebelum itu Lembaga Getah Malaysia akan menjual tanah tersebut kepada Kementerian Kewangan.

Sehingga kini Kerajaan Negeri belum menerima sebarang cadangan terperinci komponen pembangunan kawasan RRIM milik Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh kecuali cadangan Syarikat Prasarana Negara Berhad untuk membangunkan depoh MRT (Mass Rapid Transit) Sungai Buloh di atas tapak seluas 161.713 ekar di bahagian utara tapak RRIM. Permohonan kebenaran merancang tersebut telah diluluskan dengan beberapa syarat tertentu oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Shah Alam pada 26hb. April 2011.

Kerajaan Negeri berpandangan cadangan pembangunan kawasan RRIM Sungai Buloh sebagai hab baru Lembah Klang akan menjadi pemangkin pembangunan di kawasan tersebut, mewujudkan banyak peluang pekerjaan, merancakkan kemajuan ekonomi negeri Selangor dan membantu kejayaan pelaksanaan projek MRT Sungai Buloh - Kajang yang akan melalui di dalam kawasan RRIM.

- b) Mengikut Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020 yang telah diwartakan pada 27 Mei 2010, No. Warta 1565, tapak RRIM terletak dalam blok perancangan kecil 1.5 dan telah dizonkan dengan gunatanah institusi dan kemudahan masyarakat (kegunaan kerajaan). Di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pula tapak RRIM terletak dalam blok perancangan kecil 2.1 dalam Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 yang telah diwartakan pada 13 Januari 2011 dengan No. Warta 139. Tapak tersebut juga telah dizonkan guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat (kegunaan kerajaan).

Sehubungan itu kedua-dua Rancangan Tempatan tersebut perlu dibuat pindaan dari segi zoning guna tanah untuk membolehkan cadangan pembangunan tapak RRIM sebagai hab baru Lembah Klang dilaksanakan.

Kerajaan Negeri berpendapat pembangunan besar-besaran tapak RRIM yang kini terletak di tengah-tengah kawasan yang telah pesat dibangunkan dengan pembangunan perumahan, perniagaan, rekreasi, institusi dan perindustrian akan membawa kepada pelaburan baru yang memberikan kesan segera kepada pertumbuhan ekonomi domestik dengan potensi besar kepada sektor swasta untuk turut sama terlibat secara aktif.

- c) Kerajaan Negeri Selangor bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan kawasan RRIM Sungai Buloh dengan pembangunan bercampur sebagai hab baru Lembah Klang. Sehubungan itu Kerajaan Negeri telah menjemput Lembaga Getah Malaysia dan Kwasa Land Sdn. Bhd, iaitu anak syarikat KWSP yang akan membangunkan kawasan RRIM Sungai Buloh untuk membuat pembentangan mengenai cadangan pembangunan di kawasan tersebut dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.2/2011 yang dipengerusikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dan dijadualkan pada bulan Julai 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : BIASISWA IPT KERAJAAN NEGERI**

28. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa orang pelajar telah berjaya memperoleh tawaran Biasiswa IPT Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Adakah pemberian biasiswa IPT mengikut kuota kaum atau berdasarkan meritokrasi?

**JAWAPAN :**

- a) Pinjaman Pelajaran di bawah TKWBNS merupakan pinjaman **tanpa faedah** bertujuan membantu pelajar-pelajar kelahiran Negeri Selangor, khususnya yang melanjutkan pengajian di IPTA dan IPTS. Pinjaman pelajaran tersebut merupakan mekanisme Kerajaan Negeri dalam memenuhi tanggungjawab sosial, terutamanya bagi meningkatkan tahap pendidikan rakyat.

Sejak tahun 1988, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM82.8 juta** untuk membiayai TKWBNS, dimana sebanyak RM9juta daripadanya merupakan caruman kepada tabung Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor yang ditubuhkan semenjak tahun 1994. Bagi **tahun 2010** pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah **RM8.1 juta** bagi aktiviti biasiswa dan pinjaman pelajaran di bawah TKWBNS.

Jumlah pelajar yang telah menerima kemudahan pembiayaan daripada TKWBNS setakat **31 Disember 2010** adalah seramai **13,358 orang peminjam**, melibatkan jumlah pinjaman sebanyak **RM118.7 juta**.

- b) Pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar adalah berdasarkan meritokrasi pencapaian akademik pelajar di mana Kerajaan Negeri akan menukarkan pinjaman pelajaran tersebut kepada **biasiswa** sekiranya pelajar-pelajar berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang iaitu dengan memperoleh **CGPA 3.75** ke atas.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : PROGRAM JOM KE SUPERMARKET**

29. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila jelaskan program ini dengan terperinci.

**JAWAPAN :**

a) Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang bersidang pada 30 Jun 2011 telah bersetuju untuk melaksanakan program "Jom ke Supermarket". Golongan sasar bagi program ini adalah warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan telah mendaftar melalui sistem Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Dana awal bagi program ini adalah sebanyak **RM 5,000,000.00** yang akan dibiayai oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) dan disalurkan melalui Menteri Besar Incorporated (MBI).

Kaedah Perlaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:-

1. Peserta akan diberikan senarai barangan 'sihat' untuk dipilih mengikut keperluan. (Hanya barangan terpilih dan disenaraikan sahaja yang boleh dibeli.)
2. Bas disediakan di Pusat Khidmat Masyarakat. (Peserta adalah digalakkan untuk ditemani seorang ahli keluarga.) Ahli Yang Berhormat/wakil kemudiannya akan bersama-sama rombongan ke pasaraya.
3. Taklimat Pemakanan Sihat akan dibuat sebelum kupon bernilai RM100.00 diedarkan bagi memberi panduan tentang budaya pemakanan sihat seterusnya memastikan kesihatan mereka terpelihara.
4. Kupon diedarkan dan peserta 'berbelanja' seperti biasa mengikut senarai 'boleh beli' yang telah diberikan.
5. Bagi kos pembelian melebihi RM100.00, ahli keluarga perlu menambah lebihan tersebut. Manakala, bagi kos pembelian yang kurang daripada RM100.00, lebihan nilai tersebut tidak boleh dituntut daripada pasar raya dan Kerajaan Negeri.

Program ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini dan penambahbaikan bagi program akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan maklum balas yang diterima kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AMIRUDIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : PEMERIKSAAN SKIM PERUBATAN WANITA SELANGOR / MAMMOSEL**

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapa ramai penyertaan skim tersebut? Sila pecahkan mengikut kawasan DUN / Parlimen
  - b) Berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk skim tersebut sehingga Mei 2011

**JAWAPAN :**

- a) Skim Kesihatan Wanita Mammogram Selangor atau "Mamm0SEL" telah dilancarkan pada Sambutan Hari Wanita Desa Peringkat Negeri Selangor pada 6 November 2010. Ini merupakan skim dan insentif kerajaan negeri Selangor melalui agenda "merakyatkan Ekonomi Selangor " (MES) untuk kaum wanita menjalani pemeriksaan mammogram secara percuma. Sehingga kini seramai 8,225 wanita telah menyertai skim kesihatan wanita.

Sila lihat **Lampiran D**

- b) Kerajaan negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM787,440.00 bagi rawatan seramai 8,225 orang dalam tempoh 7 bulan dari tarikh dilancarkan. Berbanding dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Bajet tahun 2007 yang memberi subsidi sebanyak RM50.00 setiap rawatan mammogram dan beberapa syarat, seperti memperolehi pendapatan isirumah kurang dari RM5,000.00 , mempunyai keluarga yang berisiko kanser atau individu berkenaan berisiko tinggi untuk mendapat kanser. Sehingga sekarang jumlah yang menerima rawatan sebanyak 18,000 orang sahaja.



No	DUN		PARLIMEN	Jun- Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mac	Apr	May	Total
48	N48	Kota Alam Shah	Klang									0
49	N49	Seri Andalas	KotaRaja			35	24		121	161	147	488
50	N50	Sri Muda	KotaRaja	78					42	21		141
51	N51	Sijanggang	Kuala Langat		26	34	10	44	22	36	29	201
52	N52	Teluk Datuk	Kuala Langat	82	319	77		13	42	25	35	593
53	N53	Morib	Kuala Langat		43	39	37	31	46	30	65	291
54	N54	Tanjong Sepat	Sepang		27	39	30	42	42	33	97	310
55	N55	Dengkil	Sepang						7			7
56	N56	Sungai Pelek	Sepang						29	43	31	103
	Peg. Dan Kakitangan SUK										34	34
	<b>Total</b>			<b>738</b>	<b>868</b>	<b>1,082</b>	<b>924</b>	<b>707</b>	<b>1,327</b>	<b>1,197</b>	<b>1,382</b>	<b>8,225</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TUNGGAKAN BIL AIR PANGSAPURI TAIPAN**

31. Merujuk kepada Usul No. 19 Tahun 2010 berkenaan "Tunggakan Bil Air Pangsapuri Taipan":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jawapan SYABAS terhadap saranan Kerajaan Negeri melalui LPHS bagi penyelesaian masalah tersebut?
- b) Berapakah pertambahan tunggakan bil air bagi tahun 2010?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah kebocoran air bagi jangka masa panjang?

**JAWAPAN :**

- a) SYABAS secara dasarnya tidak bersetuju dengan cadangan supaya sebahagian jumlah hutang dilupuskan atas sebab kebocoran dan sebahagian jumlah lain dituntut daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) sebagai pelikuidasi atas alasan ia akan menjejaskan prestasi syarikat dan akan menjadi ikutan kepada kawasan lain yang menghadapi masalah serupa.

SYABAS mencadangkan supaya hutang tersebut ditanggung oleh penduduk tetapi dibahagikan secara purata mengikut petak dengan kaedah bayaran balik secara ansuran selama 4 tahun. Namun demikian, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah meminta SYABAS untuk tetap memfailkan tuntutan sebahagian tunggakan tersebut kepada pihak JIM. SPAN juga dalam masa yang sama meminta SYABAS mempertimbangkan pelaksanaan migrasi dengan syarat-syarat yang dilonggarkan. Pihak Pengurusan SYABAS kini sedang meneliti dan menimbang saranan SPAN tersebut.

- b) Oleh kerana pemotongan bekalan air secara kekal bagi 3 akaun meter pukal telah dilakukan pada 30 September 2010, maka tunggakan bil air bagi Pangsapuri Taipan setakat Ogos 2010 adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Blok</b>	<b>Jumlah Tunggakan (RM)</b>
1.	A	Tiada tunggakan
2.	B	176,042.70
3.	C	525,513.00
4.	D	238,001.42
<b>Jumlah</b>		<b>939,557.12</b>

- c) Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah ini secara jangka panjang telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 untuk melaksana kerja paip pintasan bagi mengatasi kebocoran paip dalaman terlibat. Setakat 16 Jun 2011, pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengesahkan bahawa kerja-kerja paip pintasan tersebut telah pun 70% siap dan dijangka dapat mencegah kebocoran yang menjadi punca utama bil air yang tinggi daripada berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : SYABAS**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status perundingan pembelian balik konsesi air daripada SYABAS?
- b) Apakah pendirian terhadap pembelian balik bond SYABAS berjumlah RM 6.5 bilion oleh PAAB?

**JAWAPAN :**

- a) Inisiatif terkini termasuk mengadakan perbincangan di peringkat tertinggi di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor pada 15 Jun 2011 yang lepas. Bagi menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Selangor, satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri telah ditubuhkan untuk mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian bagi mencapai jalan penyelesaian.

Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan Persekutuan benar-benar ikhlas untuk menyelesaikan isu ini dengan segera, kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara adalah cukup jelas untuk diguna pakai bagi penyatuan segera industri air negeri Selangor demi kebaikan dan manfaat seluruh rakyat Selangor.

- b) Kerajaan Negeri Selangor secara konsisten, mengambil pendirian yang tegas untuk menyelesaikan isu penstrukturan semula industri air di negeri ini secara menyeluruh, adil dan saksama tanpa membelakangkan kepentingan rakyat negeri Selangor.

Pembelian balik bon ke semua konsesi air di negeri Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) hanya akan melengahkan lagi usaha-usaha untuk menstrukturkan semula perkhidmatan air negeri Selangor. Dengan bon air sekarang dipegang sepenuhnya oleh PAAB, syarikat konsesi air tidak lagi terikat dengan jadual pembayaran balik bon yang ketat, oleh yang demikian akan memegang saham mereka di dalam syarikat konsesi masing-masing dengan lebih lama. Ini akan membantutkan usaha-usaha penyatuan perkhidmatan air di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : JANJI MANIFESTO**

33. Manifesto Pakatan Rakyat (PKR dan PAS) ada menggariskan "bantuan RM50 sebulan seorang bagi pendidikan pra-sekolah" dan "bantuan RM75 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke nurseri".

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kerajaan negeri telah bersedia untuk melaksanakan dua janji tersebut?
- b) Menurut kajian kerajaan negeri berapakah implikasi kewangan yang perlu ditanggung?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat sememangnya telah bersedia dan telah pun melaksanakan janji-janji manifesto yang telah diwar-warkan sejak tahun 2008. Janji-janji ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan mengikut dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) supaya rakyat di Selangor dapat menikmati manfaat secara berkesan.

Bagi pelaksanaan kedua-dua janji manifesto, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa perbincangan dengan agensi berkaitan untuk memastikan objektif asal dasar MES dapat dicapai dan disampaikan kepada masyarakat.

**i) Bantuan RM50.00 sebulan seorang bagi pendidikan pra-sekolah.**

Untuk makluman Y.B. Taman Templer dan lain-lain ahli Yang Berhormat, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor telah pun melaksanakan program bantuan ini kepada tadika dan pra sekolah yang telah dikenalpasti dengan syarat-syarat yang bersesuaian.

Di antara program bantuan berkenaan adalah seperti berikut :-

1. **Bantuan Geran Permulaan** – bantuan sebanyak RM10,000.00 kepada tadika swasta yang baru diwujudkan.
2. **Bantuan Yuran Kepada Ibu Bapa** – diberikan sebanyak RM150 bagi seorang kanak-kanak kepada institusi yang mengenakan yuran RM150 ke bawah (mensasarkan kepada golongan ibu bapa yang berpendapatan kurang dari RM1,500)
3. **Bantuan Latihan Guru-guru Prasekolah Swasta** – diberikan kepada semua guru tadika swasta yang telah dilantik dan berdaftar di Bahagian Pendidikan Guru Malaysia secara percuma selama 3 minggu. Pelantikan guru-guru tadika dipilih melalui kelayakan minima sekurang-kurangnya lulus SPM. Sejak Januari hingga Jun



2011, seramai 60 orang guru telah dilatih dan yang telah dilantik dan berdaftar mengenakan yuran RM80.00 (maksima) dan masih dalam perbincangan untuk pelaksanaan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor masih mempertimbangkan pelaksanaan program ini bagi mengelakkan berlakunya pertindihan bentuk program yang bakal dilaksanakan serta mengikut kaedah-kaedah program MES yang lain dengan memberi tumpuan kepada golongan masyarakat yang berpendapatan kurang dari RM1,500.00 sebulan.

ii) **Bantuan RM75.00 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke nurseri**

Kerajaan Negeri Selangor secara dasarnya telah bersetuju untuk melaksanakan program bantuan ini berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat MMKN ke 41 yang telah diadakan pada 24 November 2010. Program ini dijangka akan dilaksanakan sebelum pada suku keempat tahun 2011 sementara mengenalpasti agensi atau badan pelaksana yang berkemampuan untuk melaksanakan ini dengan berkesan.

Kerajaan Negeri juga akan memastikan, selain daripada dapat meringan tanggungan yuran kepada ibu bapa, program ini akan dapat membantu menggalakkan nurseri atau taska mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu kanak-kanak dari golongan kurang berkemampuan mendapat asuhan yang berkualiti, jaminan keselamatan dan keyakinan serta kepercayaan mengenai keselamatan mereka di nurseri.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, hasil persetujuan dari perbincangan mengenai program bantuan ini, jumlah bantuan ini telah dinaikkan dari **RM75.00 kepada RM100.00** dengan mengambil kira taraf keperluan hidup yang semakin hari semakin meningkat.

Berikut merupakan syarat-syarat kelayakan penerima bantuan bagi program ini :-

1. Isi rumah dengan pendapatan tidak melebihi RM1,500.00;
2. Ibu bapa / penjaga adalah warganegara Malaysia, warga Negeri Selangor dan mempunyai status perkahwinan yang berdaftar ;
3. Penjaga merupakan ibu bapa angkat yang sah dan berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan (JPN) dan Akta Pengangkatan 1973 ;
4. Ibu bapa / penjaga telah bermastautin sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada Penghulu / Pengerusi JKKK / Ketua Kampung ;
5. Bantuan elaun ini tidak tertakluk kepada ibu bapa / penjaga yang mempunyai taraf **Penduduk Tetap**. Namun anak mereka layak menerima bantuan elaun ini jika salah seorang antara ibu atau bapa mempunyai taraf warganegara Malaysia ;

6. Hendaklah bekerja sepenuh masa dan “*home based business*”. Slip gaji atau perakuan dari majikan dengan pensahan daripada Penghulu / Pengerusi JKKK / Ketua Kampung adalah diperlukan ;
7. Bilangan anak yang dihantar ke taska terhad kepada 3 orang sahaja untuk setiap keluarga yang berusia 2 bulan hingga 4 tahun menurut definasi taska.

Kriteria taska yang layak menyertai program bantuan ini adalah seperti berikut :-

1. Taska berkenaan beralamat di Negeri Selangor dan berdaftar di mana perakuan pendaftaran masih sah tempoh dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat ;
  2. Jenis taska yang layak hanyalah **Taska Institusi dan Taska Rumah** yang mengenakan yuran tidak melebihi **RM250.00 sebulan** bagi setiap kanak-kanak; dan
  3. Bantuan elaun ini tidak layak diberikan kepada Taska Komuniti dan Taska Di Tempat Kerja memandangkan taska-taska berkenaan telah diberikan subsidi.
- b) Dengan peningkatan kadar amaun yang diberikan dalam program ini, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah meneliti implikasi kewangan bagi pelaksanaan program bantuan ini. Didapati peruntukan tambahan sebanyak RM6juta setahun diperlukan bagi merealisasikan program ini yang melibatkan seramai 5,000 kanak-kanak. Walau bagaimana pun, untuk fasa permulaan tahun 2011, 1000 orang kanak-kanak sahaja yang akan dikenalpasti untuk menerima bantuan ini. Program ini juga akan memfokuskan kepada golongan ibu tunggal yang bekerja untuk menampung pendapatan keluarga melalui program *workfare*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : TADBIR URUS ANAK SYARIKAT NEGERI**

34. Terdapat banyak dakwaan tadbir urus tidak baik khasnya melibatkan anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Yayasan Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah yang harus dipertanggungjawabkan ( *accountable* ) terhadap masalah ini ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengadakan program tertentu untuk mengukuhkan tadbir urus anak syarikat terbabit ?
- c) Apakah rancangan dan tindakan untuk memulihkan kredibiliti anak syarikat yang terjejas yang terjejas ?

**JAWAPAN :**

- a) Kebanyakan dakwaan yang dilontarkan kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri telah disiasat secara terperinci sama ada melalui Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor dan Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi meneliti kesahihan dakwaan yang dikemukakan.

Sehubungan itu, pengukuhan tadbir urus anak syarikat adalah merupakan tanggungjawab semua peringkat pengurusan. justeru itu, tindakan sewajarnya telah diambil sama ada melibatkan penstrukturan semula organisasi pengurusan dalaman agensi terlibat serta membuat penambahbaikan dari segi prosedur kerja dan tatacara kewangan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pmerbadanan Menteri Besar (MBI) telah melaksanakan beberapa program penambahbaikan dengan anak-anak syarikat melibatkan tadbir urus prosedur kewangan, audit, setiausaha syarikat dan pengurusan sumber manusia.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pemeriksaan audit di PKNS dan Yayasan Selangor dengan kerjasama Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor dan Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi menyiasat setiap dakwaan yang dikemukakan terhadap mereka seterusnya dapat memperbaiki dan memperkukuhkan tadbir urus agensi terbabit.

Kerajaan Negeri turut membawa isu-isu yang melibatkan PKNS dan Yayasan Selangor ke Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor atau singkatannya SELCAT bagi menyiasat sekiranya wujud sebarang penyelewengan dalam agensi terlibat. pendengaran juga dibuat secara terbuka bagi membolehkan masyarakat menilai isu-isu berkaitan perkara tersebut.

- c) Bagi memantapkan tadbir urus syarikat, di peringkat Yayasan Selangor, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan :
- i. Penubuhan Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan bagi syarikat-syarikat Kerajaan telah diperkukuhkan selari dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/1993 bagi tujuan '*check and balance*' pelaksanaan tadbir urus dan kewangan di Yayasan Selangor;
  - ii. Mempelawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk meletakkan kakitangan mereka di pejabat Yayasan Selangor bagi memudahkan langkah pencegahan dan pemantauan dilaksanakan; dan
  - iii. kelulusan projek-projek dengan kadar dan nilai tertentu perlu dibentangkan dan dilaporkan kepada Mesyuarat Lembaga Yayasan Selangor.

Manakala di peringkat PKNS, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut :

- i. Menubuhkan jawatankuasa Integriti Tadbir Urus. Penjawat awam dan termasuk pembekal, juga dikehendaki menandatangani *Integriti Pact* dalam usaha meningkatkan integriti ketelusan, kecekapan dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan sebarang bentuk rasuah;
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Penilaian bagi memantau tadbir urus yang dijalankan; dan
- iii. Menubuhkan Bahagian Perolehan bagi memantapkan sistem perolehan, perkhidmatan dan bekalan secara sebut harga dan atau tender.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : GERAN MARRIS**

35. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) untuk menyelenggara jalan-jalan raya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan MARRIS yang diterima oleh kerajaan negeri sejak 2009 sehingga 2011?
- b) Bagaimanakah prestasi penggunaan geran tersebut?
- c) Apakah geran tersebut digunakan untuk tujuan lain kerana didapati banyak jalan tidak diselenggara dengan baik?

**JAWAPAN :**

- a) Peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak 2009 sehingga 2011 adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN (RM)
2009	315,627,131.00
2010	351,659,938.00
2011 sehingga bulan Jun 2011	175,829,970.00

- b) Penggunaan peruntukan MARRIS oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah berdasarkan peruntukkan yang digariskan oleh Arahan Amanah Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri.

Prestasi penggunaan geran MARRIS adalah seperti di bawah:

	2009	2010	2011*
	RM	RM	RM
Baki seperti pada 1 Januari	67,533,879.91	54,410,565.61	162,460,215.61
Terimaan	315,627,905.00	351,659,938.00	176,119,959.30
Penggunaan	(328,751,219.30)	(243,610,288.00)	(56,547,428.27)
Baki seperti pada 31 Disember	54,410,565.61	162,460,215.61	282,032,746.64

*Nota: \* Data bagi Tahun 2011 adalah sehingga 30 Jun 2011.*

- c) Tiada tujuan lain bayaran digunakan melainkan bagi membiayai kos yang berkaitan dengan penyelenggaraan semua jalan negeri yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM  
PENGANGKUTAN AWAM NEGERI**

36. Walaupun kini terdapatnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat yang akan menyelaraskan kesemua sistem pengangkutan Awam , tetapi pihak Negeri juga harus bertindak menyediakan perkhidmatan bas yang mencukupi .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan sistem perkhidmatan basnya yang tersendiri ?
- b) Bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan boleh menjadi penggerak utama untuk melaksanakan suatu perkhidmatan bas yang cekap di bandar ?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri masih belum mempunyai sebarang perancangan bagi melaksanakan kemudahan pengangkutan bas awam percuma memandangkan kos pelaksanaan yang tinggi. Namun begitu Kerajaan Negeri masih mengkaji dan sentiasa melihat kebarangkalian bagi menyediakan kemudahan tersebut. Oleh yang demikian, pelbagai faktor harus diambil kira oleh Kerajaan Negeri seperti keluasan kawasan liputan dan sambutan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.
- b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan salah satu penggerak utama untuk melaksanakan perkhidmatan bas yang cekap di bandar. Bagi pentadbiran Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merupakan PBT yang pertama menyediakan perkhidmatan bas komuniti kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan hanya berkapasiti seramai 30 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : KUIL DAN TOKONG**

37. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah bantuan kewangan yang telah diberikan kepada kuil dan tokong? Sila nyatakan mengikut kawasan DUN, jumlah dan kegunaannya.
- b) Adakah kerajaan memberi tanah kepada kuil dan tokong. Jika ada sila nyatakan tapak dan saiz.

**JAWAPAN :**

- a) Bantuan kewangan yang telah diberikan kepada kuil dan tokong bagi tahun 2009 sehingga 2010 adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	2009		2010	
		JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Tokong	156	1,171,500.00	114	994,500.00
2.	Kuil	129	2,336,000.00	74	2,064,000.00

Bersama-sama ini disertakan Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D berkaitan maklumat bantuan kewangan yang telah diberikan kepada kuil dan tokong mengikut lokasi, jumlah dan kegunaannya bagi tahun 2009 dan 2010.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Daerah akan memproses pemberimilikan/pewartaan tanah kepada kuil dan tokong yang ada mengemukakan permohonan tanah. Setiap permohonan tanah yang diterima akan dimajukan kepada jabatan-jabatan teknikal dan seterusnya akan dijalankan siasatan tanah oleh Pejabat Tanah Daerah.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam akan membincangkan dan meneliti setiap permohonan yang dibentangkan oleh Pejabat Tanah Daerah untuk perakuan disokong atau tidak disokong untuk pemberimilikan tanah /pewartaan tapak rumah ibadat kepada pemohon. Tapak tanah yang diperaku untuk disokong merupakan tapak yang tidak terlibat dengan mana-mana rezab, tapak kawasan lapang, zoning kawasan selain kegunaan tapak rumah ibadat bukan Islam dan lain-lain perkara yang difikirkan tidak bersesuaian.



Merujuk kepada Garis Panduan Hal Ehwal Selain Islam yang diluluskan oleh MMKN bertarikh 13 Ogos 2008 kertas ringkasan MMK.No.21/22/2008, keluasan tanah untuk kegunaan bangunan keagamaan selain Islam yang telah sedia ada di tapak adalah mengikut keluasan asal bangunan tersebut. Keluasan bangunan keagamaan selain Islam di tapak baru sama ada disediakan oleh kerajaan atau pemaju dan bagi tujuan pemindahan adalah ditetapkan tidak melebihi 10,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun, jawatankuasa boleh mempertimbangkan keluasan melebihi 10,000 kaki persegi mengikut kes-kes tertentu.

Bersama-sama ini disertakan Lampiran E iaitu senarai nama pemohon bagi kategori kuil dan tokong yang telah disokong untuk pemberimilikan/pewartaan pada tahun 2009 sehingga Julai 2011. Permohonan yang disokong tersebut akan dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diputuskan oleh Pejabat Tanah Daerah melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor. Proses akhir pemberimilikan/pewartaan tapak rumah ibadat bukan Islam akan diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dan Pejabat Tanah Daerah.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan turut merezabkan tapak-tapak yang bersesuaian untuk tapak rumah ibadat bukan Islam. Selain itu, bagi memastikan tapak untuk rumah ibadat direzabkan, merujuk kepada Garis Panduan Hal Ehwal Selain Islam yang diluluskan oleh MMKN bertarikh 13 Ogos 2008 kertas ringkasan MMK.No.21/22/2008 Kerajaan Negeri telah menetapkan agar para pemaju diminta menyediakan tapak bangunan keagamaan bukan Islam bagi pembangunan melebihi 100 ekar. Bersama-sama ini disertakan Lampiran F berkenaan tapak-tapak rumah ibadat bukan Islam yang telah dizonkan sebagai tapak rumah ibadat selain Islam bagi kategori tokong dan kuil dan juga yang tiada kategori yang terdapat di beberapa Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

## SENARAI TOKONG MENERIMA PERUNTUKAN PADA TAHUN 2010

BIL	NAMA RUMAH IBADAT	LOKASI	JUMLAH (RM)	KEGUNAAN
1	TOKONG MOO TIEN QUAN NG FATT DUAN	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
2	PERSATUAN PENGANUT TOKONG KUAN TEE	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
3	TOKONG TAM KHOON MEW	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
4	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIEN FU KONG	BATANG BERJUNTAI	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
5	DATO TEMPLE BATANG BERJUNTAI	BATANG BERJUNTAI	10,000.00	AKTIVITI & PERALATAN KEAGAMAAN
6	SELYANG YU XU GONG TAOIST SOCIETY	BATU CAVES	30,000.00	BINA SEMULA
7	PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDDHA HONGPAI BAIYU JIELUXI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR	CHERAS	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
8	PERSATUAN PENGANUT KENG PIN KUAN YIM	CHERAS	5,000.00	BAIK PULIH
9	JAWATANKUASA PENGURUSAN TOKONG SZE YAH	HULU LANGAT	3,000.00	BAIK PULIH
10	PERSATUAN PENGANUT AGAMA TAOIS	HULU LANGAT	3,000.00	BAIK PULIH
11	PERSATUAN PENGANUT DEWA YIN FU THOU JENJAROM	JENJAROM	5,000.00	BAIK PULIH
12	PERSATUAN PENGANUT DEWA GIAP TIAN GEONG	JERAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
13	PERSATUAN PENGANUT DEWA NAM YIN TONG	JERAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
14	PERSATUAN PENGANUT DEWA SI HAI DIAN	JERAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
15	RUMAH BERHALA CHINA TIAN SENG KENG	JERAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
16	PERSATUAN PENGANUT DEWA SIN FATT SI KONG	JERAM	5,000.00	BINAAN
17	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN SHENG GONG	JERAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
18	PERSATUAN PENGANUT DEWA ANG KONG	JERAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
19	PERSATUAN PENGANUT DEWA JIXIANG	JERAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
20	PERSATUAN PENGANUT DEWA THAI SHUI	JERAM	10,000.00	PERALATAN KELAS KEAGAMAAN

21	PERSATUAN AGAMA BUDDHA ZHEN FO ZONG SASARAN	JERAM	10,000.00	BAIK PULIH
22	KUIL HONG TIAN	KAJANG	5,000.00	BAIKPULIH / AKTIVITI TOKONG
23	BMSM KAJANG BUILDING FUND	KAJANG	30,000.00	BAIK PULIH
24	PERSATUAN PENGANUT SHUN NAM GONG KAJANG	KAJANG	5,000.00	BAIK PULIH
25	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA TIN HONG SZE	KAJANG	10,000.00	BAIK PULIH
26	PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDDHA FATT WAH SELANGOR	KAJANG	5,000.00	BINA SEMULA
27	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG SHEN SZE YAR	KAJANG	20,000.00	BAIK PULIH
28	BAN CHUAN KONG TEMPLE	KAJANG	10,000.00	BAIK PULIH
29	PERSATUAN PEMBINAAN TOKONG LOONG KONG THAM	KAJANG	5,000.00	BAIKPULIH
30	PERSATUAN PENGANUT DEWA LIU REN XIAN SHI	KAJANG	3,000.00	BAIKPULIH / UBAH SUAI
31	PERSATUAN PENYOKONG TOKONG KUI TIN BLOW KAJANG	KAJANG	5,000.00	BAIK PULIH
32	PERSATUAN PENGANUT DEWA LIN HWEE BEO	KAJANG	5,000.00	BAIK PULIH
33	PENGURUSAN TOKONG DAN PERKUBURAN CHINA KALUMPANG	KALUMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
34	TOKONG SAM HOCK	KAPAR	10,000.00	BINA SEMULA
35	LONG FEI FA TANG	KEPONG.	10,000.00	UBAH SUAI
36	PERSATUAN DEWA TIAM LIN KENG	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
37	PERSATUAN PENGANUT DEWA ZI LIN THANG KLANG	KLANG	7,000.00	BAIK PULIH
38	PEMBINAAN BERHALA CHEE HONG TENG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
39	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA HO WHO SAN KOON	KLANG	20,000.00	BINA SEMULA
40	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN HE KLANG	KLANG	5,000.00	BINA SEMULA

41	PERSATUAN PENGANUT DEWA LING HONG MIAO	KLANG	5,000.00	BAIKPULIH
42	PERSATUAN PENGANUT DEWA ZEN TAO	KLANG	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
43	PERSATUAN PENGIKUT DEWA SOON HOCK	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
44	PERSATUAN PENGANUT DEWA TEW HOCK KIONG	KLANG	5,000.00	BINA SEMULA
45	PERSATUAN PENGANUT DEWA LIANG MU KONG	KLANG JAYA	10,000.00	BAIK PULIH
46	P P LING SHEN JEN FOO CHUNG KKB	KUALA KUBU BHARU	5,000.00	AKTIVITI TOKONG
47	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN HOCK GONG KUALA LUMPUR DAN SELANGOR	KUALA LUMPUR.	2,500.00	AKTIVITI TOKONG
48	PERSATUAN PENGAJIAN AJARAN CONFUCIUS JEN TECK	KUALA SELANGOR.	3,000.00	AKTIVITI TOKONG
49	PERSATUAN PEMBINAAN TOKONG GOA CHOR	KUALA SELANGOR	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
50	PERSATUAN PAMBINAAN RUMAH BERHALA HUAT SZE KONG	KUALA SELANGOR	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
51	PERSATUAN PENGANUT AGAMA FO KUANG	KUALA SELANGOR	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
52	PERSATUAN PENGANUT DEWA XIAN FA SHI GONG	KUALA SELANGOR	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
53	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN POH KONG	KUALA SELANGOR	10,000.00	BAIK PULIH
54	PERSATUAN PENGANUT AJARAN DIAN GUANG GONG	MERU	2,500.00	AKTIVITI TOKONG
55	PERSATUAN PEMBINAAN TOKONG HONG SUN, KLANG	PANDAMARAN	5,000.00	BAIKPULIH
56	PERSATUAN PENGANUT DEWA LIAN ANN KONG	PANDAMARAN	5,000.00	BINA SEMULA
57	PERSATUAN PENGANUT DEWA FENG SAN SI	PASIR PENAMBANG	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
58	PERSATUAN PENGANUT DEWA QI JIAN XIAN SHI	PASIR PENAMBANG	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
59	PERSATUAN PENGANUT DEWA CHUI BER	PASIR PENAMBANG	15,000.00	BAIK PULIH
60	PERSATUAN PENGANUT BANPUT SZE KUALA SELANGOR	PASIR PENAMBANG	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN

61	HOCK LENG KIONG TEMPLE	PELABUHAN KLANG.	2,500.00	BAIKPULIH / UBAH SUAI
62	PERSATUAN PENGANUT DEWA CI XHU MIAO	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BAIKPULIH
63	PERSATUAN PENGANUT DEWA SOON LENG KENG	PELABUHAN KLANG	8,000.00	BAIK PULIH
64	PERSATUAN PENGANUT DEWA POH SENG	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
65	PERSATUAN PENGANUT DEWA TEIN YIN	PELABUHAN KLANG	12,500.00	BINA SEMULA
66	HOCK LENG KIONG TEMPLE	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
67	JAWATANKUASA PEMBINAAN R.B LIAN FOOK PDM	PELABUHAN KLANG	2,500.00	BAIKPULIH
68	PERSATUAN PENGANUT DEWA KWANG POH	PELABUHAN KLANG	50,000.00	BINA SEMULA
69	PERSATUAN PENGANUT DEWA KHONG HOCK KONG	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
70	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN TIONG KEONG	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
71	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN HUP KIONG	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
72	PERSATUAN PENGANUT DEWA SAM HOE KIEAN	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
73	PERSATUAN MEDITASI FO GUANG SHAN SELANGOR	PETALING JAYA	5,000.00	UBAH SUAI
74	YUAN LIN XIAO ZHOT BUDDHIST TEMPLE	PETALING JAYA	25,000.00	BAIK PULIH
75	PERSATUAN PEMBINAAN RUMAH BERHALA HUAT HEAP	PETALING JAYA	10,000.00	BINA SEMULA
76	RUMAH BERHALA SUN HOON KEONG KONG TEIK CHOON ONG	PETALING JAYA	10,000.00	BAIK PULIH
77	PERSATUAN PENGANUT DEWA THIAN HOCK	PELABUHAN KLANG	10,000.00	AKTIVITI TOKONG
78	PERSATUAN PENGANUT DEWA GEOK THIAN KEONG	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
79	PERSATUAN PEMBINAAN RUMAH BERHALA LIAN HUA TIEN	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
80	PERSATUAN PENGANUT DEWA NAN HAI KENG	PELABUHAN KLANG	2,500.00	BAIKPULIH
81	PERSATUAN PENGANUT DEWA HIAP TIAP KIONG	PULAU KETAM	10,000.00	BAIKPULIH / UBAH SUAI

82	PERSATUAN PENGANUT DEWI NEO-NEO	PULAU KETAM	10,000.00	BAIK PULIH
83	PERTUBUHAN PEMBINAAN RUMAH BERHALA PO SENG KENG	PULAU KETAM	10,000.00	BAIK PULIH
84	JAWATANKUASA PEMBINAAN RUMAH BERHALA NAN THIAN KENG	PULAU KETAM	10,000.00	BAIK PULIH
85	PERSATUAN PENGANUT AGAMA CHAI TIN KONG	RAWANG	10,000.00	BINA SEMULA
86	RUMAH BERHALA HUAT SOO KONG BAGAN BENTING KEPAH	SABAK BERNAM	20,000.00	BAIK PULIH
87	RUMAH BERHALA SANG HUAT SOO KONG, SABAK BERNAM	SABAK BERNAM	10,000.00	BAIK PULIH
88	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SENG TI GUN	SABAK BERNAM	10,000.00	BAIK PULIH
89	JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH BERHALA SIEW KOH	SEKINCHAN	5,000.00	BAIK PULIH
90	JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH BERHALA HAINAM SWEE BUEY	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
91	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA KUAN TI	SEKINCHAN	5,000.00	BAIK PULIH
92	PERSATUAN PENGANUT DEWA JIU WANG YE SEKINCHAN	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
93	PERTUBUHAN PENGURUSAN TOKONG THEAN KOK KION	SEKINCHAN	5,000.00	BAIK PULIH
94	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA XIANFA SHIGONG KU MIAO	SEKINCHAN	30,000.00	BAIK PULIH
95	PERSATUAN PENGKAJIAN AGAMA BUDDHA LING SHEN JEN FOO CHUNG	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
96	PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDDHA FO KUANG	SEKINCHAN	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
97	PERTUBUHAN BERHALA KONG ZHONG JIDO FAN PUN YUEN	SEPANG	5,000.00	BAIK PULIH
98	PERTUBUHAN PERSATUAN PENGANUT DEWA THIN LONG KONG	SEPANG	5,000.00	BAIK PULIH

99	MAJLIS KUIL SEE YA KUNG SEMENYIH	SEMENYIH	30,000.00	MENAIKTARAF
100	NALANDA BUDDHA SOCIETY	SERI KEMBANGAN	10,000.00	BAIK PULIH
101	PERSATUAN PENGANUT BUDDHA SERDANG	SERI KEMBANGAN	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
102	PERSATUAN PENGANUT CHIN KHONG SERDANG	SERI KEMBANGAN	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
103	SHAH ALAM BUDDHIST SOCIETY	SHAH ALAM	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
104	PERSATUAN PENGANUT DEWA TUDI MIAO	SHAH ALAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
105	PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDDHA PUTRA HEIGHTS	SUBANG JAYA	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
106	PERTUBUHAN PENGANUT BUDDHA KLANG & PANTAI (KLANG & COAST BUDDHIST ASSOCIATION)	SUNGAI BESAR	5,000.00	BAIKPULIH
107	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT BERHALA PAK SEN KO BIO	SUNGAI BESAR	10,000.00	BAIK PULIH
108	MAITREYA MORAL SOCIETY MALAYSIA (KUNDANG)	SUNGAI BULOH	20,000.00	BINA SEMULA
109	PERSATUAN PENGANUT DEWA SEY ANN KONG	TANJUNG KARANG	5,000.00	BAIK PULIH
110	RUMAH BERHALA NAM TIAN KONG	TANJUNG KARANG	10,000.00	BAIK PULIH
111	PERSATUAN PENGANUT DEWA WEI HOK KHEN	TANJUNG KARANG	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
112	P P DEWA NATOK GONG KAMPUNG TIRAM BUROK LUAR	TANJUNG KARANG	5,000.00	AKTIVITI TOKONG
113	PERSATUAN PENGANUT DEWA THIAN HOCK KENG	TANJUNG KARANG	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
114	SAM CHING KONG TEMPLE BULDING	ULU LANGAT	10,000.00	BAIK PULIH
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>994,500.00</b>	

## SENARAI KUIL MENERIMA PERUNTUKAN PADA TAHUN 2010

BIL	NAMA AKAUN RUMAH IBADAT	LOKASI	JUMLAH (RM)	KEGUNAAN
1	PERSATUAN PENGANUT OM AGILANDHA AATHI MUNISWARAR ALAYAM	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
2	SRI MAYURA NATHAR ALAYAM	AMPAR TENANG	40,000.00	BINA SEMULA
3	PERSATUAN PENGANUT DEWA ISHAAN MALAYSIA	BANDAR BUKIT TINGGI	10,000.00	AKTIVITI KUIL
4	KUIL SRI SUBRAMANAR	BANDAR SUNWAY	20,000.00	BINA SEMULA
5	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	BANGI LAMA	20,000.00	BAIK PULIH
6	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MARIYAMMAN TABUNG PEMBINAAN KUIL	BANTING	50,000.00	BINA SEMULA
7	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MARIYAMMAN TABUNG PEMBINAAN KUIL	BANTING	50,000.00	BINA SEMULA
8	SRI SITHI VINAYAGAR ALAYAM	BANTING	30,000.00	BINA SEMULA
9	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	BANTING	30,000.00	BAIK PULIH
10	P.P.A.H KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	BATANG KALI	50,000.00	PEMBINAAN KUL
11	DURGA CHARITABLE TRUST BERDAFTAR	BATU CAVES	30,000.00	BAIK PULIH
12	PERSATUAN PENYOKONG-PENYOKONG KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	BATU CAVES	25,000.00	BAIK PULIH
13	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MUNESWARAR ALAYAM	BATU CAVES	25,000.00	BINA SEMULA
14	OM SRI MAHA SAKTHI DURGAI AMMAN	BATU CAVES	5,000.00	BAIK PULIH
15	PERTUBUHAN PENGURUSAN KUIL SERI MAHA MARIAMMAN BUKIT BERUNTUNG	BUKIT BERUNTUNG	20,000.00	BAIK PULIH
16	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN DAMANSARA JAYA	DAMANSARA JAYA	40,000.00	BAIK PULIH
17	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA KUIL SRI NAGESWARI MUNESWARAN ALAYAM	HULU SELANGOR	25,000.00	BAIK PULIH
18	KUIL SIVA SUBRAMANAR	HULU YAM BAHRU	40,000.00	BAIK PULIH



19	KUIL SRI THANDAYUTHABANI	JERAM	10,000.00	BINA SEMULA
20	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI MELANGGALA PARAM ALAYAM	JERAM	8,000.00	BAIK PULIH
21	PERSATUAN PENGANUT SHREE UCHI VINAYAR KAJANG	KAJANG	10,000.00	BAIK PULIH
22	PERSATUAN PENGANUT MAHA SITI VINAYAGAR	KAJANG	10,000.00	BAIK PULIH
23	PERSATUAN PENGANUT SRI KALUMALAI KARUMARIAMMAN	KAJANG	15,000.00	BAIK PULIH
24	PERSATUAN PENGANUT SRI KATPAGA VINAYAGAR THEVASTANAM	KAJANG	20,000.00	BINA SEMULA
25	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KAPAR	30,000.00	BAIK PULIH
26	SHRI BALATHANDAYUTHAPANI TEMPLE	KAPAR	40,000.00	BAIK PULIH
27	PERSATUAN PENGANUT AGAMA HINDU SRI MUNISWARAR MARIAMMAN AALAYAM	KAPAR	10,000.00	BAIK PULIH
28	TETUAN KUIL ARULTHIRU SRI GANGATHARA	KERAYONG	10,000.00	BINA SEMULA
29	KUIL ARULMIGU SRI SUBRAMANIAR	KERLING	30,000.00	BAIK PULIH
30	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI MAHA MARIAMMAN	KERLING	40,000.00	BAIK PULIH
31	PERSATUAN KEBAJIKAN KAUM HINDU TAMAN SENTOSA	KLANG	50,000.00	BAIK PULIH
32	SRI SUBRAMANIAR SWAMY ALAYAM	KLANG	50,000.00	BAIKPULIH
33	SRI SELVA VINAYAGAR TEMPLE	KLANG	30,000.00	BINA SEMULA
34	PERSATUAN PENGURUSAN DEVI SRI MAHA KALIGAMBAL	KLANG	45,000.00	BAIK PULIH
35	OM SAKTHI SPIRITUAL & CHARITABLE ASSOCIATION	KLANG	5,000.00	AKTIVITI KUIL
36	SRI SITHI VINAYAGAR KOVIL BUILDING FUND	KUALA KUBU BHARU	50,000.00	BINA SEMULA
37	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN FELDA GEDANGSA	KUALA KUBU BHARU	40,000.00	BAIK PULIH
38	PERSATUAN PENGANUT AGAMA HINDU SRI MUNESWARAR	KUALA KUBU BHARU	30,000.00	BAIK PULIH
39	SRI SUBRAMANIAR SWAMY ALAYAM	KUALA SELANGOR	30,000.00	BAIK PULIH
40	KUIL SRI SUBRAMANIAR	LADANG PERMATANG	20,000.00	BAIK PULIH

41	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	LUNDERSTAND ESTATE	10,000.00	BAIK PULIH
42	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	MERU	8,000.00	BAIK PULIH
43	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI SUBRAMANIAR	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
44	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI MAHA MUNISWARAR	PELABUHAN KLANG	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
45	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA KALIAMMAN	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
46	GURDWARA SAHIB PORT KLANG	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
47	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	PETALING JAYA	20,000.00	BINA SEMULA
48	THIRUMURUGAN ALAYAM	PETALING JAYA	10,000.00	BINA SEMULA
49	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MAHA MARIAMMAN BATU 14 PUCHONG	PUCHONG	50,000.00	BINA SEMULA
50	PERSATUAN PENGANUT DEWI ARULMIGU SRI NAGAKALI JAI MUNISWARAR	PUCHONG	10,000.00	BINA SEMULA
51	MALAYSIA HINDU SANGAM SELANGOR STATE COUNCIL	PUCHONG	50,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
52	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI MAHA MARIAMMAN	PULAU CAREY	3,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
53	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI THANDAYUTHABANI	RASA	10,000.00	BAIK PULIH
54	KUIL SUBRAMANIAR ALAYAM	RAWANG	50,000.00	BINA SEMULA
55	PENGANUT SRI MAHA MARIAAMMAN	RAWANG	10,000.00	BINA SEMULA
56	KUIL SRI SITTY VINAYAGAR	RAWANG	40,000.00	BAIK PULIH
57	PERSATUAN PEMBINAAN KUIL ARULMIGU MAHA MARIAMMAN	SALAK TINGGI	50,000.00	BINA SEMULA
58	KUIL SRI SUBRAMANIAR SEMENYIH	SEMENYIH	15,000.00	BAIK PULIH
59	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA VAPELEY MARIAMMAN ALAYAM	SEMENYIH	20,000.00	BAIK PULIH
60	KUIL SUBRAMANIAR TEMPLE SEPANG SELANGOR	SEPANG	25,000.00	BINA SEMULA
61	PERSATUAN PENGIKUT-PENGIKUT DEWA SRI RAMAR SUBRAMANIAR	SEPANG	10,000.00	BAIK PULIH
62	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MARAKTHA VINAYAGAR	SERDANG LAMA	10,000.00	BAIK PULIH
63	PERTUBUHAN PEMBINAAN KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	SHAH ALAM	24,000.00	BAIK PULIH

64	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT KUIL SRI MARIAMMAN	SHAH ALAM	30,000.00	BINA SEMULA
65	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI ERATAI MUNISHWARER AMMAN	SHAH ALAM	10,000.00	BAIK PULIH
66	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	SHAH ALAM	300,000.00	PEMINDAHAN BANGUNAN
67	KUIL SRI PERUMAL SIMPANG MORIB	SIMPANG MORIB	10,000.00	BINA SEMULA
68	KUIL SRI MAHA KALIAMMAN BUILDING FUND	SRI SERDANG	25,000.00	BINA SEMULA
69	PERSATUAN SAIVA NARPANI MALAYSIA	SUBANG JAYA	6,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
70	PERSATUAN PENGANUT KUIL SIVATHURGAI AMMAN	SUNGAI MANGGIS	15,000.00	BAIK PULIH
71	JAWATANKUASA PEMBINAAN KUIL SRI MARIAMMAN	TAMAN SRI MUDA	35,000.00	BAIK PULIH
72	KUIL SRI SUBRAMANIYAR	TELOK DATOK	20,000.00	BINA SEMULA
73	KLANG SUBRAMANIA SWAMY TEMPLE	TELUK PULAI	40,000.00	BINA SEMULA
74	SRI MAHA MARIAMMAN KUIL DEVASTHANAM	UPM	10,000.00	BAIK PULIH
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2,064,000.00</b>	

## SENARAI TOKONG YANG MENERIMA BANTUAN TAHUN 2009

BIL	NAMA AKAUN RUMAH IBADAT	LOKASI	JUMLAH (RM)	KEGUNAAN
1	TOKONG TIAN DI GONG	AMPANG	10,000.00	BINA SEMULA
2	RUMAH BERHALA SIN TIONG HU	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
3	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT TOKONG SAM KAU	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
4	PERSATUAN PENGANUT TOKONG THAI SIN THONG	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
5	PERSATUAN PENGANUT DEWA FUT FATT PANDAN INDAH	AMPANG	10,000.00	BINA SEMULA
6	PERSATUAN PENGANUT DEWI TIAN FU CHERAS	BAIK PULIH	5,000.00	BAIK PULIH
7	PERSATUAN PENGANUT DEWA NA DU	BALAKONG	2,500.00	BAIK PULIH
8	TOKONG GEOK ONG MEOW	BANGI	5,000.00	BAIK PULIH
9	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG CHIU TECK	BANTING	10,000.00	BAIK PULIH
10	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SHENG TI BATANG KALI	BATANG KALI	5,000.00	BAIK PULIH
11	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA HONG PAO JI GONG KUALA LU MPUR DAN SELANGOR	BATANG KALI	5,000.00	BAIK PULIH
12	PERSATUAN PEMBINAAN TOKONG MING SING	BATU BELAH KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
13	PERSATUAN PEMBINAAN RUMAH BERHALA KUA NA KENG	BATU CAVES	8,000.00	BAIK PULIH
14	PERSATUAN PENGANUT AGAMA TAO YU XU GONG	BATU CAVES	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
15	DATO TEMPLE BATANG BERJUNTAI	BESTARI JAYA	5,000.00	BAIK PULIH
16	RUMAH BERHALA THIAN HOCK KENG	BUKIT KUDA	5,000.00	BAIK PULIH
17	PERSATUAN PENGANUT DEWI TIAN FU CHERAS	CHERAS	5,000.00	BAIK PULIH
18	PERSATUAN PENGANUT DEWA LIN HWEE BEO	CHERAS	20,000.00	BAIK PULIH

19	PERSATUAN PENGANUT DEWI TIEN FU	CHERAS	5,000.00	BAIK PULIH
20	PERSATUAN PENGANUT KENG PING KUAN YIM	CHERAS	5,000.00	BAIK PULIH
21	PERSATUAN KEBAJIKAN LEN WAH SAMATHACHI DENGKIL	DENGKIL	5,000.00	BAIK PULIH
22	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH-RUMAH IBADAT KAUM TIONG HUA	HULU LANGAT	5,000.00	BAIK PULIH
23	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIEN HOCK CHIN LONG SIMPANG TIGA IJOK	IJOK	10,000.00	BINA SEMULA
24	PERSATUAN PENGANUT HWA KWANG DAI THE	JENJAROM	5,000.00	BAIK PULIH
25	PERTUBUHAN AKHLAK MAITREYA MALAYSIA	JENJAROM	5,000.00	BAIK PULIH
26	PERSATUAN PENGANUT DEWA SIN FATT SI KONG	JERAM	5,000.00	BAIK PULIH
27	PERSATUAN PENGANUT DEWA NAM YIN TONG	JERAM	3,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
28	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN SHENG GONG	JERAM	3,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
39	PERSATUAN AGAMA BUDDHA ZHEN FO ZONG	JERAM	8,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
30	PERSATUAN PENGANUT DEWA ANG KONG	JERAM	5,000.00	BAIK PULIH
31	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA TIN HONG SZE	KAJANG	5,000.00	BAIK PULIH
32	TOKONG LEE ONN	KAJANG	5,000.00	BAIK PULIH
33	PERSATUAN PENGANUT DEWA HENG HUA FOO KAPAR	KAPAR	15,000.00	BAIK PULIH
34	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA TIEN HUAT WEILING DESA JAYA	KEPONG	10,000.00	BAIK PULIH
35	PERSATUAN BINAAN RUMAH BERHALA TIAN FATT WAI LING	KEPONG	2,500.00	BAIK PULIH
36	PERSATUAN PENGANUT DEWI KUAN YIN TANG	KERLING	5,000.00	BAIK PULIH
37	PERSATUAN PENGANUT DEWA YUN FENG TAN	KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
38	PERSATUAN AJARAN BUDDHA CHUAN LENG KENG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
49	PERSATUAN PENGANUT DEWA MA SAN	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
40	PERSATUAN PENGANUT DEWA LOONG YAN KEONG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH

41	PERSATUAN PEGANUT DEWA YUN FENG	KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
42	AMITABHA GUAN ZI ZAI BUDDHIST SOCIETY	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
43	AMITABHA GUAN ZI ZAI BUDDHIST SOCIETY	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
44	PERSATUAN PENGANUT DEWA LIANG MU KONG	KLANG	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
45	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN SENG KENG	KLANG	20,000.00	BINA SEMULA
46	PERTUBUHAN CONFUCIAN CHUNG HUI KLANG	KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
47	PERSATUAN PENGANUT DEWA SOON LENG KENG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
48	JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH BERHALA KAI HONG HOO	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
49	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA LI FU ERH TAI TZE	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
50	PERSATUAN PENGANUT DEWA LONG HE KONG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
51	RUMAH BERHALA CHONG KONG TONG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
52	PERSATUAN PENGANUT DEWA CHEM LUI TUAH	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
53	PERSATUAN PENGANUT DEWA KIM LING	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
54	RUMAH BERHALA HONG SAN SI	KLANG	5,000.00	PERALATAN KELAS AGAMA
55	CHEE HONG TENG	KLANG	10,000.00	PERALATAN KELAS KEAGAMAAN
56	JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH BERHALA HWA KONG	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
57	PERSATUAN PENGANUT DEWA TEOH KONG SENG KON	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
58	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SHENG KENG	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
59	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA PAK KEK KENG	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
60	PERSATUAN PEMBINAAN TOKONG CHIN SWEE KENG	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
61	PERTUBUHAN CONFUCIAN HUI DE	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
62	PERSATUAN PENGANUT DEWA TEW SENG KENG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
63	PERSATUAN PENGANUT DEWA THEAN HOCK KONG	KLANG	5,000.00	BINA SEMULA

64	PERSATUAN PENGANUT LOONG JIANG TANG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
65	PERSATUAN PENGANUT DEWA CHING LIM SHI	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
66	PERSATUAN PENGANUT DEWA CHEW YEE TONG KLANG	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
67	PERASATUAN PENGANUT DEWA KHONG HOCK KONG	KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
68	TIAM YAM TOH TENG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
69	PERSATUAN PENGANUT DEWI CHE TIAN KENG	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
70	PERSATUAN PENGANUT KUAN YIN KERK	KUALA KUBU BAHRU	5,000.00	BAIK PULIH
71	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG YEOW NAM TUIN	KUALA KUBU BAHRU	5,000.00	BAIK PULIH
72	PERSATUAN PENGANUT DEWA SZE YEAH KONG	KUALA KUBU BAHRU	8,000.00	BAIK PULIH
73	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT BUDDHA TANJONG SEPAT	KUALA LANGAT	10,000.00	BAIK PULIH
74	BUDDHIST MISSIONARY SOCIETY BUILDING FUND	KUALA LUMPUR	50,000.00	BINA SEMULA
75	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIEN FU KONG	KUALA SELANGOR	5,000.00	BAIK PULIH
76	PERSATUAN PENGANUT DEWA JIXIAN	KUALA SELANGOR	10,000.00	BAIK PULIH
77	PERSATUAN BINAAN RUMAH BERHALA HOCK LENG KENG	KUALA SELANGOR	5,000.00	BAIK PULIH
78	PERSATUAN PENGANUT DEWA JIXIAN	KUALA SELANGOR	10,000.00	BAIK PULIH
79	PERSATUAN PENGANUT BAN PUT SZE	KUALA SELANGOR	5,000.00	BAIK PULIH
80	JAWATANKUASA TOKONG TIAN HOCK	KUALA SELANGOR	5,000.00	BAIK PULIH
81	PERSATUAN PENGANUT DEWA QI JIAN XIAN SHI	KUALA SELANGOR	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
82	PERSATAUAN BINAAN RUMAH BERHALA TIAN HOON KONG KLANG	MERU	5,000.00	BAIK PULIH
83	PERSATUAN BINAAN RUMAH BERHALA PUT POH KING	MERU	10,000.00	BAIK PULIH
84	PERSATUAN PENGANUT DEWA ZEN TAO	PANDAMARAN	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
85	PERSATUAN BINAAN RUMAH BERHALA SOON HOCK	PANDAMARAN	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
86	PERTUBUHAN AKHLAK MAITREYA MALAYSIA	PANDAMARAN	10,000.00	BINA SEMULA
87	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SEH KEONG	PANDAMARAN	10,000.00	BINA SEMULA

88	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SOON TEY	PANDAMARAN	5,000.00	BAIK PULIH
89	JAWATANKUASA PEMBINAAN RUMAH BERHALA LIAN FOOK	PANDAMARAN	5,000.00	BAIK PULIH
90	LIAN HUA TIEN POH KENG	PANDAMARAN	5,000.00	BAIK PULIH
91	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN HE	PANDAMARAN	10,000.00	BINA SEMULA
92	PERSATUAN PENGANUT DEWA FENG SAN SI	PASIR PENAMBANG	5,000.00	BAIK PULIH
93	PERSATUAN PENGANUT DEWA CHUI BER	PASIR PENAMBANG	10,000.00	BINA SEMULA
94	PERSATUAN PENGANUT DEWA HOCK SENG KONG	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
95	PERSATUAN PENGANUT DEWA SAM HOE KIEAN	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
96	PERSATUAN PENGANUT DEWA LENG HOON KEONG	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
97	PERSATUAN PENGANUT DEWA GEOK THIAN KEONG	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
98	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN HE	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
99	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SEH KEONG	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
100	PERSATUAN PENGANUT DEWA SAM HOE KIEAN	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
101	PERSATUAN PENGANUT BUDDHA MILE FOTANG	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
102	PERSATUAN PENGANUT DEWA KENG HOON	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
103	PERSATUAN PENGANUT DEWA GEOK THIAN KEONG	PELABUHAN KLANG	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
104	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN NAM KENG	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
105	PERSATUAN PENGANUT DEWA CI XHU MIAO	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
106	PERSATUAN DRAMA OI KOON	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
107	PERSATUAN PENGANUT DEWA CHUN ONG KENG	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
108	YUAN LIN ZHOT BUDDIST TEMPLE	PETALING JAYA	15,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
109	RUMAH BERHALA SUN HOON KEONG KONG TEIK CHOON ONG	PETALING JAYA	4,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
110	PERTUBUHAN PENGANUT BUDDHA PHENDE LEKSHEY LING	PETALING JAYA	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
111	PERTUBUHAN PENGANUT BUDDHA PHENDE LEKSHEY LING	PETALING JAYA	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN



112	RUMAH BERHALA SAU SENG LUM	PETALING JAYA	10,000.00	BAIK PULIH
113	SAKYAMUNI DHARMA CENTRE	PETALING JAYA	50,000.00	BINA SEMULA
114	BANDAR UTAMA BUDDHIST SOCIETY	PETALING JAYA	10,000.00	BAIK PULIH
115	PERTUBUHAN PEMBINAAN RUMAH BERHALA PO SENG KENG	PULAU KETAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
116	JAWATANKUASA PEMBINAAN RUMAH BERHALA NAN THIAN KENG	PULAU KETAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
117	PERSATUAN PEMBINAAN RUMAH BERHALA HOCK LENG KENG	PULAU KETAM	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
118	JAWATANKUASA PEMBINAAN RUMAH BERHALA NAN THIAN KENG	PULAU KETAM	5,000.00	BINA SEMULA
119	PERSATUAN PEMBINAAN RUMAH BERHALA HOCK LENG KENG	PULAU KETAM	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
120	PERTUBUHAN PENGANUT BUDDHA PULAU KETAM	PULAU KETAM	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
121	PERSATUAN PENGANUT DEWA CHEE SIAN TONG	PULAU KETAM	10,000.00	BAIK PULIH
122	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA TAI SHIANG LAO KUN	PULAU KETAM	10,000.00	BAIK PULIH
123	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA HOCK HAI SG LIMA	PULAU KETAM	10,000.00	BAIK PULIH
124	PERSATUAN PENGANUT TOKONG KUAN TI	RAWANG	5,000.00	BAIK PULIH
125	PERSATUAN UGAMA SUCI SABAK BERNAM	SABAK BERNAM	5,000.00	PERALATAN KELAS KEAGAMAAN
126	JAWATANKUASA PRB SIN HUAT SOO KONG KU MAO	SABAK BERNAM	10,000.00	BINA SEMULA
127	JAWATANKUASA PRB SIN HUAT SOO KONG KU MAO	SABAK BERNAM	10,000.00	BINA SEMULA
128	JAWATANKUASA RUMAH BERHALA HUAT SOO	SABAK BERNAM	5,000.00	PERALATAN KELAS AGAMA
129	PERSATUAN PENGANUT BUDDHA SABAK BERNAM	SABAK BERNAM	10,000.00	BINA SEMULA
130	PERSATUAN DEWA ZHONG XIAN TING	SABAK BERNAM	5,000.00	BAIK PULIH
131	PERSATUAN PENGANUT BUDDHA FOH GUANG TANG	SABAK BERNAM	10,000.00	BINA SEMULA
132	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA	SEKINCHAN	5,000.00	AKTIVITI

	XIANFA SHIGONG KU MIAO			KEAGAMAAN
133	PERTUBUHAN PENGURUSAN TOKONG THEAN HOK KION	SEKINCHAN	5,000.00	BAIK PULIH
134	PERSATUAN PENGANUT DEWA JIU WANG YE	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
135	JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH BERHALA HAINAM SWEE BUEY TING NIANG	SEKINCHAN	5,000.00	BAIK PULIH
136	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA KUAN TI	SEKINCHAN	5,000.00	BAIK PULIH
137	PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDDHA FO GUANG	SEKINCHAN	5,000.00	BAIK PULIH
138	PERSATUAN PENGANUT DEWA LEE FU THONG JOO	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
139	PERSATUAN PENGANUT NAN HAI KUAN YIN	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
140	PERSATUAN CHI KONG KOR BIO	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
141	PERSATUAN PENGANUT DEWA YOKE WONG	SELAYANG	2,500.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
142	PERSATUAN PENGANUT DEWA NATOTING SEPANG	SEPANG	5,000.00	BAIK PULIH
143	PERSATUAN BUDDHIS DAERAH SEPANG	SEPANG	5,000.00	BINA SEMULA
144	MAHA KARUNA BUDDHIST SOCIETY	SHAH ALAM	10,000.00	BAIK PULIH
145	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG HUI LENG KONG	SUNGAI BESAR	10,000.00	BINA SEMULA
146	SIAN CHAI TONG ZHI	SUNGAI BESAR	5,000.00	BAIK PULIH
147	PERSATUAN BINAAN RUMAH BERHALA HOCK LENG KENG	SUNGAI BULOH	5,000.00	BAIK PULIH
148	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG HUI LENG KONG	SUNGAI BURONG	10,000.00	BINA SEMULA
149	PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDHHA SUNGAI PELEK	SUNGAI PELEK	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
150	PERSATUAN PENGANUT DEWA FATT XI KONG	TANJONG KARANG	5,000.00	BAIK PULIH
151	PERSATUAN PENGANUT DEWA SIAN HUAT SHI KONG	TANJONG KARANG	10,000.00	BAIK PULIH
152	PERSATUAN PENGANUT DEWI MAH CHOY TANJONG SEPAT	TANJONG SEPAT	10,000.00	BAIK PULIH

153	JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH BERHALA SOON TEIN KONG	TANJONG SEPAT	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
154	PERSATUAN PENGANUT DEWA THIAN HOCK	TANJUNG KARANG	5,000.00	BAIK PULIH
155	PERSATUAN PENGANUT DEWA FATT SEE KONG	TANJUNG KARANG	5,000.00	BAIK PULIH
156	RUMAH BERHALA BA XIAN	TANJUNG KARANG	5,000.00	BAIK PULIH
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,171,500.00</b>	

## SENARAI KUIL YANG MENERIMA PERUNTUKAN TAHUN 2009

BIL	NAMA AKAUN RUMAH IBADAT	LOKASI	JUMLAH (RM)	KEGUNAAN
1	PERSATUAN PENGANUT OM AAM ALAYAM AMPANG	AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
2	SRI RAJA RAJESWARY TEMPLE	AMPANG	20,000.00	BAIK PULIH
3	KUIL SRI MARIAMMAN	AMPANG	50,000.00	BINA SEMULA
4	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI SAMUNDI EASWARY	BANDAR SUNWAY	10,000.00	BAIK PULIH
5	PERSATUAN PENGANUT SREE KAASI VISALATCHI VISVANATHAR	BANDAR TASIK PUTERI	10,000.00	BINA SEMULA
6	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	BANTING	25,000.00	BINA SEMULA
7	KUIL SRI MAHA KARUMARIAMMAN JUGRA	BANTING	5,000.00	BAIK PULIH
8	ARULMIHU SUPERAMANIAR ALAYAM	BANTING	50,000.00	BINA SEMULA
9	KUIL SRI SUBRAMANIYAR	BANTING	20,000.00	BINA SEMULA
10	KUIL SRI THANDAYUTHAPANI	BATANG BERJUNTAI	50,000.00	BINA SEMULA
11	KUIL SRI SIVA SUBRAMANIAR	BATANG KALI	5,000.00	BINA SEMULA
12	PERSATUAN AJARAN ARULMIGU SRI GURU DHKSINAMOORTHY SWAMIGAL	BATANG KALI	5,000.00	BAIK PULIH
13	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA MARIAMMAN	BATU CAVES	10,000.00	BINA SEMULA
14	KUIL SRI SIVAMAGHAMARIAMMAN	BATU CAVES	10,000.00	BAIK PULIH
15	SRI RAMAR ALAYAM	BATU CAVES	50,000.00	BINA SEMULA
16	PERSATUAN PENGANUT SRI SITHI VINAYAGAR	BERANANG	15,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
17	KUIL SRI SUBRAMANIYAR BUKIT BELIMBING	BUKIT BELIMBING	50,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
18	PERSATUAN SIVASANGKARI SAIVA SANMARKA	CHERAS	10,000.00	BAIK PULIH
19	SRI MAYURA NATHAR ALAYAM	DENGKIL	30,000.00	BAIK PULIH
20	KUIL SRI SELVA VINAYAGAR SERENDAH	HULU SELANGOR	30,000.00	BINA SEMULA
21	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	IJOK	10,000.00	BAIK PULIH

22	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	IJOK	10,000.00	BINA SEMULA
23	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	JERAM	10,000.00	BAIK PULIH
24	KUIL SRI MAHA KARU MARIAMMAN	KAJANG	10,000.00	BINA SEMULA
25	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI MAHA MARIAMMAN	KALUMPANG	5,000.00	PERALATAN KELAS KEAGAMAAN
26	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KAPAR	10,000.00	BAIK PULIH
27	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN KAPAR	KAPAR	5,000.00	BAIK PULIH
28	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN LADANG ATHLONE	KAPAR	10,000.00	BAIK PULIH
29	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SRI MAHA IRATTAI MUNIANDY	KAPAR	10,000.00	BAIK PULIH
30	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN LADANG ATHLONE	KAPAR	10,000.00	BAIK PULIH
31	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KAPAR	10,000.00	BAIK PULIH
32	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SRI MAHA IRATTAI MUNIANDY	KAPAR	10,000.00	BAIK PULIH
33	THIRUMURUGAN ALAYAM DESA JAYA	KEPONG	10,000.00	PERALATAN KELAS KEAGAMAAN
34	PERSATUAN PENGANUT DEWA ISHAAN MALAYSIA	KLANG	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
35	PERSATUAN PENGANUT SRI AMMAN	KLANG	20,000.00	BAIK PULIH
36	KUIL SRI SIVAN	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
37	KUIL DEVI SRI MAHA KARUMARIAMMAN KLANG	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
38	KUIL SRI PADAIVETRI MARIAMMAN	KLANG	15,000.00	BAIK PULIH
39	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI MAHAMUNISWARAR	KLANG	8,000.00	BINA SEMULA
40	KUIL SRI BALA SUBRAMANIA SWAMY	KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
41	KUIL SRI PADAIVETRI MARIAMMAN	KLANG	15,000.00	BAIK PULIH
42	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA KALIAMMAN	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
43	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
44	PERSATUAN PENGANUT SRI AMMAN	KLANG	20,000.00	BAIK PULIH
45	OM SAI RAM SRI MAHA MARIAMMAN TEMPLE	KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
46	KUIL SRI MAHAMARIAMMAN (TREMELBYE)	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH

47	PERTUBUHAN SIVARAJAYOGI ATHIMOOLANAR YOGALAYAM & WP	KLANG	15,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
48	SRI MAHA MARIAMMAN TEMPLE	KLANG	30,000.00	BINA SEMULA
49	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KLANG	50,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN & BAIK PULIH
50	SRI SUNDARARAJA PERUMAL TEMPLE	KLANG	40,000.00	BAIK PULIH
51	SRI SUBRAMANAIR SWAMY ALAYAM	KLANG	20,000.00	BAIK PULIH
52	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA KALIAMMAN	KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
53	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA KARU MARIAMMAN	KOTA DAMANSARA	6,000.00	BAIK PULIH
54	SRI SAKTHI VINAYAGAR ALAYAM	KUALA AMPANG	10,000.00	BAIK PULIH
55	PERSATUAN PENGANUT AGAMA HINDU SRI MUNESWARAR	KUALA KUBU BHARU	5,000.00	BAIK PULIH
56	SRI MAHA MARIAMMAN KUIL	KUALA SELANGOR	100,000.00	BINA SEMULA
57	KOIL SITHI VINAYAGAR	MERU	15,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
58	KUIL SRI SITHI VINAYAGAR	PANDAMARAN	10,000.00	BAIK PULIH
59	MAYANA KALIAMMA	PANDAMARAN	10,000.00	BAIK PULIH
60	PERSATUAN PENGHAMALAN AJARAN HINDU SRI LINGESWARAR	PANDAN JAYA CHERAS	20,000.00	BAIK PULIH
61	PERTUBUHAN PENGANUT SRI MAHA MUNISWARAR	PELABUHAN KLANG	28,000.00	BAIK PULIH
62	KOVIL SRI MAHA MARIAMMAN PANDAMARAN JAYA	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
63	KUIL OM SRI PAANDIMUNI VETHAIKARAN KALIAMMAN	PELABUHAN KLANG	3,000.00	BINA SEMULA
64	SRI HARIKRISHNA SWAMY KOVIL	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
65	PERSATUAN PENGANUT SRI NAGAMMA	PELABUHAN KLANG	5,000.00	BAIK PULIH
66	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BAIK PULIH
67	PERTUBUHAN PENGANUT DEWI SOCOIL SRI MAHA MARIAMMAN	PELABUHAN KLANG	30,000.00	BAIK PULIH
68	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	PELABUHAN KLANG	10,000.00	BINA SEMULA
69	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	PETALING JAYA	10,000.00	BAIK PULIH

70	SRI MUNEESWARAR AMMAN TEMPLE	PETALING JAYA	10,000.00	BINA SEMULA
71	MALAYSIA HINDU SANGAM	PETALING JAYA	50,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
72	KUIL SRI GENGAI AMMAN	PETALING JAYA	20,000.00	BINA SEMULA
72	KUIL SRI SAKTHI EASWARI	PETALING JAYA	30,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
74	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI KUMARAVEL ALAYAM	PETALING JAYA	10,000.00	BINA SEMULA
75	PERSATUAN PENGANUT SRI ANANDA MURUGAN	PETALING JAYA	20,000.00	BINA SEMULA
76	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA SIVA SAKTHI ALAYAM	PETALING JAYA	10,000.00	BAIK PULIH
77	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI THURKAI AMMAN	PETALING JAYA	25,000.00	BINA SEMULA
78	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN DEVASTHANAM	PUCHONG	18,000.00	BAIK PULIH
79	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	PUCHONG	10,000.00	BINA SEMULA
80	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA KARUMARIAMMAN ALAYAM	PUCHONG	10,000.00	BINA SEMULA
81	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN DEVASTHANAM	PUCHONG	18,000.00	BAIK PULIH
82	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	PUCHONG	10,000.00	BINA SEMULA
83	KUIL SRI SRINIVASA PERUMAL DEVASTHANAM	PUCHONG	10,000.00	BAIK PULIH
84	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI THANDAYUTHABANI	RASA	5,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
85	ARULMIGU SRI SUBRAMANIYAR ALAYAM	RAWANG	50,000.00	BINA SEMULA
86	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	RAWANG	20,000.00	BINA SEMULA
87	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MAHA THURKAI AMMAN	RAWANG	15,000.00	BAIK PULIH
88	SRI VEERAKATHY VINAYAGAR TEMPLE	RAWANG	50,000.00	BINA SEMULA
89	KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN	RAWANG	10,000.00	BAIK PULIH
90	KUIL SRI THANDAYUTHAPANI	RAWANG	35,000.00	BAIK PULIH
91	KOIL SRI MATHURAI VEERAN	SEKINCHAN	10,000.00	BAIK PULIH
92	KOIL SRI MAHA MARIAMMAN	SEKINCHAN	25,000.00	BINA SEMULA

93	PERSATUAN PEMBINAAN KUIL SRI MUNISWARAR	SEKINCHAN	15,000.00	BINA SEMULA
94	PERSATUAN PENGIKUT SRI MAHA KALIAMMAN	SEMENYIH	16,000.00	BAIK PULIH
95	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN KUIL DEVASTHANAM	SERDANG	20,000.00	BINA SEMULA
96	KUIL SRI MAHA KALIAMMAN	SERI KEMBANGAN	20,000.00	BAIK PULIH
97	KUIL SRI MAHA KALIAMMAN	SERI KEMBANGAN	2,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
98	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI NAVA SAKTHI DURGAI	SERI KEMBANGAN	50,000.00	BINA SEMULA
99	ARUMUGU SRI MAHA MARIAMMAN DEWASTANAM	SHAH ALAM	10,000.00	AKTIVITI KEAGAMAAN
100	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI ERATAI MUNISHWARER AMMAN	SHAH ALAM	10,000.00	BAIK PULIH
101	KUIL SRI MARIAMMAN BUILDING FUND	SHAH ALAM	50,000.00	BINA SEMULA
102	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	SHAH ALAM	10,000.00	BINA SEMULA
103	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI ERATAI MUNISHWARER AMMAN	SHAH ALAM	10,000.00	BAIK PULIH
104	KUIL SRI MARIAMMAN BUILDING FUND	SHAH ALAM	50,000.00	BINA SEMULA
105	PERSATUAN PENGANUT SRI KALIKAMBAL KAMADESWARAR	SHAH ALAM	30,000.00	BAIK PULIH
106	PERSATUAN BINAAN KUIL PUVANESWAHWARI AMMAN	SHAH ALAM	50,000.00	BINA SEMULA
107	PERSATUAN PEMBINAAN KUIL SRI MUTU MARIAMMAN	SHAH ALAM	5,000.00	BINA SEMULA
108	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA DURGAIAMMAN	SHAH ALAM	5,000.00	BAIK PULIH
109	PERSATUAN PEMBINAAN KUIL SRI MAHA MUTU MARIAMMAN	SHAH ALAM	5,000.00	BINA SEMULA
110	KUIL SRI VARATHARAJAH PERUMAL NEW BUILDING	SUBANG JAYA	20,000.00	BINA SEMULA
111	KUIL SRI VARATHARAJAH PERUMAL NEW BULDING	SUBANG JAYA	20,000.00	BINA SEMULA
112	SRI MAHA MARIAMMAN ALAYAM	SUNGAI BESAR	10,000.00	BAIK PULIH
113	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI RAJA MARIAMMAN	SUNGAI BULOH	20,000.00	BAIK PULIH
114	PERTUBUHAN KUIL SRI MAHA MUTHU MARIAMMAN	SUNGAI BULOH	7,000.00	BINA SEMULA



115	KUIL SRI THANDAYUTHAPANI	SUNGAI BULOH	10,000.00	BAIK PULIH
116	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT RUMAH BERHALA SRI MAHA MARIAMMAN	SUNGAI BULOH	8,000.00	BAIK PULIH
117	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT KUIL SIVATHURGAI AMMAN MUNEESSWARAR THIRUKOVIL	SUNGAI MANGGIS	7,000.00	BAIK PULIH
118	KUIL SRI ATHISAYA VINAYAGAR	SUNGAI PELEK	10,000.00	BAIK PULIH
119	KUIL SRI ATHISAYA VINAYAGAR	SUNGAI PELEK	30,000.00	BINA SEMULA
120	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN LADANG TELUK MERBAU	SUNGAI PELEK SEPANG	5,000.00	BAIK PULIH
121	PERSATUAN PENGANUT SRI SUBRAMANIYAR ALAYAM	SUNGAI SEDU BANTING	10,000.00	BAIK PULIH
122	PERSATUAN PENGANUT DEVI SRI MAHA MARIAMMAN	SUNGAI SEDU BANTING	10,000.00	BAIK PULIH
123	PERSATUAN PENGANUT SRI MEENATCHI SOCKANATHAR	TAMAN SRI MANJA	10,000.00	BAIK PULIH
124	JAWATANKUASA PENGURUSAN KUIL SRI MAHA MARISMMAN	TANJONG KARANG	10,000.00	BAIK PULIH
125	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	TANJUNG SEPAT	50,000.00	BINA SEMULA
126	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	TELOK PANGLIMA GARANG	10,000.00	BAIK PULIH
127	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	TELUK MERBAU	25,000.00	BAIK PULIH
128	GURDWARA SAHIB AMPANG DEVELOPMENT COMMITTEE	ULU KLANG	20,000.00	BINA SEMULA
129	PERSATUAN PENGANUT SRI KALIKAMBAL KAMADESWARAR	USJ HEIGHT, EBOR ESTATE	30,000.00	BAIK PULIH
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2,336,000.00</b>	

**SENARAI TOKONG YANG DISOKONG UNTUK PEMBERIMILIKAN/PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM  
OLEH MESYUARATJAWATANKUASA HAL EHWAL SELAIN ISLAM MULAI TAHUN 2009 SEHINGGA 4 JULAI 2011**

BIL	PTD	PEMOHON	LOKASI	SAIZ KELULUSAN
<b>TAHUN 2009</b>				
1	Petaling	Persatuan Penganut Agama Buddha Fo Guang Malaysia	Pekan Puchong Perdana, Daerah Petaling.	4046 mp
2	Klang	Persatuan Penganut Dewa Lian Mu kong	Lot 19359 Seksyen 29, Bandar Klang, Daerah Klang	3892 mp (41,893 kp)
3	Klang	Persatuan Buddha Ti-Ratana Malaysia	PT 52681, Mukim Kapar, Daerah Klang Bagi Tujuan Bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (Tokong)	1578.27 mp (0.39 Ekar)
4	Kuala Langat	Persatuan Pengurusan Tokong Ban Siew Keng Jenjarom	Plot A,B dan C. Kawasan Bandar Jenjarom, Daerah Kuala Langat	1532 mp
5	Kuala Langat	Pemegang Amanah Persatuan Penganut Dewa Tung Loh, Sungai Jarom, Selangor	ML 101 Lot 3073 Di Kawasan Bandar Jenjarom, Daerah Kuala Langat	380 mp

6	Sabak Bernam	Persatuan Penganut Berhala Pak Sen Ko Bio.	PT 6548, Jalan 2, Bagan Sg Besar.	5,534 mp
<b>TAHUN 2010</b>				
7	Petaling	Persatuan Meditasi Fo Guang Shan Selangor	Taman Puncak Jalil, Mukim Petaling.	2023.42 mp (21,779.89 kp)
8	Petaling	Persatuan Amal Siao Ji Shi Kuala Lumpur	Damansara Damai, Mukim Sg Buloh.	2,165 mp (23,271.5 kp)
9	Petaling	Persatuan Penganut Buddha Serdang	Taman Bukit Serdang, Seksyen 13, Mukim Petaling.	1,982.8 mp (21,342.68 kp)
10	Petaling	Persatuan Penganut Agama Buddha Bodhi Puchong.	Jalan Tempua 3, Bandar Puchong Jaya.	1,860 mp (0.45962 ekar)
11	Klang	Persatuan Penganut Dewa Lian Mu Kong	Lot 19359 Seksyen 29 Bandar Klang, Bandar Klang	3892 mp ( 41,893 kp)
12	Klang	Persatuan Penganut Dewa Tien Huat. Persatuan Penganut Dewa Kuan Hup Kiong, Port Klang. Persatuan Penganut Dewa Tian	Jalan Batu Nilam 20, Bandar Bukit Tinggi, Mukim Klang.	2,625 mp (0.65 ekar)

		He Klang. Persatuan Penganut Dewa Kwan Hin		
13	Gombak	Persatuan Penganut Tokong Kuan Ti	Kampung Dato' Lee Kim Sai, Bandar Rawang Tambahan, Mukim Rawang Daerah Gombak	3,232 mp
14	Hulu Langat	Persatuan Penganut Shun Nam Gong	Batu 18, Taman Harmoni, Mukim Semenyih Daerah Hulu Langat.	809.38 mp (8,712 kp)
15	Hulu Langat	Persatuan Penganut Dewa Sakku	Lot 2354 Kg Baru Balakong, Mukim Cheras Daerah Hulu Langat.	713.25 mp (7,677.45 kp)
16	Kuala Langat	Persatuan Soon Tian Kong	Lot 185, Kawasan Jalan Sungai Durian, Kampung Bukit Jugra, Daerah Kuala Langat	2,190 mp (0.54 ekar)
17	Sepang	Persatuan Kebajikan Len Wah Samtaichi	Kampung Baru Cina, Pekan Dengkil, Daerah Sepang	10,000 kp
18	Sabak Bernam	Persatuan Penganut Chi Kong Kor Bio, Sekinchan	Pekan Sekinchan.	1,292.1 mp
19	Hulu Selangor	Malaysian Buddhist Association.	Jalan Kuala Kali, Bandar Batang Kali.	346 mp (3,724.31 kp)

<b>TAHUN 2011 (HINGGA 4 JULAI)</b>				
20	Hulu Langat	Persatuan Penganut Dewa Fai Loy Chee	Lot 49695 Kampung Baru Ampang Mukim Ampang Daerah Hulu Langat	372 mp
21	Klang / PTG	Kong Euee, Kua Swee In, Lee Mun Pee dan Yap Kim Tee	GM 3133 Lot 257 Seksyen 24 Mukim Kapar Daerah Klang	0.5362 hektar
22	Sabak Bernam	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Hainam Swee Buey Ting Niang	Plot B Jalan Tepi Sawah Pekan Sekinchan	1617 mp
23	Sabak Bernam	Pertubuhan Penganut Dewa Kuan Ti Sekinchan	Plot A Jalan Tepi Sawah Pekan Sekinchan	4579 mp
24	Sabak Bernam	Persatuan Penganut Nan Hai Kuan Yi Sekinchan	Plot A Jalan Bagan Sekinchan Pekan Sekinchan	1914 mp
25	Hulu Langat	Persatuan Penganut Dewa Fai Loy Chee	Lot 49695 Kampung Baru Ampang Mukim Ampang Daerah Hulu Langat	372 mp (4004 kp)
26	PTG / Klang	Persatuan Kebajikan Agama Buddha Selangor	Seksyen 31 Bandar Klang	0.1556 hektar
27	Kuala Selangor	Pertubuhan Rumah Berhala Nam Tian Kong	Pekan Kampung Tiram Buruk, Pekan Kampung Baru Hulu Tiram Buruk, Daerah Kuala Selangor	556.443 mp
28	Kuala Selangor	Persatuan Penganut Dewa Sian Huat Shi Kong.	Mukim Hujung Permatang.	329 mp

29	Kuala Selangor	Persatuan Penganut Dewa Fatt See Kong	No. 23 Kampung Tengkorak 45500 Tanjung Karang Selangor	3870 mp
30	Kuala Selangor	Persatuan Penganut Dewa Sei Ling	Pekan Pasir Penambang Daerah Kuala Selangor	2282.78 mp
31	Hulu Selangor	Persatuan Penganut Dewa Kuan Sheng Ti Batang Kali	Kampung Bukit Chandang Mukim Hulu Yam Daerah Hulu Selangor	2912 mp
32	Kuala Selangor	Persatuan Penganut Dewa Sian Huat Shi Kong / BIL 2/2011	Mukim Hujung Permatang Daerah Kuala Selangor	329 mp

**SENARAI KUIL YANG DISOKONG UNTUK PEMBERIMILIKAN/PEWARTAAN OLEH MESYUARAT JAWATANKUASA HAL  
EHWAL SELAIN ISLAM BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 4 JULAI 2011**

<b>BIL</b>	<b>PTD</b>	<b>PEMOHON</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>SAIZ KELULUSAN</b>
<b>TAHUN 2009</b>				
1	Petaling	Pertubuhan Kuil Sri Maha Muthu Mariamman	PT Plot 46, Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling	10,000 kp
2	Petaling	Pengurusan Kuil Sri Siva Durgai Amman.	Taman Puncak Jalil, Daerah Petaling Untuk Tujuan Tapak Kuil	2088 mp
3	Petaling	Pertubuhan Arul Yoga Ashrama	Lot 142 Dan Lot 143, Jalan 18/16, Petaling Jaya Daerah Petaling	1 ekar
4	Petaling	Persatuan Penganut Sri Maha Karumariamman Alayam	Seksyen 2, Taman Kinrara, Mukim Petaling, Daerah Petaling.Seluas 929 Meter Persegi	10,000 kp
5	Klang	Persatuan Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman	Taman Mutiara (Lot 50286),Bukit Raja 2, Mukim Kapar, Daerah Klang	2023.4 mp (0.5 ekar)

6	Klang	Pemegang Amanah Kuil Sri Maha Mariamman	PT 363560 Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar Daerah Klang	4,046.860 Meter Persegi (43,560 Kaki Persegi)
7	Gombak	Persatuan Penganut Sree Kaasi Visalatchi Visvanathan Thiru Kovil	Bandar Tasik Puteri , Mukim Rawang	0.76 hektar
8	Gombak	Pertubuhan Pengurusan Kuil Sri Subramaniyar Alayam	(Rumah Murah Batu 16 Rawang)	768 Meter Persegi
9	Hulu Langat	Persatuan Penganut Sri Sithivanayagar	Bandar Tasik Kesuma Mukim Beranang Daerah Hulu Langat	1497 mp
10	Hulu Langat	Persatuan Penganut Sivasangkari Saiva Sanmarka Dan Pemohon-Pemohon Lain	Taman Bukit Hatamas Mukim Hulu Langat	1619 mp
11	Hulu Selangor	Pemegang Amanah Sri Selva Vinayagar Temple	Lot 41 Seksyen 12 Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor	1,439 mp
12	Hulu Selangor	Pemegang Amanah Persatuan Penganut Agama Hindu Kuil Sri Mahamariamman Batang Kali	Taman Wawasan, Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor	1,411 mp
13	Hulu Selangor	Pengerusi Kuil, Kuil Sri Maha Mariaman	Bukit Beruntung Zone 5, Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor	1,218.83 mp



TAHUN 2010				
14	Petaling	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman	Damansara Damai, Mukim Sungai Buloh Daerah Petaling	2043 Meter Persegi (21,893.79 kaki persegi)
15	Petaling	Persatuan Pengurusan Kuil Merakatha Vinayagar	Serdang Lama Pekan Serdang. Daerah Petaling	1711 Meter Persegi (0.423 Ekar)
16	Petaling	Persatuan Penganut Agama Buddha Bodhi Puchongm, Selangor	Jalan PJS 8/9, Bandar Sunway, Mukim Damansara Daerah Petaling	929 mp (0.229 Ekar)
17	Kuala Langat	Chi Liung & Son Sdn Bhd Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Sithi Vinayagar	Hak Milik HS(D) 781, HS(D) 782, HS(D) 792, HS(D) 793, HS (D) 806 - HS(D) 808, HS(D) 856 Dan HS(D) 857 Di Teluk Bunut, Bandar Banting, Daerah Kuala Langat	4,219 mp
18	Kuala Selangor	Kuil Sri Thandayuthapani	Mukim Pekan Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor	1335.8 mp
19	Kuala Selangor	Kuil Sri Thandayuthapani Untuk Kuil Sri Muniswarar	Mukim Pekan Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor	281 mp
20	Hulu Selangor	Kuil Arulmigu Sri Subramaniar	Mukim Kerling Daerah Hulu Selangor	0.1211 ekar

21	Hulu Selangor	Kovil Sri Sithi Vinayagar	Bandar Kuala Kubu Bharu Daerah Hulu Selangor	569.5 mp
22	Hulu Selangor	Kuil Arulmigu Sri Thandayuthabani Rasa	Di Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor	825.35 mp
<b>TAHUN 2011(HINGGA 4 JULAI )</b>				
23	Klang	Persatuan Penganut Sri Amman	Bandar Parklands, Bukit Tinggi , Mukim Klang, Daerah Klang	2022 mp (0.5 ekar)
24	Sabak Bernam	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman Sungai Besar Jalan Bagan 45300 Sungai Besar	Kawasan Pekan Sungai Besar Daerah Sabak Bernam	3826 mp
25	Kuala Selangor	Pengerusi Sri Maha Mariamman Koil Bukit Rotan	Lot 1221 Pekan Bukit Rotan Daerah Kuala Selangor	4152.29 mp

**SENARAI TAPAK REZAB RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM YANG TERDAPAT DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

<b>BIL</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>KELUASAN</b>
1	MBSA – Daerah Petaling	Kuil Sri Maha Mariaman (Ladang Midlands, Seksyen 7	1.00 ekar
		Kuil Sri Puvaneswari Amman, Seksyen 16,	1.00 ekar
		Kuil Sri Maha Mariaman (Kg Rimba Jaya), Seksyen 16	0.70 ekar
		Kompleks Bangunan Keagamaan Bukan Islam, Seksyen 18 (6 Lot – 10,000 Kp Setiap Lot)	1.37 ekar
		Kuil Sri Maha Mariamman Seksyen 23	0.5 ekar
		Kuil Sri Maha Mariamman , Seksyen 28	1.00 ekar
		Kuil Maha Mariamman , Seksyen U1	1.00 ekar
		Tapak Kuil, Pembangunan Npo Builders, Seksyen U6	0.70 ekar
		Tokong (Yayasan Belia Buddist Malaysia), Seksyen U12	1.70 ekar
		Tokong (Persatuan Dhammaduta Malaysia), Seksyen U12,	1.30 ekar

		Tapak Kuil, No. 7, Jalan Setia Prima U U13/U, Seksyen U13	1.00 ekar
		Tapak Kuil, No. 2, Persiaran Setia Prima, Seksyen U13	0.50 ekar
		Kuil Sri Maha Mariamman, Jalan Metafasa A U16/A, Seksyen U16,	0.70 ekar
		Kuil Sri Naha Muthu Mariamman	0.36 ekar
		Tokong Berhala Ng Fook Koong Sungai Buloh	0.17 ekar
		Tokong Kuen Yin	0.75 ekar
	MBSA- Daerah Klang	Kuil Sri Maha Mariaman, Seksyen 25	0.35 ekar
		Kuil Sri Maha Mariamman, Seksyen 31	1.05 ekar
		Tokong Persatuan Penganut Agama Buddha, Seksyen 32,	0.84 ekar
		Kuil Sri Maha Mariamman , Seksyen 33, Shah Alam	0.25 ekar
		Kuil Hindu, Alam Impian, Seksyen 35, Shah Alam	0.46 ekar
2.	MPSJ	Tokong:- Subang Jaya – 2 Puchong – 0 Kinrara – 2 Seri Kembangan – 2 Bandar Putra Permai – 0	2.953 meter persegi

		Kuil:- Subang Jaya – 6 Puchong – 5 Kinrara – 2 Seri Kembangan – 4 Bandar Putra Permai – 1	9.208 meter persegi
3.	MPKj	Tiada	
4.	MPS	Tokong – 35 unit  Kuil – 54 unit	41947 meter persegi  416,830 meter persegi
5.	MPAJ	Tokong: Taman Sri Merdeka Ukay Perdana	0.16 ekar 0.2 ekar
6.	MPSp	Tapak-tapak rumah ibadat selain Islam :- Cyberjaya – 2 tapak Taman Putra, Puchong – 1 tapak Bandar Baru Salak Tinggi – 3 tapak	1.22 ekar 0.77 ekar 3.00 ekar

7.	MDKS	<p>Tokong – tiada</p> <p>Kuil – Bandar Seri Coalfields, Mukim Ijok</p> <p>Rezab Ibadat – Bandar Alam Perdana, Mukim Ijok (2 tapak)</p> <p>- Puncak Alam (Shah Alam 2)</p>	<p>3300 meter persegi</p> <p>12, 140.48 meter persegi</p> <p>2023.41 meter persegi</p>
8.	MDSB	Tiada	-
9.	MDHS	Tiada	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : PENGELUARAN GERAN TANAH**

38. Sejak kerajaan Pakatan memerintah Selangor, banyak permohonan tanah diluluskan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah permohonan tanah (bergeran) telah diluluskan?
- b) Daerah manakah paling banyak kelulusan diberikan?
- c) Mengapakah premium tanah begitu tinggi dikenakan?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah permohonan tanah (bergeran) yang telah diluluskan adalah seperti dalam jadual berikut :-

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN YANG DILULUSKAN</b>
1.	KLANG	51
2.	SABAK BERNAM	1230
3.	GOMBAK	2554
4.	HULU SELANGOR	420
5.	PETALING	596
6.	HULU LANGAT	1550
7.	KUALA SELANGOR	158
8.	KUALA LANGAT	72
9.	SEPANG	222
	<b>JUMLAH</b>	<b>6,853</b>

- b) Berdasarkan jadual tersebut, daerah yang paling banyak mendapat kelulusan adalah Daerah Gombak iaitu sebanyak 2554 permohonan.
- c) Kadar premium tanah adalah berdasarkan Kaedah Tanah Selangor di mana penilaian tanah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Kadar premium tanah begitu tinggi disebabkan oleh pembangunan dan kemajuan sesuatu tempat yang sedang meningkat maju. Berdasarkan rujukan dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, nilai tanah akan berubah-ubah setiap enam (6) bulan. Nilai tanah ditentukan oleh keadaan tapak, bentuk muka bumi, keadaan tanah, lokasi dan kawasan tanah tersebut berada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PELANCONGAN**

39. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah pelancong domestik dan asing yang datang berkunjung ke Negeri Selangor dan senarai kawasan tumpuan pelancong yang utama ?
- b) Sila nyatakan apakah promosi yang dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam usaha menjadikan Dun Sekinchan sebagai kawasan destinasi tumpuan pelancong yang unggul ?
- c) Sila nyatakan apakah kaedah sebaran yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan dan bagaimanakah tahap keberkesanan yang disasarkan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pelancong yang datang melawat Negeri Selangor pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut :-

<b>Kategori Pelancong</b>	<b>2010 ( Januari – April )</b>	<b>2011 ( Januari – April)</b>
Pelancong Tempatan	1,148,075	1,328,988
Pelancong Asing	838,331	1,037,747
<b>JUMLAH</b>	<b>1,986,406</b>	<b>2,366,735</b>

- Peningkatan sebanyak 16 %

Terdapat pelbagai kawasan tumpuan pelancongan yang utama di Negeri Selangor. Khusus bagi pelancongan Negeri Selangor terdapat 10 ikon mengikut susunan daerah yang menjadi tumpuan pelancong yang utama iaitu:

- |   |                  |
|---|------------------|
| i) Masjid Biru                                    | - Shah Alam      |
| ii) Bukit Malawati                                | - Kuala Selangor |
| iii) Galeri DiRaja Sultan Abdul Aziz              | - Klang          |
| iv) Sunway Lagoon                                 | - Petaling       |
| v) Kelip-Kelip                                    | - Kuala Selangor |
| vi) Dong Zen Monastery                            | - Kuala Langat   |
| vii) Sepang Goldcoast                             | - Kuala Langat   |
| viii) Batu Caves                                  | - Gombak         |
| ix) Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) | - Gombak         |
| x) Hutan Lipur Kanching                           | - Gombak         |
| xi) i-City (ikon pelancongan baru)                | - Shah Alam      |



- b) Pelbagai kaedah promosi yang telah dilaksanakan bagi tujuan mempromosikan Selangor oleh pihak Kerajaan dalam usaha menjadikan Dun Sekinchan sebagai kawasan destinasi tumpuan pelancong yang unggul di peringkat domestik dan antarabangsa.

1. Antara program yang telah diikuti bagi tujuan promosi adalah seperti berikut:

- i) Memperhebatkan dan merencanakan kempen Selangor Shines terutamanya yang melibatkan pergerakan Skuad Selangor Shines.
- ii) Tourism Selangor juga akan menyertai siri promosi pelancongan di luar Negara dengan memfokuskan kepada Negara-negara di Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah.
- iii) Tourism Selangor sentiasa berusaha mencari kewujudan produk dan destinasi baru yang terdapat di Negeri Selangor. Lawatan produk dilaksanakan bagi mengenalpasti kesesuaian produk dalam mengklasifikasikan produk sama ada bersesuaian untuk dipromosikan ke peringkat domestik, nasional ataupun antarabangsa.
- iv) Selain itu juga, Tourism Selangor sedang membangunkan risalah pelancongan bagi setiap daerah yang terdapat di Negeri Selangor. Di mana, setiap risalah tersebut lebih fokus dalam mengenengahkan produk dan destinasi pelancongan bagi setiap daerah-daerah tersebut.
- v) Tourism Selangor senantiasa juga mengemaskini laman sesawang yang sedia ada ([tourismselangor.my](http://tourismselangor.my)) dengan pelbagai informasi terbaru yang diyakini mampu menarik perhatian para pelawat laman sesawang dan seterusnya melawat produk dan destinasi pelancongan di Negeri Selangor.
- vi) Skuad Selangor Shines juga bertindak melaksanakan program bersama AEON di 3 buah pusat membeli-belah AEON yang terpilih bagi mempromosikan Negeri Selangor sebagai destinasi pilihan pelancongan domestik mahupun antarabangsa iaitu;
  - AEON Jusco Bukit Indah, Johor Bahru
  - AEON Jusco Mahkota Cheras, Selangor
  - AEON Jusco Ayer Keroh, Melaka
- v) Di samping itu juga, Skuad Selangor Shines juga mempunyai strategi dalam mempromosikan Negeri Selangor kepada pelajar-pelajar sekolah menengah sebagai sasaran jangka panjang dengan mengadakan lawatan ke 90 buah sekolah yang mempunyai Kelab Kembara atau Kelab Pelancongan di sekolah sepanjang tahun 2011 yang telahpun bermula pada 28 Februari 2011.
- vii) Bagi tahun 2011 juga, Tourism Selangor mempunyai program khas bersamapihak KTMB iaitu bagi pengguna "ETS Train" yang melibatkan

lalu Seremban-KL Sentral- Ipoh. Di mana, pihak ini telah membenarkan Tourism Selangor meletakkan bahan promosi pelancongan Negeri Selangor iaitu buku panduan “Selangor Breakaway” ke dalam setiap poket kerusi penumpang “ETS Train”.

Program promosi peringkat antarabangsa yang telah disertai dan bakal disertai sepanjang 2011:

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Destinasi</b>	<b>Tarikh</b>
1.	Asean Travel Fair	Phnom Penh, Cambodia	15 – 21 Jan 2011
2.	Fascinating Malaysia Travel Fair Selangor	Singapore	21 – 23 Jan 2011
3.	Seminar & Travel Mart for Central Region	Singapore	22 Mac 2011
4.	PATA Beijing	China	9 – 12 Apr 2011
5.	ITHF, Jakarta	Indonesia	8 – 10 Apr 2011
6.	Arabian Travel Mart	UAE	2 – 5 Mei 2011

2. Program promosi peringkat domestik sepanjang 2011:

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>
1.	MASUM 2011	14 – 16 Januari 2011
2.	Le Tour de Langkawi (Skuad Selangor Shines)	28 – 29 Januari 2011
3.	Sambutan 3 tahun Pentadbiran Negeri Selangor Dan Pelancaran Buku Jingga	5 – 6 Mac 2011
4.	Pesta Air, Bagan Lalang	19 – 20 Mac 2011
5.	Skuad Selangor Shines – Di Peringkat Sekolah-Sekolah Negeri Selangor (Keseluruhan ialah 90 buah sekolah)	Sepanjang 2011 bermula dari 28 Februari 2011
6.	Skuad Selangor Shines-Program Promosi Bersama AEON Jusco (Bukit Indah Johor, Mahkota Cheras, Ayer Keroh Melaka)	Sepanjang 2011 bermula dari 15 April 2011
7.	Matta Fair (Johor, Sabah, Sarawak, Kelantan)	Sepanjang 2011
8.	Misi Jualan Domestik, Sarawak	5 – 11 April 2011
9.	Selangor Heritage Photo Carnival	4 Jun 2011
10.	Sepang Super Japan GT	18 – 19 Jun 2011
11.	Karnival Kraf Negeri Selangor	25 – 26 Jun 2011

c) Kaedah sebaran yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan adalah seperti berikut:

i) Percetakan bahan risalah dan brosur pelancongan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Bahan Promosi Bercetak</b>
1.	CD Selangor Breakaway
2.	DVD Selangor
3.	Peta pelancongan Selangor
4.	Risalah Selangor (general)
5.	Homestay in Selangor
6.	Selangor Coffee Table
7.	Risalah Pelancongan Setiap Daerah

ii) Terbitan majalah, akhbar, laman sesawang dan media elektronik

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Bahan Promosi Bercetak</b>
1.	Keluaran khas Selangor Vision
2.	Majalah Travel 3 Sixty°
3.	Majalah Libur
4.	Gaya Travel Nusantara
5.	Selangor Vision
6.	Laman Web 701 Panduan

iii) Billboard

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Billboard</b>	<b>Lokasi</b>
1.	Billboard 11" x 41"	a) Kuala Lumpur b) Pulau Pinang c) Langkawi d) Johor e) Melaka f) Kota Kinabalu g) Sarawak h)
2.	Unipole 20' x 80' x 2 sided	Km 5.5 (NB) dari KLIA ke Plaza tol
3.	Billboard 15' (H) x 36' (W)	Terminal Building Along Main Driveway, LCCT
4.	Mini Billboard 4' (H) x 11' (W)	Satellite Building West Arm, KLIA
5.	Billboard 10' x 40'	a) KLIA (selepas Plaza tol) ke Putrajaya Interchange b) Putrajaya Interchange ke KLIA berhampiran R & R Dengkil
6.	Mini Unipole	Subang Sky Park

iv) Familiarization Tour (Fam Tour)

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>
1.	Fam Tour bagi Agensi Pelancongan Singapura	28 – 31 Jan 2011
2.	Selangor Shines Fam Tour 2011	24 – 27 September 2011

Berdasarkan tahap keberkesanan yang disasarkan, ia dapat dilihat dari jumlah kehadiran pelancong dan jumlah perbelanjaan pelancong. Butiran adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kehadiran Pelancong</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan Pelancong (RM)</b>
2010	5,833,858	4,091,868,001.20
2011 (Jan-Apr)	2,274,674	1,595,456,343.60
<b>JUMLAH</b>	<b>8,108,532</b>	<b>5,687,324,344.80</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI DALAM KAWASAN  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

40. Terdapat banyak lokasi telah dijadikan tempat pembuangan sampah haram di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Kajang oleh pihak individu, peniaga-peniaga, kontraktor binaan dan pelupusan sampah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha ataupun rancangan jangka panjang kerajaan negeri dan pihak PBT dalam menangani masalah ini ?
- b) Apakah punca sebenar pembuangan sampah haram ini berlaku ?
- c) Apakah usaha pihak PBT untuk menangani masalah pembuangan sampah haram di Pekan Batu 14 Hulu Langat, Pekan Batu 18 Hulu Langat, Jalan Sungai Tekali (berhampiran Taman Titiwangsa), Batu 15 Jalan Hulu Langat (Bukit Kundang), Hadapan Flat Cheras Awana, Jalan Ampang Hulu Langat, Hadapan Kondominium Green Acre Bandar Sg. Long dan Hadapan Kondominium Cypress Bandar Sg. Long ?

**JAWAPAN:**

- a) 

Menguatkuasakan cukai taksiran di kawasan-kawasan luar bandar mengikut Kg. Baru Cina dan memberi perkhidmatan yang serupa.

  - Memastikan semua pasar-pasar malam, pasar tani, pasar pagi pengurusan sampah yang diluluskan oleh kontraktor yang berdaftar dan mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh MPKj.
  - Sampah Industri- Memastikan sampah ini diuruskan oleh kontraktor yang berdaftar dengan MPKj. Sampah Binaan-memastikan semua kelulusan ubahsuai bangunan merujuk kepada MPKj.
  - Syarat-syarat lantikan kontraktor untuk pelupusan sampah perlu diperkemas dengan memasuki elemen-elemen memiliki logistik dan pekerja yang secukupnya.
- b)
  - Tiada perkhidmatan pelupusan di kawasan luar bandar.
  - Masalah pengumpulan sampah di rumah kedai bertingkat.
  - Jumlah pendatang asing yang kian meningkat

- c) Pihak MPKj telah menempatkan tong RORO di Pekan Batu 14, Hulu Langat. Walau bagaimanapun, masalah pembuangan sampah haram masih tidak dapat diatasi sepenuhnya.

MPKj juga telah membuat perbincangan bersama peniaga-peniaga di kawasan Hulu Langat berkenaan isu sampah haram. MPKj juga telah memberi cadangan agar peniaga-peniaga tersebut melantik kontraktor bagi pengurusan sampah.

Bagi kawasan Bandar Sungai Long dan kawasan Hulu Langat, Sungai Tekali dan lain-lain, MPKj telah menjalankan operasi Intipan Sampah Haram.

Kerja-kerja pembersihan secara *inhouse* turut dilakukan oleh MPKj.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan peruntukkan kewangan yang diluluskan untuk membangunkan dan mempergiatkan industri kecil dan sederhana (IKS) setakat Jun 2011.
- b) Senaraikan projek-projek IKS yang Berjaya dilaksanakan setakat Jun 2011. Sila berikan butiran peruntukkan berkenaan.

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) terbahagi kepada peruntukan untuk program – program seperti, promosi, kursus dan latihan bantuan dana dan projek – projek pembangunan sehingga Jun 2011. Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi membangunkan dan mempergiatkan (IKS) adalah seperti berikut;
  1. Penyertaan Pameran / seminar dan promosi produk - RM97ribu
  2. Kursus dan latihan – RM61ribu
  3. Membina Bangunan Pusat Pengumpulan Produk IKS Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Lot 18 Kampung Kanchong Darat Kuala Langat - RM500 ribu.
  4. Membina Pusat Pengumpulan Produk IKS Di Kampung Jawa Batu 18 Hulu Langat – RM150 ribu.
  5. Mereka Bentuk Papan Tanda Promosi Produk-Produk IKS Di Hulu Langat - RM26 ribu.
  6. Kerja-Kerja Membina Membina Dan Menyiapkan Kios IKS Di Kampung Parit 7 Sekinchan – RM350 ribu.
  7. Pembangunan Pusat Ekonomi Desa Di Kampung Olak Lempik Daerah Kuala Langat - RM300 ribu.



b) Projek IKS yang berjaya dilaksanakan sehingga Jun 2011 adalah;

1. Projek Pusat Pengumpulan Produk IKS Di Daerah Sepang - Jumlah peruntukan RM369 ribu.
2. Projek Homestay Daerah Hulu Langat - Jumlah peruntukan RM168 ribu.
3. Dana Industri Kecil (IKS) – seramai 89 penerima telah menerima bantuan dengan Jumlah peruntukan RM900 ribu

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : KONTRAKTOR ALAM FLORA**

42. 33 kontraktor di bawah Alam Flora Sdn Bhd mendakwa tunggakan RM18 juta bayaran untuk kerja-kerja pembersihan awam di kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS). Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) juga pernah diberi bantuan kewangan untuk membayar hutang kepada Alam Flora Sdn Bhd.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagimanakah masalah ini boleh berlaku?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tunggakan bayaran?
- c) Adakah pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mempunyai keupayaan kewangan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) memaklumkan tunggakan hutang berkenaan dihadapi berikutan masalah kekangan kewangan yang berpunca daripada jumlah hasil pendapatan yang diterima hanya mampu untuk melepasi emolumen kakitangan pihak MDSB. Manakala masalah utama yang dihadapi oleh pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) adalah disebabkan kerana ketidakcekapan pengurusan kewangan dalam menguruskan perbelanjaan perkhidmatan dan penyelenggaraan berbanding pendapatan cukai tahun semasa.
- b) Berdasarkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Kerajaan Negeri telah mengarahkan agar sebuah pasukan audit dibentuk dengan kerjasama Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bersama Unit Kewangan Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN bagi membuat semakan di Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) pada 30 Mei 2011 hingga 2 Jun 2011. Hasil daripada penemuan audit tersebut, Kerajaan Negeri telah meminta supaya setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat merangka strategi bagi menyelesaikan masalah tunggakan hutang masing-masing.
- c) Pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membayar kerja-kerja pembersihan dan pengurusan sisa pepejal. Manakala Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) juga turut menyatakan bahawa pihak majlis tidak mempunyai keupayaan sumber kewangan bagi menyelesaikan hutang berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak MDKS akan dapat menyelesaikan semua hutang berkenaan jika mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AMIRUDIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : TABUNG ANAK WARISAN SELANGOR (TAWAS)**

43. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Sehingga Mei 2011 berapa banyak penyertaan Tawas berbanding dengan kelahiran di negeri Selangor , Sila pecahkan mengikut daerah ?
  - b) Apakah nilai semasa bagi setiap tabungan Tawas ?
  - c) Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi pendaftaran Tawas ?
  - d) Berapa banyak yang telah digunakan oleh kerajaan Negeri untuk membayar Tawas?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah kelahiran secara keseluruhan di negeri Selangor sehingga Mei 2011 mengikut anggaran Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), setahun adalah sebanyak 70,000 kelahiran. Setelah ditolak 10% mereka yang bukan warga Selangor untuk tempoh 2 ½ tahun seramai 158,000 kelahiran manakala seramai 47,763 (30%) yang telah didaftarkan untuk projek TAWAS. Buat masa ini YAWAS tidak dapat memberikan maklumat pecahan mengikut daerah, kerana dalam rekod YAWAS hanya terdapat pecahan mengikut DUN dan Parlimen sahaja.
- b) Nilai semasa bagi setiap tabungan TAWAS adalah sebanyak RM100.00.
- c) YAWAS bagi pihak kerajaan negeri Selangor telah mengatur strategi untuk meningkatkan lagi pendaftaran TAWAS, antaranya adalah:
  - Penambahan kaunter pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor.
  - Bekerjasama dengan pihak sukarelawan hospital dan klinik awam mahupun swasta dalam membantu untuk meningkatkan pendaftaran TAWAS.
  - Kerjasama dari Pusat Khidmat DUN dan Pemimpin Masyarakat untuk mendapatkan pendaftaran seperti menganjurkan mini program di kawasan masing – masing. Juga untuk memaklumkan Agenda MES terutama di kawasan pedalaman.
  - YAWAS telah menyediakan pendaftaran atas talian (online) untuk memudahkan dan melicinkan lagi proses pendaftaran.
  - Promosi dan publisiti media baru seperti menggunakan blog – blog yang mempunyai ramai pembaca harian dan bulanan seperti Blog Milosuam. YAWAS

juga mendapatkan khidmat daripada badan bukan kerajaan (NGO) untuk tujuan promosi seperti Tenaganita

- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 23 Jun 2011 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : SEKOLAH TAHFIZ BARU**

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah Sekolah Tahfiz yang didaftarkan di bawah JAIS sejak PR Memerintah dan apakah langkah untuk memperkasakan sekolah tahfiz berkenaan.

**JAWAPAN :**

- a) Sekolah Tahfiz yang didaftarkan di bawah JAIS sejak PR memerintah sebanyak **39** buah sekolah iaitu :

<b>BIL</b>	<b>NAMA SEKOLAH DAN ALAMAT</b>
1	MADRASAH TAHFIZ MIFTAHUL ULUM LOT 5649, JLN KUARI SG LONG, KG SG SERAI, 43100 HULU LANGAT
2	MADRASAH AL MUSTHAFAWIYAH LITTAHFIZIL QURAN LOT 1065 PLOT 25,KG BARU SG TANGKAS,BT 18,JLN BANGI 43000 KAJANG
3	MADRASAH TAHFIZ ALQURAN AR RAHMANIAH NO 1,JLN MAWAR 3B,PRIMA BERUNTUNG,BUKIT BERUNTUNG,48300 RAWANG
4	DARUL QURAN NURUL HASANAH MASJID NURUL HASANAH, KG BUKIT BELIMBING,45000 K. SELANGOR
5	DARUL TAHFIZ UMMUL QURA LOT 3757, LRG HJ SAID,BT 7 1/2 JLN KEBUN SEKSYEN 30, 40460 SHAH ALAM
6	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN SABIL AL-RASYAD NO 20 JLN TEBING 3, 8/8C SEKSYEN 8, 40000 SHAH ALAM
7	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN DARUL FALAH JLN MASJID PEKET 100, SIMPANG LIMA, 45300 SG BESAR
8	PUSAT PENGAJIAN HAYATUL ULOOM LOT. 10763, JLN FELCRA OFF BATU 14, HULU LANGAT 43100 SELANGOR
9	MAAHAD TAHFIZ MANBAUL HUFFAZ MASJID(SURAU)BAL-MUSTAGIMAH, JLN. INDAH 15, TAMAN CHERAS INDAH,56100 KUALA LUMPUR, AMPANG, SELANGOR.
10	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SABIL AL-RASYAD NO. 1, LORONG NALURI SUKMA 8/24, FASA 2, BANDAR PUNCAK ALAM,SELANGOR
11	OPEN TAHFIZ CENTER KN 52 8483,KG. NAKHODA ,68100 BATU CAVES.
12	MAAHAD TAHFIZ AKADEMI IQRO AL QURAN NO.5 JALAN AVENUE 1, AVENUE AMPANG, AMPANG 68000 AMPANG
13	DAR AL-HIKMAH (MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI) PT 389, JALAN TIGA,TAMAN AMPANG UTAMA,68000 AMPANG HULU LANGAT
14	KELAS TAHFIZ AL QURAN ASSAJIDIN JKR 1033, BANGUNAN LAMA MASJID ASSAJIDIN, JLN BESAR HULU YAM 44300 BATANG KALI

15	SM TAHFIZ INTEGRASI SRI PINTAR LOT 1-07-01 WORL WIDE @ 7, JLN LAZUARDI 7/29, SEKSYEN 7,40000 SHAH ALAM
16	MAAHAD TAHFIZ AL HAZIQ 24 JALAN PRIMA 2/6, TAMAN PUCHONG PRIMA,47100 PUCHONG
17	MAAHAD TAHFIZ DARI HAFIDZIN LOT. 3151, JALAN SUNGAI SAIM, KG. RANTAU PANJANG 42100 KLANG
18	MAAHAD TAHFIZ NURUL IMAN D/A MASJID NURUL IMAN SERENDAH,48200 SERENDAH , ULU SELANGOR.
19	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN SABIL AL RASYAD BATU 18 ¼ JERAM, JLN KLANG 45800 KUALA SELANGOR
20	MAAHAD AKADEMI TAHFIZ DARUL MUSTOFA LOT 17 ½ JALAN LIMAU TAMBUN,TAMAN KIYAI RIDZUAN,MERU 41050 KLANG
21	MADRASAH TAHFIZ MASJID JAMEK PEKAN SG. BULOH MASJID JAMEK PEKAN SG. BULOH, JERAM KUALA SELANGOR
22	MAAHAD TAHFIZ ISTIQAMATUDDIN LOT 1381 LAPIS 6, KG SEMENTA, 42100 KLANG
23	TAHFIZ DAR LUQMANUL HAKEM NO. 16, JALAN 4J 68000, AMPANG JAYA , SELANGOR.
24	INSTITUT TAHFIZ AL QURAN PROFESIONAL 15-1 JALAN MATAHARI 2 U5/2, BANDAR PINGGIRAN SUBANG
25	MAAHAD TAHFIZ AL HUSNI LOT 1123 JALAN PAWANG JALIL, BATU 20 1/2 , 45800 JERAM.
26	SEKOLAH TAHFIZ ANAK YATIM AL KITABAH LOT 417 KG. PAYA, BELAKANG PEJABAT POS,43700 BERANANG
27	MAAHAD NURUL MADINAH WATAHFIZUL QURAN WA ULUMMULSYARIAH NO.11 JALAN INDAH JAYA 2, TAMAN INDAH JAYA ,JALAN SG TEKALI, 43100 HULU LANGAT
28	MAAHAD TAHFIZ DARUL ISLAH NO. 5, JLN SULTAN , SG TENGAR, SG AIR TAWAR, 45100 SABAK BERNAM
29	TAHFIZ QURAN AL-NURIAH MADRASAH AL-NURIAH, JALAN 8 TAMAN PUTRA,68000 AMPANG
30	MAAHAD AT-TAHFIZUL QURAN (AR RAHMANIAH) SURAU TAMAN SERAYA, JALAN BUNGA TANJUNG 21, TAMAN SERAYA, 56100, AMPANG, KUALA LUMPUR
31	MAAHAD LITAHFIZIL QURAN AL- JAWAHIR NO. 151 KG. BATU 3 SG PINANG JALAN KAPAR 41400 KLANG
32	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN LOT 3095, LORONG HAJI MAON , KG. DELEK BARU, 41250 KLANG
33	MADRASAH AL-HIRAH AL-HIRAH SDN BHD, NO. 29 1ST FLOOR, JLN TELUK PULAI, KAWASAN 7, 41100 KLANG
34	MAAHAD TAHFIZ AR-RUQAIYAH LOT 3682, JLN RIZAB TOMI, KG BKT CHERAKA , 45800 JERAM
35	RAUDOH AL-QURAN- TAHFIZ INTEGRASI (RATI) 10, LOT 967, LORONG SERAI 4/3 , BT 11 JALAN HULU LANGAT 43100 HULU LANGAT
36	MAAHAD HABIBULLAH ALHAFIZ NO. 30-2, LORONG AZ-ZAHRAH A10/A,SHAH ALAM 2, BANDAR PUNCAK ALAM, 42300 SELANGOR

37	MAAHAD DAKWAH WA IRSHAD MOHD AL FATEH NO. 30A/30B, LORONG SANGGUL 1E, BANDAR PUTERI, 41200 KLANG
38	MARKAZ TAHFIZ WAL TARBIAH DARUL EHSAN LOT 360, KG SG BALAK, BT 13, JALAN CHERAS, 43000 KAJANG.
39	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AT-TAQWA LOT 1855, JLN GAJAH 24, KG. KUBU GAJAH, 47000 SG BULOH.

Langkah untuk memperkasakan Sekolah Tahfiz:

- 1) Diadakan DASAR TAHFIZ ALQURAN NEGERI SELANGOR oleh Jawatankuasa Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor.
- 2) MULTAQQA PENDOKONG TAHFIZ NEGERI SELANGOR untuk mengenalpasti masalah dalam pengajaran dan pembelajaran, pengurusan pentadbiran dan peluang mendapatkan bantuan dari mana-mana pihak seperti Lembaga Zakat Selangor
- 3) Program Latihan kepada pendokong dan guru Sekolah Tahfiz di ILDAS
- 4) Taklimat prosedur pendaftaran sekolah kepada Sekolah Tahfiz yang mendaftar atau tidak mendaftar dengan JAIS
- 5) Bengkel dan perbincangan dengan pendokong Tahfiz untuk pengagihan bantuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia kepada Sekolah Agama Rakyat (Tahfiz) melalui Jabatan Pelajaran Selangor.
- 6) Perjumpaan berkala dengan pendokong Tahfiz

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : WIFI – KEMUDAHAN JALAU R LEBAR SECARA PERCUMA**

45. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar .

- a) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor akan melancarkan WIFI percuma bagi kegunaan rakyat di seluruh Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini bagi tujuan pelancaran WIFI secara percuma bagi seluruh Negeri Selangor?
- c) Berapakah anggaran kos yang terlibat bagi tempoh setahun yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menyediakan kemudahan WIFI secara percuma tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan fasa pertama WIFI percuma pada bulan April 2010 yang lalu. Perancangan Kerajaan Negeri adalah untuk melancarkan lebih banyak lagi inisiatif WiFi sama ada daripada inisiatif kerajaan negeri atau pelaburan pihak swasta (PFI) bermula pada suku keempat tahun 2011.
- b) Kerajaan Negeri telah menyenaraikan dua(2) kategori perkhidmatan WiFi untuk rakyat negeri Selangor iaitu secara berpusat (*manage services*) dan tidak berpusat (*standalone*). Bagi kategori pertama iaitu perkhidmatan secara berpusat, kerajaan negeri telah dan sedang menilai kertas cadangan daripada pihak pembekal perkhidmatan internet (ISP) utama di negara kita iaitu Telekom Malaysia, Jaring dan TIME. Tiga ISP ini dipilih berdasarkan kepada kekuatan dan keupayaan syarikat yang besar untuk memastikan perkhidmatan yang akan diberikan nanti lebih stabil, dan kualiti perkhidmatan yang terbaik, penyelenggaraan serta khidmat lepas jualan yang baik. Selain itu Kerajaan negeri juga memberikan peluang yang sama kepada semua ISP dan tidak ada isu eksklusif atau monopoli dan ia diharap dapat mewujudkan suasana persaingan yang sihat.



c) Anggaran kos yang terlibat bagi tempoh setahun yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menyediakan kemudahan WiFi secara percuma adalah bergantung pada beberapa faktor seperti :

- i. Bilangan lokasi,
- ii. Tempoh sewaan perkhidmatan,
- iii. Kemudahan yang boleh ditawarkan oleh Kerajaan Negeri serta
- iv. Pelan perniagaan kreatif yang boleh diberikan oleh ISP kepada kerajaan negeri dalam mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak.

Kerajaan negeri mendapati kos sewaan yang telah ditawarkan adalah sebanyak RM 18,000.00 hingga RM 30,000.00 setahun bagi satu lokasi kawasan perkhidmatan WiFi dengan kapasiti talian utama (*backhaul*) sebanyak 4Mbps. Kadar sewaan ini adalah mengikut kadar Syarikat ISP yang menawarkan perkhidmatan ini. Walaubagaimanapun Kerajaan terus membuka peluang yang luas kepada mana-mana syarikat ISP untuk bersaing dan memberikan kadar sewa yang kompetitif dan mutu perkhidmatan yang lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : KEMUDAHAN REKREASI MENDESAK DI KAWASAN FLAT**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah nisbah kemudahan rekreasi kepada bilangan penduduk di kawasan perumahan flat?
- b) Namakan kawasan perumahan flat yang tidak menepati nisbah yang ditetapkan serta apakah langkah pihak berkuasa tempatan bagi mengatasi perkara tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Penyediaan tanah lapang dan rekreasi hendaklah disediakan secara berpusat di kawasan yang rata, berfungsi dan mengikut jenis hierarki iaitu taman permainan kanak-kanak, taman tempatan, taman bandar, taman wilayah dan taman negeri.

Bagi keperluan tanah lapang dan rekreasi di kawasan perumahan berbilang tingkat seperti flat kos rendah, kos sederhana rendah, pangsapuri kos sederhana dan tinggi adalah **2 hektar bagi 1,000 penduduk selepas tahun 2010**. Manakala sebelum tahun 2010 adalah 10 % dari luas keseluruhan tapak. Ia adalah berdasarkan **Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor**.

Antara kemudahan yang perlu disediakan ialah padang permainan kanak-kanak dan gelanggang permainan seperti sepak takraw, badminton dan tenis. Taman atas bumbung dibenarkan tetapi tidak melebihi 30% daripada keperluan penyediaan kawasan lapang. Berdasarkan amalan perancangan terbaik, kawasan rekreasi juga boleh disediakan di dalam tingkat bangunan dan ruang paling bawah hendaklah dikosongkan untuk sebarang aktiviti penduduk.

b) Semua Pihak Pemaju di Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan projek serta memenuhi segala syarat pembangunan yang telah ditetapkan. Namun, terdapat beberapa kes iaitu dalam kuantiti yang sedikit di PBT yang tidak mengikut syarat tersebut . Di antara kawasan perumahan flat yang tidak menepati nisbah yang ditetapkan ialah :-

(i) MPK  
Terdapat 2 sahaja kawasan yang dimaksudkan. Kawasan tersebut ialah :-

BIL	NAMA KAWASAN PEMAJUAN
1.	Kawasan Rumah Pangsa Kos Rendah Bandar Baru Klang
2.	Pangsapuri kos rendah Taman Permata, Pandamaran Jaya (Projek TPPT)

(ii) MDHS  
Kawasan pemajuan perumahan flat yang tidak menepati nisbah seperti ditetapkan adalah seperti berikut:

Bil	NAMA KAWASAN PEMAJUAN
1	Pangsapuri Seri Tulip BS2
2	Pangsapuri Seri Tanjung BS2
3	Pangsapuri Seri Cempaka BS2
4	Pangsapuri Seri Teluki BS2
5	Pangsapuri Seri Semarak BB7
6	Pangsapuri Seri Trompet BB7
7	Pangsapuri Seri Kembangan BB7
8	Pangsapuri Seri Tanjung BB7
9	Pangsapuri Seri Lili BS2
10	Pangsapuri Seri Ros 1
11	Pangsapuri Seri Ros 2
12	Pangsapuri Bakawali
13	Pangsapuri Anggerik 1
14	Pangsapuri Anggerik 2
15	Pangsapuri Anggerik 3
16	Pangsapuri Mawar
17	Pangsapuri Kenanga Taman Bunga Raya
18	Pangsapuri Dahlia
19	Pangsapuri Seroja

Kebanyakan taman permainan ini mempunyai peralatan yang telah usang dan perlu digantikan dengan segera. Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor tiada sebarang peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penggantian peralatan utama taman permainan tersebut dan telah meminta bantuan daripada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membaiki keadaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK: KESELAMATAN DAN KEBAJIKAN NELAYAN**

47. Terdapat kes di mana keselamatan nelayan di persisir pantai negeri Selangor terancam.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keadaan dan faktor sebenar yang telah mengancam para nelayan?
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk memastikan keselamatan nelayan kita terpelihara?
- c) Apakah bentuk bantuan kebajikan kepada keluarga nelayan yang mendapat kesusahan?

**JAWAPAN :**

- a) Pelanggaran bot – bot nelayan dengan kapal dagang yang telah menyebabkan kes kematian dan bot karam kurangnya lampu penunjuk arah di bagan nelayan yang menyukarkan nelayan untuk ke laut pada waktu malam  
  
Berlakunya kes peralatan jaring dan sebagainya rosak teruk akibat dilanggar kapal-kapal atau barge yang berlabuh sesuka hati di tempat nelayan menjaring ikan ( contoh Megasteel di Kuala Langat)
- b) Kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan sedang bekerjasama di antara pelbagai agensi penguatkuasaan dan telah menubuhkan 1 jawatankuasa bertindak di antara semua agensi yang bertanggungjawab menguruskan perairan kelautan Negara yang akan bersama menjaga dan memantau keselamatan nelayan.
- c) Jabatan Perikanan Selangor belum pernah memberi apa-apa bantuan kepada keluarga nelayan yang mendapat kesusahan. Tidak diketahui agensi lain yang ada memberi bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : INDEKS JENAYAH**

48. Pada tahun lepas dilaporkan indeks jenayah jalanan di Selangor turun sebanyak 20 peratus hasil kejayaan polis kontinjen Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan yang sesuai dimainkan oleh kerajaan negeri agar usaha tersebut di perhebatkan lagi?
- b) Apakah pula peranan PBT untuk membantu membanteras jenayah jalanan?
- c) Selain jenayah jalanan, apakah bentuk jenayah lain yang mendapat perhatian pihak kerajaan negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Membantu pihak PDRM melalui operasi bersepadu.

Contoh: Pemeriksaan ke atas Pub

**PDRM**

- Periksa Kad pengenalan pengunjung
- Permit kerja pekerja
- Dadah
- Jenayah

**MPS**

- Isu peniaga
- Langgar syarat

- b) i- Pemantauan melalui kamera CCTV  
ii- Penyampai maklumat kepada PDRM jika terserempak dengan kejadian jenayah.
- c) Kegiatan pelacuran melalui perniagaan rumah urut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO` HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
SUNGAI AIR TAWAR**

**TAJUK: SELANGOR FRUIT VALLEY**

49. Selangor *Fruit Valley* yang dibangunkan sebelum ini untuk mengembangkan industri pertanian dan agro-pelancongan didapati semakin kurang mendapat perhatian

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Selangor *Fruit Valley* ?
- b) Apakah masalah atau halangan yang menyebabkan ia semakin suram?
- c) Apakah kerajaan bercadang mengembangkan ladang seperti konsep Selangor *Fruit Valley* di masa hadapan?

**JAWAPAN :**

- a) Selangor Fruits Valley (SFV) yang terletak di KM 7, Jalan Rawang-Bestari Jaya telah dibangunkan pada tahun 2003. Keluasan kawasan adalah lebih kurang 1,000 hektar. Daripada jumlah tersebut, seluas 180 hektar telah dipajakkan kepada dua (2) buah syarikat iaitu Kayangan Rampai Sdn. Bhd. (100 hektar) dan Eco Murni Sdn. Bhd. (80 hektar) untuk projek tanaman buah-buahan. Baki kawasan seluas 820 hektar telah diusahakan oleh anak syarikat PKPS iaitu Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd. (SOPIC). Mulai 2 Januari 2010, PKPS telah mengambilalih semua aktiviti SFV daripada SOPIC untuk diuruskan secara langsung oleh Bahagian Perladangan PKPS.

Sehingga kini, PKPS masih meneruskan projek penanaman buah-buahan tropika di SFV. Jenis-jenis tanaman dan keluasan kawasan yang diusahakan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tanaman</b>	<b>Keluasan Tanaman (Ha)</b>
1.	Belimbing	81
2.	Tembikai	158
3.	Nangka	94
4.	Mangga	13
6.	Kelapa Pandan	96
7.	Limau Mexico	6
8.	Jambu Batu	3
9.	Rambutan	3
10.	Limau Kasturi	1
11.	Durian Belanda	1
13.	Betik	57
14	Pulasan	1
14.	Jambu Air	9
15	Tebu Telor	8
16.	Limau Nipis (Seedless)	20
17.	Nursery Sawit	12
18.	STFG	72
19.	Kolam/jalan/pejabat	55
20.	Pajakan kecil	250
21.	Papaya Hybrid	60
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,000</b>

SFV masih lagi meneruskan kegiatan pengeluaran hasil buah-buahan tropika bagi tujuan pasaran tempatan. Pihak pengurusan sedang giat berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil ladang melalui program pemulihan yang dijalankan.

- b) Pada masa kini, SFV tidak lagi memberi tumpuan kepada program Agro Pelancongan disebabkan pihak pengurusan ladang lebih fokus kepada pengeluaran dan penjualan hasil buah-buahan bagi menjana pendapatan. Pendekatan yang diambil ketika ini adalah untuk melaksanakan projek secara komersil dimana keuntungan merupakan objektif utama projek. Maka itu, aktiviti-aktiviti promosi bagi menarik pelancong untuk datang melawat SFV telah ditangguhkan.

Pada tahun 2010, SFV telah berjaya mengeluarkan sebanyak 1,368 tan metrik buah-buahan untuk pasaran tempatan manakala bagi tahun 2011, pengeluaran sehingga bulan Mei adalah sebanyak 800 tan metrik.

- c) Pada ketika ini, PKPS menumpukan usaha untuk memulihkan SFV (*rehabilitation*) dan tiada perancangan untuk mengembangkan projek ke kawasan lain.



**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : ASRAMA UNTUK ANAK - ANAK PEKERJA LADANG**

50. Semasa pilihan raya yang lalu kita telah berjanji kepada rakyat untuk membina dua buah asrama bagi membantu pelajaran anak -anak pekerja ladang.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sudahkah tanah dikenal pasti ? Di mana ?
- b) Bilakah kerja-kerja mendirikan asrama-asrama ini akan bermula dan bila ianya dijangka siap ?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat sebuah syarikat perladangan yang terletak di Kuala Selangor menawarkan sebidang tanah untuk dijadikan sebagai tapak asrama tetapi perkara ini masih lagi dalam proses perbincangan dengan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri turut memohon semua Pejabat Tanah dan Daerah Selangor untuk mengenalpasti mana-mana tanah milik kerajaan yang sesuai untuk dijadikan tapak asrama bagi anak-anak pekerja ladang dan dijangka akan dikenalpasti dalam tahun ini juga.
- b) Dijangkakan kerja-kerja mendirikan asrama ini akan bermula pada tahun hadapan setelah tanah yang sesuai dikenalpasti pada tahun ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK: DRAF RANCANGAN TEMPATAN**

51. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini perkembangan perancangan pembangunan dalam draf rancangan tempatan.
- b) Adakah apa-apa peruntukan yang telah disediakan untuk pembangunan tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini kesemua dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor telah mempunyai Rancangan Tempatan (RT) yang telah diwartakan. Secara keseluruhannya Kerajaan Negeri Selangor telah mewartakan empat belas (14) Rancangan Tempatan bagi ke semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri Selangor telah mewartakan empat (4) Rancangan Tempatan, masing-masing satu (1) pada tahun 2008 dan tahun 2009, dua (2) pada tahun 2010 dan enam (6) pada tahun 2011. Pewartaan Rancangan Tempatan yang terbaru adalah bagi Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 dan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020 yang telah diwartakan pada 26.5.2011.

**MAKLUMAT TAMBAHAN :**  
**PEWARTAAN RANCANGAN TEMPATAN DI NEGERI SELANGOR**

Nama Kajian	Tarikh Perseujuan JPN	Tarikh Perseujuan MMKN	No. Warta Dalam Sel.G.N	Tarikh Warta
<b><u>Rancangan Tempatan</u></b>				
1. Pengubahan (1) Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1	7.5.2007	16.5.2007	No. 1542	14.6.2007
2. Rancangan Tempatan Kuala Selangor Bandar Warisan Alam	25.1.2007	25.4.2007	No. 1545	14.6.2007
3. Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam	7.5.2007	30.5.2007	No. 1672	21.6.2007
4. Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor	7.5.2007	6.6.2007	No. 1676	21.6.2007
5. Rancangan Tempatan Daerah Klang 2015	30.7.2007	16.1.2008	No. 1475	5.6.2008
6. Rancangan Tempatan Daerah Sepang 2015	20.11.2008	17.6.2009	No. 2696 No. 1565	13.8.2009
7. Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020	30.10.2009	10.3.2010	No. 1566	27.5.2010
8. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020	30.10.2009	10.3.2010	No. 139 No. 141	27.5.2010
9. Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2) 2020	30.4.2010	11.8.2010	No. 142	13.1.2011
10. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020	17.8.2010	24.11.2010	No. 143	20.1.2011
11. Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020	17.8.2010	24.11.2010	No. 1921	20.1.2011
12. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020	17.8.2010	24.11.2010	No. 1920	20.1.2011
13. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020	8.2.2011	12.4.2011		26.5.2011
14. Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020	8.2.2011	12.4.2011		26.5.2011

- b) Subseksyen 18 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), memperuntukkan” tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut rancangan tempatan”. Peruntukan Subseksyen 19 (1) Akta 172 pula menyatakan bahawa “tiada seorang pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan”.

Berdasarkan peruntukan di atas, semua pemilik-pemilik tanah, pemaju atau individu boleh membangunkan tanah-tanah milik mereka mengikut pembangunan yang ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan yang telah diwartakan.

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal dan Agensi-Agensi yang berkaitan pula hendaklah mengguna pakai sepenuhnya Rancangan Tempatan tersebut di dalam membuat keputusan perancangan dan juga membuat permohonan peruntukkan di dalam cadangan bajet Rancangan Malaysia Lima Tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PROGRAM TURUN PADANG MB KE SETIAP DAERAH**

52. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta Menteri Besar memberi keterangan tentang hasil-hasil pertemuan di antara Menteri Besar dengan masyarakat setempat setiap kali Menteri Besar turun padang ke setiap daerah di Selangor.

**JAWAPAN :**

- a) Program turun padang Menteri Besar atau nama rasmi program ini iaitu Program Khas Mesra Rakyat (PKMR) merupakan sebahagian daripada usaha barisan kepimpinan Negeri Selangor untuk terus mendekati rakyat. Di dalam program ini, barisan kepimpinan negeri yang diketuai oleh Menteri Besar Selangor berjumpa dengan pelbagai lapisan masyarakat terdiri daripada kakitangan Perkhidmatan Awam, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK), Ketua-Ketua Masyarakat Cina dan India serta rakyat jelata amnya.

Secara ringkas, hasil pertemuan di antara Menteri Besar dengan masyarakat setempat boleh dilihat dari dua aspek iaitu, pencapaian objektif program dan penyelesaian aduan rakyat.

**Pencapaian Objektif Program**

Sehingga Julai 2011, pelaksanaan PKMR di empat buah daerah iaitu Klang, Hulu Langat, Sepang dan Hulu Selangor telah pun mencapai objektif asal program ini iaitu mewujudkan platform khas bagi barisan kepimpinan Negeri Selangor menerangkan tentang dasar-dasar kerajaan negeri samada yang telah dilaksanakan, sedang dilaksanakan atau pun akan dilaksanakan pada masa hadapan. Di antara dasar-dasar yang dimaksudkan adalah:-

- i. Program-Program Di Bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES);
- ii. Program *Blue Print* Menangani Kemiskinan Negeri Selangor
- iii. Pengurangan kadar premium tanah kepada RM1,000.00; DAN
- iv. Meningkatkan Kecekapan Pentadbiran Tanah.

Bagi membuktikan bahawa pelaksanaan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bukan satu retorik, majlis penyerahan manfaat bagi pihak yang layak juga telah diadakan dalam program ini melibatkan:-

- i. Bayaran baki RM1,500 bagi penerima Skim Mesra Usia Emas (SMUE);
- ii. Sijil Tabungan RM100 bagi penerima Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS); DAN

Kelulusan Pinjaman RM3,000 bagi Skim Mikro Kredit Negeri Selangor.

Di dalam program yang sama, pelbagai bantuan dan insentif lain telah disalurkan kepada rakyat tanpa mengira bangsa mahupun agama seperti:-

- i. Kelulusan Lesen Menduduki Sementara (TOL);
- ii. Bantuan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT);
- iii. Sumbangan kepada Pelajar-Pelajar Cemerlang; DAN
- iv. Bantuan tambang bas kepada anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah.

### **Penyelesaian Aduan Rakyat**

Pelaksanaan PKMR juga berjaya melebihi ekpektasi umum apabila Menteri Besar sendiri bersedia mendengar dan berdialog dengan rakyat berhubung pelbagai permasalahan yang sedang mereka hadapi. Sesi dialog ini telah disertai oleh Ketua-Ketua Jabatan peringkat daerah yang mana hampir keseluruhan persoalan dan permasalahan yang dibangkitkan telah dijawab secara *in-situ*. Manakala, apa-apa permasalahan yang melibatkan komplikasi tinggi terutama dari segi perundangan dan kewangan telah diambil perhatian oleh Jabatan yang terlibat untuk diselesaikan secepat mungkin.

Hasilnya, kepimpinan Negeri Selangor telah pun mendapat gambaran tentang permasalahan rakyat berdasarkan lokaliti dan juga punca-punca mengapa ia berlaku. Kefahaman ini sudah semestinya dapat memudahkan usaha sama yang akan dilakukan pada masa hadapan. Inisiatif untuk memahami masalah rakyat ini diambil supaya rakyat merasai kehadiran barisan kepimpinan Negeri Selangor yang telah berjanji untuk berkhidmat kepada rakyat selaras dengan visi dan misi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : KAMPUNG BARU CINA**

53. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan ke Kampung Baru Cina sejak Pakatan Rakyat memerintah
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk Kampung Baru Cina
- c) Apakah masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Baru Cina

**JAWAPAN :**

- a) Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 5,476,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan sebanyak RM 3,337,983.79 telah disalurkan untuk melaksanakan projek-projek kecil Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor. Manakala pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 5,400,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan sebanyak RM 4,230,308.82 telah disalurkan untuk melaksanakan projek-projek kecil Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor. Walau bagaimanapun pada tahun 2011, Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan sebanyak RM 5,000,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan setakat Jun 2011, sebanyak RM 2,593,600.24 telah disalurkan untuk melaksanakan projek-projek kecil Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri telah merangka dan melaksana beberapa program / rancangan sebagai langkah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk Kampung Baru. Antara program-program yang telah dan bakal dilaksanakan adalah seperti berikut:-
  - i) Pelancaran laman web 'I-Kampung Baru' yang telah diadakan pada 20 Oktober 2010 di Ruang Legar Bangunan SSAAS. Dengan wujudnya 'I-Kampung Baru' ini, diharapkan penduduk kampung tidak ketinggalan dengan teknologi ICT yang semakin berkembang pesat selaras dengan kemajuan negeri.
  - ii) Kempen Memupuk Budaya Membaca di Kampung Baru yang telah dijalankan sepanjang Julai hingga Disember 2010. Kempen ini telah mendapat sambutan yang amat baik dan objektif program berjaya dicapai dengan jayanya. Kempen-kempen sebegini berupaya meningkatkan minat dan kecekapan minda penduduk Kampung Baru.
  - iii) Cadangan kajian penyelidikan mengenai " New Villages In Selangor". Kajian ini akan melihat peluang-peluang penambahbaikan taraf hidup penduduk Kampung Baru dari segi ekonomi, pentadbiran dan pengurusan kampung.

- c) Antara masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Baru adalah dari segi kemudahan infrastruktur seperti longkang, jalan dan lampu jalan yang tidak sempurna. Selain itu, terdapat juga masalah dari segi kemudahan awam yang melibatkan balairaya, perpustakaan, taman permainan dan sebagainya yang perlu diselenggara dan dinaiktaraf.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK** : KONTRAKTOR BUMIPUTRA

54. Terdapat kes dakwaan syarikat kontraktor Bumiputra dipergunakan untuk meraih kerja-kerja kontrak di PBT dan kontraktor semakin sukar mendapat kerja.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah kebenaran dakwaan ini?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan program tertentu untuk membantu kontraktor Bumiputra?
- c) Apakah dengan penamatan kontraktor yang bernaung di bawah Alam Flora Sdn Bhd telah menjejaskan kontraktor Bumiputra?

**JAWAPAN** :

- d) Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) menggunakan kaedah undian, sebut harga atau tender di dalam proses pelantikan kontraktor. Setiap kaedah yang digunakan memerlukan setiap kontraktor yang hadir mengemukakan bukti taraf serta milikan sesuatu syarikat bagi mengambil bahagian dalam proses tersebut. Manakala bagi pihak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) hanya menjalankan kontrak pembersihan kepada kontraktor Bumiputera sahaja.
- e) Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan bagi membantu kontraktor Bumiputera bagi menjalankan sesuatu kerja-kerja. Bagi majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) setiap lantikan kerja-kerja akan diberikan kepada kontraktor yang mempunyai sejarah kerja yang memuaskan bagi setiap projek. Manakala bagi pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) akan memastikan kerja-kerja kontrak Kelas "F" dikhaskan kepada kaum Bumiputera sahaja bagi melindungi kontraktor Bumiputera.
- f) Bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), pihak majlis sedang dalam proses menawarkan kerja tersebut secara tender dan sebut harga. Oleh yang demikian, soal berkaitan sama ada kontraktor Bumiputera terjejas atau tidak hanya akan boleh diketahui setelah pelantikan dibuat. Tidak timbul isu kontraktor Bumiputera terjejas kerana sebut harga yang ditawarkan adalah dikhaskan kepada Bumiputera. Manakala bagi Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), penamatan kontrak untuk sapuan jalan dan pemotongan rumput menyebabkan kontraktor Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) kehilangan 1/3 daripada pendapatannya. Terdapat 114 kakitangan kontraktor pembersihan AFSB akan kehilangan kerja apabila pengambilalihan ini berkuat kuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK : LESEN MENDUDUKI SEMENTARA (TOL)**

55. Kerajaan negeri didapati cuba merampas tanah berstatus TOL dalam kes seperti di Kampung Sungai Kerandang, Kuala Kubu Bharu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah kerajaan negeri gagal menyelesaikan masalah tersebut dengan baik?
- b) Adakan kawasan TOL lain di Selangor yang berdepan masalah yang sama?
- c) Apakah cadangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengambilan tanah TOL jangka panjang?

**JAWAPAN :**

- a) Dimaklumkan bahawa kawasan tersebut telah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) secara berkelompok pada tahun 2001. Tempoh sah LPS ialah selama 1-3 tahun sahaja. Pegangan TOL telah tamat tempoh. Kini tanah tersebut berstatus Hutan Simpan Bukit Tarik (GN 2835-14).

MMKN ke 25/2009 bertarikh 12.8.2009 telah bersetuju supaya kawasan seluas 354 hektar tersebut dikekalkan sebagai Hutan Simpan manakala PTD Hulu Selangor diminta menolak terus sebarang permohonan pemberimilikan ke atas tanah hutan ini pada masa akan datang.

- b) Setiap daerah mempunyai permasalahan yang berbeza. Oleh yang demikian, isu-isu yang ditangani adalah bergantung pada kes tersebut.
- c) Sebarang masalah yang berkaitan dengan TOL mempunyai permasalahan yang berbeza-beza, namun kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan tentang tanah-tanah TOL yang sedang diusahakan. Walaupun dalam kes-kes yang tertentu, pendekatan yang berbeza terpaksa diambil oleh kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TTUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : PELANCONGAN**

56. Kerajaan negeri mahu memperkenalkan dasar 1 Produk 1 PBT  
Bertanya kepada YAB Dato Menteri Besar:-

- a) Apakah status dasar 1 Produk 1 PBT tersebut
- b) Apakah produk pelancongan bagi Majlis Daerah Kuala Langat
- c) Bagaimana dasar ini dilaksanakan untuk menarik pelancong asing

**JAWAPAN :**

- a) Sebenarnya 1 Produk 1 PBT bukanlah merupakan satu dasar yang tetap yang menjadi dasar utama di peringkat negeri. Pengenalan konsep 1 Produk 1 PBT ini ialah lanjutan daripada program pembangunan pelancongan yang berterusan dari tahun-tahun sebelumnya. Ia sebenarnya tidak terikat kepada 1 produk bagi setiap satu PBT sahaja. Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah menetapkan sasaran bagi mengenalpasti 9 produk pelancongan baru setiap tahun. Sasaran ini dibuat dengan mengambil kira kapasiti Sembilan ( 9 ) buah daerah di negeri Selangor. Setakat ini, bagi tahun 2011, sebanyak 5 produk baru pelancongan telah dikenalpasti dan berpotensi menjadi antara daya tarikan baru pelancongan di negeri ini. Produk-produk tersebut ialah Mini Convention Center ( Sabak Bernam ), Morib Gold Coast ( Kuala Langat ), Ghulam Mee ( Kota Damansara ), Pembuatan Tembikar Ramadass ( Kuala Selangor ) dan Upin Ipin – Café & Studia ( Shah Alam ).
- b) Setiap daerah mempunyai keunikan dan tarikan tersendiri. Salah satu daerah yang mempunyai banyak produk pelancongan yang menarik adalah daerah Kuala Langat di kawasan Majlis Daerah Kuala Langat. Produk-produk pelancongan tersebut adalah:
  - i) Pantai Morib
  - ii) Istana Jugra
  - iii) Istana Bandar
  - iv) Pantai Kelanang
  - v) Paya Indah Wetland
  - vi) Dong Zen Monastery
  - vii) Masjid Sultan Alauddin
  - viii) Homestay Kg. Endah
  - ix) Homestay Kg. Kundang
  - x) Homestay Kanchong Darat
  - xi) Homestay Kg. Sg. Lang Tengah
  - xii) Homestay Batu Laut
  - xiii) Perkampungan Orang Asli Pulau Carey

- b) Untuk menarik pelancong ke produk-produk dan destinasi-destinasi tersebut, pihak Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor Sdn Bhd ( TSSB ) giat menjalankan kempen dan aktiviti promosi sama ada dalam dan luar negara. Aktiviti dan program promosi ini bukan sahaja terhad kepada produk-produk dalam daerah Kuala Langat semata-mata bahkan juga bagi semua produk pelancongan di negeri Selangor. Tahun 2011, melalui TSSB, Kerajaan Negeri telah merancang melaksanakan kira-kira 10 aktiviti promosi luar negara melalui penyertaan dalam pameran pelancongan dan *sales mission* yang membabitkan penyertaan *key-players* industry pelancongan di peringkat antarabangsa.

Selain itu, Kuala Langat juga telah menjadi salah satu daerah di bawah Program Daerah Fokus selain Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor. Program Daerah Fokus ini bukan sahaja menumpukan kepada aktiviti promosi pelancongan sahaja bahkan turut merangkumi penganjuran acara-acara pelancongan, pembangunan produk dan projek-projek kecil penyelenggaraan serta naik taraf produk pelancongan negeri Selangor. Program Daerah Fokus ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan dalam membantu pembangunan daerah-daerah yang terlibat yang masih berstatus Majlis Daerah. Secara kebetulan, empat ( 4 ) daerah berkenaan merupakan antara daerah-daerah yang mempunyai banyak tarikan dari aspek produk dan destinasi pelancongan yang berpotensi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : TASK FORCE PROJEK RUMAH TERBENGKALAI**

57. Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008 telah memulakan suatu task force khas yang diketuai oleh YB Iskandar dan YB Saari Sungib untuk menghidupkan semula projek - projek perumahan yang terbengkalai ;

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan projek-projek yang telah berjaya di majukan semula atas usaha task force ini
- b) Dalam cara apakah Task Force ini telah menjadi pemudah cara untuk melakukan koordinasi di antara pemaju, Pentadbir Tanah , Pihak Berkuasa Tempatan , Bank dan pembeli agar perumahan dapat dihidupkan semula dengan segera?
- c) Apakah peranan yang telah dimainkan oleh task force ini untuk membantu kontraktor penyelamat ECL Management untuk menghidupkan projek RKR di Bandar Pinggiran Subang , U5 Shah Alam .

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, sebanyak 12 projek yang telah dimajukan semula atas usaha task force ini melalui memorandum persefahaman (MOU) dan memorandum of agreement (MOA) di antara pemaju asal dan kontraktor penyelamat seperti berikut :

NO	NAMA PROJEK	PEMAJU ASAL	PEMAJU/KONT RAKTOR RAKTOR PENYELAMAT	BILANGAN UNIT
1	Cadangan Membina 1 Blok Pangsapuri (RPKR), 19 Tingkat Di Atas Sebahagian Lot 163, Seluas 9.19 Ekar, Ukay Bistari, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Y-Talis Housing Sdn. Bhd. & Damai Bistari Sdn. Bhd.	Weiru Capital Sdn. Bhd.	256 Unit – Pangsapuri Kos Rendah
2	Cadangan Perumahan Di Taman Ukay Bistari Di Atas Lot 648,649,621 & 824, Kampung Pasir, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Damai Bistari Sdn. Bhd.	-Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.  -Syarqiah Holdings Sdn. Bhd.  -NBH Standard Links	146 Unit- Pangsapuri Kos Rendah 16 Tingkat,  120 Unit - Pangsapuri Kos Sederhana Rendah

			Enterprise Sdn. Bhd. -Raih Zaman (M) Sdn.Bhd. -Sama Sejati Sdn. Bhd And -Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.	12 Tingkat, 60 Unit - Kos Sederhana 8 Tingkat, 1027 Unit - Service Apartment 6 Blok, 79 Unit Kedai Dan Pejabat
3	32 Projek Perumahan Terbengkalai Di Daerah Klang (12 Projek) dan Daerah Kuala Langat (20 Projek)	Rhid Development Sdn. Bhd.	Faza Impiana Sdn. Bhd. & Inventive Power Sdn. Bhd.	964 unit - Rumah Berkembar & Banglo
4	Cadangan Pembinaan Rumah Kos Rendah, Jalan Plato U5/138, Seksyen U5, Shah Alam	Unique Creation Sdn. Bhd.	ECL Management Sdn. Bhd.	840 Unit - Rumah Kos Rendah 10 Unit - Kedai
5	Cadangan Pembinaan Ruma Teres Di Atas Lot Sub Lot 1 Hingga 244 (Fasa 5e) Di Atas Sebahagian Lot 48729 (16929), Mukim Petaling, Daerah Petaling	Lestari Puchong Sdn. Bhd.(Talam Corporation Berhad)	RSS PMC Sdn. Bhd.	244 Unit - Rumah Teres
6	Cadangan Pembinaan Rumah Pangsa Kos Rendah, Saujana Puchong Mukim Petaling, Daerah Petaling	Expand Factor Sdn Bhd (Talam Corporation Berhad)	RSS PMC Sdn. Bhd..	228 Unit - Rumah Pangsa Kos Rendah
7	Projek Pembinaan Gombak Perdana Villa Di Atas Lot 5311 HS(D) 1733 Mukim Setapak, Daerah Gombak	RSS PMC Sdn. Bhd.	Pertiwi Prestij Sdn.Bhd.	222 Unit Pangsapuri Kos Sederhana
8	Projek Taman Mudun, 18 unit rumah teres 1 tingkat,	Rimbun Capital Sdn Bhd.	Central Malaya Construction Co.	18 unit

	daerah Hulu Langat	(Liquidator)	Sdn Bhd.	
9	Projek Taman Malim Mas, 131 unit rumah teres kos sederhana, daerah Hulu Selangor	Rimbun Corporate (Liquidator)	Sri Wilayah Enterprise Sdn Bhd.	131 unit
10	Projek di lot 1640 (70 unit rumah teres), Kg Sg. Ramal, Kajang, daerah Hulu Langat	ZM Development Sdn Bhd.	Bina Siap (M) Sdn Bhd	70 unit
11	Projek Putera Intan Kondominium Dengkil, Daerah Sepang.	Lembah Kerjaya Sdn Bhd.	Pembinaan Purcon Sdn Bhd.	300 unit
12	Projek pembinaan 175 unit Pangsapuri Taman Sri Angsana Hilir, Mukim Ampang.	Kabra Holdings Sdn Bhd. & RSS PMC Sdn. Bhd.	Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.	175 unit

- b) Task Force Pemulihan Projek Terbengkalai yang dipengerusikan oleh YB Tuan Saari Sungib di mana empat (4) Konsultan iaitu Rimbun Capital Sdn. Bhd., RSS-PMC Sdn Bhd.,Crimson Landscape dan SMY Capital Sdn Bhd telah bekerjasama dengan jawatankuasa ini bagi membantu untuk menilai semula sama ada projek terbengkalai tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Sekiranya kajian daripada konsultan mendapati projek tersebut berdaya maju dipulihkan, jawatankuasa ini akan mengatitkan perbincangan yang bertindak sebagai mediator atau pemudah cara di antara semua pihak terlibat bagi mencari jalan penyelesaian ke arah pemulihan projek tersebut. Hasil daripada persetujuan bersama di antara pemaju asal dengan pemaju penyelamat maka usaha menghidupkan semula projek terbengkalai dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, satu mesyuarat berkala telah diadakan bagi memantau perkembangan projek tersebut dalam memastikan pelaksanaan projek tersebut dapat dipulihkan.
- c) Dalam usaha membantu kontraktor penyelamat ECL Managment untuk menghidupkan projek RKR di Bandar Pinggiran Subang, U5 Shah Alam, jawatankuasa task force khas ini yang diketuai oleh saya sendiri dan dibantu oleh YB Saari Sungib telah membawa perkara ini kepada pengetahuan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan berhubung cadangan penyelesaian pemulihan projek tersebut. Di atas persetujuan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, sebanyak 3 blok daripada 6 blok RKR yang akan dibangunkan dipersetujui dibuat pindaan pelan dan dijual pada harga bebas manakala 3 blok sedia ada masih dikekalkan sebagai RKR. Dengan itu, usaha memulihkan projek tersebut dapat dipulihkan dengan segera dan membantu kontraktor penyelamat ECL Managment dalam menampung kerugian di atas pemulihan 3 blok RKR sedia ada yang terbengkalai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : RUMAH-RUMAH URUT TIDAK BERLESEN**

58. Terdapat banyak rumah urut beroperasi di sebalik perniagaan kedai penjagaan kesihatan, Refleksologi, SPA dsbnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan PBT menangani masalah ini. Bagaimana Operasi Bersepadu yang dibuat tidak berkesan sedangkan terdapat agensi penguatkuasaan yang lain terlibat?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Pihak Berkuasa Tempatan sering menjalankan operasi dan pemantauan terhadap premis-premis penjagaan kesihatan, refleksologi dan spa memandangkan perniagaan ini termasuk di bawah aktiviti lesen berisiko. Pihak Berkuasa Tempatan akan mengenal pasti premis-premis yang menjalankan aktiviti tanpa tanpa lesen dan mengenakan notis pada pemilik premis serta menyita premis tersebut. Bagi pemilik yang melanggar syarat-syarat lesen dan menjalankan aktiviti yang tidak sepatutnya, Pihak Berkuasa Tempatan akan membatalkan lesen yang telah diberikan dengan serta-merta.

Pihak Berkuasa Tempatan turut menjalankan Operasi Bersepadu bersama agensi-agensi lain termasuk PDRM, Imigresen dan JAIS bagi mengatasi masalah ini. Setakat ini, operasi bersepadu yang dijalankan bersama-sama agensi lain ini dilihat berkesan dalam mengurangkan bilangan rumah-rumah urut atau pusat kecantikan yang tidak berlesen contohnya di Klang dan Sepang di mana jumlah premis rumah urut yang tidak berlesen di kedua-dua daerah ini telah berkurangan jika dibandingkan dari tahun 2010. Bagi daerah Kuala Langat dan Sabak Bernam pula, tiada premis rumah urut yang tidak berlesen dilaporkan di daerah-daerah tersebut.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AMIRUDIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : PERUNDINGAN AIR SELANGOR DENGAN PERSEKUTUAN**

59. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kekangan utama yang masih menyebabkan penyelesaian pengurusan air Selangor masih lagi tersekat di meja rundingan ?
- b) Bilakah perundingan ini dapat diselesaikan ?
- c) Apakah kerugian yang ditanggung negeri jika perundingan ini gagal diselesaikan

**JAWAPAN :**

- a) Kekangan utama ialah setengah-setengah pemilik konsesi air nampak tidak berminat untuk berunding untuk melepaskan aset dan ekuiti di dalam pegangan mereka walaupun tawaran yang dibuat adalah wajar dan munasabah.

Memburukkan keadaan lagi ialah keengganan Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan kuasa yang sedia ada di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara untuk membawa konsesi-konsesi air tertentu bagi mereka duduk bersama di meja perundingan.

- b) Kerajaan Negeri percaya rundingan ini akan dimuktamadkan jua akhirnya. Cuma tarikh penyelesaian tidak dapat dipastikan.

Kerajaan Negeri sentiasa bersedia berunding dengan Kerajaan Persekutuan dengan objektif untuk menyelesaikan penstrukturan semula industri air untuk kebaikan dan manfaat ke semua rakyat negeri Selangor.

Inisiatif terkini termasuk mengadakan perbincangan di peringkat tertinggi di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor pada 15 Jun 2011 yang lepas. Bagi menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Selangor, satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri telah ditubuhkan untuk mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian bagi mencapai jalan penyelesaian.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri memerlukan kerajaan Persekutuan untuk memberi petanda-petanda yang nyata bahawa ianya juga sedia berunding. Kerajaan Persekutuan perlu tegas dengan semua pemegang konsesi air di Selangor dan mana-mana pihak yang ingkar dan enggan berunding akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Sekiranya Kerajaan Persekutuan benar-benar ikhlas untuk menyelesaikan isu ini dengan segera, kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara adalah cukup jelas untuk diguna pakai bagi penyatuan segera industri air negeri Selangor demi kebaikan dan manfaat seluruh rakyat Selangor.

- c) Kelewatan di dalam memuktamadkan rundingan penstrukturan perkhidmatan air negeri Selangor bukan sahaja merugikan mutu perkhidmatan air, umpamanya kelewatan membaik pulih sistem sedia ada seperti NRW dan sebagainya, tetapi juga merugikan Kerajaan Persekutuan yang menanggung beban hutang dan liabiliti berhubung industri air di negeri Selangor. Rakyat negeri Selangor juga menanggung risiko berdepan dengan kenaikan tarif air yang mendadak dan tidak adil tanpa pengurusan air yang telus, wibawa dan cekap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : BIASISWA DAN PINJAMAN PELAJARAN YAYASAN SELANGOR**

60. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah biasiswa dan pinjaman yang telah diberi dari tahun 2008 hingga kini?
- b) Sila nyatakan kuota biasiswa dan pinjaman mengikut kaum.

**JAWAPAN :**

a) Jumlah biasiswa yang diberi daripada tahun 2008 hingga 2010 adalah :

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Penerima</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan Biasiswa (RM)</b>
2008	807	214,750.00
2009	764	370,100.00
2010	874	418,600.00
<b>Jumlah</b>		<b>1,003,450.00</b>

Jumlah pinjaman yang diberi daripada tahun 2008 hingga 2010 adalah :

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Peminjam</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan Pinjaman Pelajaran (RM)</b>
2008	658	2,889,879.00
2009	779	5,281,790.00
2010	1063	6,164,325.00
<b>Jumlah</b>		<b>14,335,994.00</b>

- b)
- Tiada kuota mengikut kaum.
  - Biasiswa dan pinjaman akan diberikan mengikut kelayakan pelajar.
  - Jumlah tawaran biasiswa dan pinjaman terhad kepada bajet tahunan yang disediakan.
  - Sebagai contoh, bagi 2011, bajet biasiswa ialah sebanyak **RM254,900.00** bagi tawaran baru kepada **500 orang** pelajar, manakala bagi pinjaman, bajet adalah sebanyak **RM3,189,500.00** bagi tawaran baru kepada **600 orang** pelajar IPT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : KONSESI BALAK**

61. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan orang perseorangan dan syarikat swasta yang telah diberikan konsesi pembalakan bagi tempoh 1.1.2009 hingga 1.1.2011.
- b) Sila berikan butiran termasuk kedudukan tanah konsesi tersebut?

**JAWAPAN :**

a) dan b)

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>NAMA SYARIKAT / PERSEORANGAN</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>LUAS (HEKTAR)</b>
1	2009	Murugan A/L Thorkanan	Tanah Milik (Tol) Mukim Kalumpang, Hulu Selangor	5.2
2	2009	K.K. Timber	Tanah Milik Mukim Batu, Daerah Gombak	20.23
3	2009	Jinxin Timber Enterprise	Laluan TNB di Tanah Kerajaan Bukit Lagong Hutan Simpan Bukit Lagong Hutan Simpan Templer	3.05 3.4 8.6
4	2009	Syarikat Bright Fame Sdn Bhd	Tanah Milik Yayasan Selangor, Mukim Hulu Yam: HS(D) 4094, 4095, 4096 & 4098 PT 2721, 2722, 2723 & 2725	142.8
5	2009	Sarji Bin Pandak Abd Rahman	Tanah Milik Kg. Lalang dan Kg Selisik, Mukim Hulu Bernam	7.87
6	2009	Zainal Abidin Bin Shahbuddin	Tanah Milik Kg Selisik, Mukim Hulu Bernam GM 6232, 6234 & 4446 Lot 4518, 1405 & 1404	3.0
7	2009	Lim Seng Thie	Tanah Milik Yayasan Selangor, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor: HS(M) 1074 & 1159 PT 1593 & 1942	3.486
8	2009	KL - Kuala Selangor Expressway Bhd	Kompt 14, 15 & 16 Hutan Simpan Kanching	7.624

			<b>JUMLAH TAHUN 2009</b>	<b>205.26</b>
1	2010	Mohammed Borhan Bin Sainon	Tanah Milik PT 0045, 6605, 30720, 30721, 30722 & 30878	7.2282
2	2010	Andrew Savumuthu Enterprise	Tanah Milik Mukim Sg Gumut, Daerah Hulu Selangor	1.2
3	2010	Everbow Timber Trading	Tanah Kerajaan Mukim Batang Kali	Lelong Kayu
4	2010	Naluri Mewah Sdn Bhd	Tanah Milik Profilelane Ent (M) Sdn Bhd	83.27
5	2010	Tan Lian Seng	Tanah Milik PT 0059 & 4206	3.64
6	2010	K.K. Timber	Tanah Milik PN 7975 & 7958 PT 6608 & 6669 Mukim Hulu Langat	253.17
7	2010	Zai Classic Resources	Tanah Milik Sg Selisek, Mukim Hulu Bernam	15.7058
			<b>JUMLAH TAHUN 2010</b>	<b>364.214</b>
			<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>569.474</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PRESTASI PELABURAN**

62. Kerajaan negeri sering berbangga dengan prestasi pelaburan negeri dari luar atau dalam negara yang menggalakkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sasaran dan bagaimanakah prestasi pelaburan negeri setakat pertengahan 2011?
- b) Apakah program-program untuk menarik pelaburan yang dilaksanakan tahun ini?
- c) Bagaimanakah status pelaburan di Bernam Jaya yang mahu dibangunkan sebagai Zon Perkhidmatan Antarabangsa?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad mensasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM 10 bilion bagi tahun 2011. Bagi tempoh Januari hingga April 2011, sebanyak 80 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 3,193,884,013. Dari jumlah ini sebanyak RM 1,608,638,345 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 1,585,245,668 adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 4,621 peluang pekerjaan telah diwujudkan.
- b) Antara program-program untuk menarik pelaburan yang dilaksanakan pada tahun ini adalah seperti berikut;-
  - 1) Penyertaan dalam lawatan penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MIDA.
  - 2) Lawatan teknikal pelaburan ke luar negara seperti ke China, Eropah dan Australia.
  - 3) Program-program lawatan dan kunjungan hormat terhadap syarikat-syarikat yang beroperasi di Negeri Selangor bagi meninjau permasalahan yang dihadapi.
  - 4) Membantu menyelesaikan isu-isu pelaburan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang sedia ada.
  - 5) Pemantauan terhadap pelaksanaan projek-projek pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA.
  - 6) Membantu mempercepatkan proses kelulusan projek-projek pelaburan.
  - 7) Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek pelaburan yang sedang dilaksanakan
  - 8) Mengadakan program networking dengan kedutaan asing, institusi kewangan dan dewan-dewan perniagaan asing yang ada di Malaysia.

c) Di antara projek-projek yang telah dan sedang diusahakan oleh PKNS dan nilai pelaburan di Bernam Jaya adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Ulasan	Anggaran Pelaburan
1.	Bernam Jaya International Airpark	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama pintar PKNS-SIC-Redland Aviation Services diperingkat MOU.</li> <li>• Keluasan 1,500 ekar.</li> <li>• Terminal, Fixed Base Operation (FBO) dan Maintenance Repairs &amp; Overhaul (MRO).</li> </ul>	RM2.1b
2.	"Retirement Village" dipakej bersama skim MM2H	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama pintar PKNS – Nagamas Land Development Sdn. Bhd. peringkat akhir memuktamadkan perjanjian.</li> <li>• Keluasan 100 ekar.</li> <li>• Kediaman bungalow villa dan semi-d villa.</li> </ul>	RM148.9 juta

Bil.	Projek	Ulasan	Anggaran Pelaburan
3.	Ningbo Saide Electric Appliances Co. Ltd., & Ningbo Soenve Automation Equipment Co. Ltd.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengeluar panel solar serta kelengkapan dan peralatan berkaitan.</li> <li>• Keluasan 80 ekar (30 ekar untuk tapak kilang dan 50 ekar untuk "solar farm")</li> <li>• Bersetuju untuk kaedah "built and sell".</li> <li>• Peringkat untuk memuktamadkan SPA.</li> </ul>	RM100juta
4.	Lapangan Golf & Resort (18 + 9 lubang)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih peringkat rundingan</li> <li>• Keluasan tanah kira-kira 300 ekar.</li> </ul>	RM150juta
5.	"Bernam Leisure Point"	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan bersepadu merangkumi kawasan rehat lebuh raya utara-selatan, "show-village," terminal pengangkutan, "factory outlets," dan taman tema.</li> <li>• Masih lagi diperingkat rundingan</li> <li>• Keluasan tanah kira-kira 100 ekar</li> </ul>	RM550juta



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : FAHAMAN ISLAM LIBERAL**

63. Akhir-akhir ini ini terdapat fahaman Islam Liberal yang boleh mengancam fahaman sebenar Islam berteraskan ahli sunnah wal jemaah

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian kerajaan negeri berhubung fahaman Islam Liberal?
- b) Sejauh manakah penularan fahaman Islam Liberal di Selangor?
- c) Apakah bidang kuasa dan penguatkuasaan yang boleh dilakukan JAIS dalam mengekang fahaman Islam Liberal?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri belum memutuskan pendirian yang muktamad berhubung fahaman Islam Liberal. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangannya dari masa ke semasa. Jika didapati jelas memberi ancaman kepada fahaman Islam sebenar yang berteraskan Ahlu Sunnah wal-jamaah, maka Kerajaan Negeri akan memutuskan dan mengambil tindakan.
- b) Kajian belum dibuat bagi menentukan sejauh mana penularan fahaman tersebut. Setakat ini pergerakannya bukan atas nama organisasi, tetapi dalam bentuk pandangan dan pendapat individu yang dimuatkan dalam laman-laman web. Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius perkembangan ini, kerana media yang digunakan mempunyai pelanggan golongan tertentu yang besar pengaruh dan kesannya.
- c) Oleh sebab fahaman Islam Liberal ini belum difatwakan, maka tindakan penguatkuasaan tidak boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha penerangan dan penjelasan tentang fahaman Islam Liberal dan kesannya akan diteruskan dari semasa ke semasa supaya umat Islam di Negeri ini tidak mudah terperangkap dengan fahaman yang bercanggah dengan Ahlu Sunnah wal-jamaah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: HASIL PERLADANGAN**

64. Dalam memacu Ekonomi di Negeri Selangor ini hasil **Perladangan** juga boleh menjadi komoditi yang mendatangkan pendapatan kepada rakyat negeri ini;

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Bolehkah dibenarkan tanah kepunyaan Perbadanan Pertanian Negeri Selangor (PPNS) yang luas di beberapa daerah di Negeri Selangor disewakan, contohnya empat (4 ) ekar kepada seorang untuk mereka menjalankan usaha bercucuk tanam atau ternakan?

**JAWAPAN:**

a)

- 1.1 Ketika ini, PKPS memiliki tanah hakmilik seluas 9,769 hektar di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, seluas 2,900 hektar (30%) telah diusahakan sendiri oleh PKPS dengan pelbagai jenis tanaman iaitu kelapa sawit, getah balak, ubi kayu, nanas dan tebu. Selain daripada itu, seluas 80 hektar lagi sedang diusahakan oleh anak-anak syarikat PKPS dengan projek penternakan ikan air tawar, pembenihan ikan dan pasar borong.
- 1.2 Baki keluasan, iaitu 6,789 hektar (70%), merupakan tanah-tanah yang telah dipajakkan kepada pihak luar dan perjanjian pajakan telah dimeterai sebelum tahun 2008.
- 1.3 PKPS telah berusaha untuk menamatkan perjanjian dan mengambil balik tanah-tanah ini. Setakat ini, 7 keping tanah (450 ha) telah diambil balik. Bakinya sukar diambil balik kerana perjanjian pajakan tanah tidak menyalahi PKPS.

Mulai tahun 2008, dasar PKPS ialah untuk PKPS membangunkan sendiri tanah-tanah yang ada dengan projek-projek pertanian yang bersesuaian. Maka itu, PKPS tidak lagi menyewa atau memajakkan mana-mana tanah yang dimiliki kepada pihak luar seperti yang pernah dilakukan pada tahun-tahun sebelum tahun 2008. Walau bagaimanapun, PKPS ada menjalankan beberapa projek pertanian secara usahasama dalam bidang di mana PKPS tidak mempunyai kepakaran. Objektif utama adalah untuk mendapatkan kepakaran dan pengetahuan melalui program pemindahan teknologi dengan rakan usahasama.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KESIHATAN UNTUK RAKYAT SELANGOR**

65. Rakyat yang sihat merupakan aset negara. Kerajaan ini sudah pun memulakan beberapa program Kesihatan untuk rakyat negeri ini.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan program untuk menyediakan Perlindungan Insurans Kesihatan untuk semua warga Selangor yang miskin ?
- b) Berapa anggaran kos untuk program ini ?
- c) Adakah Kerajaan Selangor ingin melaksanakan program ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum berhasrat untuk menyediakan Perlindungan Insurans Kesihatan untuk semua warga Selangor yang miskin. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri telah menyediakan Program Bantuan Kesihatan Negeri Selangor kepada rakyat miskin. Program Bantuan Kesihatan ini adalah merupakan bantuan kos rawatan bagi pembedahan kecil, dialisis buah pinggang, katarak mata dan lain-lain jenis permohonan yang berkaitan kesihatan contohnya peralatan sokongan anggota badan dan ubat-ubatan.
- b) Anggaran kos untuk program Perlindungan Insurans Kesihatan untuk semua warga Selangor yang miskin tidak dapat dikemukakan memandangkan program tersebut masih belum dilaksanakan.
- c) Pelaksanaan program Perlindungan Insurans Kesihatan adalah bergantung kepada situasi dan keperluan semasa ekonomi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : KADAR CUKAI TANAH NEGERI SELANGOR**

66. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar :

- a) Senaraikan kadar cukai tanah untuk zon industri bagi status mukim, pekan dan bandar, mengikut pecahan daerah untuk tahun 1995 dan tahun 2011 masing-masing.
- b) Apakah jabatan yang bertanggungjawab untuk mengkaji, menilai dan menentukan kadar cukai tanah di Negeri Selangor dan apakah prosedur penentuan kadar cukai tanah?
- c) Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan kadar cukai tanah untuk zon industri di Negeri Selangor?kada

**JAWAPAN :**

- a) Senarai kadar cukai tanah untuk zon industri bagi status mukim, pekan dan bandar, mengikut pecahan daerah untuk tahun 1995 dan tahun 2011 adalah seperti dalam jadual berikut di Lampiran A.
- b) Jabatan yang bertanggungjawab adalah Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Berdasarkan Seksyen 101 Kanun Tanah Negara, di mana cukai tanah boleh disemak tidak kurang dari tempoh 10 tahun sekali. Penentuan kadar cukai tanah dibuat dengan melihat Purata Peningkatan Tahunan Indeks Harga Pengguna serta selepas mendapatkan kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri.
- c) Kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan kadar cukai tanah untuk zon industri di Negeri Selangor adalah mengikut Daerah dan kawasan Bandar” atau “Pekan” atau “Mukim”

LAMPIRAN A

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran			
		Bangunan		Tanah Kosong	
		Tahun 1995	Tahun 2010	Tahun 1995	Tahun 2010
1.	Kediaman(Landed)	5.0%	4.0%	4.5%	3.5%
2.	Kediaman(bertingkat)	5.0%	3.5%	5.0%	3.5%
3.	Komersial	8.0%	7.0%	7.5%	6.5%
4.	Pangsapuri Servis	8.0%	5.0%	7.5%	5.0%
5.	Perindustrian	8.0%	7.5%	7.5%	7.0%

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	Kawasan	Kategori Pegangan	Kadar Taksiran Tahun 1995	Kadar Taksiran Tahun 2010
1.	Seksyen 1,2,3 /Seri Setia/ Kampung Baru Damansara (Seksyen 17A)/ PJS 2,4,6 dan sebahagiannya PJS	Kediaman	7.0%	7.7%
		Lain-lain Pegangan	8.0%	8.8%
2.	Kampung Kayu Ara/ Kayu Ara Indah / Kampung Cempaka dan semua kampung tradisional di Petaling Jaya	Semua Pegangan	5.0%	5.5%
3.	Petaling Jaya Selatan dan Petaling Jaya Utara	Rumah Kos Rendah Sahaja	7.0%	7.7%
4.	Sri Damansara /Mayang Mas dan Megah Mas	Kediaman / Tanah Kosong	5.0%	5.5%
		Lain-lain Pegangan	6.0%	6.6%
		Kediaman Bertingkat	-	5.0%

LAMPIRAN A

BIL.	Kawasan	Kategori Pegangan	Kadar Taksiran Tahun 1995	Kadar Taksiran Tahun 2010
5.	Semua kawasan yang tidak termasuk dalam 1-4 diatas (Kawasan Maju)	Semua Pegangan	8.0%	8.8%
6.	Petaling Jaya Utara	Pertanian	5.0%	5.5%
7.	Semua Kawasan Petaling Jaya Kediaman Bertingkat	Flat Kos Rendah	-	5.0%
		Apartmen dan Kondominium (Kecuali item 4)	-	6.0%
		Pangsapuri Servis	-	6.6%

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Taksiran							
		Kediaman/ Pertanian		Tanah Kosong (Kediaman)		Perindustrian /Perniagaan		Tanah Kosong (Perindustrian/ Perniagaan)	
		Tahun 1995	Tahun 2011	Tahun 1995	Tahun 2011	Tahun 1995	Tahun 2011	Tahun 1995	Tahun 2011
1.	Pusat Perdagangan	10.0%	10.5%	10.5%	10.5%	11.0%	11.5%	11.5%	11.5%
2.	Kawasan Maju	9.0%	9.5%	9.5%	9.5%	10.0%	10.5%	10.5%	10.5%
3.	Sedang membangun	6.0%	6.5%	6.5%	6.5%	7.0%	7.5%	7.5%	7.5%
4.	Simpanan Melayu	2.0%	2.2%	2.5%	2.2%	3.0%	3.25%	3.5%	3.25%

LAMPIRAN A

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran					
		Industri		Komersial		Kediaman	
		Tahun 1997	Tahun 2011	Tahun 1997	Tahun 2011	Tahun 1997	Tahun 2011
1.	Kawasan Maju	7.15	7.15	6.6%	6.6%	5.5%	5.5%
2.	Kampung (Bukan Rezab Melayu)	7.15	7.15	6.6%	6.6%	2.2%	2.2%
3.	Kampung ( Rezab Melayu)	7.15	7.15	6.6%	6.6%	1.1%	1.1%

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran Tahun 1992	Kadar Cukai Taksiran Tahun 2011
1.	Kediaman	5.0%	5.0%
2.	Perniagaan	6.0%	6.0%
3.	Perdagangan	6.0%	6.0%
4.	Industri	6.0%	6.0%
5.	Pertanian	2.0%	2.0%
6.	Subang Jaya	8.0%	8.0%

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Takisran Tahun 2011
1.	Kediaman Kampung	4.0%
2.	Kediaman Kos Rendah	8.0%
3.	Kediaman Taman Perumahan	8.6%
4.	Komersial	6.5-10.8%
5.	Industri	12.0%

LAMPIRAN A

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Taksiran Tahun 2011			
		Kawasan Simpanan Melayu	Kawasan Belum Membangun	Kawasan Membangun	Kawasan Maju
1.	Kediaman	2.2%	4.40%	7.7%	8.8%
2.	Perniagaan/Kedai	3.3%	8.25%	8.8%	9.9%
3.	Perkilangan/Perusahaan	4.4%	9.35%	9.9%	11.0%
4.	Institusi	-	-	5.5%	-
5.	Tanah Pertanian	1.1%	1.10%	1.1%	1.1%

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran Tahun 1995	Kadar Cukai Taksiran Tahun 2011
1.	Kediaman	8.0%	7.35%
2.	Komersial	9.0%	8.40%
3.	Industri	10.0%	9.45%

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran Tahun 2011
1.	Kediaman	9.0%
2.	Komersial	11.0%
3.	Industri	8.0%



LAMPIRAN A

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran Tahun 1995	Kadar Cukai Taksiran Tahun 2011
1.	Perniagaan	6 -9.5%	7 - 8%
2.	Kediaman	4 - 8%	6 - 7%
3.	Perumahan	8 -18%	10 -12%
4.	Pertanian (Rezab Melayu)	0.01 - 1.5%	2.0%
5.	Pertanian	8.0%	1.0%
6.	TOL	0.5 - 2.5 %	3%

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Taksiran							
		Perindustrian		Perniagaan		Kediaman		Pertanian	
		Tahun 1995	Tahun 2011	Tahun 1995	Tahun 2011	Tahun 1995	Tahun 2011	Tahun 1995	Tahun 2011
1.	Bandar Mahkota Banting	11.0%	12.0%	9.0%	10.0%	9.0%	10.0%	-	-
2.	Bandar Seri Ehsan	11.0%	12.0%	10.0%	11.0%	10.0%	11.0%	-	-
3.	Bandar Saujana Putra	6.0%	6.5%	6.0%	6.5%	5.0%	5.5%	1.0%	1.0%
4.	Pulau Carey	-	13.0%	-	11.0%	-	11.0%	-	1.0%
5.	Telok Panglima Garang	12.0%	13.0%	10.0%	11.0%	10.0%	11.0%	1.0%	1.0%
6.	Sungai Jarum	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	1.0%	1.0%
7.	Sungai Sedu	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	1.0%	1.0%
8.	Sungai Manggis	13.0%	14.0%	13.0%	14.0%	10.0%	11.0%	1.0%	1.0%
9.	Telok Datok	13.0%	14.0%	13.0%	14.0%	12.0%	13.0%	1.0%	1.0%
10	Banting	13.0%	14.0%	13.0%	14.0%	13.0%	14.0%	1.0%	1.0%
11.	Morib	12.0%	13.0%	12.0%	13.0%	11.0%	12.0%	1.0%	1.0%

**LAMPIRAN A**

12.	Tanjung Sepat	7.0%	7.5%	7.0%	7.5%	7.0%	7.5%	1.0%	1.0%
13.	Olak Lempit	11.0%	12.0%	11.0%	12.0%	11.0%	12.0%	1.0%	1.0%
14.	Sungai Lang	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	1.0%	1.0%
15.	Morib/ Kelanang/ Jugra	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	-	-
16.	Banting Baru	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	8.0%	8.5%	-	-
17.	Jalan Salak Tinggi	11.0%	12.0%	-	-	-	-	-	-
18.	Bukit Changgang	10.0%	11.0%	10.0%	11.0%	10.0%	11.0%	-	-

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran Tahun 2011	
		Kawasan Maju	Kawasan Kurang Maju
1.	Kediaman	11.8%	8.5%
2.	Komersial	12.0%	10.8%
3.	Industri	13.0%	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PROGRAM ZON BERSIH**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sistem pemantauan yang ada untuk program zon bersih?
- b) Berapakah peruntukkan yang telah dibelanjakan dalam program ini?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi tujuan memantau program zon bersih, PBT telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal bagi memastikan program ini mencapai matlamat. Dalam hal ini, semua perkara berkaitan dibincangkan bagi tindakan dan makluman pihak berkaitan. Selain dari itu pemantauan kontraktor turut dijalankan secara berkala oleh jabatan dalaman PBT bagi kerja-kerja pembersihan dan lain-lain. Antaranya ialah :
  - i. Pemeriksaan ke atas premis perniagaan seperti restoran, pasar pagi, pasar malam dan medan selera bagi memastikan pematuhan terhadap kebersihan, pembuangan sampah serta memiliki lesen perniagaan yang sah.
  - ii. Mengeluarkan kompaun dan sitaan kepada mereka yang melanggar peraturan serta kesalahan trafik.
  - iii. Pemantauan kebersihan tandas awam oleh kontraktor pembersihan dan kutipan sampah serta sisa pepejal oleh Syarikat Alam Flora dan juga kontraktor lanskap yang menjaga taman dan padang permainan dilakukan pada setiap bulan.

- b) Berikut adalah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh setiap PBT bagi pelaksanaan Program Zon Bersih Sesi 2010/2011 :

BIL	PBT	PERUNTUKAN YANG DIGUNAKAN
1.	MBSA	RM 115,743.50
2.	MBPJ	RM 95,505.00
3.	MPK	RM 100,000.00
4.	MPSJ	RM 100,000.00
5.	MPAJ	RM 150,000.00
6.	MPS	RM 210,000.00
7.	MPKj	RM 200,000.00
8.	MPSp	RM 154,043.00
9.	MDKS	RM 112,500.00
10.	MDKL	RM 112,500.00
11.	MDHS	RM 77,434.00
12.	MDSB	RM 25,540.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PENCEMARAN AIR LAUT DI PERAIRAN PELABUHAN KLANG**

68. Amnya Pelabuhan Klang mempunyai 3 pelabuhan iaitu Pelabuhan Barat, Pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Utara. Telah terdapat tumpahan minyak yang sering berlaku di 3 pelabuhan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri di dalam membendung dan mengelakkan kejadian seumpama ini sering berlaku selain laporan dan aduan dibuat kepada Lembaga Pelabuhan Klang, Jabatan laut dan Jabatan Alam Sekitar.
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu badan khas bagi memantau aktiviti di perairan Pelabuhan Klang?
- c) Ini kerana, nasib golongan nelayan yang mencari rezeki di sekitar kawasan perairan Pelabuhan Klang akan terjejas dan apakah ada bantuan yang akan disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi penguatkuasaan maritim seperti Jabatan Laut Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Gerakan Marin sentiasa mengadakan pemantauan secara berterusan untuk mencegah serta membendung kejadian pencemaran minyak daripada aktiviti-aktiviti perkapalan sekitar Pelabuhan Klang. Melalui aktiviti pemantauan ini pemeriksaan juga dibuat ke atas kapal bagi memastikan tidak ada sisa minyak atau bahan buangan yang disimpan di dalam kapal dilupuskan secara haram ke dalam laut. Selain dari itu, beberapa langkah kawalan sediada dilaksanakan oleh pihak berkuasa pelabuhan bagi mengurangkan insiden pelanggaran kapal dagang seperti *Traffic Separation Scheme* (1977), *Vessel Traffic Management System* (1997) dan *Mandatory Ship Reporting System in the Straits of Malacca* (STRAIREP 1998).

Selain dari pencegahan, Pihak Berkuasa Pelabuhan di bawah seliaan Lembaga Pelabuhan Klang juga mempunyai Pelan Tindakan Tumpahan Minyak (Peringkat Setempat) bagi memastikan penyelaras tindakbalas sekiranya berlaku tumpahan minyak di dalam kawasan pelabuhan (*Port Limit*). Selain dari itu, pihak berkuasa pelabuhan juga perlu memperlengkapkan kemudahan masing-masing dengan *stockpile* peralatan kawalan tumpahan minyak yang mencukupi dan mempertingkatkan kemahiran kakitangan dalam kerja-kerja melawan tumpahan minyak. Bagi kes di mana pencemaran minyak telah merebak di pantai dan pelabuhan, Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Negeri Selangor akan digerakkan. Operasi pembersihan minyak peringkat setempat ini akan diterajui oleh Jawatankuasa Pembersihan Pantai Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah.

- b) Agensi-agensi Penguatkuasaan Maritim sediada seperti Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pasukan Gerakan Marin, PDRM serta Pihak Berkuasa Pelabuhan mempunyai kepakaran, keanggotaan serta sumber yang mencukupi bagi menjalankan pemantauan, pengawasan (*surveillance*) serta penguatkuasaan bersepadu bagi membendung dan mencegah pencemaran minyak. Maka, pada masa ini, Kerajaan Negeri Selangor boleh terus menggunakan perkhidmatan agensi-agensi sediada dan belum wujudnya keperluan untuk penubuhan satu badan khas untuk memantau aktiviti di perairan Pelabuhan Klang.
- c) Bagi kes-kes pencemaran minyak yang berpunca **daripada kapal dagang di mana identiti kapal diketahui**, maka pampasan kerugian yang bersabit dengan pencemaran yang dialami oleh nelayan boleh dituntut di bawah regim tuntutan dan pampasan antarabangsa seperti *Civil Liability Convention 1992*, *International Oil Pollution Compensation Fund 1992* dan *International Bunker Convention 2001* tertakluk kepada syarat dan kriteria pampasan yang telah ditetapkan. Tuntutan ini akan diselaraskan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan Negeri.

Manakala bagi kes-kes pencemaran minyak daripada **punca yang diketahui tetapi selain kapal dagang**, maka pampasan kerugian yang bersabit dengan pencemaran yang dialami oleh nelayan boleh dituntut dibawah Seksyen 46E, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Seksyen 40, Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) 1984 melalui prosiding mahkamah.

Bagi kes-kes pencemaran minyak di mana **punca pencemaran serta pencemar tidak diketahui**, pada masa ini, belum ada mekanisme tuntutan dan pampasan gantirugi kepada para nelayan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK : HADIAH MASUK UNIVERSITI**

69. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat untuk mendapat bantuan hadiah masuk universiti tersebut?
- b) Kenapa terdapat banyak permohonan ditolak?

**JAWAPAN :**

- a) Syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan bantuan bagi Program Hadiah Pengajian IPT (Hadiah Anak Masuk Universiti) adalah seperti berikut:
  - (i) Pemohon adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
  - (ii) Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
    - (a) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
    - (b) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
    - (c) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;
  - (iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** (sesi pengajian 2008/2009) sahaja;
  - (iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjanamuda** dan **Diploma** sahaja;
  - (v) Pemohon **telahpun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
  - (vi) Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.
- b) Kelayakan permohonan Hadiah Pengajian IPT (HPIPT) adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Setiap permohonan akan melalui beberapa proses semakan bagi memastikan permohonan tersebut adalah **lengkap** dan **memenuhi setiap syarat** yang telah ditetapkan. Bagi permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat, pembayaran akan dilaksanakan. Manakala bagi permohonan yang tidak memenuhi syarat kelayakan adalah dianggap tidak berjaya dan permohonan tersebut **ditolak**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : PENAMBAHAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT KERAJAAN NEGERI  
(EXCO) DAN ADUN**

70. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah tindakan ini dapat membebankan kedudukan kewangan kerajaan Negeri ?
- b) Bagaimana cara penggunaan peruntukan ini di kawasan DUN yang diwakili oleh ADUN BN ?
- c) Berapakah jumlah tambahan peruntukan bagi EXCO dan ADUN?

**JAWAPAN :**

- a) Keputusan bagi penambahan peruntukan kepada program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri termasuk program-program yang melibatkan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri adalah dengan terlebih dahulu melihat kepada keupayaan membayar Kerajaan Negeri di samping menilai kesan positif dan faedah yang akan diperolehi. Sehubungan dengan itu, tidak timbul samada penambahan peruntukan ini membebankan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Untuk makluman, garis panduan pemberian elaun kepada Ahli Dewan Negeri bagi melaksanakan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 tahun 2011.

Bagi kawasan Ahli Dewan Negeri Barisan Nasional atau pembangkang, Pegawai Penyelaras adalah dibenarkan untuk membuat tuntutan selaras dengan peranan mereka melaksanakan program-program mesra rakyat di kawasan tersebut.

- c) Jumlah yang diperuntukkan untuk pembayaran ini bagi tempoh setahun adalah berjumlah RM1,008,000.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : TANAH RIGHT OF WAY (R.O.W)**

71. Tanah Right of Way (R.O.W) merupakan salah satu sumber hasil untuk Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar :

- a) Adakah semua R.O.W untuk lebuhraya di Negeri Selangor telah digazetkan dan senaraikan R.O.W yang telah digazetkan mengikut pecahan daerah bagi tahun 2001 hingga 2011.
- b) Senaraikan lokasi dan jumlah hasil lesen billboard yang diperolehi daripada billboard yang didirikan dalam R.O.W di Negeri Selangor mengikut pecahan PBT bagi tahun 2000 hingga 2011.

**JAWAPAN :**

- a) Tanggungjawab bagi memohon pewartaan R.O.W lebuh raya adalah terletak pada Lembaga Lebuh raya Malaysia, yang perlu dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Hasil semakan, hanya terdapat satu pewartaan sahaja di bawah Seksyen 62(1)KTN untuk tujuan laluan keluar masuk iaitu di Mukim tanjung 12, Lot 45435, Daerah Kuala Langat, PA 144281, iaitu untuk tujuan keluar masuk dari tapak projek *Malaysia Land* ke *KLIA Expressway* dan dikawal oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Warta No.1193/2010)
- b) Jawapan oleh Unit Perancang Ekonomi, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PAMPASAN PEMBELI ARMADA PUTRA**

72. Merujuk kepada Usul No. 18 Tahun 2010 berkenaan "Tuntutan Pampasan Pembeli Armada Putra":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap usul ini?
- b) Berapa ramaikah pembeli yang terlibat dalam pembelian hartanah di Armada Putra?
- c) Berapakah anggaran pembayaran pampasan yang akan ditanggung oleh anak syarikat Kerajaan Negeri berkenaan?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui LPHS telah mengambil tindakan dengan memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli dengan membawa kes mereka ke mahkamah bagi menuntut Denda Penyerahan Lewat Rumah (LAD) daripada pemaju ekoran kegagalan pemaju menyiapkan rumah mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli. Memandangkan pemaju projek iaitu Tetuan Brisdale Holdings Berhad telah digulung oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 13 November 2008 dan Mahkamah telah melantik Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) sebagai Pelikuidasi Syarikat. Berdasarkan maklumbalas Mdl pada Disember 2010 memaklumkan liabiliti yang ditanggung oleh pemaju adalah melebihi aset seperti yang dinyatakan oleh bekas pengarah syarikat di dalam Penyata Hal Ehwal Syarikat. Oleh itu, sebarang tuntutan pembeli perlu dibuat kepada Mdl, Cawangan Wilayah Persekutuan.

Jawapan (b) dan (c) disediakan oleh PNSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK LEMBU TENUSU DAN AYAM DAGING OLEH PKPS**

73. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan setakat ini bagaimanakah perkembangan projek tersebut ?
- b) Sila perelaskan apakah harapan dan potensi penternakan lembu tenusu dan ayam daging dalam konteks menjana perkembangan kemajuan pertanian Negeri Selangor ?
- c) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang telah disalurkan dalam menjayakan projek tersebut dan apakah jaminan pulangan pelaburan kepada PKPS ?

**JAWAPAN:**

- a)
  - 1.1 Projek penternakan lembu tenusu dan ayam pedaging PKPS telah dimulakan pada tahun 2010 dengan pembinaan kandang lembu dan rumah-rumah ayam di atas tanah seluas 10 ekar. Tapak projek terletak di Ladang Jelutong Jati, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam.
  - 1.2 Pelaksanaan projek lembu tenusu dibuat dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan mendapat sokongan erat daripada Ketua Pengarah Veterinar, Malaysia.
  - 1.3 Pelaksanaan projek ayam pedaging adalah hasil kerjasama dengan syarikat Charoen Pokphand, iaitu syarikat yang terbesar di Asia dan kedua terbesar dunia di dalam industri ternakan ayam.

**PROJEK LEMBU TENUSU**

- i. PKPS telah membawa masuk 116 ekor lembu betina bunting, 3-6 bulan, jenis Friesien (75% pure blood) pada 26 Disember 2010 daripada Thailand. Pembekal adalah sebuah syarikat yang mempunyai 40 tahun pengalaman dalam bidang lembu tenusu. Pada ketika ini, jumlah lembu telah meningkat kepada 202 ekor dengan adanya kelahiran anak-anak lembu.
- ii. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 74 ekor lembu betina sedang mengeluarkan susu pada kadar purata 10 liter seekor sehari. Ini bererti jumlah pengeluaran susu sehari ialah 740 liter. Pengeluaran susu dijangka meningkat kepada 1200 liter/hari.
- iii. Ternakan lembu tenusu sedia ada diberi makan rumput Napier dan juga konsentrasi bagi mendapatkan pengeluaran susu yang optima. Rumput Napier telah ditanam di kawasan seluas 66 ekar di sekitar tapak projek. Selain itu, PKPS

juga telah mula mengaplikasikan kaedah '*Total Mixed Ration*' di mana semua makanan ternakan dicampur ke dalam sebuah mesin yang mengaulkan makanan-makanan tersebut sebelum terus diberi kepada ternakan.

- iv. Pada masa kini, susu segar yang dihasilkan dijual terus kepada Pusat Pengumpulan Susu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Daerah Sabak dan pembeli tempatan.

### **PROJEK AYAM DAGING**

- i. PKPS telah membina dua (2) buah rumah ayam dengan kapasiti sebanyak 96,000 ekor (@ 48,000 ekor setiap rumah) pada setiap pusingan. Sistem penternakan yang digunakan adalah sistem tertutup dengan menggunakan empat (4) tingkat sangkar. Semua kerja-kerja penyelenggaraan ayam seperti memberi makanan dan minuman adalah dilakukan secara automasi.
- ii. Satu pusingan penternakan ayam akan mengambil masa selama 35 hari. Dianggarkan dalam setahun terdapat sebanyak enam (6) pusingan penternakan dan ini mampu menawarkan bekalan ayam pedaging ke pasaran sebanyak 576,000 ekor setahun @ 2kg/ekor atau 1.2juta kg/tahun.
- iii. Hasil tuaian ternakan pertama adalah pada bulan Mei 2011 dan hasil pusingan kedua pula pada bulan 1 Julai 2011.

- b) Harapan PKPS dalam projek penternakan lembu tenusu dan ayam daging ini ialah:

### **PROJEK LEMBU TENUSU**

- i. Menjadi pengeluar susu segar yang menjual susu-susu dengan menggunakan jenama sendiri untuk dijual ke sekolah-sekolah dan pasaran tempatan.
- ii. Menjadi ladang pembiakan induk bagi mengeluarkan dan membekalkan lembu tenusu kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan juga penternak persendirian ini telah pun dipersetujui oleh Jabatan Veterinar.
- iii. PKPS menjadi model ladang lembu tenusu dan merangsang penduduk sekitar untuk melaksanakan projek ternakan mereka sendiri. Induk lembu akan dibekalkan oleh PKPS dan keluaran susu dijual kepada PKPS. Ini akan menggalakkan pertumbuhan industri perternakan lembu.
- iv. Membekalkan daging lembu ke pasaran tempatan kerana anak lembu jantan yang dilahirkan boleh dijadikan sebagai lembu pedaging.
- v. PKPS berhasrat untuk menjadi pembekal lembu korban. Pada ketika ini lembu korban adalah kebanyakannya diimport daripada negara jiran apabila tiba musim korban.

## **PROJEK AYAM DAGING**

- i. Kesemua aktiviti-aktiviti tersebut dijangka mampu meningkatkan kemajuan pertanian di Negeri Selangor dengan memberi peluang kepada rakyat untuk menjadi usahawan dalam bidang penternakan lembu tenusu atau aktiviti hiliran yang berkaitan.
- ii. Harapan PKPS dalam projek penternakan ayam pedaging ini adalah untuk membekalkan ayam ke pasaran tempatan sebanyak 96,000 ekor/pusingan, 35 hari. Jumlah ini adalah masih belum mencukupi dalam memenuhi permintaan pasaran di Negeri Selangor yang mempunyai anggaran permintaan sebanyak 10 juta ekor sebulan.
- iii. Selain itu, PKPS juga berhasrat untuk menambah bilangan rumah-rumah ayam sebanyak 4 unit lagi bagi membolehkan kapasiti penternakan ayam ditingkatkan. Pada masa yang sama, PKPS juga berhasrat untuk mewujudkan sebuah pusat penyembelihan dan pemprosesan ayam sebagai aktiviti hiliran kepada projek penternakan ayam pedaging yang dijalankan.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti ini maka peluang usahawan untuk terlibat dengan projek PKPS akan dapat dipertingkatkan

## c) **PROJEK LEMBU TENUSU**

Secara keseluruhannya, perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk menjayakan projek penternakan lembu tenusu ini adalah berjumlah RM5.67 juta. Pelaburan tersebut diunjurkan untuk mendapat pulangan pada tahun ke tujuh (7) projek beroperasi.

Jaminan pulangan pelaburan adalah dari segi permintaan pasaran yang jauh lebih tinggi berbanding penawaran. Pada ketika ini, Malaysia mengimport sebanyak 95% keperluan susu negara daripada negara-negara seperti Australia dan New Zealand. Ini bererti bahawa susu-susu yang dihasilkan oleh PKPS akan dapat diserap oleh pasaran tempatan dengan mudah (tertakluk kepada kualiti dan harga susu).

## **PROJEK AYAM DAGING**

Jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk melaksanakan projek penternakan ayam pedaging ini ialah RM5.32 juta. Pulangan pelaburan kepada PKPS adalah diunjurkan pada tahun ke tujuh (7) projek beroperasi.

Jaminan pulangan pelaburan ialah permintaan yang tinggi dan meningkat dari masa ke semasa. Selain daripada itu, kerjasama dengan Syarikat Charoen Pokphand yang telah bersetuju melatih kakitangan PKPS dalam bidang penternakan ayam. Selain daripada itu, Charoen Pokphand membayar kepada PKPS sebanyak RM600,000/tahun untuk menyewa dua (2) buah rumah ayam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan '*road map*' atau jadual pelaksanaan penebusgunaan semula sisa pejal domestik?
- b) Apakah rancangan dalam pengurusan sisa pejal kawasan luar bandar yang tidak dalam penguatkuasaan PBT?
- c) Apakah amalan dan sistem pemantauan kerajaan dalam pengurusan sisa perindustrian?

**JAWAPAN :**

- a) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memberikan perkhidmatan kutipan sampah domestik berjadual di kawasan perumahan dan komersial pada setiap hari bermula jam 5.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Manakala bagi kutipan di kawasan perumahan adalah sebanyak tiga (3) kali seminggu. Manakala bagi Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), pihak majlis telah menubuhkan '*Buy Back Centre*' di dalam kawasan pejabat MDKL pada setiap hari Khamis penghujung bulan.
- b) Pihak Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) bercadang mengenakan bayaran cukai nominal di kawasan luar bandar bagi memberikan perkhidmatan kutipan sampah sahaja. Manakala bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) secara keseluruhan meliputi Kampung Baru dan Kampung Tradisional yang telah diberi perkhidmatan tanpa yang terkecuali.
- c) MPAJ menetapkan agar pemilik industri perlu melupuskan sampah industri mereka di tempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sekiranya pihak majlis mendapati terdapat longgokan sampah industri, kompaun akan dikeluarkan kepada pihak industri. Bagi Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), pihak majlis hanya menyediakan perkhidmatan kutipan sampah domestik di kawasan industri. Manakala sisa-sisa industri akan diuruskan oleh pemilik industri sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN  
( SRI SERDANG)**

**TAJUK : PENASIHAT EKONOMI SELANGOR**

75. Dato Seri Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor sejak tahun 2009.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan terbesar Penasihat Ekonomi negeri dalam memacu ekonomi negeri?
- b) Apakah perbezaan ketara pada ekonomi negeri selepas pelantikan beliau?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menggantung khidmat beliau kerana terbabit dengan kes pendakwaan di mahkamah?

**JAWAPAN :**

- a) Sumbangan terbesar Penasihat Ekonomi Negeri dalam membantu hala tuju pentadbiran negeri setakat ini adalah cadangan beliau mengenai reformasi pengurusan tanah di Selangor. Pandangan dan ketetapan beliau bahawa perlunya ada satu pendekatan baru yang lebih adil dan membantu rakyat terbanyak dalam hal ehwal tanah di Selangor mendorong kepada keputusan Kerajaan Negeri memperkenalkan sistem baru penyambungan status hak milik tanah sementara yang tidak membebankan rakyat.

Melalui kaedah baru ini, rakyat hanya perlu membayar yuran pemprosesan sebanyak RM1,000 sahaja untuk terus tinggal dan mendapat hakmilik tanah, berbeza dengan cara lama di bawah pentadbiran Barisan Nasional yang menyebabkan rakyat terpaksa membayar berpuluh ribu ringgit.

Reformasi pentadbiran tanah ini dijangka akan membawa kesan yang besar kepada ekonomi negeri, termasuk mengurangkan jurang harga tanah di antara status hak milik sementara dan hak milik kekal. Secara tidak langsung, ia diharapkan akan menaikkan harga hartanah yang dimiliki oleh rakyat, sementara memastikan hak milik tanah kekal dengan rakyat.

Selangor adalah negeri pertama yang berani melaksanakan reformasi pentadbiran tanah sebesar ini.

- b) Penasihat Ekonomi faham bahawa fungsi dan tugas beliau adalah atas kapasiti menasihati; memandangkan pengalaman beliau yang cukup lama dalam kerajaan.

Tugas mentadbir kerajaan negeri dan melaksanakan dasar adalah bidang kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan ruang ini diberikan sepenuhnya kepada pimpinan Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan.

Penasihat Ekonomi menumpukan perhatian kepada beberapa dasar makro yang penting supaya ada perubahan ketara yang dirasai oleh rakyat di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat.

Tumpuan-tumpuan yang diberikan termasuklah rundingan dan nasihat mengenai kaedah mempelbagaikan lagi program-program ekonomi yang membantu rakyat seperti Skim Mikrokredit, Skim Rumah Mampu Milik, reformasi tanah dan lain-lain.

Jawapan kepada soalan tersebut terletak di tangan rakyat. Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan pelaksanaan dasar-dasar ini yang banyak dipengaruhi oleh beberapa siri keutamaan yang ditetapkan oleh Penasihat Ekonomi Negeri, rakyat dapat membezakan bahawa telah ada perbezaan ketara sejak beliau dilantik.

- c) Tidak.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PUSAT HIBURAN HARAM**

76. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah Pusat-pusat Hiburan Haram mengikut daerah di Negeri Selangor dan berapakah jumlah Pusat Hiburan yang diberikan lesen tapi tidak mengikut peraturan yang ditetapkan?
- b) Adakah tindakan undang-undang yang dikenakan cukup berkesan atau sebaliknya?
- c) Setakat ini, berapakah jumlah pengusaha yang telah diambil tindakan undang-undang dan jenis kesalahan dan tindakan yang dikenakan?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah Pusat-Pusat Hiburan haram mengikut daerah di Negeri Selangor dan jumlah Pusat Pusat Hiburan yang diberikan lesen tetapi tidak mengikut peraturan yang ditetapkan adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>JUMLAH PUSAT HIBURAN HARAM</b>	<b>JUMLAH PUSAT HIBURAN YANG MELANGGAR SYARAT LESEN</b>
1.	MBSA	17	4
2.	MBPJ	-	77
3.	MPK	18	7
4.	MPAJ	-	22
5.	MPSJ	16	1
6.	MPS	2	-
7.	MPKj	14	68
8.	MPSp	5	15
9.	MDKS	4	3
10.	MDHS	7	-
11.	MDKL	-	6
12.	MDSB	-	4
<b>JUMLAH</b>		<b>83</b>	<b>207</b>

- b) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, peruntukkan Undang-Undang digunapakai oleh semua PBT di Selangor adalah mencukupi kerana Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan 1995 dan pindaan-pindaan yang telah dibuat memperuntukkan penalti atau RM 10,000.00 hingga RM 50,000.00 dan hukuman penjara tidak melebihi 3 Tahun . Kadar penalti yang dikenakan adalah tinggi dan secara tidak langsung telah membantu dalam mengurangkan bilangan pusat hiburan haram di negeri Selangor. Di samping itu juga, pelaksanaan penguatkuasaan oleh setiap PBT bagi undang-undang sedia ada turut membantu dalam mengatasi masalah ini.

- c) Setakat ini, terdapat 290 pengusaha pusat hiburan yang telah dikenakan tindakan undang-undang. Jenis kesalahan dan tindakan yang biasa dikenakan kepada pemilik premis hiburan di sekitar Selangor adalah kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen dan melanggar syarat-syarat lesen seperti beroperasi melebihi had masa yang dibenarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL  
(SEMENTA)**

**TAJUK : PRESTASI EXCO**

77. Setiap EXCO seharusnya mempunyai sasaran keberhasilan bagi setiap portfolio di bawah tanggungjawab mereka.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran keberhasilan setiap EXCO untuk tahun 2011 ?
- b) Bagaimanakah prestasi semasa setiap EXCO berdasarkan portfolio ?
- c) Adakah keberhasilan yang boleh dibanggakan oleh setiap EXCO sejak 2008 dan bagaimanakah ia diukur?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : HASIL PADI**

78. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan negeri memberi butiran terperinci tentang usaha-usaha peningkatan hasil padi yang telah dilaksanakan serta pencapaian-pencapaian yang telah dikecapi sejak ianya dilancarkan pada tahun 2009.
- b) Adakah benar bahawa kerajaan negeri tidak mendapat kerjasama yang penuh daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani?

**JAWAPAN :**

- a) Sumbangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan hasil padi Negeri Selangor adalah melalui Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor dimana melalui program ini Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3,013,302.00 pada tahun 2009, RM4,930,000.00 pada tahun 2010 dan RM3,050,000 pada 2011 bagi projek meningkatkan hasil padi dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013).

Matlamat ditetapkan ialah:

- i. Projek perintis akan menjadi kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan/ha/musim kepada 7.5 tan/ha/musim menjelang tahun 2013.
- ii. Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah kepada melebihi RM1500/bulan.

Melalui Program meningkatkan hasil padi pada musim 2/2009, daripada 2408 orang pesawah yang terlibat dengan Program Meningkatkan Hasil Padi, didapati peratusan bilangan pesawah yang pendapatan antara RM1000-1500 adalah 55% (1324 pesawah) dan pendapatan yang melebihi RM1500 adalah 16% (385 pesawah).

Manakala pada Musim 1/2010, tambahan seramai 857 orang pesawah telah meningkatkan pendapatan mereka dimana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara RM1000-1500 adalah seramai 752 pesawah dan yang mendapat pendapatan melebihi RM1500 adalah seramai 105 pesawah.

- b) Kenyataan ini tidak benar. Kerajaan negeri amnya atau Jabatan Pertanian Negeri Selangor khasnya mendapat kerjasama dari IADA Barat Laut Selangor, Bahagian Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan, Bahagian Padi, Sg.Burong, Pertubuhan Peladang Kawasan, MARDI dan juga Agro Bank

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : BELIA (PeBT)**

79. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Pada tahun ini , apakah jenis dan jumlah aktiviti belia yang telah dijalankan oleh PeBT?
- b) Sejak Pakatan Rakyat memerintah, berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk aktiviti PeBT dan apakah langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan penglibatan belia ini
- c) Adakah kerajaan Pakatan Rakyat mempunyai rancangan untuk memperkenalkan program Belia Niaga.

**JAWAPAN :**

- a) Pada tahun ini sebanyak 57 program belia telah dilaksanakan oleh PeBT. Program tersebut meliputi aktiviti-aktiviti sukan, kemasyarakatan, riadah kepimpinan dan kekeluargaan.
- b) Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah ditubuhkan pada tahun 2009 bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti belia diperingkat akar umbi. Setiap tahun kerajaan negeri memberi peruntukan sebanyak RM2832,200 bagi program dan elaun kepada PeBT. Sehingga kini jumlah peruntukan yang telah diberikan sebanyak RM8,496.00.
- c) Kerajaan Negeri amat menggalakkan para belia untuk menyertai bidang perniagaan. Kerajaan negeri telah menetapkan agenda program latihan dan bantuan usahawan muda di dalam program merakyatkan Ekonomi Selangor. Namun begitu program tersebut masih belum dilaksanakan dan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : BANGUNAN TERBENGGKALAI**

80. Terdapat projek blok kedai di persimpangan Jalan Lapangan Terbang Subang dan Jalan Subang –Sg.Buloh (belakang Stesen minyak Caltex) yang terbengkalai untuk beberapa tahun .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah pemilik projek ini dan kenapakah ianya terbengkalai ?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menghidupkan semula projek tersebut , memandangkan lokasi tersebut amat strategik dan mempunyai nilai pasaran yang tinggi ?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, projek terbengkalai tersebut melibatkan cadangan pembinaan sebanyak 59 unit kedai pejabat 3 tingkat di atas hakmilik HS(D) 110996 hingga HS(D) 111054, Seksyen U3, Sungai Buloh yang dibangunkan oleh Tetuan Kumpulan Bumiklas Sdn Bhd. Berdasarkan rekod LPHS, saya difahamkan pengarah syarikat ketika itu adalah En. Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan dan En. Abdul Razak Bin Mohd Adnan. Walaubagaimanapun, syarikat tersebut telah digulung oleh Mahkamah dan Mahkamah telah melantik Ferrier Hodgson Sdn Bhd MH sebagai pelikuidasi pada 19.11.2007. Berdasarkan rekod carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 2008 mendapati syarikat tersebut mempunyai jumlah hutang yang besar dan kemungkinan besar projek tersebut terbengkalai disebabkan oleh masalah kewangan.
- b) Memandangkan projek ini di bawah pelikuidasi maka adalah menjadi tanggungjawab pelikuidasi untuk mengambil tindakan pemulihan tersebut. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri di bawah penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang dipengerusikan oleh saya sendiri amat perihatin dengan masalah tersebut dan berusaha merancang untuk menghidupkan semula projek tersebut dengan mengadakan perbincangan bersama 'pelikuidasi terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

Pada masa ini, pelikuidasi iaitu Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd memaklumkan bahawa pihaknya sedang berusaha memulihkan semula projek ini dengan mengadakan perbincangan dengan pelbagai pemaju penyelamat dan mendapatkan persetujuan pembeli melalui proses penstrukturan semula syarikat di bawah peruntukan Seksyen 176 Akta Syarikat 1965.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : SISTEM PERLANTIKAN AJK MASJID YANG BARU**

81. Sistem pemilihan AJK Masjid di seluruh Selangor dibuat secara lantikan oleh anak kariah secara terbuka melalui pemilihan undi terbuka sejak dahulu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah sistem pemilihan ini terus dipraktikkan pada masa yang akan datang?
- b) Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat penambahbaikan dengan mengadakan sistem yang lebih berkesan dan bersistematik dengan data yang lengkap dan sepadu

**JAWAPAN :**

- a) Proses pelantikan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada peruntukan kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (pindaan) 2001. Sistem yang sedia ada adalah yang sesuai untuk dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan umat Islam meletakkan tanggungjawab dan amanah untuk mentadbir masjid.
- b) Sistem yang dilaksanakan adalah terbuka untuk mendapat teguran dan penambahbaikan. Dalam hal ini JAIS dari masa ke semasa akan membuat kajian dan semakan kepada semua sistem yang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : BANTUAN DAN BIASISWA PENDIDIKAN**

82. Kerajaan Persekutuan memberi biasiswa melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala manifesto Pakatan Rakyat pada PRU 12 mahu memberi bantuan dan biasiswa pelajaran kepada para pelajar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri merealisasikan hasrat tersebut?
- b) Berapa banyakkah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk membiayai bantuan dan biasiswa tersebut?
- c) Nyatakan jumlah orang pelajar, pecahan kaum dan jenis kursus dan institusi di mana pelajar tersebut belajar?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) telah menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran kepada pelajar-pelajar anak Negeri Selangor bagi melanjutkan pengajian di IPTA/ IPTS dalam negara. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan menukarkan pinjaman pelajaran tersebut kepada **biasiswa** sekiranya pelajar-pelajar berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang iaitu dengan memperolehi **CGPA 3.75** ke atas.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menawarkan bantuan kepada anak-anak Negeri Selangor yang **kurang berkemampuan** bagi melanjutkan pengajian di IPT melalui program **Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor** (Hadiah Anak Masuk Universiti). Bantuan tersebut merupakan salah satu kemudahan yang ditawarkan menerusi agenda **Merakyatkan Ekonomi Selangor** (MES) dan pemohon yang membuat permohonan perlu memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

- b) Bagi kemudahan pinjaman pelajaran, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak **RM8.2juta** setahun yang melibatkan pengambilan pelajar sebanyak 1,000 tempat. Mulai 1 Julai 2008 hingga 31 Disember 2010, sebanyak **RM27.4juta** telah dikeluarkan bagi membiayai seramai **2,504 orang** pelajar yang telah ditawarkan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor. Manakala, bagi Program Hadiah Pengajian IPT (Hadiah Anak Masuk Universiti) yang telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2008 hingga 30 Jun 2011, Kerajaan negeri telah membayar kepada **20,753 pemohon** yang berjaya memperolehi sumbangan RM1,000 tersebut dengan jumlah dikeluarkan sebanyak **RM20.7 juta**.



- c) Sehingga kini, Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor telah menawarkan sebanyak 85 kursus pengajian yang terdiri daripada pelbagai IPT dan peringkat pengajian. Berikut adalah merupakan pecahan pelajar mengikut institusi, peringkat pengajian dan kaum berdasarkan jumlah pelajar yang **masih aktif** dan masih di dalam tanggungan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS).

- (i) Pecahan mengikut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

PERINGKAT PENGAJIAN	MELAYU	CINA	INDIA
Ijazah Perubatan	1	1	2
Ijazah (Pelbagai)	732	12	9
Diploma (Pelbagai)	603	4	7
Sijil	14	-	-

- (ii) Pecahan mengikut Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

PERINGKAT PENGAJIAN	MELAYU	CINA	INDIA
Ijazah Perubatan	5	-	14
Ijazah (Pelbagai)	50	2	12
Diploma (Pelbagai)	155	4	19
Sijil	2	-	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KHUTBAH JUMAAT**

83. Khutbah Jumaat yang disampaikan seharusnya terkawal dan bebas daripada unsur-unsur politik selaras dengan Titah arahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor untuk menjamin keharmonian para jemaah beribadah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah masih wujud pembaca Khutbah tanpa teks yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam (JAIS) ?
- b) Mengapakah teks Khutbah yang disediakan pada 10 Jun 2011 berunsurkan politik membela seorang Pemimpin Pakatan Rakyat ?

**JAWAPAN :**

- a) Jabatan Agama Islam Selangor telah menyediakan teks khutbah Jumaat setiap minggu kepada semua masjid dan surau yang diberi kebenaran solat Jumaat. Arahan untuk membaca teks khutbah Jumaat kepada masjid-masjid sentiasa dikeluarkan dari masa ke semasa. Dalam melaksanakan arahan tersebut, tidak dinafikan terdapat beberapa buah masjid yang tidak membaca teks khutbah Jumaat. Sebagai tindakan, JAIS telah memanggil Nazir-nazir masjid berkenaan untuk diberi nasihat dan tindakan tegas boleh diambil sekiranya perlu. Dalam hal ini, tindakan pemantauan sentiasa dilaksanakan untuk memastikan arahan tersebut dipatuhi.
- b) Setiap teks khutbah Jumaat akan disemak melalui Jawatankuasa Panel Khutbah yang dianggotai oleh Pengarah sebagai Pengerusi dan anggotanya terdiri daripada Timbalan Mufti, Pegawai JAIS dan pakar hadis dan bahasa. Berhubung dengan teks khutbah Jumaat yang disediakan pada 10 Jun 2011, ia disemak oleh Jawatankuasa tersebut dan ia diluluskan untuk dibaca. Jawatankuasa khutbah berpandangan kandungannya tidak ada unsur politik dan tidak menyentuh mana-mana pihak. Kandungannya menjurus kepada tanggungjawab mendidik umat Islam mengenai bahaya fitnah dan qazaf dan kesannya kepada diri dan umat Islam keseluruhannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : PERKEMBANGAN UNISEL DEWASA INI**

84. Kerajaan negeri melakukan usaha untuk meningkatkan prestasi Universiti Selangor termasuk menukar namanya dari Universiti Industri Selangor (UNISEL) sebelum ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kesan ketara setelah pertukaran nama tersebut?
- b) Bagaimanakah prestasi UNISEL sekarang dari segi kewangan dan pendaftaran pelajar baru?
- c) Apakah hasil penyelidikan yang boleh dibanggakan dihasilkan oleh warga UNISEL?

**JAWAPAN :**

- a) Kesan yang paling ketara sekali ialah persepsi masyarakat bahawa UNISEL menawarkan kursus-kursus dalam pelbagai bidang bukan sahaja untuk keperluan industry. Program-program yang ditawarkan termasuklah kursus dalam bidang Pendidikan & Sains Sosial, Seni Lukis & Seni Reka, Komunikasi & Media, Perniagaan dan Perubatan. Perubahan ini menyedarkan pemohon bahawa cita-cita dan kerjaya mereka lebih luas jika mereka belajar di UNISEL.

Namun begitu kurikulum UNISEL tetap menjurus kepada keperluan majikan-majikan dalam sektor-sektor berkenaan termasuk sektor industri.

- b) Kos Operasi UNISEL dibiayai sepenuhnya oleh pendapatan dari yuran pelajar. Jumlah Pendaftaran Pelajar Baru telah meningkat dari tahun 2009 hingga 2011.

Sila lihat lampiran *Jadual 1 : Statistik Kemasukan Pelajar Baru Mengikut Semester.*

Perbandingan kemasukan pelajar-pelajar baru ke UNISEL seperti di bawah (Tahun 2009 –sekarang)

<b>Tahun</b>	<b>Semester 1 Julai/Ogos</b>	<b>Semester 2 Okt/Nov</b>	<b>Semester 3 April/Mei</b>	<b>Jumlah</b>
2009/2010	1,214	1,119	Tiada semester 3	2,333
2010/2011	2,561 <b>(Mei /Jun)</b>	869	651	4,081
2011/2012	152 <b>(Program Asas)</b>	<i>Dalam proses</i>		

**Jadual 1 : Statistik Kemasukan Pelajar Baru Mengikut Semester**

- b) Penyelidikan di UNISEL masih sedang dilaksanakan (sila rujuk lampiran dibawah). Hasil dari penyelidikan hanya akan diketahui dalam tempoh jangka panjang. Namun begitu usaha penyelidikan ini juga bertujuan untuk melatih pensyarah dan pelajar dalam teknik penyelidikan.

NO.	SKOP PENYELIDIK	PENYELIDIK	KOS PROJEK	PENAJA	PENCAPAIAN
1.	Development of Bio-Mass Production of Spirulina by Using Bio-Reactor	Prof. Dr Lokman Shamsuddin Faculty of Science and Biotechnology Bestari Jaya Campus 03-32805123 Area : Bioteknologi	750,000.00 + 1,000,000.00 (SUK)	Agro-Based Industries & Selangor State	Teknologi yang terhasil daripada penyelidikan telah membolehkan kilang pengeluaran spirulina secara besar-besaran didirikan di Ulu Rening  Patent – Permohonan lulus, menanti 'granting'
2.	Development of Biosensors for Agro-Based, Industrial and Environmental Applications	Prof. Dr. Anuar Haji Ahmad Centre for Research & Innovation (CRI) Shah Alam Campus 03-55223524 Area : Engineering	337,000.00	MOSTI	Alat pengukur stress menggunakan air-liur dihasilkan  Ujian klinikal sedang dijalankan
3.	Pengekstrakan Kompoun Hirudin Daripada Spesis Lintah Di Malaysia	Dr Mohd Nazil bin Salleh Centre for Research & Innovation (CRI) Shah Alam Campus 03-55223524 Area : Bioteknologi	30,000.00	Industry – Lintah Agrofarm	Membuat perbandingan teknik pengekstrakan kandungan, (1) air liur lintah, (2) seluruh badan lintah dan (3) pembekuan terus lindah dengan hydrogen

					Kajian masih dijalankan
4.	Pengecaman DNA Profil daripada pesalah penggunaan dadah.	Dr Mohd Nazil bin Salleh Centre for Research & Innovation (CRI) Shah Alam Campus 03-55223524 Area : Bioteknologi	30,000.00	Industry Bioteam Scientific	- Teknik pengestrakkan menggunakan sampel rambut dan darah  Buat masa kini sebanyak 150 sampel telah di proses untuk mengenalpasti DNA profil
5.	Investigation into cellular mechanism of Psoriasis skin disease using tissue microarray analysis	Dr Mohd Nazil bin Salleh Centre for Research & Innovation (CRI) Shah Alam Campus 03-55223524 Area : Bioteknologi	63,200.00	MOHE	Using Tissue microarray technique we are in the process to help oncologist to localize and identify the genes involved in the process of genetic mutation  We are the first group in Asia to identify the pattern of genes expression using Tissue Microarray

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AMIRUDIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : EKONOMI**

85. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa jumlah rizab terkini ekonomi negeri Selangor
- b) Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan hasil negeri

**JAWAPAN :**

- a) Kedudukan rizab negeri Selangor seperti pada 30 Jun 2011 adalah berjumlah RM931.20 juta. Rizab negeri Selangor (lebih terkumpul Akaun Hasil Disatukan) pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah masing-masing berjumlah sebanyak RM673.97 juta, RM608.01 juta dan RM732.25 juta.
- b) Langkah kerajaan negeri untuk meningkatkan hasil negeri adalah lebih menjurus kepada mengutip hasil cukai tanah memandangkan hasil tanah merupakan hasil yang utama dengan menyumbang sebanyak 60%-80% kepada kutipan hasil negeri setiap tahun. langkah-langkahnya adalah seperti berikut:
  - 1. Pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip 2011) dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pusat ICT Selangor sebagai satu pasukan. Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
    - i. Polisi 'Knock Door' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
    - ii. Mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
    - iii. Memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
    - iv. Sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

2. Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Tanah dan Daerah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
  - i. Mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
  - ii. Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman;
  - iii. Membuka kaunter pada waktu rehat; dan
  - iv. Menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
3. Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dan di Peringkat Daerah ianya dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah.
4. Jawatankuasa Tunggakan Cukai Tanah Anak-Anak Syarikat bagi memantau cukai tanah yang tidak dapat dijelaskan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri selaku pemilik tanah kerana pindah milik kepada pembeli hartanah masih belum dilaksanakan.
5. Bagi meningkatkan hasil daripada bahan batuan, Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Semesta Sdn Bhd telah mensasarkan kutipan hasil pasir sebanyak RM16 juta bagi tahun 2011.
6. Bagi meningkatkan hasil daripada premium tanah, Kerajaan Negeri melaksanakan Program Pemuat Kilang Haram di mana kelulusan pemberimilikan tanah diberikan dan pemohon dikehendaki membayar Cukai Tanah Tahun Pertama dan Premiun Tanah. Program tersebut dilanjutkan sehingga Disember 2011. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menguatkuasakan pekeliling yang menetapkan supaya pemohon membayar dalam tempoh 3 bulan dengan tempoh pelanjutan bayaran premium hanya selama 1 bulan sahaja dan kelulusan pemberimilikan tersebut terbatal sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK :      PENGURUSAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN SAMPAH**

86.      Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a)      Apakah status pengurusan kerja-kerja pembersihan dan sampah di seluruh pihak berkuasa tempatan (PBT)?

**JAWAPAN    :**

- a)      Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa pengambilalihan kerja-kerja pembersihan awam oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2011. Manakala bagi kerja-kerja pengutipan sampah domestik ia masih terletak di bawah pengurusan pihak Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Ini adalah disebabkan kerana terdapat banyak aduan yang diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor AFSB terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan. Hal ini diharapkan semoga dapat mengurangkan aduan yang diterima daripada orang ramai berhubung perkhidmatan yang diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : SKIM RUMAH MAMPU MILIK**

87. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga kini, berapa dan manakah lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti untuk membina rumah mampu milik?

**JAWAPAN :**

- a) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, projek perintis Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru telahpun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor pada 3 Jun 2011. Projek tersebut berkepadatan rendah dengan 124 unit di kawasan berkeluasan 4 ekar.

Selain itu, dalam tempoh 5 tahun (2011 – 2016) Kerajaan Negeri melalui PKNS telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit rumah mampu milik dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya. Lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti bagi pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru ini adalah di Seksyen U10 Shah Alam, Kg. Temenggong di Gombak, Taman Sains Selangor 2 di Sepang, Kota Puteri di Kuala Selangor, Antara Gapi dan Bernam Jaya di Hulu Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

88. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang mana asalnya Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Ampang beroperasi di Pejabat Penghulu Mukim Ampang 1 kini ada ura-ura berpindah ke Pejabat **Umno Bahagian Ampang**.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, Balai Penghulu Mukim Ampang 1 bukanlah sebuah cawangan rasmi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Hulu Langat. Balai Penghulu tersebut hanya berfungsi sebagai pusat bayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan kewangan JKM bagi kawasan Ampang dan Pandan. PKMD Hulu Langat menggunakan Balai Penghulu tersebut sebagai pusat bayaran memandangkan penerima bantuan kewangan JKM di kawasan Ampang adalah merupakan penerima bantuan yang terbanyak berbanding kawasan yang lain.

Berdasarkan maklumat dan rekod surat di PKMD Hulu Langat, tiada permintaan rasmi daripada pejabat ini mahupun daripada Bahagian UMNO Ampang untuk memindahkan pusat bayaran sedia ada iaitu di Balai Penghulu Mukim Ampang 1 ke Pejabat UMNO Bahagian Ampang. Oleh yang demikian, ura-ura pusat bayaran akan berpindah hanyalah khabar angin dan tidak benar sama sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PEMOTONGAN AIR**

89. Inisiatif kakitangan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) melancarkan Tabung Budi telah dapat membantu mereka yang mengalami tunggakan bil air menikmati bekalan air semula.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri mahu menghalang Tabung Budi yang bertujuan murni?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah bil air pengguna yang tertunggak?
- c) Adakah masih ramai pengguna yang mengalami masalah bil air tertunggak?

**JAWAPAN:**

- a) Pelaksanaan Tabung Budi adalah bercanggah dengan tanggung jawab dan obligasi SYABAS di bawah Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani oleh SYABAS dan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri Selangor. Di bawah Perjanjian tersebut, tidak ada sebarang peruntukkan yang membenarkan SYABAS mengutip apa-apa bayaran dari pengguna atau mana-mana pihak selain dari mengutip dan menyimpan caj yang masih berhutang oleh pengguna di dalam kawasan pembekalan air sahaja.

Tindakan SYABAS menubuhkan Tabung Budi dan mengutip sumbangan dari orang ramai bagi tujuan membayar caj bekalan air adalah juga bertentangan dengan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam lesen yang telah dikeluarkan kepada SYABAS. SYABAS sebagai pemegang lesen hanya diberikan kuasa untuk mengutip dan menyimpan caj yang masih berhutang oleh pengguna di dalam kawasan pembekalan air.

Selain itu, tindakan SYABAS mewujudkan Tabung Budi seolah-olah ingin menentang dasar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini dan mengeruhkan hubungan baik yang telah terjalin di antara Kerajaan Negeri dan SYABAS. SYABAS sebagai syarikat yang telah diberikan konsesi bagi pengagihan air bersih dalam Negeri Selangor yang mengambil alih Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) sewajarnya akur kepada arahan dari Kerajaan Negeri dan menyokong penuh dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri (*Government of the day*) dan bukannya menentang dasar yang dibuat.

- b) Dalam mencapai hasrat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, kepentingan rakyat adalah merupakan keutamaan di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk di dalam perkhidmatan air. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pemberian air 20 meter padu percuma kepada semua pengguna domestik yang mempunyai meter individu. Bagi pengguna domestik di pangsapuri pula, pemberian air percuma ini diberikan melalui kaedah kupon. Kos bagi 20 meter padu percuma tersebut ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor. Air percuma sebanyak 20 meter padu tersebut dapat digunakan oleh 4 orang di dalam sesebuah keluarga. Walaupun pada dasarnya pemberian air percuma merupakan sumbangan kecil dari Kerajaan Negeri Selangor, namun ini dapat meringankan kos air di dalam setiap keluarga di mana sebahagian kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Adalah menjadi tanggung jawab setiap individu sebagai pengguna air untuk menanggung kos penggunaan air.

- c) Mengikut rekod SYABAS, pada ketika ini tidak ramai pengguna yang mempunyai meter individu menghadapi masalah bil tertunggak. Ini adalah kerana pada ketika ini, SYABAS melaksanakan tindakan aktif mengeluarkan notis kepada mana-mana pengguna yang mempunyai bil tertunggak dan tindakan memotong bekalan air akan dibuat oleh SYABAS sekiranya tunggakan tersebut tidak diselesaikan oleh pengguna dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, masalah bil tertunggak lebih banyak dihadapi oleh pengguna yang menetap di pangsapuri terutamanya pangsapuri kos rendah dan kos sederhana yang masih menggunakan meter air pukal dan pihak pengurusan pangsapuri tersebut gagal menjelaskan bayaran bil air kepada SYABAS mengikut tempoh yang ditetapkan.

Oleh itu, bagi penghuni di pangsapuri yang masih menggunakan meter pukal, adalah sewajarnya mendesak pihak pengurusan untuk mengambil inisiatif bagi menukar meter pukal kepada meter individu bagi mengelakkan masalah bil tertunggak dan pada masa yang sama dapat menikmati pemberian 20 meter padu air percuma yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam melaksanakan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK : KESAN PENUTUPAN IKYS**

90. Mesyuarat DUN pernah meluluskan usul agar Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) Bagan Terap dibuka semula.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan semasa susulan kerajaan negeri daripada usul yang diluluskan?
- b) Apakah kesan baik kepada pelajar terbabit kesan penutupan tersebut?
- c) Apakah perancangan kerajaan bagi bangunan IKYS yang ditinggalkan?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR  
( HULU BERNAM )**

**TAJUK : SKIM KREDIT MIKRO**

91. Kerajaan negeri telah melaksanakan Skim Kredit Mikro (SKIMSEL) dan juga Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor).

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan disediakan dan jumlah yang telah dikeluarkan?
- b) Siapakah yang telah menerima faedah daripada skim tersebut dan bagaimanakah pemilihan mereka yang layak menerima skim ini?
- c) Adakah strategi dan kaedah untuk memastikan kejayaan skim ini?

**JAWAPAN :**

- a) Peruntukan bagi program SKIMSEL adalah sebanyak RM50 juta. Jadual di bawah menunjukkan jumlah pengeluaran pembiayaan sehingga 23hb Jun 2011.

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Jumlah Pembiayaan
1.	Sabak Bernam	712	2,309,600.00
2.	Hulu Selangor	456	1,257,000.00
3.	Kuala Selangor	431	1,072,100.00
4.	Hulu Langat	366	956,500.00
5.	Kuala Langat	445	1,182,500.00
6.	Sepang	205	492,500.00
	Jumlah	2,624	7,270,200.00

- b) SKIMSEL telah melaksanakan amanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya peruntukan yang ada diberikan kepada golongan berpendapatan rendah iaitu RM1,500.00 sebulan dan ke bawah atau RM350.00 perkapita. Bagi memastikan hanya golongan tersebut yang menerima faedah ini, pihak SKIMSEL melaksanakan kaedah pengesanan berdasarkan Indeks rumah (Buruk, Sederhana dan Moden) dan Bancian Kelayakan di rumah bakal sadiq yang dilaksanakan sendiri oleh kakitangan yang terlatih.

SKIMSEL melaksanakan kaedah Mesyuarat Nadi secara mingguan, Pengesahan Guna Modal selepas dua minggu mendapat pembiayaan dan Lawatan Projek yang berkala (sekurang-kurangnya 2 kali setahun) untuk memastikan semua penerima pembiayaan melaksanakan projek sepertimana yang telah dirancang dan projek sentiasa berjalan lancar bagi menjamin pembayaran balik pembiayaan tersebut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK: SUKAN BINA BADAN**

92. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Dipertandingkan pertama kali dalam Sukan Malaysia (sukma) tahun ini. Adakah kerajaan negeri Selangor akan terus melibatkan atlet yang beragama Islam dalam sukan ini.
- b) Adakah kerajaan negeri mengeluarkan fatwa berhubung keterlibatan penganut agama Islam dalam sukan ini.

**JAWAPAN:**

- a) Bina Badan merupakan sejenis sukan atau gaya hidup untuk membina otot melalui gabungan rutin latihan mengangkat berat, menambah pengambilan kalori, dan rehat. Dalam sukan bina badan, peserta akan mempamerkan bentuk badan mereka kepada hakim yang akan menilai dan memberi mata berdasarkan ciri-ciri tertentu.

Pada mulanya sukan ini hanya dipelopori oleh kaum lelaki, namun pada tahun 1980an, kaum wanita mula tertarik untuk terlibat dalam bina badan. Kini, sukan bina badan adalah sama antara kedua-dua jantina.

Di Asia, sukan bina badan kelihatan sugul. Ini mungkin disebabkan bina badan memerlukan sumber kewangan yang tinggi disamping adat kesopanan Timur yang tidak menggalakkan keterbukaan seperti di Barat. Namun akhir-akhir ini, bina badan mula mendapat tempat di Asia yang mengakibatkan pusat-pusat kesihatan gimnasium tumbuh bagaikan cendawan.

Sukan bina badan tidak boleh disalahertikan sebagai sukan angkat berat Olimpik, pertandingan Strongman atau Powerlifting. Ketiga-tiga jenis sukan ini mengutamakan kekuatan individu tetapi bina badan lebih menumpukan perhatian kepada penjagaan dan nilai estetik bentuk badan seseorang. Dalam bina badan, bentuk dan saiz adalah lebih penting daripada berat yang boleh diangkat.

Dalam Islam, sukan menampilkan atau menampakkan hampir sama untuk mendapat satu bentuk badan yang sihat. Walau bagaimanapun, ada sukan yang dibenarkan dan ada yang ditegah dalam Islam.

Mengikut dari perspektif dan undang-undang Islam, atau Syariah, telah meletakkan beberapa had terhadap ahli sukan Muslim. Ini termasuk peraturan mengenai aurat, iaitu, bahagian badan yang tidak boleh didedahkan dikhalayak ramai. Hijab, atau Purdah merupakan satu kesukaran dalam melibatkan wanita dalam bersukan. Selain itu, lelaki juga tidak dibenarkan mendedahkan aurat, dari paras pusat hingga ke lutut, contoh sukan melibatkan pendedahan aurat lelaki ialah seperti sukan sumo dan bina badan.



Berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh Yb Tuan Dr Ahmad Yunus Bin Hairi ini, bagi pendapat saya, kerajaan negeri Selangor seharusnya mengekal dan melibatkan atlet yang beragama Islam dalam sukan ini. Ini adalah, jika kita dapat lihat Sazali Samad dan Dato Malek Noor telah mewakili Malaysia dalam sukan bina badan sejak tahun 1990 dan merangkul banyak anugerah termasuklah Mr Universe. Mereka telah menaikkan nama Malaysia dan semua pihak memberi sokongan terhadap beliau untuk terus maju dalam sukan ini. Jika ada pihak yang tidak setuju dan membantah terhadap sukan ini, kenapa pihak-pihak tersebut tidak membantah sejak dari dulu lagi malah mereka menyokong sehingga kini dan memartabatkan sukan ini.

Selain daripada itu, bagi pandangan saya, sukan ini boleh untuk dipertandingkan di peringkat Sukan Malaysia (Sukma), tetapi ia tidak bersesuaian untuk mengadakan pertandingan ini di kompleks membeli belah seperti yang berlaku pada Sukma yang ke 14. Seperti yang kita sedia maklum, aurat lelaki adalah dari pusat ke lutut, sekiranya pertandingan ini disaksikan oleh golongan lelaki, ia tidak menjadi masalah kerana aurat sesama lelaki. Oleh hal yang demikian, pertandingan ini boleh untuk diteruskan, sekiranya diadakan di tempat yang tertutup dan hanya disaksikan oleh golongan lelaki sahaja.

Kenapakah hal ini tidak dibincangkan terlebih dahulu sebelum ia dipertandingkan pada SUKMA yang lepas. Seperti yang kita sedia maklum, sukan bina badan ini dipertandingkan buat pertama kali selepas 13 kali pengajuran Sukma. bagi pandangan saya, semua pihak harus duduk semeja untuk membincangkan hal yang demikian. Semua pihak seperti Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri, dan Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) harus bersatu padu, memerah otak serta berkongsi idea untuk membincangkan hal ini samada sukan ini harus dipertandingkan atau tidak di masa akan datang.

- b) Bina badan bertujuan dalam membentuk badan yang kuat dan perkasa, dimana ia penting dan tujuan yang bermanfaat. Sekiranya tujuan sukan tersebut dilakukan untuk menjadikan tubuh badan sasa dalam perjuangan ke jalan islam sebenar atau jihad, maka sukan tersebut disarankan diamalkan ke arah yang baik... Sekiranya untuk rekreasi dan mengekalkan kesihatan yang sihat, maka sukan tersebut dibenarkan. Sekiranya sukan itu melibatkan sesuatu yang haram seperti mendedahkan aurat pada bukan muhrim, meninggalkan solat, atau bercampur-gaul dengan perempuan secara bebas, maka ia adalah haram.

Pada sesiapa yang melibatkan diri dengan sukan bina badan, tanpa menutup aurat, maka ia adalah haram. Walaupun lelaki auratnya dari pusat hingga ke lutut, auratnya hanya untuk wanita yang dinikahi secara sah sahaja, yakni, pendedahan aurat pada isteri yang dinikahnya saja. Pengamal sukan ini tidak dibenarkan juga melihat aurat individu yang lain.

Sesetengah yang melibatkan diri dengan sukan ini bertujuan dengan kecintaan sifat bangga dan riak menunjuk tubuh badan yang berotot, sasa dan tegap.. dan lain-lain motif yang salah. Pada orang-orang yang percaya (beriman), wajar jauhi dari perkara-perkara tersebut dan perlu mencari jalan kearah kebaikan sifat dan sikap, rendah diri dan saksama.

Apa yang mentaksubkan dalam menjadikan tubuh badan menjadi cantik, bukanlah sesuatu perkara yang patut diberi perhatian penuh. Apa yang dicari oleh Islam terhadap individu muslim adalah untuk mengekalkan tubuh dan kesihatan yang sihat dalam melaksanakan tugas keagamaan Islam, dalam menjalankan jihad ke arah Allah, seperti mengerjakan haji. Tetapi dalam taksub menjalankan sukan dan mengganggu seseorang Muslim dalam melakukan amal ibadah seperti solat, seperti melakukan sukan berjam-jam dan hingga melalaikan, tidak dibenarkan.

Pada kesimpulannya, di Negeri Selangor, kerajaan negeri masih tidak mengeluarkan sebarang fatwa atau arahan berhubung hukum penglibatan penganut beragama Islam dalam sukan bina badan. Pihak-pihak yang bertanggungjawab seharusnya memfokuskan masalah ini jika tidak mahu masalah seumpama ini akan berlaku dalam sukan lain.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KAMPUNG TERSUSUN DAN JETI UNTUK NELAYAN ASSAM JAWA**

93. Untuk membela nasib kaum nelayan di Kampung Assam Jawa, Kuala Selangor .kerajaan negeri patut menyegerakan pembangunan Kampung Tersusun Nelayan dan sebuah Jeti di kawasan Assam Jawa. Laporan berkenaan masalah kaum nelayan telah pun diberi kepada pihak kerajaan dua tahun yang lalu.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangannya setakat ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Perikanan Selangor tidak mempunyai sebarang maklumat berkaitan perkara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : KUTIPAN ZAKAT DI NEGERI SELANGOR**

94. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kutipan zakat di Negeri Selangor adalah yang tertinggi sepanjang lima tahun berturut-turut. Bagaimana usaha Kerajaan Negeri untuk menambah baik sistem pengagihan zakat untuk membasmi kemiskinan termasuk pendidikan.

**JAWAPAN :**

- a) Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah melakukan transformasi ke atas operasi zakat yang melibatkan aspek agihan. Dua asnaf utama iaitu fakir dan miskin telah diberikan peluang seluas-luasnya untuk merubah keadaan diri mereka. Menerusi mekanisme program pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan dan penjanaan modal insan, maka para asnaf fakir dan miskin ini telah dibekalkan 'modal' yang cukup untuk mentransformasikan diri mereka sendiri dengan lebih efektif.

Di bawah **Program Pembangunan Sosial**, keperluan asasi mereka dicukupkan. Ia meliputi pembinaan, membaik pulih dan pembiayaan awal rumah. Makanan bulanan diberi di samping wang saraan bulanan.

Menerusi **Program Pembangunan Pendidikan** pula, anak-anak asnaf diberikan kemudahan meluas demi memastikan mereka mampu mencipta kecemerlangan yang konsisten. Aspek pendidikan diberikan keutamaan, kerana ia menjadi aset kekal kepada asnaf. Mereka dibiayai dari tahap pra-sekolah sehingga ke universiti, di dalam dan luar negara.

Penjanaan dana pendidikan itu pula, meliputi aspek seperti penyediaan yuran, wang saku, kelas tambahan, penyediaan peralatan persekolahan sehinggalah kepada mengikuti pelbagai kursus motivasi dan pembelajaran. Ia bermula, seawal dari tahap pra sekolah sehinggalah ke universiti, di dalam dan luar negeri.

Bagi **Program Pembangunan Insan**, asnaf zakat didedahkan kepada pelbagai kursus seperti kemahiran keibubapaan dan juga kekeluargaan. Ia menjadi pemangkin untuk menggembur modal insan mereka dan memugar kembali semangat yang pudar, agar mampu menjadi ibu bapa yang berpotensi memajukan keluarga. Mereka juga dilibatkan dalam kursus memperelokkan ibadah dan solat.

Begitu juga dalam aspek **Penjanaan Ekonomi Asnaf**, institusi zakat cuba sedaya mungkin menyediakan dana yang optimum. Mereka yang mempunyai kebolehan, bakat dan potensi akan digilap. Modal diberi dan perniagaan akan dipantau rapi, demi membolehkan para asnaf fakir dan miskin ini memula dan menjalankan perniagaan dengan yakin. Kini, sudah ramai mampu berdikari dan menjadi pembayar zakat pula.

## **BANTUAN PENDIDIKAN**

Bagi memastikan asnaf zakat mempunyai ruang untuk bebas daripada belenggu kemiskinan, LZS menekankan bantuan pembangunan pendidikan dalam pengagihannya. LZS mensasarkan perubahan wajar bermula daripada generasi ke dua iaitu anak-anak asnaf agar mereka dapat dibentuk menjadi generasi yang cemerlang dan mampu pula membebaskan diri dan keluarga daripada belenggu kemiskinan.

LZS mengagihkan puluhan juta ringgit demi memperkasakan asnaf menerusi Program Pembangunan Pendidikan ini. Pada tahun **2009**, sebanyak **RM65 juta** disalurkan dan ia meningkat **37.9 peratus** menjadi **RM89.6 juta** pada **2010**. Manakala, bagi bantuan pendidikan khusus kepada anak-anak asnaf fakir miskin pula ialah sebanyak **RM23 juta** disalurkan pada tahun **2009** dan meningkat kepada **RM25.6 juta** pada tahun **2010**.

Antara bantuan yang disediakan ialah bantuan yuran dan kelengkapan persekolahan bermula dari pra sekolah hingga ke peringkat Pusat Pengajian Tinggi. Selain itu diperingkat pengajian tinggi anak-anak ini turut menerima bantuan wang saku, kelengkapan belajar dan biasiswa.

LZS juga merupakan institusi zakat pertama di Malaysia yang menyediakan asrama khas bagi anak-anak asnaf, demi membolehkan mereka mengecapi kualiti pendidikan yang jauh lebih baik. Sehingga kini, tiga buah asrama yang dikenali sebagai Asrama Baitul Hasanah didirikan iaitu di Kuala Kubu Bharu, Kuala Selangor dan di Klang.

LZS juga merangka beberapa inovasi agar bantuan pendidikan yang disediakan ini benar-benar memberikan kesan. Antaranya, LZS membuka ruang penajaan pendidikan kepada asnaf zakat meliputi pelbagai bidang pendidikan iaitu tidak hanya terbatas kepada pendidikan agama, Syariah dan Usuluddin sahaja. LZS menawarkan dermasiswa pelajar ke luar Negara. Antaranya ke Jordan, Mesir dan Morocco dalam multi bidang seperti Bahasa Arab, Pengajian Islam dan Perubatan.

Manakala bagi penajaan dalam negara pula, anak-anak asnaf boleh memilih untuk menyambung ke mana-mana universiti atau kolej awam serta beberapa institusi pendidikan swasta terpilih demi menyambung pengajian dalam pelbagai bidang, seperti sains kesihatan, farmasi, teknologi maklumat, kejuruteraan dan kemahiran vokasional.

Selain itu, LZS turut memberikan penekanan kepada bidang pendidikan agama dengan menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah agama JAIS di seluruh Selangor. Pada tahun **2010** sahaja, lebih **RM31.7 juta** diperuntukkan bagi menyediakan prasarana pendidikan agama terbaik dan juga sebanyak lebih **RM14.2 juta** pula diperuntukkan bagi tujuan penajaan pelajar agama di dalam dan luar negara.

**Berikut adalah jadual tentang agihan zakat bagi pendidikan agama di Selangor tahun 2010**

<b>Bil</b>	<b>Nama bantuan</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	Skim pinjaman buku teks sekolah rendah agama	4,054,421.00
2	Bayaran kepada guru-guru KAFA Selangor	26,000,000.00
3	Pembinaan baru Pra-Sekolah JAIS Kuala Selangor	464,268.48
4	Pembinaan tiga buah kelas di SRA Bt. Arang, Gombak	336,633.00
5	Pembinaan surau SRA Kg. Jawa Klang	296,418.50
6	Pembinaan kantin SRA Kg. Medan, Kuala Langat	331,480.00
7	Pembinaan kantin dan tandas Pra-Sekolah JAIS Kg. Tok Muda, Klang	236,119.36
	<b>JUMLAH</b>	<b>31,719,339.00</b>

**Jadual berikut pula adalah agihan zakat bagi dermasiswa pelajar Selangor tahun 2010**

<b>Bil</b>	<b>Nama bantuan</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	Biasiswa galakan pelajar tahfiz	815,400.00
2	Dermasiswa galakan Penilaian Sekolah Rendah Agama, Sijil Menengah Agama dan Sijil Tinggi Agama Malaysia	901,020.00
3	Dermasiswa pelajar luar Negara (Mesir, Jordan dan Morocco)	12,500,000.00
4	Dermasiswa pelajar cemerlang	19,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>14,235,420.00</b>

Kesimpulannya, pembangunan pendidikan adalah aset untuk melakar kecemerlangan asnaf zakat. Mudah-mudahan dengan usaha pengagihan zakat melalui penekanan aspek pendidikan ini, lebih ramai keluarga asnaf dapat berunah dan bebas daripada kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : ARAHAN PERBENDAHARAAN 58**

95. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah Arahan Perbendaharaan 58 yang dikeluarkan kepada setiap jabatan dalam PBT mengikut pecahan PBT bagi Belanjawan Tahun 2009 dan 2010

**JAWAPAN :**

- a) Berikut disenaraikan Jumlah AP 58 yang di keluarkan kepada setiap jabatan mengikut jabatan di PBT Negeri Selangor seperti di **Lampiran A**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENYAKIT GAYA HIDUP TIDAK SIHAT**

96. Didapati ramai mengidap penyakit akibat gaya hidup tidak sihat seperti sakit jantung, darah tinggi dan kencing manis yang menjadi antara pembunuh nombor satu rakyat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pada pandangan kerajaan negeri bagaimanakah gaya hidup masyarakat Selangor hari ini?
- b) Nyatakan statistik kes kematian akibat penyakit-penyakit tersebut di Selangor?
- c) Apakah strategi dan program kerajaan negeri untuk membina gaya hidup sihat rakyat Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Pada hari ini, rakyat telah mula ada kesedaran dan mengambil tindakan mengamalkan cara hidup sihat. Kita boleh lihat semakin ramai orang melakukan senaman dan berjoging. Bilangan pusat-pusat kecergasan juga semakin bertambah akibat permintaan yang tinggi di kalangan masyarakat.

Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) III (2006) di seluruh negara, termasuk negeri Selangor, menunjukkan :

- i) Prevalen merokok di kalangan penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas telah menurun sebanyak 2% berbanding NHMS II (1996).
- ii) Kadar prevalen penduduk Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang hidup secara aktif adalah sebanyak 56.3%, berbanding NHMS II (1996) yang melaporkan sebanyak 42.5% penduduk Malaysia melakukan aktiviti senaman.
- iii) Prevalen *current drinker* sebanyak 7.4% dan *ex-drinker* sebanyak 29.1% berbanding NHMS II (1996) yang melaporkan prevalen *current drinker* sebanyak 23.0% dan *ex-drinker* sebanyak 5.6%.



- b) Pada tahun 2010, bilangan kematian akibat penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup sihat adalah seperti berikut:

<b>Penyakit</b>	<b>Bilangan Kematian</b>
Diabetis	15
Tekanan Darah Tinggi	5
Sakit Jantung	929
Strok	490
Kanser	760

- c) Usaha mempromosikan kesihatan serta menggalakkan rakyat mencegah penyakit-penyakit berkaitan dengan amalan cara hidup yang tidak sihat dijalankan menerusi Kempen Cara Hidup Sihat.

Kempen ini bermatlamat memperkasakan masyarakat untuk mengamalkan cara hidup sihat, dengan tumpuan diberi kepada memupuk tingkah laku asas kesihatan iaitu Makan Secara Sihat, Lakukan Aktiviti Fizikal, Tidak Merokok dan Memupuk Minda Sihat, di samping lain-lain penyakit berjangkit dan tidak berjangkit mengikut masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

Kempen ini disasarkan kepada semua rakyat negeri Selangor menerusi dua (2) pendekatan, iaitu :

- i. Pendekatan pertama bersifat massa melibatkan iklan-iklan papan tanda, poster, edaran risalah dan lain-lain bentuk pengiklanan.
- ii. Pendekatan kedua adalah bersifat komunikasi *inter personal* yang melibatkan ceramah, kem kesihatan, karnival kesihatan, pameran kesihatan dan lain-lain bentuk pendidikan yang dirasakan sesuai bagi satu-satu tempat dan kumpulan sasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR**

97. Kerajaan negeri pada bulan Mei 2011 menyatakan hasrat sekian kalinya untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan bagi memuktamadkan penstrukturan industri air.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan perundingan tersebut?
- b) Mengapakah kerajaan negeri lambat memuktamadkan industri ini berbanding negeri lain seperti Pulau Pinang?
- c) Adakah halangan yang utama dan signifikan sehingga proses ini tertangguh sekian lama?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : JENAYAH ROMPAK DAN BAKAR**

98. Terdapat kejadian rompakan dan bakar rumah di Semenyih dan Kajang dipercayai untuk melupuskan bukti.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pandangan kerajaan negeri terhadap kejadian tersebut?
- b) Apakah kejadian ini menjejaskan program "Bandar Selamat"?
- c) Apakah inisiatif yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri melalui PBT?

**JAWAPAN :**

a), b)

Secara keseluruhannya langkah-langkah Program Bandar Selamat boleh dilaksanakan di kawasan kejadian tersebut bagi mengurangkan risiko kejadian yang sama berlaku di tempat yang lain.

- c) Kerjasama diwujudkan antara pihak Ibu Pejabat Polis Daerah dengan Majlis Tempatan seperti mengadakan dialog bersama penduduk, publisiti, seminar dan melaksanakan langkah-langkah Program Bandar Selamat untuk meningkatkan kualiti keselamatan tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : ELAUN PERUMAHAN EXCO**

99. Ahli exco tidak menduduki rumah-rumah yang di sediakan oleh kerajaan terdahulu kerana dianggap tidak perlu dan membazir.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa peruntukan elaun bulanan perumahan kepada setiap exco?
- b) Berapakah jumlah tuntutan perjalanan setiap exco dari kediaman ke pejabat SUK dan kemudahan-kemudahan lainnya?

**JAWAPAN :**

- a) Setiap EXCO menerima elaun bulanan perumahan sebanyak RM2,000.00. Elaun ini termasuk Elaun Pembantu Rumah sebanyak RM500.00 dan Elaun Tukang Kebun sebanyak RM500.00.
- b) Elaun perjalanan tidak dituntut oleh EXCO kerana kemudahan kenderaan rasmi berserta pemandu dan minyak petrol disediakan dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Kemudahan-kemudahan lain yang diluluskan dalam Enakmen 8/1980 adalah seperti berikut:

1. Elaun Keraian.
  2. Elaun Pengerusi Jawatankuasa Tetap.
  3. Kediaman Rasmi.
  4. Bekalan Air , Elektrik dan Telefon.
  5. Dibekalkan kemudahan telefon bimbit.
  6. Elaun Hidup Harian semasa bertugas rasmi
- RM50.00 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya dalam lingkungan 32 km (20 batu).
  - RM200.00 sekiranya tugas rasmi dilakukan di luar Negeri Selangor sehari bagi masa 24 jam atau sebahagian darinya.
  - RM300.00 sekiranya tugas rasmi dilakukan di luar Malaysia bagi masa 24 jam atau sebahagian darinya.

7. Elaun Makan atas kadar sebenar atau mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 2/1992 yang mana lebih tinggi setaraf dengan pegawai Kerajaan Tingkatan Tertinggi "A" bagi setiap 24 jam atau sebahagian darinya atas urusan rasmi sahaja.
8. Sewa Hotel semasa bertugas rasmi disokong dengan resit dan mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang mana lebih tinggi. Sekiranya penginapan atau hotel disediakan oleh penganjur, tuntutan Sewa Hotel tidak boleh dibuat.
9. Belanja Pelbagai.
10. Kelayakan Perjalanan
  - Bagi perjalanan rasmi menaiki kapal terbang termasuk isteri (jika mendapat kebenaran) layak dibekalkan tiket kapal terbang kelas satu;
  - Diberi kemudahan tambang kapal terbang kelas business untuk perjalanan tidak rasmi termasuk isteri/suami masing-masing bagi mana-mana perjalanan pergi/balik di seluruh Malaysia atau wang tunai yang bernilai dengan jumlah harga tambang itu atau harga tambang kapal terbang kelas business KLIA-Kota Kinabalu, Sabah yang mana lebih tinggi.
11. Kereta Rasmi
  - Dibekalkan dengan sebuah kereta rasmi dan seorang pemandu.
12. Elaun Pakaian Panas
  - Layak menuntut Elaun Pakaian Panas jika menjalankan tugas rasmi di luar Malaysia di negara beriklim sederhana atas kadar RM1,500.00 sekali dalam tempoh 3 tahun.
13. Elaun Pakaian Rasmi Istiadat
  - Layak dibayar RM1,500.00 sekali dalam tempoh 3 tahun.
14. Surat Menyurat
  - Layak menghantar surat atas urusan rasmi sebagai ADN secara percuma.

15. Warta Kerajaan
16. Lencana Kereta
17. Lesen Percuma Senjata Api
18. Lesen Percuma Kereta Motor
19. Kad Ahli Dewan Undangan Negeri
20. Cuti Rehat
  - Layak mendapat 30 hari cuti rehat tidak termasuk hari kelepasan mingguan dengan kebenaran Menteri Besar.
21. Kemudahan Perubatan
  - Diberi kemudahan rawatan dan perubatan percuma , dikecualikan daripada bayaran wad di hospital kerajaan dan berkelayakan mendapat wad kelas satu bilik khas melainkan jika kecemasan dan terpaksa mendapat rawatan dan perubatan di hospital atau klinik swasta bayaran wad akan dibayar balik oleh kerajaan.
  - Kemudahan rawatan perubatan untuk Ahli dan Keluarga dengan bayaran ditanggung oleh kerajaan di hospital swasta yang tersenarai sebagai panel oleh kerajaan.
  - Kemudahan mendapatkan rawatan pergigian bagi Ahli dan Keluarga tidak melebihi RM500.00 tiap seorang dalam tempoh setahun.
  - Kemudahan perubatan bagi ahli keluarga termasuk suami atau isteri, anak yang ditanggung dan berumur 25 tahun sekiranya masih menuntut dengan disertakan kad pelajar.
22. Pinjaman Kereta
  - Maksimum sehingga RM150,000.00 dalam tempoh 4 tahun dengan dikenakan bayaran perkhidmatan 4% setahun yang dikira atas bulanan yang belum selesai.
23. Pinjaman Perumahan
  - Maksimum RM500,000.00 tidak melebihi 25 tahun dengan bayaran perkhidmatan 4% setahun.
24. Elaun Cuti Khas
  - Tiket penerbangan KL-London-KL kelas 1 untuk diri sendiri dan suami/isteri bersamaan wang tunai RM70,000.00 dan RM30,000.00 untuk perbelanjaan penginapan, makan/minum dan lain-lain untuk tempoh sepenggal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : TAPAK PARKIR DAN PASAR TAMAN SRI MUDA**

100. Pembinaan parkir dan pasar baru untuk peniaga di Taman Sri Muda, seksyen 25 terlalu lambat dimulakan:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Huraikan kenapa ia lambat di bina sedangkan majlis sudah mempunyai peruntukan sebanyak RM4 juta dalam belanjawan 2011

**JAWAPAN :**

- a) Cadangan pembinaan Pasar Awam Taman Sri Muda telah dirancang melalui cadangan usahasama penswastaaan MBSA dengan Taway Sdn Bhd. Walaubagaimanapun cadangan tersebut dibatalkan pada 2008. Cadangan untuk melaksanakan sendiri tapak tersebut dirancang pada 2010 dengan anggaran kos pembinaan berjumlah RM 7juta dan akan mengambil masa 24 bulan untuk dilaksanakan.

Semasa penyediaan dokumen sedang dilakukan , urusetia mendapati tapak tersebut masih belum diserahkan kepada pihak Majlis oleh Tetuan New Acres Sdn Bhd. Syarikat tersebut pula didapati telahpun gulung tikar dan asset serta harta syarikat tersebut dibawah pegangan Amanah Raya Berhad untuk tindakan selanjutnya. Oleh yang demikian pihak Majlis mendapati adalah tidak wajar untuk membina sebuah pasar di atas tanah yang belum lagi menjadi pegangan pihak Majlis. Pihak Majlis akan membuat permohonan perwartaan tapak ini memandangkan pemilik terkini tapak tersebut tidak dapat dikealpasti pemiliknya di masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : URUSTADBIR ANAK SYARIKAT BERHEMAH**

101. Merujuk kepada Usul 20 Tahun 2010 berkenaan urus tadbir anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan seseorang Ketua Eksekutif tidak menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada terlalu banyak syarikat sedangkan peraturan hanya membenarkan 3 syarikat subsidiari sahaja (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1985)?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan prosedur kerja dan SOP disediakan dan sentiasa di kemas kini?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ditubuhkan seperti kehendak PP Bil 9/1993?

**JAWAPAN :**

- a) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1985 merujuk kepada Garis Panduan Mengenai Perlantikan dan Peranan Pegawai Kerajaan Sebagai Pengerusi, Ketua Eksekutif dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Awam, Syarikat-syarikat Kerajaan/ Kepentingan Kerajaan.

Pelantikan Ketua Eksekutif sebagai Ahli Lembaga kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri kebanyakannya adalah berdasarkan kepada jawatan yang disandang oleh Ketua Eksekutif tersebut di mana terdapat peruntukan ataupun kelulusan dalam syarikat tersebut yang memerlukan Ahli Lembaga Pengarah perlulah terdiri daripada penyandang jawatan seperti YAB Dato' Menteri Besar, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri dan YB Pegawai Undang-undang.

Berdasarkan nisbah Ketua Eksekutif berbanding lebih daripada 50 anak syarikat/ badan berkanun di Negeri Selangor, terdapat keperluan Ketua Eksekutif memegang lebih dari 3 syarikat subsidiari bagi memastikan dasar-dasar am dan ekonomi Kerajaan dan Kerajaan Negeri dilaksanakan oleh badan-badan tersebut.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pemerbadanan Menteri Besar (*MBI*) sentiasa memantau pelaksanaan pekeling ini dengan memastikan prosedur kerja dan SOP disediakan dan sentiasa dikemas kini.



- c) Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Menteri Besar (*MBI*) sentiasa memantau pelaksanaan memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ditubuhkan seperti kehendak PP Bil 9/1993 oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang utama seperti KDEB dan PNSB. Manakala bagi syarikat-syarikat kecil, MBI akan bertindak sebagai Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan melalui semakan Penyata kewangan yang dilaporkan secara berkala dalam mesyuarat MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PELABURAN ASING**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Kerajaan telah belanja peruntukkan yang begitu banyak sejak tahun 2008 hanya satu MOU yang telah ditandatangani adakah perbelanjaan kerajaan berbaloi? Sila jelaskan.

**JAWAPAN :**

- a) Sejak tahun 2008 sehingga 2010 sebanyak 15 program lawatan penggalakan pelaburan telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri menerusi Agensi Pelaburan Negeri. Antara objektif lawatan ini diadakan adalah untuk;-
- i. Bagi mempromosi dan mengetengahkan peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor serta meningkatkan penyertaan pelabur dari Negara-negara yang dilawati di Negeri Selangor;
  - ii. Mengadakan kunjungan hormat kepada syarikat-syarikat telah membuat pelaburan di Negeri Selangor bagi mengeratkan hubungan serta mendapatkan maklumbalas daripada pengurusan tertinggi syarikat mengenai perancangan pelaburan mereka di Negeri Selangor;
  - iii. Untuk membuat lawatan dan perbincangan susulan terhadap syarikat-syarikat yang telah menyatakan hasrat untuk melabur di negeri Selangor;
  - iv. Untuk menarik pelabur-pelabur di dalam beberapa sektor terpilih seperti:-
    - i. *Green Technology (Solar Industry)*
    - ii. *Service Industry;*
    - iii. *Information, Communication Technologies (ICT)*
  - v. Menjalinkan hubungan perdagangan dua hala dan kerjasama ekonomi antara Malaysia, khususnya Negeri Selangor dan negara-negara yang dilawati.

Walaupun hanya satu MOU sahaja yang telah ditandatangani, lawatan penggalakan pelaburan ini berjaya menarik pelaburan berjumlah RM 2.209 bilion daripada beberapa projek baru dan penambahan/pengembangan pelaburan syarikat-syarikat yang sedia ada di negeri Selangor

MOU yang diadakan adalah antara SSIC Berhad Gabungan LIMA PPTKIS (Indonesia) bertujuan untuk menjalinkan kerjasama bagi penempatan tenaga kerja di sektor perindustrian di Selangor.

MOU ini diadakan bertujuan mengatasi masalah kekurangan bekalan sumber tenaga kerja di Negeri Selangor di samping membantu para pelabur memudahkan urusan pengambilan pekerja dari Indonesia.

MOU ini akan menjadikan SSIC Berhad sebagai fasilitator dan pangkalan data bagi tenaga kerja Indonesia di sektor perindustrian di Selangor

Secara dasarnya, walaupun Kerajaan Negeri membelanjakan peruntukkan yang begitu banyak tetapi ianya membawa pulangan yang positif ke Negeri Selangor hasil daripada pelaburan baru dan penambahan/pengembangan pelaburan bagi syarikat-syarikat yang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMULIHAN DAN PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG**

103. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan projek tersebut ?
- b) Sila nyatakan nama-nama syarikat yang telah diberi tawaran menyertai projek tersebut serta latar belakang mereka ?
- c) Sila nyatakan tempoh masa yang masih diperlukan untuk kerja-kerja kajian sebelum projek tersebut dimulakan ?

**JAWAPAN:**

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil pendirian untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Projek 'River of Life' bagi menjamin synergy yang lebih baik serta mengelakkan sebarang pertindihan. Melalui penglibatan negeri dalam Jawatankuasa Pemandu 'Greater KL/Klang Valley' kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mewujudkan 'River Protocol' bagi mengawal selia sumber sungai di negeri ini.

Selain itu, melalui Sub-Task Force Pembersihan Sungai di bawah Projek River of Life yang dipimpin oleh JPS, sebagai permulaan sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada Selangor di mana MPAJ sebagai agensi pelaksana akan membina Sistem Rawatan Air di salur keluar sistem perparitan utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Klang, Daerah Gombak Selangor bagi pengawalan mutu air. Projek tersebut sedang dalam proses penenderan dan dijangka disiapkan pada penghujung tahun 2011.

- b) Setakat ini, 3 syarikat telah di senarai pendek oleh Kerajaan Negeri untuk terlibat dengan projek ini pada kapasiti yang berbeza. Syarikat-syarikat tersebut ialah:-
  - TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
  - Wessex Water Sdn. Bhd./I Berhad Consortium
  - GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

- c) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek yang unik kerana ianya merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI). Syarikat-syarikat yang telah di senarai pendek harus mengemukakan cadangan pembangunan untuk pertimbangan kerajaan negeri Selangor bagi membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai.

Usaha Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang dijangka akan berterusan dan dilaksanakan secara berfasa selama 15 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK : ISU SG BULOH**

104. Kerajaan negeri didapati cuba menarik balik tanah Penanam Bunga di Jalan Sg Buloh dan tanah tersebut diberi kepada Yayasan Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah alasan Kerajaan Negeri memberi tanah tersebut kepada Yayasan Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi ganti rugi kepada pengusaha yang terjejas di dalam kejadian ini?
- c) Apakah cadangan kerajaan negeri untuk menempat semula penanam bunga yang terlibat dalam isu ini?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR**

105. Kerajaan negeri menyediakan hampir RM 1 juta untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf infrastruktur di setiap DUN pada awal tahun 2011

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana tahap pelaksanaan kerja naik taraf infrastruktur kawasan luar bandar?
- b) Selain rakyat, adakah kontraktor tempatan turut mendapat manfaat dengan adil?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah peruntukan tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Y.B. secara keseluruhan, tahap pelaksanaan kerja naik taraf infrastruktur kawasan Luar Bandar di Negeri Selangor adalah di dalam keadaan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan yang masih perlu diberi perhatian dan dinaiktaraf.
- b) Untuk makluman Y.B. pelaksanaan kerja-kerja naik taraf infrastruktur di setiap DUN adalah bertujuan untuk memberi kemudahan dan manfaat kepada semua rakyat di Negeri Selangor. Secara keseluruhan harga bagi satu kerja yang dicadangkan adalah tidak melebihi RM500,000.00. Ini bermakna kontraktor yang akan dilantik adalah terdiri daripada kontraktor tempatan. Kontraktor tempatan adalah kontraktor kelas E dan F yang berdaftar dengan dengan Pusat Khidmat Kontraktor di daerah atau negeri yang berkenaan. Selain daripada itu, pelantikan kontraktor yang dibuat juga adalah mematuhi tatacara perolehan yang berkuatkuasa iaitu dengan menggunakan kaedah sebut harga atau tender bagi kerja-kerja yang melebihi RM20,000.00. Maka, secara tidak langsung pelaksanaan kerja-kerja ini memberi manfaat dengan adil kepada kontraktor tempatan.
- c) Penyaluran peruntukan MARRIS telah pun diluluskan sebanyak RM1 juta bagi setiap DUN, ini bermakna Kerajaan Negeri akan membelanjakan sejumlah **RM56 juta** bagi pelaksanaan kerja-kerja di bawah peruntukan MARRIS tersebut. Walau bagaimanapun jika terdapat keperluan yang mendesak untuk menyelenggara jalan dan longkang di kawasan DUN, Kerajaan Negeri akan **mempertimbangkan** permohonan tersebut bagi tujuan peruntukan tambahan untuk setiap kawasan DUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN  
( SRI SERDANG)**

**TAJUK: KAKITANGAN PKNS**

106. Terdapat aduan daripada kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bahawa banyak konsultan telah dilantik sehingga mengabaikan tenaga kakitangan sedia ada.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah dakwaan ini benar?
- b) Siapakah konsultan dan syarikat yang telah dilantik oleh PKNS?
- c) Apakah implikasi baik pelantikan konsultan terbabit dan pengurusan sumber manusia di PKNS?

**JAWAPAN :**

- a) Tenaga dalaman yang berpengalaman penting di dalam melaksanakan program pembangunan PKNS. Walau bagaimanapun tenaga luar atau konsultan telah dilantik adalah sama penting untuk PKNS meningkatkan input-input baru di dalam penambahbaikan terhadap cadangan pembangunan sedia ada.
- b)

**MASIH BERKHIDMAT DI PKNS**

1. Dr. P. Ravindran a/l Pathmanathan  
Perunding Akademi PKNS
2. Puan Sharifah Suzan binti Syed Mohamed Tahir  
Pengurus Kanan Pemasaran  
Bahagian Pemasaran
3. Encik Pathooraman bin Abu  
Pengurus Pembangunan Bisnes
4. Puan Saaidah Khadijah binti Naim  
Pengurus Pembangunan Bisnes
5. Encik Fadzil Amidi bin Ahmad  
Penolong Pengurus Pemasaran

## **TELAH TAMAT PERKHIDMATAN DI PKNS**

1. Encik Azhar bin Abd. Wahab  
Pegawai Tugas Khas  
Pejabat Pengurus Besar PKNS
2. Encik Patrick Lai Leong Kwan  
Pengurus Pembangunan Bisnes
3. Tuan Haji Sufian bin Hashim  
Pegawai Tugas Khas

c)

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>IMPLIKASI BAIK PELANTIKAN</b>
1.	Dr. P. Ravindran a/ Pathmanathan  Perunding Akademi PKNS	Kepakaran yang dimiliki oleh perunding dapat membantu Akademi Hartanah PKNS merealisasikan impian menjadi salah satu institusi pengajian tinggi dalam bidang hartanah yang terunggul di Malaysia.

2.	Puan Sharifah Suzan binti Syed Mohamed Tahir  Pengurus Kanan Pemasaran  Bahagian Pemasaran	Pengalaman selama 11 tahun dalam bidang pemasaran dan pembangunan hartanah dapat digunakan untuk mempelbagaikan pemasaran produk-produk PKNS bagi memastikan bahagian ini berfungsi secara efisien.
----	---	---



3.	Encik Pathooraman bin Abu Pengurus                      Pembangunan Bisnes	Gabungan kepakaran dan pengalaman pihak luar perlu bagi membantu bahagian ini mencapai matlamat dan KPI yang ditetapkan.
4.	Puan Saaidah Khadijah binti Naim Pengurus                      Pembangunan Bisnes	
5.	Encik Patrick Lai Leong Kwan Pengurus                      Pembangunan Bisnes	

6.	Encik Azhar bin Abd. Wahab Pegawai Tugas Khas Pejabat Pengurus Besar PKNS	Pegawai Tugas Khas di Pejabat Pengurus Besar adalah berfungsi bagi merancang, menyelaraskan, melaksanakan, memantau dan mengambil tindakan susulan terhadap apa-apa tugas yang diarahkan oleh Pengurus Besar.
7.	Tuan Haji Sufian bin Hashim Pegawai Tugas Khas	
8.	Encik Fadzil Amidi bin Ahmad Penolong                      Pengurus Pemasaran	Mempelbagaikan pemasaran produk-produk PKNS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : JAWATANKUASA MENCEGAH GEJALA SOSIAL**

107. Pihak JAIS mempunyai Ahli Jawatankuasa mencegah maksiat dan gejala sosial. Demikian juga pihak Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Pembangunan Modal Insan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tumpuan utama bagi kedua-dua ahli jawatankuasa ini?
- b) Tidakkah berlaku duplikasi tugas antara kedua-dua ahli jawatankuasa?
- c) Adakah dengan wujudnya kedua-dua ahli jawatankuasa ini, gejala maksiat dan sosial berkurangan di negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

a)

BIL	JAWATANKUASA INDUK MENANGANI GEJALA SOSIAL NEGERI SELANGOR	JAWATANKUASA MENANGANI GEJALA SOSIAL DI BAWAH JAIS
1.	Jawatankuasa Induk menangani Gejala Sosial peringkat Negeri Selangor merancang dasar-dasar dengan menggunakan 5 pendekatan iaitu Pencegahan, Pemulihan, Pencelahan, Pembangunan, dan Penguatkuasaan dalam menangani masalah gejala sosial di Negeri Selangor.	Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial (JAIS) merupakan salah satu komponen dalam Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor yang berperanan melaksanakan tanggungjawab sebagai pelaksana khususnya dalam bidang Penguatkuasaan.
2.	Berfungsi untuk menyelesaikan masalah gejala sosial secara holistik dan mengembelikan semua sumber yang ada pada pelbagai jabatan/agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO,s), pimpinan setempat dan aktivis sosial.	Bertindak salah satu jawatankuasa pelaksana dengan dibantu oleh ahli daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's) Islam dalam melaksanakan kempen atau dakwah kepada masyarakat Islam khususnya.

BIL	JAWATANKUASA INDUK MENANGANI GEJALA SOSIAL NEGERI SELANGOR	JAWATANKUASA MENANGANI GEJALA SOSIAL DI BAWAH JAIS
3.	Tumpuan Jawatankuasa ini adalah menyelesaikan masalah gejala sosial pelbagai kaum dan agama yang melibatkan pelajar, remaja dan belia seperti rempit, zina, dadah, ponteng dan Jenayah.	Tumpuan Jawatankuasa ini ialah mencegah gejala sosial khususnya dikalangan umat Islam sebagai tuntutan nahi mungkar demi kesejahteraan ummah.

Jawatankuasa Menangani Gejala sosial Negeri Selangor dan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga memberi fokus kepada Kes Pembuangan bayi yang semakin serius. Oleh itu, kedua-dua jawatankuasa ini bekerjasama dalam melaksanakan Kem Anti Zina yang telah dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato Sri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Ogos 2010 dan diteruskan dengan Kempen Anti Zina sempena Sambutan Malam Tahun Baru pada 31 Disember 2011 dan yang terkini pada 13 Februari 2011 yang lalu. Kempen ini melibatkan pelbagai agensi/jabatan

- b) Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor memainkan peranan penting dalam usaha menangani gejala sosial di Negeri Selangor secara bersepadu dan berjangka panjang. Peranan utama jawatankuasa ini ialah merangka dasar-dasar berkaitan dengan langkah menangani masalah gejala sosial yang berlaku di kalangan masyarakat di Negeri Selangor tanpa mengira kaum dan agama di Negeri Selangor secara menyeluruh. Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO's)

Manakala Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berperanan mencegah gejala sosial dikalangan masyarakat yang beragama Islam sahaja. Ahli jawatankuasanya terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's) Islam dari seluruh Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, Kedua-dua Jawatankuasa tersebut mempunyai bidang dan tanggungjawab yang berbeza dan tidak berlaku duplikasi dari segi tugas malah kedua-dua jawatankuasa ini bekerjasama dalam melaksanakan program dan aktiviti mencegah gejala sosial.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merupakan pelaksana terutamanya dalam bidang penguatkuasaan dalam menangani gejala sosial di Negeri Selangor khususnya berkaitan dengan maksiat di kalangan umat Islam.

- c) Pada tahun (2010) sebanyak **31 Program Menangani Gejala Sosial (GeMS)** telah berjaya dilaksanakan antaranya Program Karnival GeMS di daerah – daerah dan Kursus Jati Diri Remaja GeMS.

Kejayaan pelaksanaan GeMS dimantapkan lagi dengan pelaksanaan **Program Kempen Anti Zina** yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Ogos 2010 sempena sambutan kemerdekaan. Susulan itu, beberapa siri program Anti Zina telah diadakan di seluruh daerah di Negeri Selangor dan diselaraskan oleh Pejabat Daerah di setiap daerah dan pencapaian adalah seperti berikut :

<b>Program</b>	<b>Jumlah tangkapan</b>	<b>Kawasan / Daerah</b>
Anti Zina Siri I	Tiada tangkapan	Petaling
Anti Zina Siri II	135 kes	9 Daerah
Anti Zina Siri III	81 kes	9 Daerah

Berdasar statistik di atas menunjukkan bahawa jumlah kes penangkapan bagi kes berkaitan dengan jenayah syariah mencatatkan penurunan. Hal ini membuktikan pelaksanaan Kempen Anti Zina telah memberi satu impak kepada masyarakat mengenai bahaya zina kepada masyarakat khususnya dan amnya kepada Negeri Selangor. Walaubagaimana pun statistik Kempen Anti Zina Siri 1 menunjukkan tiada tangkapan direkodkan kerana Kempen Anti Zina Siri satu merupakan satu permulaan dan hanya pencegahan dilakukan dimana risalah mengenai bahayanya zina diedarkan kepada masyarakat di Daerah Petaling.

Pada tahun (2011) sehingga Jun sebanyak **10 Program menangani gejala sosial (GeMS)** Negeri Selangor telah dijalankan dan program ini memberi fokus kepada remaja dan belia yang berisiko tinggi untuk terjebak dalam masalah gejala sosial. Program menangani gejala sosial (GeMS) dijalankan di kawasan-kawasan tumpuan remaja dan belia seperti di Dataran Shah Alam, Pantai Morib dan Dataran Tonggak 10, Sabak Bernam. Sambutan daripada remaja dan belia amat menggalakkan di tempat-tempat tersebut, dan mereka terdiri daripada penunggang motosikal, remaja berbasikal, dan sebagainya.

Kejayaan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor dapat dikukuhkan lagi berdasarkan kepada statistik Polis Diraja Malaysia dengan Kadar Jenayah secara keseluruhannya di Negeri Selangor adalah stabil dan terkawal berdasarkan indikator indeks jenayah yang menunjukkan penurunan sebanyak 8.38 % dari 1 Januari 2011 sehingga 7 Jun 2011. Hal ini membuktikan kempen kesedaran serta pengupayaan kolektif komuniti dalam Jelajah GeMS yang melibatkan Majlis Dialog GeMS dengan penyertaan semua pimpinan tertinggi di setiap daerah di Negeri Selangor yang terdiri daripada Pegawai Daerah, Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan, ADUN/ Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat, Penghulu, Ketua Kampung, AJK Masjid, Pengerak Belia Tempatan, dan Ketua Komuniti telah memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahayanya gejala sosial dan pentingnya mencegah dan menanganinya. Oleh itu, dengan wujudnya Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor menyumbang kepada penurunan Kadar Jenayah Sivil dan Jenayah Syariah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SENI & TEATER**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan penggunaan teater diraja?
- b) Berapakah galeri seni dan teater awam? sila nyatakan kos penyelenggaraan tahunan 2008-2010.
- c) Apakah rancangan pembangunan seni teater, seni lukis, seni muzik, seni ukiran negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak Kerajaan Negeri di bawah kelolaan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi Dan Inovasi Y.B Rodziah bin Ismail sedang dalam tindakan untuk menentukan "End-User" bangunan teater tersebut. Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam pula diberi mandat sebagai 'care taker' untuk mentadbir, menyelaras dan menyelenggara bangunan tersebut untuk tempoh 6 bulan mulai dari 1hb Julai 2011 sehingga 31hb Disember 2011 dengan peruntukkan sebanyak RM1.3 juta.
- b) Galeri Seni Shah Alam di Laman Budaya Tasik Shah Alam adalah satu-satunya galeri seni yang beroperasi di Shah Alam dan tiada teater awam yang terdapat di kawasan pentadbiran Shah Alam.

Peruntukkan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam bagi penyelenggaraan bangunan teater tersebut dari 2008 sehingga 2010 adalah sebanyak **RM 145,404.56**. (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Empat Puluh Lima Ribu Empat Ratus Empat dan Lima Puluh Enam Sen) yang meliputi kerja-kerja :-

<b>Perkara</b>		<b>Jumlah (RM)</b>
i.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Dari Nov 2008-2010) Dis	RM 94,072.86
ii.	Penyelenggaraan Landskap	RM 7,481.00
iii.	Penyelenggaraan Bangunan	RM 8,775.00
iv.	Bil Air	RM 1,450.50
v.	Bil Elektrik	RM 33,625.20
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>RM145,404.56</b>

- c) Rancangan pembangunan seni teater, seni lukis, seni muzik, seni ukiran negeri Selangor adalah tertakluk kepada perancangan oleh Exco yang berkenaan dan juga Jabatan Kebudayaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : KONTRAK ALAM FLORA**

109. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi statistik mengikut PBT jumlah aduan yang diterima dan Notice To Correct (NTC) terhadap kontraktor-kontraktor Alam Flora yang diterima setiap tahun sejak tahun 2008.
- b) Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempertingkatkan prestasi kutipan sampah dan kerja-kerja pembersihan di setiap PBT?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa menerima aduan berhubung perkhidmatan yang diberikan dan '*Notice To Correct*' yang diberikan oleh PBT kepada kontraktor Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Hal ini dapat dilihat daripada Aduan STAR seperti di **Lampiran A** dan **B**.
- b) Pelbagai langkah telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan prestasi kutipan sampah dan kerja-kerja di setiap PBT. Bagi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), antara langkah-langkah yang telah dilakukan seperti pengambilalihan semula kerja-kerja pembersihan dari pihak AFSB, pemantauan terus kontraktor yang dilantik oleh kakitangan majlis dan peningkatan '*Notice To Correct*' kepada kontraktor yang gagal menjalankan perkhidmatan dengan sempurna. Manakala Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) mengambil langkah dengan pemetaan semula kawasan kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

## ADUAN BERKAITAN SAMPAH MENGIKUT PBT TAHUN 2009 &amp; 2010

BIL	PBT	Masalah Am Kutipan Sampah		Kutipan Tidak Ikut Jadual		Sampah Haram		Minta Ganti Tong Sampah		Minta Tambah Tong Sampah		Minta Alih Tong Sampah		Sisa Bahan Binaan		Sampah di Taman Permainan		Sampah Pokok/Pokok Mati		Bangkai Haiwan	
		2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*	2009	2010*
1	MBSA	528	168	0	0	198	121	0	0	0	0	0	0	118	62	43	37	0	0	0	0
2	MBPJ	0	0	0	0	734	252	0	18	0	0	0	0	29	45	0	0	0	0	0	0
3	MPSJ	1,133	156	0	0	665	351	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	199	103	0	0
4	MPK	1,389	0	0	33	12	0	0	0	0	0	0	0	157	51	0	0	0	0	0	0
5	MPKj	567	362	182	107	206	127	0	0	12	6	0	0	60	40	0	0	0	0	0	0
6	MPAJ	151	56	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	66	19	0	0	0	0	0	0
7	MPSp	1	214	0	0	0	80	0	2	0	0	0	0	0	2	0	1	0	12	0	0
8	MPS	242	56	59	19	311	155	13	4	23	14	8	3	57	21	0	0	0	0	0	0
9	MDKL	61	43	7	9	23	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
10	MDKS	48	7	13	1	4	5	0	0	3	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0
11	MDHS	498	255	0	0	272	96	0	0	0	0	0	0	47	15	0	0	0	0	0	0
12	MDSB	Data tidak dapat diperolehi																			
	JUMLAH KESELURUHAN	4,618	1,317	261	169	2,425	1,200	13	24	38	20	8	3	536	255	43	38	199	115	1	1

\* Sehingga 31 Mei 2010 sahaja.

(Sumber: STARS-PBT dan e-Aduan PBT yang berkenaan)

Disediakan oleh: Seksyen Perhubungan Awam, Bahagian Korporat  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**Lampiran B**

<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)</b>	<b>TAHUN</b>			
	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
Majlis Bandaraya Shah Alam	1101	1327	755	-
Majlis Bandar raya Petaling Jaya	84	212	2506	1011
Majlis Perbandaran Klang	2241	2183	2574	1072
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	637	750	1155	240
Majlis Perbandaran Subang Jaya	163	492	1015	1423
Majlis Perbandaran Selayang	249	201	391	187
Majlis Perbandaran Kajang	478	398	500	215
Majlis Perbandaran Sepang	-	-	-	10
Majlis Daerah Kuala Langat	84	47	31	11
Majlis Daerah Kuala Selangor	149	110	120	65
Majlis Daerah Sabak Bernam	17	20	25	8
Majlis Daerah Hulu Selangor	TIADA SEBARANG 'NOTICE TO CORRECT'			



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : PERTANIAN**

110. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar pertanian kerajaan negeri Selangor mengenai pengurusan tanah terbiar.
- b) Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran pertanian di negeri Selangor.

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri peka terhadap isu tanah terbiar di Negeri Selangor. Tanah yang bermilik yang berstatus pertanian dibangunkan di bawah Projek Pembangunan Tanah Terbiar oleh peserta yang mendapat kelulusan daripada pemilik tanah. Pada tahun 2011 sebanyak 6 kawasan dipilih iaitu 3 dari daerah Klang dengan keluasan 12 ha diusahakan oleh 10 orang peserta melibatkan peruntukan sebanyak RM90,000.00 manakala 2 projek dari daerah Hulu Selangor yang melibatkan keluasan 12 ha yang diusahakan oleh 4 orang peserta dengan peruntukan RM120,000.00 dan satu projek di daerah Kuala Selangor yang melibatkan kawasan seluas 4 ha yang diusahakan oleh 2 orang peserta yang melibatkan peruntukan sebanyak RM40,000.00
- b) Langkah-langkah diambil oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut :
  - i. Memastikan pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berterusan melalui Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor bermula tahun 2009 sehingga 2013. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 3.05 juta bagi pelaksanaan program ini tahun 2011.
  - ii. Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Dimana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk program ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 1.45 juta pada tahun 2011. Sehingga Disember 2010:

Bilangan TKPM: 12

Keluasan Keseluruhan: 1,309.4 hektar

Nilai Pengeluaran Hasil Keseluruhan: RM31.1 juta

- iii. Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa) , dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) dimana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 2.2 juta untuk program-program tersebut. Sehingga tahun 2010, Jabatan Pertanian merekodkan :

Jenis Tanaman	Keluasan (hektar)	Nilai Penge luaran (RM)
1.Sayur-sayuran	2369.4	13.1 juta
2. Buah-buahan	1314.8	12.5 juta
3.Tanaman Industri	145	1.2 juta

- iv. Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) , melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan. Sehingga kini terdapat 18 usahawan tani dibawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah diiktiraf mendapat Sijil SALM.
- v. Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman.
- vi. Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia dimana aktiviti-aktiviti latihan , seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK UNTUK GENERASI MUDA**

111. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik untuk generasi muda, elemen utama ialah pangkalan data kadar nisbah pemilikan rumah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri sudah mempunyai pangkalan data tersebut dan berapakah rumah mampu milik ini yang akan dibina untuk maksud tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah pun mewujudkan satu sistem pangkalan data untuk menerima permohonan pendaftaran Projek Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru. Sejak sebulan lebih ia dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, sebanyak 1,955 borang permohonan telah dijual kepada bakal pembeli yang berminat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 400 borang iaitu kira-kira 20.46% telah dikembalikan semula kepada LPHS untuk dimasukkan ke dalam sistem yang diwujudkan bagi tujuan saringan kelayakan mereka.

Selain daripada 124 unit rumah mampu milik di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi yang merupakan Projek Perintis, PKNS juga telah merancang untuk membina sebanyak 11,000 seunit rumah mampu milik untuk tempoh 5 tahun dari tahun 2011 sehingga tahun 2016 dan diikuti tambahan sebanyak 10,000 lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya. Lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti termasuklah di Seksyen U10 Shah Alam, Kg. Temenggong di Gombak, Taman Sains Selangor 2 di Sepang, Kota Puteri di Kuala Selangor, Antara Gapi dan Bernam Jaya di Hulu Selangor.

Untuk makluman juga LPHS ketika ini sedang menjalankan Kajian Menyeluruh Berkenaan Perumahan Mampu Milik Berdasarkan Pendapatan Isirumah. Kajian yang bermula 1 Jun 2001 ini dijalankan dengan kerjasama Unit Perundingan Universiti Malaysia dengan dijangka siap dalam tempoh 6 bulan. Kajian ini kelak diharap akan dapat membantu Kerajaan Negeri merangka strategi yang lebih jelas dan berkesan dalam menyediakan perumahan mampu milik untuk semua golongan termasuk golongan muda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TTUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : KEMUSNAHAN PANTAI KELANANG**

112. Kemusnahan jalan-jalan sepanjang pantai Kelanang di sebabkan ombak dan hakisan berlaku dan terbiar begitu sahaja sekarang ini.

Bertanya kepada YAB Dato Menteri Besar:-

- a) Adakah usaha kerajaan untuk menambahbaikkan kawasan tersebut?
- b) Pihak manakah yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memastikan kawasan tersebut terus terpelihara ? PBT/JPS/JKR.

**JAWAPAN :**

- a) Pantai Kelanang bermula berhampiran Bukit Jugra memanjang dan bersambung dengan Pantai Morib sehingga ke Pantai Kampung Batu Laut sebelum ke pantai-pantai lain di Daerah Sepang. Ia dibuka beberapa tahun yang lalu kepada masyarakat umum dan pembinaan jalan adalah bertujuan menghubungkan Morib dan Kelanang yang dibina sekitar tahun 2006. Di bawah Rancangan Malaysia Ke 10, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi pengawalan hakisan pantai. Anggaran keperluan bagi kawalan hakisan pantai Kelanang sepanjang 2 km adalah sebanyak RM3 juta.
- b) Jalan Pantai Kelanang ini telah dibina oleh Majlis Daerah Kuala Langat. Walaubagaimana pun, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor menangani masalah hakisan tersebut.

Maklumat Tambahan:

Jalan ini telah dibina terlalu hampir dengan laut iaitu 50m di hadapan ban JPS. Ini menyebabkan ia terdedah kepada ancaman hakisan ombak. Masalah kerosakan jalan ini telah dikenalpasti semenjak tahun 2009 dan sehingga hari ini sepanjang 2 km kawasan pantai di ancam hakisan pada tahap Kritikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN  
( SRI SERDANG)**

**TAJUK: ROMBAKAN EXCO**

113. Terdapat perubahan kepimpinan utama parti PAS Selangor selaku komponen dalam kerajaan Pakatan Rakyat Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang merombak barisan EXCO berdasarkan perubahan tersebut?
- b) Jika tiada perubahan, adakah kesannya terhadap pentadbiran negeri?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM**

114. Pihak Kerajaan Negeri ada mengusahakan untuk memutihkan kilang – kilang haram di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan bilangan kilang haram yang telah berjaya diputihkan dan status tanahnya telah ditukar dari pertanian ke perindustrian di Kampung Baru Subang dan Kampung Baru Sg.Buloh .
- b) Berapakah peratus bilangan tersebut di atas daripada jumlah kilang yang terdapat di kedua-dua kawasan tersebut .
- c) Apakah perancangan jangka panjang pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan pemutihan dan penukaran status tanah ke perindustrian ini selesai dengan secepat mungkin ?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah senarai bilangan kilang haram di Kg. Baru Subang (Pekan Subang) dan Kg. Baru Sg. Buloh (Mukim Sg Buloh dan Pekan Sg. Buloh)

Perkara	Kg. Baru Subang (Pekan Subang)	Kg. Baru Sg. Buloh (Mukim Sg. Buloh & Pekan Sg. Buloh)
Jumlah permohonan	40	493
Telah menjelaskan bayaran premium	27	145
Belum menjelaskan bayaran premium	13	348

- b) Jumlah yang telah membayar premium :  $27 + 145 = 172$   
Jumlah kilang yang dibanci :  $962$   
 $\frac{172}{962} \times 100 \%$   
 $17.87 \%$

c) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor telah merancang dengan melaksanakan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di mana di dalam program tersebut kilang-kilang yang telah dibanci akan di beri kemudahan. Kemudahan ini diberikan kepada kilang-kilang haram tanpa kebenaran sebelum tarikh 31 Disember 2012.

1. Antaranya penurunan kuasa kepada Pegawai Daerah untuk kelulusan permohonan tukar syarat yang berada di dalam zon industri. Di luar zon industri perlu dibawa ke Jawatankuasa Induk Penempatan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran.
2. Pentadbir Tanah diberi kuasa untuk membuat keputusan bagi permohonan perlanjutan tempoh pajakan tidak melebihi 99 tahun bagi kilang-kilang / premis yang terletak di dalam zon industri sahaja.
3. Pengurangan Premium Tambahan. Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran dalam tempoh 3 bulan atau 30% bagi bayaran dibuat dalam tempoh 6 bulan atau 10% bagi bayaran dalam tempoh 9 bulan.
4. Diberi juga bayaran premium secara ansuran sebanyak 12 kali bayaran dalam tempoh 18 bulan atau 24 bulan dari tarikh borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.
5. Pengecualian premium khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah kaedah 11(6) Kaedah Tanah Selangor 2003.

Pelanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian bagi tanah bertempoh pajakan kurang 15 tahun atas kegunaan

1. industri dan premium dikenakan berdasarkan nilai tanah semasa dan diberi pengurangan sebanyak 50%.
2. Insentif masih diperolehi sekiranya pemohon dapat membuktikan pihak institusi kewangan gagal memberikan pinjaman dalam tempoh tiga bulan selepas kelulusan daripada Pejabat Tanah Daerah dikeluarkan.
3. Insentif Pihak Berkuasa Tempatan telah diberi mandat untuk menjalankan penguatkuasaan sekiranya kilang-kilang yang baru didirikan tidak memenuhi syarat-syarat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AMIRUDIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : PERUMAHAN MAMPU MILIK**

115. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perbezaan dan naik taraf kualiti yang membezakan antara rumah mampu milik dan rumah kos rendah ?
- b) Berapa banyak sasaran kerajaan negeri membina rumah mampu milik menjelang akhir tahun 2011 ? Sila pecahkan mengikut daerah
- c) Berapa banyak keluarga / isi rumah yang memerlukan rumah di negeri Selangor ?
- d) Berapa banyak peruntukan yang diperlukan untuk memenuhi dasar rumah mampu milik kerajaan negeri ?

**JAWAPAN :**

- a) Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru yang diperkenalkan adalah sangat berbeza dengan penyediaan rumah kos rendah. Ini kerana matlamat utama pelaksanaan projek rumah mampu milik ini adalah untuk memenuhi keperluan penyediaan kediaman bagi golongan berpendapatan sederhana yang berpendapatan di antara RM2,500 sehingga RM5,000 sebulan. Manakala penyediaan rumah kos rendah adalah untuk mereka yang berpendapatan di bawah RM2,500.

Sebagai langkah permulaan, konsep asas perumahan mampu milik akan menerapkan perkara berikut:

- i. Anggaran harga jualan antara RM85,000 - RM120,000.
- ii. Keluasan rumah 850 - 1,000 kaki persegi.
- iii. Reka bentuk terkini seperti konsep '*green building*'.
- iv. Mengambil kira aspek kemampunan dari segi binaan dan persekitaran.
- v. Penyediaan kemudahan yang bersesuaian dan mencukupi termasuk untuk warga emas dan OKU.
- vi. Kos penyelenggaraan yang murah.
- vii. Kepelbagaian jenis rumah dalam satu blok bangunan (1 bilik, 2 bilik, 3 bilik, 4 bilik).
- viii. Kos penyelenggaraan yang murah.
- ix. Perolehan keuntungan pemaju tidak melebihi 10%.

Penambahbaikan konsep ini akan dibuat sebaik sahaja Kajian Menyeluruh Berkenaan Rumah Mampu Milik yang sedang dijalankan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Unit Perundingan Universiti Malaya yang dijangka selesai pada penghujung tahun ini.



- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui PKNS telah menasarkankan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2016 tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya.

Selain projek perintis di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, PKNS juga telah mengenalpasti beberapa lokasi bagi pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru iaitu di Seksyen U10 Shah Alam, Kg. Temenggong di Gombak, Taman Sains Selangor 2 di Sepang, Kota Puteri di Kuala Selangor, Antara Gapi dan Bernam Jaya di Hulu Selangor.

Bagi tujuan yang sama, PKNS juga sedang mengadakan rundingan dengan pemaju-pemaju swasta lain bagi mengadakan kolaborasi dalam membangunkan projek perumahan mampu milik di tapak pembangunan milik pemaju-pemaju swasta ini. Melalui inisiatif ini, disasarkan sebanyak 30,000 lagi unit rumah mampu milik akan dibina untuk tempoh 15 tahun.

- c) Sebaik sahaja Projek Perintis Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor pada 3 Jun 2011 di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, sebanyak 1,955 borang permohonan telah dijual kepada bakal pembeli yang berminat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 400 borang iaitu kira-kira 20.46% telah dikembalikan semula kepada LPHS untuk dimasukkan ke dalam sistem yang diwujudkan bagi tujuan saringan kelayakan mereka. Jumlah pendaftaran ini dijangka akan terus meningkat di masa-masa akan datang setelah lebih banyak promosi dijalankan oleh Kerajaan Negeri.
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 23 Jun 2011 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : KEJADIAN TANAH RUNTUH DI HULU LANGAT**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan pihak berkuasa terhadap binaan yang sudah dibina di kawasan berkecerunan tinggi terutama di kawasan Hulu Langat?
- b) Bagaimana pihak berkuasa dapat memastikan tiada pembinaan yang tidak mengikut garis panduan dilakukan sebelum berlaku tanah runtuh?

**JAWAPAN :**

- a) Berdasarkan 'Task Force' yang telah dibuat di kawasan Hulu Langat, PBT telah mengeluarkan notis kepada pemilik-pemilik rumah yang dibina di lereng-lereng bukit untuk bertanggungjawab ke atas reka bentuk rumah dan berisiko yang akan berlaku keatas pembinaan rumah yang dibina tanpa kebenaran daripada MPKj.
- b) MPKj akan menubuhkan Unit cerun di mana Unit tersebut berfungsi untuk memantau pembangunan di kawasan berbukit/tanah tinggi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: SEKTOR EKONOMI**

117. Dalam kesungguhan Kerajaan membantu rakyat di Negeri Selangor untuk memiliki kehidupan ekonomi dan sosial yang lebih baik:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jenis bantuan yang diberikan setakat ini kepada nelayan-nelayan seperti mana yang diperolehi jika penanam padi & petani dari segi premium tanah contohnya juga subsidi baja dan lain2, untuk nelayan pula bagaimana?
- b) Berapa ramaikah nelayan-nelayan di
  1. Pesisir Pantai dan
  2. Laut Dalam yang aktif di Negeri Selangor
- c) Berapa banyakkah "Bagan Nelayan" di Negeri Selangor dan jumlah penduduk di setiap Bagan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan negeri melalui UPEN ada memberi bantuan kepada nelayan yang berkeelayakan setiap tahun. Antara bantuan yang pernah diberi oleh UPEN kepada nelayan adalah sampan fiber, enjin, pukot dan jaring pelbagai saiz, gps, dan life jacket.  
  
Nelayan ada menerima subsidi minyak diesel melalui LKIM. (dana kerajaan persekutuan)

b)

<b>DAERAH</b>	<b>MELAYU</b>	<b>INDIA</b>	<b>CINA</b>	<b>LAIN-LAIN</b>	<b>JUMLAH</b>
SABAK BERNAM	443	2	2241	578	<b>3,264</b>
KUALA SEL	571	22	959	0	<b>1,552</b>
KLANG	498	19	1354	28	<b>1,899</b>
KUALA LANGAT/ SEPANG	431	130	255	124	<b>940</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,943</b>	<b>173</b>	<b>4,809</b>	<b>730</b>	<b>7,655</b>

Nelayan laut dalam yang aktif di negeri Selangor adalah sebanyak 7 buah vessel C2 di daerah Sabak Bernam.

c)

<b>DAERAH</b>	<b>BIL BAGAN NELAYAN</b>
SABAK BERNAM	13
KUALA SEL	20
KLANG	17
KUALA LANGAT	13
SEPANG	4
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : KEMPEN HAPUSKAN “ISA”**

118. Mesyuarat DUN lalu telah meluluskan usul untuk kerajaan negeri melaksanakan kempen menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) termasuk mewujudkan sekretariat khas dan memasang billboard .

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah struktur sekretariat yang diwujudkan dan siapakah yang mengetuainya?
- b) Berapakah peruntukan yang diberikan untuk kempen tersebut?
- c) Siapakah yang diberikan projek untuk memasang billboard tersebut?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PENDAPATAN PASIR TERKINI**

119. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hasil pendapatan pasir yang terkini dari segi cukai, premium dan royalti dan bagaimana wang ini telah digunakan untuk pembangunan di negeri Selangor?
- b) Apakah penjelasan kerajaan bahawa harga pasir di Selangor tinggi berbanding negeri-negeri jiran?

**JAWAPAN :**

- a) Pendapatan hasil (royalti) pasir dari tahun 2006 hingga tahun 2011 adalah seperti di bawah :

BIL	PTD	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM) (sehingga berakhir Mei)
1	Petaling	2,390,892.00	979,650.00	3,834,032.00	33,000.00	348,729.94	212,410.41
2	Klang	133,161.00	432,000.00	90,000.00	0.00	0.00	0.00
3	Gombak	212,049.00	11,700.00	92,250.00	75,404.04	186,600.00	291,589.48
4	Hulu Langat	130,716.00	50,502.00	142,500.00	833,426.84	477,000.00	639,885.12
5	Kuala Langat	237,600.00	186,000.00	408,000.00	0.00	3,230,240.35	3,208,516.56
6	Kuala Selangor	133,650.00	0.00	386,250.00	1,986,434.58	1,916,237.40	1,241,262.99
7	Sabak Bernam	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
8	Hulu Selangor	844,335.71	2,494,856.69	1,157,165.64	627,000.00	2,998,749.30	1,187,645.55
9	Sepang	291,500.00	439,950.00	1,016,250.00	1,735,266.40	1,821,937.47	1,674,178.46
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>4,373,903.71</b>	<b>4,594,658.69</b>	<b>7,126,447.64</b>	<b>5,290,531.86</b>	<b>10,979,494.46</b>	<b>8,455,488.57</b>

- b) Harga pasir di Selangor adalah bergantung kepada mekanisme permintaan dan penawaran di pasaran. Permintaan yang tinggi berikutan projek-projek pembinaan yang besar di sekitar Lembah Klang menyebabkan harga pasir tinggi berbanding negeri-negeri jiran yang kurang mempunyai projek-projek pembinaan yang besar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PENGEMASKINIAN DATA GUNATANAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

120. Pada 18 Mei 2011 Jawatankuasa Surau Taman Prima Selayang telah dimaklumkan secara bertulis oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bahawa Lot 1244 Taman Prima Selayang tidak dapat disokong untuk pembinaan surau oleh kerana tapak yang dipohon adalah kawasan rizab gerai sedangkan di atas tapak yang sama sedang dibangunkan kilang menyimpan bahan sejuk beku kepunyaan individu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah norma masa yang diambil untuk mengemas kini data tanah dalam sistem Pihak Berkuasa Tempatan setelah sesuatu perubahan status kepada tanah dilakukan.
- b) Tidakkah Jabatan Perancang Bandar Pihak Berkuasa Tempatan dirujuk atau dimaklumkan jika berlaku kes-kes perubahan guna tanah supaya tidak memberi maklumat yang tidak tepat kepada orang awam.
- c) Bilakah status Lot Tanah 1244 bertukar menjadi milik individu dan atas alasan apa kawasan itu dibenarkan pembangunan kilang sedangkan kawasan itu adalah kawasan perumahan.

**JAWAPAN :**

- a) Pihak PBT hanya menggunakan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan sebagai rujukan menetapkan zoning gunatanah. Sesuatu lot tanah yang hendak dibuat perubahan status gunatanah wajib mematuhi zoning gunatanah yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

Bagi MPS yang telah mempunyai Rancangan Tempatan MPS 2020. Setiap pemilik tanah yang ingin membuat perubahan status gunatanah mestilah mematuhi zoning gunatanah yang telah ditetapkan didalam Rancangan Tempatan MPS 2020.

- b) Bagi kes ini pihak mps maklum akan status gunatanah tersebut dan jelas selaras dengan pelan tataatur Taman Prima Selayang yang diluluskan di mana tapak tersebut adalah bagi tujuan gerai dan di dalam kategori perniagaan serta perkhidmatan.

Dalam hal ini pihak Jawatankuasa Surau Taman Prima Selayang tidak merujuk atau mendapatkan maklumat terperinci status tanah tersebut terlebih dahulu dengan MPS sebelum mengemukakan permohonan surau sehingga menyebabkan salah andaian tapak tersebut sebagai tapak surau.

Hakikatnya tiada sebarang perubahan status gunatanah yang berlaku ke atas tapak tersebut dan ianya adalah kekal sebagai tapak gerai dan dikategorikan sebagai perniagaan serta perkhidmatan.

- c) Berkaitan pertukaran status pemilikan sesuatu tanah (Lot 1244) ini, MPS tidak memperolehi maklumat yang terperinci kerana ianya di bawah tanggungjawab Pejabat Tanah Daerah Gombak. Status pemilikan tapak tersebut hanya diketahui semasa permohonan permit bangunan sementara diterima oleh MPS pada 22hb.Okt.2010 bagi pendirian “ **Cadangan Membina 1 Unit Bangsal Terbuka Dan 1 Unit Kabin Untuk Pejabat di atas Lot HS(M) 18869, PT 30826, Taman Prima Selayang, Batu 8 Jalan Ipoh, Mukim Batu, Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang**” dan telah **diluluskan dengan syarat** tertakluk kepada ulasan jabatan teknikal berkaitan.

Kelulusan bersyarat diberikan adalah atas faktor bangunan yang hendak dibina merupakan bangunan sementara sahaja di atas tapak/tanah yang telah menjadi milik persendirian. Semakan terkini MPS terhadap geran yang dikemukakan oleh pemilik/pemohon didapati syarat nyatanya adalah gerai/perniagaan dan bangunan yang didirikan itu bukanlah kilang yang mutlak.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK: PROJEK JAMBATAN KAMPUNG SAWAH**

121. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kos awal dan yang sebenar dan kontraktor yang terlibat.
- b) Kenapakah berlaku kelewatan dalam menyiapkan projek ini.
- c) Adakah perancangan naik taraf jalan yang menghubungkan mukim Jugra dan mukim Telok Panglima Garang akan dilakukan dalam masa terdekat.

**JAWAPAN:**

- a) Kos asal bagi projek ini adalah sebanyak RM 29,200,000.00 dan jumlah kos semasa adalah sebanyak RM 44,444,944.77. Kontraktor yang dilantik bagi projek ini ialah syarikat Dua Medan Sdn Bhd. Kenaikan kos ini adalah disebabkan oleh perubahan rekabentuk rentang tengah jambatan tersebut yang telah dipanjangkan bagi mengelakkan kemalangan dengan baj-baj pengangkut yang beroperasi di sepanjang sungai tersebut.
- b) Projek pembinaan jambatan Kg.Sawah ini telah bermula pada 26 April 2011 dan tarikh siap asal pada 25 April 2011. Pembinaan jambatan ini terpaksa dihentikan sementara pembinaannya dari bulan Oktober 2008 sehingga Mac 2009 disebabkan beberapa kes pelanggaran baj-baj terhadap kerja-kerja cerucuk bagi projek tersebut.

Oleh yang demikian, pihak JKR Selangor telah membuat perubahan rekabentuk jambatan tersebut dengan memanjangkan rentang tengah agar memastikan kemalangan baj-baj dapat dielakkan. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan semula pada April 2009 dan dijangka siap pada 23 Disember 2011.

- c) Bagi perancangan naiktaraf jalan yang menghubungkan mukim Jugra dan mukim Telok Panglima Garang pula, pihak JKR akan menaiktaraf jalan menghubungkan Telok Panglima Garang ke Jugra melalui jambatan tersebut. Jalan-jalan yang terlibat adalah Jalan Pusara, Jalan Sg.Buaya, Jalan Serdang Belah hingga ke Jalan Raba.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PERUMAHAN KOS RENDAH**

122. Permintaan untuk membeli rumah sendiri meningkat. Tetapi harga pasaran tidak mengizinkan rakyat yang berpendapatan rendah untuk membelinya. Empat kawasan di DUN Bukit Melawati telah dikenal pasti dan cadangan telah diberi untuk Perumahan Kos Rendah di:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

1. Kg. Tanjung Keramat
  2. Kg Teluk Piah
  3. Ldg Sungai Rambai - (Termasuk tanah 6 ekar utk Sekolah Tamil)
  4. Ldg Kuala Selangor Bukit Rotan - (Termasuk tanah 6 ekar untuk Sekolah Tamil)
- a) Bolehkah Kerajaan Selangor mengarahkan jabatan-jabatan / badan-badan berkenaan untuk ambil tindakan sewajarnya ?

**JAWAPAN:**

- a) Semakan yang telah dibuat oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mendapati belum ada pemilik tanah atau pemaju yang membuat cadangan pembangunan rumah kos rendah di tempat-tempat yang dinyatakan. Sekiranya ada permohonan pembangunan yang melebihi 10 ekar oleh pemilik tanah atau pemaju, Kerajaan Negeri telah menetapkan Dasar Pembangunan Tanah yang menentukan komposisi pembangunan bagi luar kawasan Lembah Klang ialah 20% rumah kos rendah, 10% rumah kos sederhana rendah dan 10% rumah kos sederhana. Oleh demikian, pemilik tanah atau pemaju yang membangunkan sesebuah kawasan yang tertakluk kepada syarat ini akan dikehendaki membina rumah kos rendah untuk ditawarkan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Manakala bagi kawasan ladang yang hendak dibangunkan Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar bahawa pemilik tanah hendaklah menyelesaikan terlebih dahulu masalah perumahan penduduk di ladang-ladang berkenaan yang mana disyaratkan membina rumah kos rendah untuk ditawarkan kepada penduduk pada harga RM35,000.00 seunit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : KUTIPAN HASIL NEGERI**

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan hasil kutipan negeri sekali gus memperbaiki kelemahan mekanisme kutipan hasil-hasil negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Banyak usaha yang dilakukan lebih menjurus kepada mengutip hasil cukai tanah memandangkan hasil tanah merupakan hasil yang utama dengan menyumbang sebanyak 60%-80% kepada kutipan hasil negeri setiap tahun. Usaha Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan hasil kutipan negeri sekaligus memperbaiki kelemahan mekanisme kutipan hasil-hasil negeri adalah melalui:-
1. Pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip 2011) dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pusat ICT Selangor sebagai satu pasukan. Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
    - i. Polisi 'Knock Door' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
    - ii. Mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
    - iii. Memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
    - iv. Sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

Pencapaian sehingga 30 Jun 2011, berdasarkan sasaran Ops Kutip 2011 adalah berjumlah **RM35.64 juta**, jumlah tunggakan cukai tanah yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak **RM17.68 juta atau 49.63%**.

2. Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Tanah dan Daerah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
  - i. Mengenalpasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
  - ii. Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman;
  - iii. Membuka kaunter pada waktu rehat; dan
  - iv. Menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
3. Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dan di Peringkat Daerah ianya dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah.
4. Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Jawatankuasa Tunggakan Cukai Tanah Anak-Anak Syarikat bagi memantau cukai tanah yang tidak dapat dijelaskan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri. Tunggakan cukai tanah Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri pada 31 Julai 2010 adalah sebanyak **RM102juta**. Sehingga 30 Jun 2011, tunggakan cukai tanah Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri telah berjaya dikurangkan kepada **RM28.20juta**.
5. Bagi meningkatkan hasil daripada bahan batuan, Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Semesta Sdn Bhd telah mensasarkan kutipan hasil pasir sebanyak RM16 juta bagi tahun 2011 dimana sehingga 30 Jun 2011, sebanyak **RM11.5 juta (71.8%)** telah berjaya dicapai.
6. Bagi meningkatkan hasil daripada premium tanah, Kerajaan Negeri melaksanakan Program Pemutihan Kilang Haram di mana kelulusan pemberimilikan tanah diberikan dan pemohon dikehendaki membayar Cukai Tanah Tahun Pertama dan Premium Tanah. Program tersebut dilanjutkan sehingga Disember 2011. Kerajaan Negeri menguatkuasakan pekeliling yang menetapkan supaya pemohon membayar dalam tempoh 3 bulan dengan tempoh pelanjutan bayaran premium hanya selama 1 bulan sahaja dan kelulusan pemberimilikan tersebut terbatal sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, pemohon akan segera membayar premium tanah.

7. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan bayaran **RM1,000.00** untuk pemberimilikan tanah bagi tujuan rumah kediaman. Langkah ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi hasil premium bagi tahun 2011. Prestasi Premium Tanah sehingga 30 Jun 2011 adalah **RM183.47 juta** iaitu peningkatan sebanyak **RM0.73 juta** atau 0.4% berbanding kutipan pada 30 Jun 2010 iaitu sebanyak **RM182.74 juta**.
8. Adalah dijangkakan dengan segala usaha yang telah dijalankan secara bersepadu dengan melibatkan semua jabatan lain, Perbendaharaan Negeri Selangor yakin sasaran kutipan sebanyak RM1.43 billion bagi tahun 2011 akan dapat dicapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : KADAR CUKAI PINTU NEGERI SELANGOR**

124. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan kadar cukai pintu untuk kediaman, komersial dan industri untuk kawasan kurang maju dan kawasan maju mengikut pecahan PBT bagi tahun 1995 dan tahun 2011 masing-masing.
- b) Apakah jabatan yang bertanggungjawab untuk mengkaji, menilai dan menentukan kadar cukai pintu di Negeri Selangor dan apakah prosedur penentuan kadar cukai pintu?
- c) Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan kadar cukai pintu untuk zon industri dan komersial di Negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut disenaraikan Kadar Cukai Taksiran di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor mengikut PBT bagi tahun 1995 dan tahun 2011 seperti dilampirkan di **Lampiran A**.
- b) Kadar cukai taksiran di tentukan berdasarkan keperluan Majlis bagi mengimbangi perbelanjaan sesuatu PBT. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di setiap PBT bertanggungjawab dalam mengkaji dan menilai sesuatu pegangan dan di luluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebelum sesuatu kadar cukai taksiran boleh dilaksanakan selaras dengan Seksyen 127 dan 130 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penentuan cukai taksiran di kira daripada peratus kadar cukai nilai tahunan didarabkan dengan nilai tahunan sesuatu pegangan di mana nilai tahunan adalah kadar sewa kasar setahun yang di terima dari sesuatu pegangan.
- c) Penentuan Kadar Cukai Taksiran bagi zon industri dan komersial di PBT Negeri Selangor adalah berasaskan kos operasi yang merangkumi pembersihan, kutipan sampah, penyelenggaraan infrastruktur dan lain-lain kos yang berkaitan bagi mengimbangi perbelanjaan Majlis bagi zon tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KAWALAN JUALAN ARAK**

125. Terdapat kes di mana Kerajaan Negeri mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menarik balik larangan orang Islam bekerja di premis yang menyajikan arak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah Pihak yang sebenarnya bertanggungjawab mengawal penjualan arak di Selangor ?
- b) Adakah Pihak PBT boleh mencampuri urusan penguatkuasaan enakmen Islam oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ?
- c) Adakah Kerajaan Negeri boleh menjamin perkara ini dapat diselesaikan dan tidak berlaku di masa hadapan ?

**JAWAPAN :**

- a) Penjualan arak di Malaysia boleh dikategorikan kepada 2 jenis iaitu "*liquor*" dan "*beer*" :-

**Liquor :**

Sejenis minuman keras yang kandungan alkoholnya melebihi 5% dan pengawalan serta pengeluaran lesen penjualannya tertakluk di bawah pengawasan Pejabat Tanah dan Galian manakala Kastam Diraja Malaysia diberi kuasa sebagai pelaksana undang-undang untuk mengawal penjualannya di bawah Seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967 (Akta 235) :

*"Dengan disedarinya melindungi, menyimpan, menyembunyi atau mempunyai dalam milikannya atau membenarkan, membiarkan, menyebabkan atau mendapatkan untuk dilindungi, disimpan atau disembunyi, apa-apa barang-barang tak berkastam atau barang larangan."*

**Beer :**

Sejenis minuman yang dikategorikan sebagai minuman beralkohol tetapi jumlah kandungan alkoholnya di bawah 5%. Pengawalan lesen dan penjualannya terletak di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Meminum arak ataupun minuman beralkohol yang memabukkan merupakan salah satu dosa besar dalam agama Islam. Ia haram diminum samada dalam kuantiti yang banyak ataupun sedikit, sama ada sipeminum tadi mabuk ataupun tidak akibatnya.

Oleh itu kerajaan bertanggungjawab memastikan yang rakyat jelata khasnya yang beragama Islam tidak terlibat dalam aktiviti yang membabitkan arak ini tambahan pula di Negeri Selangor, umat Islam di negeri ini adalah tertakluk dan terikat pada Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang berkuat kuasa sejak 22 November 1996 yang

telah mengategorikan meminum dan menjual arak sebagai suatu kesalahan jenayah syariah.

**Melalui Enakmen ini di bawah kategori kesalahan minuman yang memabukkan dinyatakan di bawah Seksyen 18 (2) iaitu “*Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan untuk jualan, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*”**

**Diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) contohnya di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berdasarkan sentimen dan tuntutan masyarakat, usaha telah dilakukan untuk memperkenalkan peraturan bagi mengawal penjualan arak ini iaitu di kawasan masyarakat yang majoriti penduduknya beragama Islam. Inisiatif ini turut diambil oleh ahli-ahli majlis di PBT-PBT yang lain di Selangor. Walau bagaimanapun harus diberi perhatian bahawa segala usaha di atas TIDAK sama-sekali melibat atau membabitkan hak masyarakat bukan Islam di Negeri Selangor. Inisiatif yang diambil adalah untuk membebaskan umat Islam Selangor dari pengaruh dan budaya arak yang haram hukumnya di sisi Islam dan bukan untuk mengganggu-gugat hak masyarakat yang bukan Islam.**

- b) Pihak Berkuasa Tempatan merupakan kerajaan ketiga dalam pentadbiran negara. Pihak Berkuasa Tempatan merupakan pelaksana dasar diperingkat akar umbi yang secara langsung menyampaikan perkhidmatan kepada warga penduduk tempatan. Amnya, Pihak Berkuasa Tempatan merupakan sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebagai satu badan yang bertanggung jawab untuk mengurus dan mentadbir sesuatu kawasan berasaskan kepentingan tempatan.

Dalam menjamin peranan yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dapat dijalankan dengan sempurna, Pihak Berkuasa Tempatan telah diberikan kuasa untuk melaksanakan tindakan-tindakan wajar melalui beberapa undang-undang. Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh mengambil tindakan terhadap apa-apa jua kacau ganggu yang timbul dalam kawasan pentadbirannya berdasarkan kepada prosedur-prosedur yang ditetapkan. Dalam menguatkuasakan peruntukan Akta ini, Pihak Berkuasa Tempatan melalui pegawai-pegawainya diberikan kuasa untuk memasuki mana-mana premis dalam menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Akta ini.

**Pihak Berkuasa Tempatan hanya boleh membantu urusan penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor dari segi memberi kerjasama ketika menjalankan operasi bersepadu. Tiada Akta yang membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan mencampuri urusan penguatkuasaan JAIS.**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : PENSYARAH UNISEL**

126. EXCO Pendidikan Tinggi ada menyatakan bahawa Institut Pengajian Tinggi kelolaan Selangor melantik pensyarah secara telus dan profesional tanpa melibatkan agenda politik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah proses pelantikan yang telus dan profesional tersebut?
- b) Bagaimanakah seorang pensyarah UNISEL yang ada kes siasatan polis boleh dilantik sebelum ini?
- c) Apakah perkembangan kes pensyarah tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Semua proses lantikan kakitangan Universiti Selangor dilaksanakan berdasarkan polisi dan prosedur lantikan yang sedia ada.

Bagi jawatan Profesor, Jawatankuasa Pemilihan yang terlibat adalah terdiri daripada jawatankuasa berikut:

Presiden & Naib Canselor	-	Pengerusi
Seorang Ahli Lembaga Pengarah PIYSB	-	Ahli
Naib Presiden/Timbangan Naib Canselor (Akademik)	-	Ahli
Naib Presiden (Pengurusan Perkhidmatan)	-	Setiausaha
Dekan dilantik (Berkenaan)	-	Ahli

- b) Berdasarkan rekod perjawatan, tiada seorang pun kakitangan yang telah dilantik sebelum ini oleh UNISEL, telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah.
- c) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR KAMPUNG SUNGAI SERAI, HULU LANGAT**

127. Kampung Sungai Serai, Hulu Langat kerap dilanda banjir setiap kali hujan lebat turun dan melibatkan sebahagian besar penduduk di kawasan berkenaan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Projek Tebatan Banjir Kampung Sungai Serai ?
- b) Bilakah projek ini akan dimulakan ?

**JAWAPAN:**

- a) Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Serai telahpun diluluskan pelaksanaannya oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM4.9 juta. Projek ini kini di peringkat penyediaan rekabentuk terperinci dan penyediaan pelan pengambilan balik tanah.
- b) Fasa pembinaan dijadualkan akan bermula sebelum Mac tahun 2012 setelah urusan pengambilan balik tanah selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : SKIM MIKROKREDIT SELANGOR (SKIMSEL)**

128. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

Nyatakan secara terperinci maklumat SkimSel bagi daerah Klang dan Petaling seperti berikut:

- a) Berapakah penerima terkini mengikut pecahan jantina dan kaum
- b) Nyatakan pecahan peratusan yang telah di capai dan apakah yang akan dilakukan bagi meningkatkan penyertaannya
- c) Apakah halangan utama yang menyebabkan proses pinjaman ini perlahan. Huraikan

**JAWAPAN :**

Berikut adalah jawapan kepada soalan a, b dan c.

Berdasarkan persetujuan pembahagian kawasan operasi antara SKIMSEL dan MIMBAR, diperingkat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor, SKIMSEL hanya beroperasi di kawasan-kawasan luar bandar iaitu di daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Manakala daerah-daerah lain seperti Klang dan Petaling telah diisytiharkan sebagai kawasan bandar dan di bawah operasi MIMBAR. SKIMSEL belum lagi memasuki kawasan-kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : MEMBUKA SEMULA OPERASI IKYS**

129. Merujuk kepada Usul No. 17 Tahun 2010 bagi "Membuka Semula Operasi IKYS":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk tidak membuka semula operasi IKYS?
- b) Apakah di segi latihan dan persijilan INPENS International College telah berjaya mengambil alih sepenuhnya peranan yang dimainkan oleh IKYS?
- c) Berapakah kos tambahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi menanggung baki pelajar-pelajar IKYS untuk menamatkan pelajaran mereka di INPENS International Collage?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : ONE STOP CENTRE CRISIS CENTER (OSCC )**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah orang pernah menggunakan perkhidmatan ini sejak OSCC ditubuhkan? Sila debut mengikut hospital di Selangor.

Sila sebutkan kes-kes yang diterima mengikut kategori.

Apakah sistem pemantauan yang ada sekarang?

**JAWAPAN :**

- a) Program 'One Stop Crisis Center' (OSCC) telah dilancarkan di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) fasa 1 pada tahun 2008. Semenjak dilancarkan ianya telah mendapat liputan yang meluas di kalangan masyarakat negeri Selangor. Melalui penerangan-penerangan yang dijalankan di setiap DUN, rakyat Selangor semakin memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai masyarakat yang prihatin.

Ini berdasarkan jumlah laporan dari dua (2) buah hospital yang mengambil bahagian di dalam OSCC iaitu Hospital Kajang, Hospital Selayang mengikut Jadual 1.

JADUAL 1

**BILANGAN PERKHIDMATAN 'ONE STOP CRISIS CENTER'  
TAHUN 2009 HINGGA MEI 2011**

BIL	HOSPITAL	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011	JUMLAH
1.	Hospital Kajang	207	107	96	410
2.	Hospital Selayang	241	344	159	744
				JUMLAH	1154

- b) 'One Stop Crisis Center' (OSCC) terletak di bawah Jabatan Kecemasan hospital kerajaan yang menyediakan kakitangan terlatih berfungsi bukan sahaja merawat dan memberi penjagaan yang sewajarnya tetapi juga mendapatkan rawatan fizikal dan memberi perlindungan termasuk menyediakan tempat tinggal supaya mangsa-mangsa ini tidak berasa malu atau takut.

Jenis-jenis keganasan yang berlaku mengikut kes seperti Jadual 2.

JADUAL 2

BILANGAN KES PERKHIDMATAN 'ONE STOP CRISIS CENTER'  
TAHUN 2009 HINGGA MEI 2011

BIL	HOSPITAL	KES ROGOL	KES LIWAT	PENDERAAN	LAIN-LAIN	JUMLAH
1.	HOSPITAL SELAYANG	117	21	558	16	712
2.	HOSPITAL KAJANG	218	8	265	-	491
				JUMLAH		1203

- c) Semenjak dilancarkan di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Fasa 1 pada tahun 2008, kerajaan negeri Selangor bertindak memperkasakan semula program ini di mana kempen kesedaran dilaksanakan dalam bentuk jaringan dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Keganasan terhadap wanita perlu ditangani oleh setiap ahli dalam komuniti untuk melahirkan masyarakat penyayang. Memandangkan kepentingannya orang ramai harus diberi kefahaman dan kesedaran kewujudan pusat ini dalam memberi perkhidmatan. Kerajaan negeri Selangor telah memainkan peranannya melalui kempen kesedaran tentang keganasan rumah tangga, memberi maklumat undang-undang keluarga dan menghebahkan maklumat mengenai OSCC ini kepada orang ramai. Program ini telah dijalankan mengikut peringkat DUN Negeri Selangor seperti di Pusat Khidmat ADUN Lembah Jaya – Seminar OSCC dan Isu Keganasan Rumah tangga & Perundangan Wanita.

Di samping itu kerajaan negeri Selangor juga memberi bantuan dan sumbangan kelengkapan penjagaan diri (toiletries) kepada hospital yang menyediakan OSCC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PELABURAN**

131. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor bagi setengah tahun 2011 secara perbandingan dengan tahun 2008 dan tahun kedua 2009, mengikut pecahan daerah ?
- b) Bagaimanakah prestasi dan kedudukan Negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi setengah tahun yang pertama 2011 secara perbandingan dengan Negeri-Negeri lain ?
- c) Sila nyatakan apakah kelemahan yang telah dikenal pasti dan langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha meningkatkan lebih banyak pelaburan ke Negeri Selangor ?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga April secara perbandingan dengan tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Tempatan (RM)</b>	<b>Pelaburan Asing (RM)</b>	<b>Jumlah Modal pelaburan (RM)</b>
<b>2008 (Jan.-Apr)</b>	75	4,637	547,500,900	1,593,667,971	2,141,168,871
<b>2009 (Jan.-Apr)</b>	93		1,009,515,227	673,733,098	1,683,248,325
<b>2010 (Jan.-Apr)</b>	92	6,175	1,178,505,563	834,821,197	2,013,326,760

- *Sumber : MIDA*

- b) Prestasi dan kedudukan Negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi setengah tahun yang pertama 2011 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain adalah seperti berikut;-

Negeri	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor	63	11,498	2,713,090,182	821,052,173	<b>3,534,142,355</b>
Penang	30	6,418	979,282,286	2,261,279,270	<b>3,240,561,556</b>
Selangor	<b>80</b>	<b>4,621</b>	<b>1,608,638,345</b>	<b>1,585,246,668</b>	<b>3,193,885,013</b>
Sarawak	7	1,062	2,243,974,894	655,989,956	<b>2,899,964,850</b>
Melaka	14	5,378	262,710,289	1,408,091,548	<b>1,670,801,837</b>
Negeri Sembilan	12	600	670,839,356	555,536,832	<b>1,226,376,188</b>
Terengganu	6	1,843	225,171,706	886,700,000	<b>1,111,871,706</b>
Perak	7	1,628	459,945,251	34,581,129	<b>494,526,380</b>
Pahang	10	277	107,558,990	335,774,884	<b>443,333,874</b>
Kedah	17	2,476	38,543,240	338,221,545	<b>376,764,785</b>
W. P. Kuala Lumpur	8	522	114,188,155	95,373,844	<b>209,561,999</b>
Sabah	14	807	169,836,959	36,439,050	<b>206,276,009</b>
Kelantan	3	245	2,240,573	6,651,000	<b>8,891,573</b>
Perlis	1	16	3,860,520	0	<b>3,860,520</b>
W. P. Labuan					<b>0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>272</b>	<b>37,391</b>	<b>9,599,880,746</b>	<b>9,020,937,899</b>	<b>18,620,818,645</b>

• Sumber : MIDA

- c) Antara langkah-langkah yang lebih proaktif dan bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menarik lebih ramai pelabur FDI datang melabur ke Negeri Selangor adalah seperti berikut;-
- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
  - ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
  - iii. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.



- iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
- v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
- vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
- vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- ix. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
- x. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- xi. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
- xii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.
- xiii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
- xiv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
- xv. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : RUMAH TERBENGKALAI DI DESA KERAYONG INDAH**

132. Kerajaan Negeri berjanji untuk menyelesaikan masalah pembeli rumah Desa Kerayong Indah dalam kempen dan sepanduk-sepanduk memburuk kerajaan terdahulu pada Pilihanraya Umum lalu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status projek rumah terbengkalai itu sekarang?
- b) Sudahkah masalah pembeli rumah berkenaan diselesaikan?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, setakat ini hampir 300 orang pembeli telah memfailkan saman terhadap Kerajaan Negeri di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan menyebabkan tindakan untuk meneruskan projek Desa Kerayong Indah terpaksa ditangguhkan sehingga menunggu keputusan Mahkamah. Memandangkan projek tersebut telah terhenti sekian lama dan siasatan tapak oleh LPHS pada Februari 2011 mendapati status projek bagi 8 Desa adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Projek</b>	<b>Status Kemajuan Projek</b>
1	Desa 1	i) 49 unit rumah jenis berkembar dibina daripada 106 unit. ii) Sebilangan kecil binaan hanya sampai ke peringkat dinding dan terbengkalai.
2	Desa 2	i) 104 unit rumah dibina daripada 194 unit ii) Pembinaan hanya mencapai tahap bumbung bagi 30 unit manakala 74 unit diperingkat rangka/cerucuk.
3	Desa 3	i) Terdapat 24 unit rumah dibina daripada 127 unit. ii) Pembinaan hanya mencapai tahap dinding sahaja.
4	Desa 4	i) 82 unit rumah dibina daripada 114 unit. ii) Pembinaan hanya mencapai tahap bumbung bagi 52 unit manakala 30 unit diperingkat rangka/cerucuk.
5	Desa 5	i) 90 buah unit rumah telah dibina daripada 114 unit. ii) sebahagian telah sampai ke tahap bumbung dan juga terdapat banyak kecacatan pembinaan pada rumah-rumah tersebut serta kerosakan akibat tiada penyelenggaraan.
6	Desa 6	i) 124 unit rumah dibina daripada 168 unit. ii) Pembinaan hanya mencapai tahap bumbung bagi 21 unit manakala 103 unit diperingkat rangka/cerucuk.
7	Desa 7	i) 57 unit rumah dibina daripada 215 unit. ii) Pembinaan hanya mencapai diperingkat rangka/cerucuk sebanyak 57 unit.

8	Desa 8	i) 32 unit rumah dibina daripada 232 unit. ii) Pembinaan di peringkat struktur sahaja
Jumlah rumah		1,282 unit
Unit terjual		1,102 unit

- b) Pada masa kini, masalah pembeli yang terlibat dengan projek Desa Kerayong masih belum dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri disebabkan kos tambahan yang diperlukan bagi usaha untuk memulihkan projek tersebut yang dianggarkan sebanyak RM77,289,805.65. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Tetuan Probil Sonati Sdn. Bhd. pada tahun 2007 didapati kos tambahan memulihkan projek tersebut adalah seperti berikut :

KOS TERLIBAT	PERKARA	KOS TAMBAHAN
Pembinaan	Kos Tambahan	RM 25,495,444.30
Pemasaran	Defisit Jualan	RM 45,391,687.77
Perundangan	Tuntutan Tambahan	RM 3,654,273.58
Pentadbiran	Kos Tambahan	RM 1,200,000.00
Kewangan	Faedah	RM 864,000.00
Lain- Lain	Anggaran Denda	RM 684,400.00
<b>ANGGARAN KOS PEMULIHAN</b>		<b>RM 77,289,805.65</b>

Dengan itu, jumlah pemuliharaan projek ini melibatkan kos yang besar dan merupakan projek defisit. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor masih berusaha mencari jalan penyelesaian dan kaedah terbaik untuk memulihkan projek ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MASALAH SOSIAL LUMBA HARAM DIKALANGAN BELIA TEMPATAN**

133. Kebanyakan kawasan di dalam Negeri Selangor ini telah mempunyai jalan raya yang besar serta selesa bagi memudahkan pengguna yang menggunakan jalan raya berkenaan tetapi telah disalah gunakan oleh sebilangan anak muda tempatan bagi tujuan perlumbaan haram.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah inisiatif dari Kerajaan Negeri di dalam mengawal gejala lumba haram di kalangan belia tempatan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan dan melaksanakan sebarang bentuk program yang boleh menarik minat belia tempatan bagi menjauhi perlumbaan haram?
- c) Apakah strategi yang akan digunakan Kerajaan Negeri bagi melahirkan belia tempatan yang berkualiti, kreatif dan inovatif selaras dengan aspirasi Negara?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam usaha mengawal gejala lumba haram di kalangan belia tempatan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di peringkat zon di setiap PBT yang berperanan mengerakkan program-program belia dan mendampingi warga belia termasuk golongan pelumba haram. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM5,000 setahun kepada setiap PeBT untuk menjalankan program-program belia.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor telah menubuhkan satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial (GeMS) Negeri Selangor yang berperanan untuk menangani gejala sosial secara menyeluruh dan berjangka panjang yang merangkumi semua masalah sosial termasuk lumba haram.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama UNISEL mengambil langkah proaktif dalam membendung gejala lumba haram dengan mengadakan pencarian bakat muda dalam sukan pemotoran untuk menyertai perlumbaan **PETRONAS AAM Malaysia Cub Prix Champion 2011**. Pada permulaannya seorang peserta telah dihantar untuk menyertai pertandingan tersebut dan telah berjaya mendapat tempat ke-15 daripada 45 peserta pada pusingan pertama. Hal ini, menunjukkan satu pencapaian yang baik kepada peserta yang mewakili pasukan yang diberi nama **UNISEL- GeMS Racing Team**. Selain itu, pihak Kerajaan Negeri juga akan menjalankan program-program yang berkaitan minat belia di kawasan tumpuan penunggang motosikal berkumpul seperti di Dataran Shah Alam.

- b) Klik GeMS merupakan satu platform yang baik kepada remaja dan belia khususnya di Negeri Selangor dalam mempraktikkan kemahiran dan intelektual mereka untuk merealisasikan impian mereka melalui kaedah dan panduan yang betul. Pelbagai program dan aktiviti akan dilaksanakan di dalam Klik GeMS ini antaranya :
- 1) Gaya pementasan kreatif  
Bertujuan untuk menjana pemikiran kreatif di kalangan remaja dan belia.
  - 2) Pemotoran  
Memberi pendedahan kepada remaja dan belia mengenai kaedah menunggang motosikal yang betul serta pengendalian motosikal.
  - 3) Kursus Motivasi  
Memberi pendedahan kepada mereka khususnya belia mengenai pembentukan dan pementapan akhlak mereka dalam melahirkan generasi yang berkualiti.
  - 4) Eksplorasi Alam  
Memberi peluang kepada remaja dan belia untuk menghayati dan menghargai segala keindahan alam. Melalui aktiviti seumpama ini ia dapat memantapkan spiritual dan emosi mereka dalam menghadapi kehidupan seharian yang semakin mencabar.
  - 5) Kursus Kemahiran  
Mewujudkan latihan kemahiran bersiri secara bulanan atau mingguan dengan fokus kepada minat remaja dan belia masa kini seperti kursus pembangunan website, membaiki handphone, penciptaan video permainan yang bermoral dan beretika, masakan menu remaja, jahitan dan sebagainya bagi mengisi ruang kosong yang terluang serta dapat menggunakan kemahiran yang dipelajari untuk menghasilkan pendapatan.

Selain itu, melalui Klik GeMS juga Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan akan menjalankan pelbagai aktiviti lagi bagi mengukuhkan ilmu dan akhlak Generasi Idaman Selangor (GeMS). Pihak Kerajaan Negeri Selangor mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak dalam menjayakan Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) demi untuk kesejahteraan bersama.

c) Kerajaan Negeri dalam usaha melahirkan belia tempatan yang berkualiti, kreatif dan inovatif telah merangka dan melaksanakan program – program bertujuan untuk mewujudkan sebuah masyarakat cemerlang yang mampu menggembelng tenaga ke arah mengekalkan kemajuan negeri melalui pelaksanaan program – program seperti berikut :

- 1) Pelaksanaan Program Kursus SPIES Negeri Selangor yang mempunyai visi dan matlamat yang jelas untuk pembangunan manusia;
- 2) Program Klik Generasi Idaman Selangor (GeMS) yang memberi fokus kepada kursus – kursus kemahiran antaranya pementasan kreatif, permotoran dan membaiki telefon bimbit;
- 3) Program Sembang Santai Bersama Belia;
- 4) Program Pembangunan Kepimpinan Belia;
- 5) Perhimpunan Anak Muda Selangor;
- 6) Seminar Kepimpinan Belia;
- 7) Dialog Munshi Abdullah;
- 8) Selangor Young Talent Award;
- 9) Program Ihya Ramadhan Bersama Belia;
- 10) Festival of Youth;
- 11) Kejohanan Futsal Gen S; dan
- 12) Sukan Interaktif Belia.

Secara umumnya, pelaksanaan program ini dapat menarik minat belia yang mana ianya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan potensi kebaikan diri secara holistik ke arah menjadi aset bernilai yang menepati kehendak dan aspirasi kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR  
( HULU BERNAM )**

**TAJUK : PEMBANGUNAN HULU SELANGOR**

134. Kerajaan negeri bercadang untuk memajukan daerah Hulu Selangor termasuk mensasarkan Bernam Jaya sebagai Zon Perkhidmatan Antarabangsa.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan semasa pembangunan di Hulu Selangor?
- b) Berapakah pelaburan yang telah diperolehi?
- c) Apakah projek pembangunan baru yang boleh dilaksanakan buat masa kini?

**JAWAPAN :**

- a) Di antara projek-projek yang telah dan sedang diusahakan oleh PKNS dan nilai pelaburan di Bernam Jaya adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Ulasan</b>	<b>Anggaran Pelaburan</b>
1.	Bernam Jaya International Airpark	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kerjasama pintar PKNS-SIC-Redland Aviation Services diperingkat MOU.</li><li>• Keluasan 1,500 ekar.</li><li>• Terminal, Fixed Base Operation (FBO) dan Maintenance Repairs &amp; Overhaul (MRO).</li></ul>	RM2.1b
2.	"Retirement Village" dipakej bersama skim MM2H	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kerjasama pintar PKNS – Nagamas Land Development Sdn. Bhd. peringkat akhir memuktamadkan perjanjian.</li><li>• Keluasan 100 ekar.</li><li>• Kediaman bungalow villa dan semi-d villa.</li></ul>	RM148.9 juta
3.	Ningbo Saide Electric Appliances	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengeluar panel solar serta kelengkapan dan peralatan berkaitan.</li></ul>	RM100juta

	Co. Ltd., & Ningbo Soenve Automation Equipment Co. Ltd.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluasan 80 ekar (30 ekar untuk tapak kilang dan 50 ekar untuk "solar farm")</li> <li>• Bersetuju untuk kaedah "built and sell".</li> <li>• Peringkat untuk memuktamadkan SPA.</li> </ul>	
4.	Lapangan Golf & Resort (18 + 9 lubang)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih peringkat rundingan</li> <li>• Keluasan tanah kira-kira 300 ekar.</li> </ul>	RM150juta
5.	"Bernam Leisure Point"	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan bersepadu merangkumi kawasan rehat lebuh raya utara-selatan, "show-village," terminal pengangkutan, "factory outlets," dan taman tema.</li> <li>• Masih lagi diperingkat rundingan</li> <li>• Keluasan tanah kira-kira 100 ekar</li> </ul>	RM550juta

- b) Anggaran jumlah keseluruhan pelaburan yang telah dicapai setakat ini di Bernam Jaya adalah RM3.13 bilion.
- c) PKNS dengan kerjasama SSIC masih lagi menjalankan beberapa siri rundingan dengan pihak-pihak yang berminat untuk melabur di Bernam Jaya, baik dari dalam dan luar negara. Di antara pihak-pihak berminat yang masih mengadakan sesi rundingan bersama pihak PKNS dan SSIC adalah dari kalangan pelabur-pelabur dalam bidang farmaseutikal, elektronik, aeronautikal dan penerbangan, penghasilan tenaga, pemasangan dan perkhidmatan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : RUMAH EXCO**

135. Kerajaan negeri tidak menggunakan rumah exco di Seksyen 7 sebagai kediaman exco.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah aktiviti yang digunakan ke atas rumah tersebut?
- b) Berapakah pendapatan yang di perolehi daripada aktiviti tersebut?
- c) Berapakah kos untuk menyelenggara bangunan dan kawasan perumahan tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Terdapat satu (1) buah dewan 10 buah rumah banglo di Kompleks Perumahan Kediaman Kerajaan, Seksyen 7, Shah Alam. Tiga (3) buah rumah banglo masih diduduki YB.Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, YB.Pegawai Kewangan Negeri dan sebuah lagi dijadikan pejabat oleh Menteri Besar Incorporated (MBI).

Tujuh (7) buah rumah banglo lagi disewakan untuk kegunaan program-program Kerajaan Negeri dan program-program luar.

- b) Hasil sewaan bagi bulan Januari hingga Disember 2010:

- i. Dewan : RM8,000.00
- ii. Rumah : RM23,290.00

Hasil sewaan bagi bulan Januari hingga Jun 2011:

- i. Dewan : RM8,500.00
- ii. Rumah : RM17,170.00

- c) Kos penyelenggaraan adalah RM87,000.00 sebulan. Ini bermakna kos penyelenggaraan bagi tempoh setahun berjumlah RM1,044,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : KEDUDUKAN TANAH TOL DI NEGERI SELANGOR**

136. Banyak berlaku kekecohan berhubung dengan penggunaan tanah TOL di negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah tanah TOL yang diberi kebenaran menggunakannya?
- b) Apakah syarat-syarat penggunaan tanah TOL dan adakah boleh ditukar kepada pemilikan kekal?
- c) Mengapakah sering berlaku kekecohan berhubung dengan penggunaan tanah TOL?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah Tanah TOL yang telah diberi kebenaran menggunakannya adalah seperti jadual berikut :-

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN TANAH TOL</b>
1.	KLANG	1,115
2.	SABAK BERNAM	250
3.	GOMBAK	594
4.	HULU SELANGOR	366
5.	PETALING	60
6.	HULU LANGAT	1,633
7.	KUALA SELANGOR	26
8.	KUALA LANGAT	279
9.	SEPANG	125
	<b>JUMLAH</b>	<b>4,448</b>

- b) Syarat –syarat penggunaan tanah TOL adalah :
  - i. Tidak boleh digunakan selain dari tujuan kegunaan TOL yang diluluskan;
  - ii. Tidak boleh menanam tanaman kekal;
  - iii. Tidak boleh mendirikan apa jua bangunan atau sebarang binaan kekal yang lain;
  - iv. TOL akan tamat sekiranya pemegang TOL meninggal dunia atau dibubarkan sesuatu badan (persatuan/pertubuhan/syarikat);

v. Lesen TOL tidak boleh diserahkan kepada pihak/orang lain menurut Seksyen 68 Kanun Tanah Negara;

vi. Lesen TOL hanya berkuat kuasa mengikut tempoh yang dinyatakan di dalam lesen dan tertakluk kepada perancangan Kerajaan di kawasan TOL tersebut.

TOL boleh ditukar kepada pemilikan kekal sekiranya tanah tersebut merupakan tanah kerajaan yang layak dilupuskan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.

c) Kekecohan berhubung dengan penggunaan tanah TOL sering berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya :-

i. Pemegang TOL tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Contohnya, TOL bagi kegunaan gerai telah dijadikan restoran dan rumah kediaman.

ii. Pemegang TOL mengusahakan tanah TOL melebihi sempadan yang diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : BANTUAN BIASISWA PENDIDIKAN OLEH YAYASAN SELANGOR.**

137. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar .

- a) Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Yayasan Selangor bagi tujuan bantuan biasiswa pendidikan bagi tahun 2010 yang lalu?
- b) Siapakah penerima-penerima biasiswa tersebut mengikut komposisi kaum dan berapakah jumlah biasiswa yang diberikan kepada setiap individu yang berjaya di dalam permohonan mereka ?
- c) Adakah Yayasan Selangor ada memberikan apa-apa pinjaman / biasiswa pendidikan kepada anak-anak Selangor yang melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Yayasan Selangor bagi tujuan bantuan biasiswa pendidikan adalah sebanyak RM418,600.00. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut :

<b>Perkara</b>	<b>Bil. Pelajar</b>	<b>Perbelanjaan (RM)</b>
Biasiswa Khas (RM700.00 setahun)	228	RM159,600.00
Biasiswa Kecil (RM400.00 setahun)	564	RM225,600.00
Dermasiswa (RM400.00) setahun - Pelajar cemerlang PMR (8A ke atas)	61	RM24,400.00
Pertukaran pinjaman pelajaran kepada biasiswa (pencapaian Ijazah Kelas Pertama)	1	RM9,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan</b>	<b>854</b>	<b>RM418,600.00</b>

b) Komposisi kaum yang mendapat biasiswa adalah seperti berikut :

Tahun	Melayu	Cina	India	Jumlah
2010	849	3	2	854

Jumlah biasiswa yang diberikan kepada setiap individu yang Berjaya dalam permohonan :

Jenis Biasiswa	RM
Biasiswa Khas	RM700.00 setahun
Biasiswa Kecil	RM400.00 setahun
Dermaiswa *Pelajar cemerlang PMR (8A ke atas)	RM400.00 setahun
Pertukaran pinjaman pelajaran kepada biasiswa (pencapaian Ijazah Kelas Pertama)	Bergantung kepada jumlah pinjaman yang diluluskan seperti dalam Borang Perjanjian

c) Tiada. Dasar Pemberian Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor menetapkan pinjaman pelajaran hanya diberikan kepada pelajar yang menuntut di dalam negara dengan jumlah tajaan tidak melebihi RM40,000.00 sepanjang tempoh pengajian bagi setiap pelajar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PENGAUDITAN DALAMAN**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah keberkesanan audit dalaman di jabatan-jabatan dan PBT memandangkan juruaudit melapor kepada ketua jabatan.
- b) Adakah kerajaan mempertimbangkan perjawatan juru audit setiap jabatan dipertanggungjawabkan oleh jabatan Audit Dalam Negeri?
- c) Apakah keberkesanan jawatankuasa audit dan pengurusan korporat di setiap PBT?

**JAWAPAN :**

- a) Secara pentadbiran, Ketua Unit Audit Dalam adalah bertanggungjawab terus kepada Ketua Jabatan untuk menjamin keberkesanan Unit Audit Dalam. Perkara ini termaktub dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 – Pelaksanaan Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Semua aktiviti dan rancangan audit diluluskan oleh Ketua Jabatan. Surat pemerhatian audit akan dikemukakan terus kepada auditi dengan salinan kepada Ketua Jabatan.

Sebelum Rancangan Audit Tahunan diluluskan secara rasmi oleh Ketua Jabatan, Juruaudit Dalaman hendaklah membentangkan rancangan tersebut dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) untuk persetujuan. Hasil pengauditan yang telah dilaksanakan akan dibentangkan di mesyuarat JKA, dibincangkan dan diteliti secara terperinci bagi memastikan tindakan susulan dan pemantauan yang berkesan dapat diambil.

JKA diperingkat kerajaan negeri Selangor dan agensi telah ditubuhkan bertujuan untuk :-

- 1) membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara
- 2) Memastikan tindakan pencegahan dan pembetulan diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

Setiap Jabatan/Agensi juga dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) dan mesyuarat yang perlu diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali (4 kali setahun). Ahli-ahli jawatankuasa adalah terdiri dari semua Ketua-ketua Bahagian/Unit. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan agar berjalan lancar dan menepati peraturan yang ditetapkan yang mana antara perkara yang perlu dibincangkan dalam mesyuarat ialah teguran-teguran daripada Jabatan Audit Negara dan Bahagian Audit Dalam.

Sehubungan dengan ulasan di atas, walaupun Juraudit Dalam melapor terus kepada Ketua Jabatan, pengauditan yang dilaksanakan adalah bebas dan tidak dipengaruhi oleh Ketua Jabatan.

- b) Tidak
- c) Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) ditubuhkan untuk menjalankan peranan sebagai satu badan bebas bagi memastikan wujud sistem 'check & balance' dalam pengurusan kewangan dan pengurusan korporat. JKPAK merupakan komponen penting dalam memastikan akauntabiliti dan pengurusan korporat yang efektif. setiap JKAKP dianggotai oleh sekurang-kurangnya 5 orang Ahli Majlis bukan eksekutif yang dipilih dalam Mesyuarat Penuh Majlis. Jawatankuasa tersebut akan melantik seorang pengerusi di kalangan mereka dan Unit Audit Dalam akan bertindak sebagai urus setia.

JKAPK bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun yang mana isu-isu yang berbangkit daripada penemuan audit dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Mesyuarat juga akan memastikan kelemahan/masalah yang berbangkit diambil tindakan dan diselesaikan serta memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Auditi juga akan dipanggil untuk menjawab teguran Audit dalam mesyuarat tersebut. Seterusnya isu-isu yang dibincangkan dalam mesyuarat JKAPK akan dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada setiap suku tahun.

Di PBT, JKAPK telah memainkan peranan secara aktif melalui mesyuarat yang dilaksanakan secara kerap. Kekerapan mesyuarat adalah seperti berikut :-

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Kekerapan Mesyuarat	
		2011 (Setakat Jun)	2010
1	Majlis Bandar Raya Shah Alam	5	11
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	6	11
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	5	6
4	Majlis Perbandaran Klang	2	4
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	3	7
6	Majlis Perbandaran Selayang	1	5
7	Majlis Perbandaran Kajang	3	8
8	Majlis Perbandaran Sepang	2	3
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	4	4
10	Majlis Daerah Kuala Langat	3	3
11	Majlis Daerah Kuala Selangor	4	5
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PELABURAN ASING DARI JERMAN**

139. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan negara Jerman merupakan negara sains dan teknikal yang agak terkemuka di dunia dan nilai purata pelaburan dari negara Jerman merupakan antara yang tertinggi di Selangor, apakah usaha kerajaan untuk menjalin hubungan ekonomi dan sosial yang lebih erat dengan pelabur dan rakyat Jerman?

**JAWAPAN :**

- a) Negara Jerman merupakan antara pelabur utama yang melabur di Negeri Selangor. Bagi tempoh 2000 hingga 2010 sebanyak 64 projek perkilangan melibatkan pelabur daripada Jerman telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 4,749,748,102 dan merupakan negara ketiga tertinggi dari segi jumlah pelaburan.

Antara usaha Kerajaan Negeri untuk menjalin hubungan ekonomi dan sosial dengan lebih erat dengan pelabur Jerman adalah seperti;-

1. Menjalinkan hubungan erat dengan pihak Kedutaan dan dewan-dewan perniagaan yang melibatkan pelabur dari Jerman seperti Malaysia German Chamber of Commerce.
2. Mengadakan program pertemuan dan lawatan ke syarikat-syarikat Jerman yang ada di Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas berkenaan isu-isu pelaburan mereka dan membantu bagi menyelesaikannya.
3. Kunjungan pihak Kerajaan Negeri ke Jerman bagi melawat dan mengadakan pertemuan dengan syarikat-syarikat yang telah melabur di Negeri Selangor.
4. Membantu dengan mempercepatkan proses kelulusan projek-projek yang melibatkan syarikat Jerman samada projek baru atau pengembangan atau penambahan pelaburan mereka di Negeri Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : PILIHAN RAYA JKKK**

140. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rasional Pilihan Raya JKKK ini ?
- b) Adakah program ini membazirkan wang rakyat ?
- c) Adakah program Pilihan Raya JKKK akan diperluaskan ke semua kawasan termasuk kampung tradisional ?

**JAWAPAN :**

- a) Projek Perintis Pemilihan Pengerusi JKKK ini dijalankan bagi mengkaji keberkesanan Pemilihan Pengerusi JKKK secara undian penduduk kampung. Selari dengan negara demokrasi yang dinikmati sekarang, penduduk kampung akan mendapat keistimewaan untuk memilih sendiri calon-calon yang berkeelayakan untuk memimpin mereka melalui sistem undian bagi melantik Pengerusi JKKK. Sistem ini membuktikan ketelusan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan hak rakyat dalam pemilihan pemimpin – pemimpin di peringkat akar umbi.
- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengkaji secara terperinci kos-kos perbelanjaan yang melibatkan Projek Pemilihan Pengerusi JKKK dan telah memutuskan agar perbelanjaan hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja (RM20,000.00) bagi setiap kampung.

Jumlah ini adalah praktikal dan pembaziran wang rakyat dapat dielakkan. Sebaliknya, penduduk kampung mendapat manfaat yang besar dalam Pemilihan Pengerusi JKKK ini.

- c) Setakat ini, Program Pemilihan Pengerusi JKKK tidak akan diperluaskan ke kampung tradisional kerana belum mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: PREMIUM TANAH**

141. Didapati kadar premium tanah naik mendadak dalam kes di daerah Kuala Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah perkara ini terjadi dan apakah justifikasi kenaikan tersebut?
- b) Apakah implikasi kenaikan tersebut terhadap rakyat?
- c) Adakah kerajaan negeri terdesak dari segi kewangan sehingga hilang budi bicara terhadap rakyat?

**JAWAPAN :**

- a) Berdasarkan rujukan dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, nilai tanah akan berubah-ubah setiap enam (6) bulan. Nilai tanah ditentukan oleh keadaan tapak, bentuk muka bumi, keadaan tanah, lokasi dan kawasan tanah tersebut berada.

Nilai tanah naik mendadak adalah disebabkan oleh pembangunan dan kemajuan sesuatu tempat yang sedang meningkat maju dan bukan disebabkan masalah kewangan tetapi faktor peningkatan pembangunan di kawasan tersebut.

- b) Implikasi kenaikan premium tersebut akan membebankan rakyat. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan skim baru pemilikan tanah kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian.
- c) Kerajaan tidak terdesak dari segi kewangan dan telah pun memperkenalkan bayaran premium RM 1,000.00, walaupun bayaran sebenarnya adalah lebih tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : PERANAN YAYASAN SELANGOR**

142. Yayasan Selangor dikatakan mahu membangunkan tanah TOL yang diusahakan oleh operator tanaman hiasan dan bunga di Sungai Buloh.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah justifikasi Yayasan Selangor diberikan tanah TOL tersebut?
- b) Apakah Yayasan Selangor sudah berubah peranannya dari bidang pendidikan kepada pemaju hartanah?
- c) Apakah Yayasan Selangor yang sedang ia berhadapan dengan masalah tadbir urus layak dan mampu membangunkan kawasan ini?

**JAWAPAN :**

- a)
  - YS adalah sebuah Agensi Kerajaan Negeri Selangor.
  - Terdapat paip besar di bawah tapak Nursery yang memerlukan penjagaan rapi atas gunatanah tapak Nursery.
  - YS berpengalaman 40 tahun mengurus hartanah dan mampu menentukan peraturan/arahan Jurutera Profesional di patuhi demi keselamatan ditapak.
  - Tapak2 Nursery akan disewakan dengan kadar yang berpatutan dan sekiranya ada lebih hasil dari sewaan kepada pengusaha (operators) dan setelah di tolak belanja mengurus dan mencantikkan Nursery Sg. Buloh (Laman Hijau), dana itu akan di gunakan untuk biasiswa dan pinjaman pelajaran pelajar sekolah dan IPTA/IPTS.
- b)
  - Menyediakan prasarana pendidikan, biasiswa dan pinjaman pelajaran untuk pelajar yang pandai dari keluarga yang kurang mampu.
  - YS tidak menerima sebarang grant dari mana-mana pihak untuk menanggung kos menyediakan pendidikan , biasiswa dan pinjaman pelajaran.
  - YS diberikan hak milik tamnah dan membayar LEnsen/Premium dimana perlu.
  - Tanah2 itu dimajukan untuk menjana pendapatan untuk membayar semua kos yang di tanggung.
  - Kerja Ini tidak berubah dari dari mula hingga kini.

c)

- Simpanan Tunai dan Pelaburan YS sehingga May 31, 2011 ialah sebanyak RM 55.87 juta.
- Nilai harta YS sehingga 31 May 2011 ialah sebanyak RM RM 381.12 juta.
- Pengurusan YS telah dikemaskini dan di mantapkan dengan kemasukkan Tenaga Professional.
- Perbelanjaannya dikawal selia dengan rapi. Keputusan 'P & L ' sehingga May 31, 2011 ialah RM 1.32m juta
- Pembangunan yang akan di jalankan selain dari Nursery Sg Buluh ialah di Kg Pandan, Bukit Bintang dan Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : MARRIS**

143. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini, secara keseluruhan berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi penyelenggaraan infrastruktur ini.
- b) Apakah peranan yang dimainkan oleh setiap orang ADUN dalam pelaksanaan program ini.

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Y.B. peruntukan MARRIS yang disalurkan adalah bertujuan untuk menyelenggara jalan dan longkang di bawah seliaan PBT. Pada tahun 2011, sehingga bulan Jun sejumlah **RM49,957,438.97** telah disalurkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan tidak termasuk Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Ini kerana pihak MDHS masih lagi tidak mengemukakan senarai cadangan kerja-kerja di bawah peruntukan MARRIS.

Pecahan peruntukan yang disalurkan adalah seperti yang berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>KOS (RM)</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	<b>3,288,050.00</b>
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	<b>5,570,749.85</b>
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	<b>4,050,200.00</b>
4.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	<b>8,169,554.00</b>
5.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	<b>5,481,048.22</b>
6.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	<b>4,837,670.00</b>
7.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	<b>3,971,340.50</b>
8.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	<b>3,371,277.40</b>
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	<b>4,164,710.00</b>
10.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	<b>4,923,072.00</b>
11.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	<b>2,129,767.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>49,957,438.97</b>

- b) ADN setiap kawasan diberi tanggungjawab untuk mencadangkan senarai kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan longkang kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana, setiap ADN lebih peka mengenai pembangunan kawasan masing-masing. Untuk makluman Y.B. juga, setiap ADN diberikan sejumlah RM1 juta bagi satu DUN dan peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT yang berkenaan bagi tujuan pelaksanaan.

Maklumat tambahan bagi jumlah peruntukan yang telah disalurkan di bawah peruntukan MARRIS:-

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>KOS (RM)</b>
1.	2011	*49,957,438.97
2.	2010	61,887,960.00
3.	2009	76,000,000.00
4.	2008	130,000,000.00
5.	2007	50,538,740.00

\*sehingga Jun 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PENYELENGARAAN PERUMAHAN PPR**

144. Perumahan PPR kerap menghadapi masalah kerosakan dan penyelenggaraan .Pihak syarikat yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga gagal memastikan segala kemudahan terus dengan alasan tiada bajet dari PBT . Pihak Kerajaan Negeri juga pernah menyebut tentang kemungkinan pihak PKNS mengambil alih penyelenggaraan rumah PPR .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk memastikan segala kemudahan lif, pembersihan, tangga, surau dan lain-lain terus dengan keadaan yang baik ?

**JAWAPAN :**

- a) Perancangan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan semua bangunan PPR diselenggara dengan baik ialah dengan meningkatkan lagi program komuniti di setiap PPR Negeri Selangor. Antara program yang akan dilaksanakan sepanjang masa adalah program khidmat komuniti dan gotong royong perdana di mana ianya melibatkan penyewa-penyewa untuk melakukan sendiri kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan kawasan PPR. Program komuniti ini adalah langkah terbaik untuk mendidik penghuni-penghuni PPR menghargai kemudahan-kemudahan awam yang sebelum ini sering dirosakkan atau tidak diselenggara dengan sempurna. Skim Khidmat Komuniti yang dilaksanakan sebelum ini bagi mereka yang tidak berkeupayaan untuk membayar sewa rumah akan diberi penambakan dan diperluaskan kepada penyewa-penyewa lain yang berminat untuk menyertai skim tersebut. Penyewa-penyewa akan diberi kerja-kerja bersesuaian dan dibayar secara "inkind" melalui potongan tunggakan sewaan sehingga selesai atau mengikut kemampuan kerja yang dilakukan mereka.

Selain itu, memandangkan kos mengurus dan penyelenggaraan adalah tinggi berbanding jumlah kutipan sewa yang rendah maka pemantauan di setiap PPR bukan sahaja akan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tetapi ia juga akan dilakukan oleh jawatankuasa penduduk yang dilantik untuk memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh agen pengurusan bangunan. Di samping itu, kajian akan dibuat untuk melihat keperluan penubuhan tabung pemulihan PPR Negeri Selangor di mana dana tabung tersebut akan diperolehi melalui dua cara iaitu melalui peruntukan kerajaan Negeri dan bayaran sewaan penduduk setiap bulan. Tabungan atau 'sinking fund' ini dapat menjamin kesinambungan kerja-kerja penyelenggaraan terutama kos pembaikan lif yang semakin tinggi akibat kenaikan harga barang dan kos buruh di pasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : ANGGOTA PENGUATKUASA MPK YANG TIDAK MENCUKUPI**

145. MPK adalah di antara PBT yang mempunyai keluasan yang besar wilayah pentadbirannya. Sesungguhnya Jabatan penguatkuasa mempunyai tugas yang amat berat dari segi penguatkuasaan undang-undangnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan pihak kerajaan untuk menangani kekurangan pegawai penguatkuasa MPK?
- b) Apakah langkah penambahbaikan yang dijalankan untuk memantapkan pengurusan jabatan ini?

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga tahun 2011, jumlah kakitangan penguatkuasa di Jabatan Penguatkuasaan MPK adalah seramai 228 orang yang terdiri dari 07 pegawai, 13 anggota pembantu penguatkuasa kanan, 203 anggota pembantu penguatkuasa, 03 pembantu tadbir serta 02 pemandu. Jika dilihat dari segi keluasan wilayah yang berukuran lebih kurang 574 km persegi, kekuatan anggota sedia ada tidak mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan di bawah kawasan pentadbiran Majlis. Bagi menangani kekurangan anggota, pihak Majlis melalui Badan Berkuasa Melantik akan membuat penambahan kakitangan di Jabatan Penguatkuasaan. Pertambahan keluasan pentadbiran Majlis hampir 3 kali ganda pada 2005 merupakan suatu cabaran baru dengan penambahan anggota penguatkuasa akan membolehkan tindakan penguatkuasaan lebih efektif dan efisien.
- b) Langkah penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis antaranya membuat perancangan operasi tahunan secara berkala bagi menjalankan tugas secara bersistematik. Piagam pelanggan yang diwujudkan di peringkat Jabatan iaitu menyelesaikan tindakan aduan awam dalam tempoh 48 jam akan dapat mengurangkan aduan orang awam. Majlis juga telah melaksanakan sistem pengurusan berkualiti MS ISO 9001 : 2008 iaitu Kawalan Perniagaan, Kawalan Pembangunan Tanah & Infrastruktur, Penguatkuasaan Undang-Undang, Penilaian & Kadaran dan Aktiviti Sokongan serta Pentadbiran.

Dalam menambah ilmu pengetahuan di kalangan anggota-anggota penguatkuasa, beberapa latihan, kursus, seminar dan bengkel telah diberikan kepada anggota penguatkuasa sama ada secara dalaman dan kursus luaran. Agensi yang seringkali bekerjasama dengan Majlis seperti ILKAP, PULAPES, ILPBT, KPKT dan agensi-agensi swasta yang menganjurkan latihan-latihan berkaitan penguatkuasaan dan latihan seni mempertahankan diri.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PEMBERDAYAAN (EMPOWERMENT) WANITA SELANGOR**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor yang membuktikan wanita diberdayakan?
- b) Bagaimana sistem dan budaya pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dapat memberi hak yang sama kepada wanita serta melindungi wanita daripada diskriminasi?

**JAWAPAN :**

- a) Pelan Tindakan Wanita Selangor telah dirangka untuk pemberdayaan wanita Selangor ke arah pembangunan masyarakat madani. Kerajaan negeri Selangor berhasrat agar wanita Selangor mendapat kesejahteraan menyeluruh tanpa mengenal darjat, pangkat atau status mereka. Wanita sejahtera secara kolektif boleh menghasilkan fenomena positif terhadap bidang ekonomi, sosial, politik, undang-undang, perundangan, alam sekitar, relasi gender (hubungan lelaki-wanita), kekeluargaan dan usaha-usaha *problem-solving* di peringkat individu, keluarga, masyarakat, negara dan antarabangsa. Sehubungan dengan itu antara dasar yang dilaksanakan bagi mememberdayakan wanita adalah seperti berikut:

- i. Pemberdayaan wanita dalam bidang ekonomi

Golongan sasaran adalah suri rumah, warga industri, wanita usahawan, wanita muda, remaja perempuan, wanita terpinggir dan wanita ibu tunggal. Di mana program ini menjadi tumpuan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor. Contohnya suri rumah yang berada dalam tahap kemiskinan kerajaan negeri Selangor akan memperkenalkan skim pemberdayaan wanita suri rumah dalam bentuk jaminan yang memelihara keuntungan kewangan suri rumah. Wanita warga industri juga akan dibantu dari masa ke semasa untuk meningkatkan kemahiran mereka dan menceburi bidang-bidang yang boleh memberikan mereka *economic independence* menerusi peluang-peluang keusahawanan.

Begitu juga wanita usahawan merupakan tunggak pembangunan ekonomi negeri Selangor, golongan ini dipertingkatkan menerusi program mentor-mentee dan menetapkan dana khusus untuk menubuhkan, membangunkan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Sementara golongan wanita terpinggir tidak ketinggalan diberi perhatian dalam program-program pembangunan dan pemberdayaan ekonomi menurut kesesuaian cara hidup dan kemahiran sedia ada seperti kursus kemahiran jangka pendek masakan, jahitan atau kraftangan.

Melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Selangor golongan wanita ibu tunggal turut dibantu melalui skim mikrokredit atau insuran di samping akses terhadap peluang-peluang perniagaan dan bantuan kewangan.

ii. Pemberdayaan Keluarga

Golongan sasaran pemberdayaan keluarga dari wanita kerjaya di mana ramai wanita dalam bidang pekerjaan memerlukan sistem sokongan dalam memelihara keluarga. Menyedari kepentingan dan keperluan itu, sistem sokongan dalam bentuk penjagaan anak-anak bagi ibu-ibu yang bekerja akan diwujudkan. Seperti elaun anak ke taska, kemudahan cuti bersalin 90 hari, cuti isteri bersalin 14 hari dan cuti kematian suami 30 hari.

iii. Meningkatkan kemahiran dan jati diri wanita

Pembinaan jati diri wanita adalah diutamakan dalam rangka mencapai Pelan Tindakan Wanita Selangor. Golongan ini diberi tumpuan adalah mereka di bawah paras kemiskinan. Program jati diri ini telah dilaksanakan pada golongan ibu tunggal setiap tahun.

iv. Kesihatan

Sasaran kepada semua golongan wanita terutama untuk memberi perlindungan mangsa-mangsa rogol, mangsa-mangsa pemerdagangan manusia dan keganasan rumah tangga. Melindungi pekerja-pekerja wanita daripada bahaya-bahaya yang berkaitan pekerjaan dan member sokongan kesihatan emosi dan fizikal untuk warga emas. Kerajaan negeri Selangor telah mewujudkan OSCC (One Stop Crisis Centre) dan Skim Kesihatan Wanita (mammogram )

v. Pemberdayaan Wanita dalam Komuniti

Pusat Komuniti Wanita ini bertujuan menjadi pusat perkembangan potensi wanita dalam komuniti di negeri Selangor. Ia terbuka kepada seluruh wanita agar dapat didedahkan dengan berbagai pengalaman, ilmu pengetahuan dan kemahiran. Sehingga kini terdapat 18 buah Pusat Komuniti Wanita DUN yang aktif.

vi. Pemberdayaan wanita dalam memahami hak-hak mereka

Program sedia ada seperti kempen OSCC (*One Stop Crisis Centre*) akan diteruskan bagi menangani kes-kes penderaan dan keganasan seksual dan rumah tangga. Begitu juga Badan Sokongan Keluarga (*Family Support Authority*) akan diwujudkan untuk menguatkuasakan dan melaksanakan perintah mahkamah berhubung dengan nafkah, hadanah, pengurusan harta kanak-kanak dan perintah lain.

Beberapa Enakmen akan diwujudkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri seperti keganasan terhadap wanita, kesaksamaan Gender dan Dasar berkaitan memberikan minimum 30% kedudukan pimpinan dalam pentadbiran negeri.

Di samping memberi perlindungan mengenai hak-hak dan perlindungan kepada wanita dari consumer.

vii. Pemberdayaan wanita muda dan remaja perempuan

Golongan ini yang berumur 13-35 tahun juga diberi perhatian dengan member ilmu pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam kerjaya, kekeluargaan,kesihatan, kemahiran seni dan budaya serta sukan.

Pengetahuan yang cukup akan memastikan bahawa golongan ini berdaya untuk membuat pilihan terbaik bagi masa depan mereka.

viii. Bidang-bidang lain Pemberdayaan Wanita

Meliputi wanita dan alam sekitar, wanita media, wanita intelektual dan juga pemerdagangan manusia. Di mana Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Selangor akan sentiasa memberi sokongan di dalam penglibatan wanita contohnya pelancaran Majlis Anti Pemerdagangan Manusia (MAPMAS) pada 10 Januari 2011 di mana isu pemerdagangan manusia harus ditangani secara tegas dan bijaksana.

- b) Pelan Tindakan Wanita Selangor (PTWS) 2010-2025 adalah menjadi tunggak dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Memandangkan penduduk wanita Selangor seramai 2,553,100 atau 49% merupakan peratus yang tertinggi di Malaysia maka kepentingan hak-hak dan kebajikan wanita Selangor akan sentiasa menjadi panduan dalam proses merancang. Justeru itu ianya akan ditempatkan di dalam gerak kerja, pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Ianya bertepatan dengan misi PTWS ialah memberdaya wanita ke arah membangunkan masyarakat madani yang menjamin keadilan untuk semua rakyat.

Oleh itu sistem dan budaya pentadbiran Kerajaan negeri Selangor hari ini memberi wanita hak yang sama dan melindungi wanita daripada diskriminasi melalui mekanisme berikut:

i. Majlis Permuafakatan Wanita Selangor (MPWS)

Majlis ini bertindak sebagai badan penasihat kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor dengan memberi pandangan dan khidmat kepakaran terhadap isu-isu dan jalan penyelesaian, jangka pendek dan panjang yang dihadapi oleh wanita-wanita di Selangor. Semua jentera dan agensi kerajaan memberi komitmen dan melaksanakan tindakan tanpa sebarang diskriminasi. Di mana ahli-ahlinya terdiri daripada para aktivis dan pemimpin wanita badan=badan bukan kerajaan (NGO), ahli-ahli akademik dan profesional dan individu yang pakar dalam pelbagai bidang.

ii. Sekretariat Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Selangor

Sekretariat ini berfungsi menyelaras, memantau dan memastikan bahawa segala perancangan dan tindakan ke arah mencapai objektif tercapai.

iii. Minimum 30% Pembuat Keputusan dan Kepimpinan Kepada Wanita

Keperluan warga Selangor akan dikenal pasti secara lebih sistematik dan tersusun supaya pengagihan yang adil terhadap sumber dan hasil negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan lebih baik menerusi *gender-segregated data* ( hasil dari *Gender Budgeting* Budget Gender). Di samping itu, usaha-usaha selaras dengan keprihatinan menghapuskan sebarang bentuk penganiayaan dan keganasan terhadap wanita akan diberi tumpuan.

iv. Pengaruh Utamakan Gender

Kesedaran gender menerusi pengaruh utamakan gender akan menghasilkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial. Pengaruh utamakan gender juga akan menghasilkan komposisi barisan pembuat keputusan di berbagai peringkat dalam pentadbiran negeri Selangor menjadi lebih adil.

Bagaimanapun proses pengenalan berkaitan dasar dan operasi gender dalam pentadbiran negeri harus difahami oleh semua kakitangan seperti dibekalkan dengan *tools* yang sesuai. Begitu juga dengan *Gender Budgeting* akan dimulai dengan projek rintis dalam beberapa bahagian pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Oleh itu di dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor masyarakat harus diberi kefahaman juga mengenai gender Audit analisis gender, penghapusan diskriminasi gender di dalam wanita dan maskuliniti .

Beberapa perkara lain yang dapat memberi hak yang sama kepada wanita serta melindungi wanita daripada diskriminasi oleh kerajaan negeri Selangor adalah Penubuhan Institut Kajian Keluarga dan Gender, Perspektif Gender dalam pakej rangsangan RM50 bilion negeri Selangor dan gender dalam pentadbiran dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).Di samping pewujudan Database seperti Portol ibu tunggal ( Portal e-bu) dan Laman web wanita Selangor yang akan menjadi jaringan maklumat bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH DI KAMPUNG  
MELAYU TRADISIONAL**

147. Kita sering melihat penduduk kampung berdepan dengan masalah pembuangan sampah di kawasan mereka yang tidak menerima sebarang perkhidmatan pelupusan sampah daripada pihak PBT

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri ataupun PBT mempunyai cadangan untuk memberi perkhidmatan mengangkat sampah secara **percuma** kepada penduduk kampung ?
- b) Apakah kerajaan negeri atau PBT mempunyai rancangan jangka panjang ataupun mekanisme untuk menangani masalah pembuangan sampah di kawasan kampung ?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri tiada mempunyai sebarang cadangan untuk memberikan perkhidmatan kutipan sampah secara percuma kepada penduduk kampung. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) juga tiada cadangan untuk memberikan perkhidmatan kutipan sampah secara percuma memandangkan kos yang dikeluarkan untuk pelupusan sampah terlalu tinggi.
- b) Bagi kawasan Kampung Melayu, pihak MBSA telah memberikan perkhidmatan kutipan sampah di mana pihak majlis telah menyediakan pusat-pusat pengumpulan sampah secara berpusat '*bin point*' bagi kemudahan penduduk kampung. Pihak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mempunyai cadangan bagi mengenakan cukai taksiran mengikut kadar yang tertentu di kawasan kampung bagi membolehkan perkhidmatan pungutan sampah diberikan. Namun sehingga kini, perancangan ini masih belum dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : KILANG AYAM DI DESA COALFIELD**

148. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sudahkan bau busuk yang dihadapi oleh penduduk di perumahan sekitarnya diatasi?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak pengurusan ladang Lay Hong telah memberhentikan tempat memproses najis ayam ke baja kompos sejak bulan Jun 2010. Hanya yang tinggal ialah ladang ternakan sahaja. Di antara tindakan lain yang telah diberi perhatian ialah :-
- i- Pihak ladang akan menyembur enzim mikrob setiap hari di sekitar ladang untuk menghilangkan bau.
  - ii- Dalam Mesyuarat Khas OSC ada membincangkan ladang ternakan ayam Lay Hong dengan dihadiri Agensi Luar dan Pihak Pengurusan Lay Hong. Dalam Mesyuarat tersebut meminta pihak pengurusan ladang berpindah dengan mencari lokasi lain dalam tempoh 2 tahun kerana zon ladang tersebut adalah zon perumahan.
  - iii- Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) membuat pemantauan dari masa ke semasa sekiranya aduan masih dibangkitkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK KEDIAMAN TERBENGKALAI DI PULAU INDAH**

149. Sedia maklum yang kita semua tahu dan akui untuk memiliki kediaman menjadi impian setiap rakyat yang telah menjadi ketua keluarga.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah nasib bagi pembeli-pembeli kediaman teres dan pangsapuri di Pulau Indah yang mana projek-projek tersebut telah terbengkalai dan mereka akan di isytiharkan muflis oleh pihak bank?
- b) Apakah inisiatif dari Kerajaan Negeri bagi membantu meringankan beban pembeli-pembeli tersebut yang terpaksa menanggung segala kos dan kerugian?
- c) Adakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang dari Kerajaan Negeri bagi membantu memulihkan projek kediaman yang telah terbengkalai?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sememangnya amat prihatin dengan nasib pembeli-pembeli kediaman teres dan pangsapuri di Pulau Indah yang akan diisytiharkan muflis oleh institusi kewangan akibat tindakan mereka berhenti membayar balik pinjaman ekoran projek perumahan yang dibeli terbengkalai. Ini akan menyebabkan pembeli-pembeli ini disenarai hitamkan oleh institusi kewangan dan menyukarkan pembeli terbabit mendapatkan segala bentuk pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan pada masa akan datang. Bagaimanapun bagi kes pembeli muflis, perkara ini tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri kerana ia tertakluk di bawah bidangkuasa pihak bank terlibat dan Bank Negara.
- b) Memandangkan Kerajaan Negeri hanya boleh mengambil tindakan secara pentadbiran sahaja bagi membantu pembeli-pembeli yang terpaksa membayar balik pinjaman bank. Bagi projek terbengkalai yang didaftarkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), para pembeli terlibat perlu merujuk kepada KPKT untuk mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai untuk membolehkan mereka berurusan dengan pihak bank dan menyusun semula pembiayaan pinjaman tanpa dikenakan faedah disebabkan status projek yang terbengkalai. Manakala bagi kes-kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai tersebut.

Selain dari langkah tersebut, alternatif lain yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meminta pemaju asal atau pemaju penyelamat membeli semula unit yang dibeli oleh pembeli yang tidak dapat meneruskan pinjaman perumahan atau telah disenaraihitamkan oleh bank. Pembelian tersebut hendaklah dibuat dengan kadar harga berdasarkan jumlah pinjaman yang telah dibayar oleh pembeli kepada pihak bank. Langkah ini membolehkan pembeli terlibat memperolehi bayaran/pampasan yang dapat digunakan untuk membayar semula kepada pihak bank dan seterusnya membolehkan nama mereka ditarik balik dari disenaraihitamkan. Dengan itu, pembeli-

pembeli tersebut dapat melepaskan bebanan hutang yang ditanggung serta mengelakkan dari dikenakan tindakan mahkamah oleh pihak bank dan seterusnya menyelesaikan masalah pembeli.

c) Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Walaupun begitu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu memulihkan projek kediaman yang telah terbengkalai dalam **jangka pendek** adalah seperti berikut :

- 1) LPHS akan memaklumkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebaik sahaja projek tersebut dikesan tergendala untuk tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).
- 2) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 3) LPHS juga memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- 4) LPHS akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank bagi mengenalpasti masalah pemaju dan mencari penyelesaian terdekat sebelum perkara ini dibincangkan dengan terperinci seperti melibatkan kajian pemulihan, pengambilalihan oleh pemaju penyelamat dan lain-lain tindakan yang bersesuaian diambil.

**Langkah-langkah jangka panjang** dari Kerajaan Negeri bagi membantu memulihkan projek kediaman yang telah terbengkalai seperti berikut :

- 1) Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri akan membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini adalah menjalankan Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) bagi menentukan sama ada rumah kediaman terbengkalai tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Setakat ini, sebanyak 9 projek terbengkalai telah dikenalpasti berpotensi untuk dipulihkan dan dimajukan semula di bawah Jawatankuasa ini.



- 2) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit atau penyelamat bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minima tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 3) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstruktur semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- 4) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvency Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana *'liquidator'/Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah *'liquidator'/Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama *'liquidator'/Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 5) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- 6) Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan projek tersebut dapat dipulihkan semula. Sebagai contoh, Projek Bukit Botak dan Alam Perdana yang melibatkan pengambilan tanah secara menyeluruh bagi tujuan memulihkan semula projek terbengkalai dan menjamin hak pembeli terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT, SAPU JALAN DAN LOT PARKING  
SERTA PEMBERSIHAN LONGKANG-LONGKANG AWAM DI SEMUA  
KAWASAN PBT.**

150. Kerja-kerja pembersihan ini adalah amat tidak memuaskan di semua PBT.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN :**

- a) Berikutan terdapat banyak aduan yang diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung perkhidmatan Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Kerajaan Negeri telah mengambil langkah agar setiap PBT melakukan proses pengambilalihan kerja pembersihan awam daripada AFSB. Lanjutan daripada itu, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menyelaraskan bahawa setiap pemantauan dilakukan bagi kerja-kerja yang tidak memuaskan akan ditolak sebanyak RM 50.00 dan RM 100.00 bagi masalah aduan. Manakala bagi Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), pihak majlis telah menjalankan program "Zon Bersih" di setiap kawasan pentadbiran. Selain daripada itu, pihak majlis turut memperkemas dan memperincikan skop dan spesifikasi kerja pembersihan awam selain mewujudkan *Standard of Prosedur* bagi tujuan pemantauan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: GERAI PLB**

151. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimana kah tanah di Gerai UPEN di Taman Seri Watan Ampang di lelong oleh Bank pada tahun 2009, Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap isu seperti ini.

**JAWAPAN:**

- a) Tanah tersebut telah dilelong berikutan pemaju iaitu Sri Watan Sdn. Bhd. telah memajakkan tanah tersebut kepada Bank dan Syarikat telah gagal menebus kembali tanah tersebut. Syarikat yang telah berjaya membeli tanah tersebut telah mengemukakan permohonan bagi tanah gantian di lot tanah yang telah dibeli dan Kerajaan Negeri masih meliliti permohonan tersebut bagi mendapatkan satu keputusan yang wajar dan telus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK: SEKOLAH KAFA**

152. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Jabatan Agama Islam Selangor mempunyai inventori infrastruktur asas sekolah-sekolah tersebut yang pada pemerhatian saya agak kurang sempurna.
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam menaikkan lagi taraf sekolah tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) JAIS belum ada inventori infrastuktur asas untuk sekolah KAFA Integrasi. Walaubagaimanapun program Multaqa (inventori masalah sekolah KAFA) saban tahun diadakan bersama Pengerusi Jemaah pengurusan Sekolah dan Ketua Guru KAFA.
- b) Perancangan Kerajaan Negeri dalam menaikkan taraf sekolah tersebut ialah :
  - 1) Menaiktaraf sekolah KAFA yang dhaif kepada SRA seperti :
    - i. KAFA Kg Baiduri Kg Tunku
    - ii. KAFA Al-Misbah Bandar Kinrara
    - iii. KAFA Seksyen 24 Shah Alam
  - 2) Menyokong permohonan bantuan Modal ( Pembinaan ) sekolah KAFA kepada Kementerian Pelajaran malaysia.
  - 3) Meluluskan permohonan menduduki tanah-tanah JAIS untuk didirikan bangunan KAFA, contoh - KAFA Subang Bestari
  - 4) Menyokong permohonan KAFA Integrasi untuk kelulusan kebenaran merancang kepada pihak PBT.
  - 5) JAIS berusaha bersama Ahli Jemaah Pengurusan sekolah untuk menggunakan premis Sekolah Kebangsaan sebagai kelas KAFA integrasi sama ada sesi pagi atau petang. Guru Besar sekolah Kebangsaan menjadi Pengerusi Jemaah Pengurusan sekolah ,contoh: KAFA Integrasi Sg Kapar indah klang yang beroperasi di sekolah kebangsaan Sg Kapar Indah

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI KAWASAN DESA**

153. Tumpuan mestilah diberikan dalam masalah penduduk kampung yang memerlukan jalan, longkang, lampu jalan. Masalah ini masih berterusan ini kampung -kampung di Daerah Kuala Selangor ; juga pembinaan titi atau jambatan kecil untuk melintas parit dari jalan raya ke rumah ; usaha-usaha untuk membaik pulih dan menaik taraf dewan-dewan, gelanggang futsal dan badminton supaya ianya akan digunakan oleh penduduk kampung dengan sempurna.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini berapa jumlah dewan,balai raya,gelanggang futsal dan badminton di Daerah Kuala Selangor ?
- b) Berapa yang ada dalam keadaan yang baik ?
- c) Bolehkah kerajaan sediakan satu jadual bila program infrastruktur untuk menaik taraf jalan, longkang, titi, lampu jalan akan disiapkan ?

**JAWAPAN:**

a)

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kemudahan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Dalam Keadaan Baik</b>	<b>Dalam Penyelenggaraan/ Rosak</b>
1	Dewan	6	1	5
2	Balairaya	34	18	16
3	Gelanggang Futsal	50	6	44
4	Gelanggang Badminton	8	8	-

- b) Berdasarkan dari kelulusan peruntukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
SG.PELEK**

**TAJUK : PERBICARAAN KES MENGHINA INSTITUSI DIRAJA SELANGOR OLEH YB.  
ADUN SRI MUDA**

154. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah bayaran yuran peguam telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri terhadap kes ini?
- b) Adakah munasabah kerajaan negeri membayar yuran peguam ini?

**JAWAPAN :**

- a) Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam melantik peguam bagi mewakili kes tersebut setakat ini ialah RM 60 ribu.
- b) Kerajaan Negeri berpendapat bahawa tindakan YB. DUN Sri Muda adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri serta menyuarakan hasrat rakyat maka adalah perlu untuk Kerajaan Negeri membiayai khidmat guaman tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : BANJIR DI KAMPUNG SUNGAI TEKALI DAN KAMPUNG  
SUNGAI GAHAL, HULU LANGAT.**

155. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk menangani masalah banjir di kawasan tersebut ?

**JAWAPAN:**

a) Punca utama banjir di Sungai Tekali dan Kampung Sungai Gahal adalah disebabkan penerokaan tanah yang pesat disekitar kawasan tersebut. Akibat aktiviti penerokaan ini, ketika hujan lebat, air hujan dalam kuantiti yang besar begitu cepat masuk ke dalam sungai dan kedua-dua sungai ini tidak lagi dapat menampung tambahan kuantiti ini. Bagi menangani masalah banjir di kawasan tersebut, Kerajaan Negeri melaksanakan kerja – kerja penyelenggaraan iaitu:

- (i) kerja – kerja penyelenggaraan cuci gali sungai yang dilakukan 2 kali setahun dan;
- (ii) Kerja-kerja mengeluarkan pasir melalui syarikat konsesi di bahagian-bahagian sungai yang cetek.

Dari segi jangka panjang, Kerajaan meningkatkan kualiti perancangan pembangunan di sekitar Kajang dengan menerapkan perancangan sistem saluran yang menyeluruh. Untuk tujuan ini, Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar Kajang untuk digunapakai sebagai panduan pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensy yang berkenaan. Pelan ini menyediakan maklumat kuantiti air saluran serta konsep penyaliran air bagi kawasan yang akan dibangunkan untuk mengelakkan masalah ketidakberkesanan saluran yang menjadi punca utama banjir kilat berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : KHUTBAH JUMAAT PADA 10 JUN 2011**

156. Khutbah Jumaat yang dibaca oleh khatib di mimbar pada 10 Jun 2011 dimaklumkan adalah sama di seluruh masjid di negeri Selangor. Khutbah yang berkaitan fitnah, hukum Qazaf dan empat saksi menimbulkan perselisihan faham di kalangan umat Islam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan pihak dan mahupun individu yang bertanggungjawab menyediakan teks khutbah Jumaat berkenaan?
- b) Mohon siarkan semula sepenuhnya teks khutbah berkenaan?
- c) Mohon huraikan berkaitan hukum ta'zir berkaitan hal yang sama.

**JAWAPAN :**

- a) Teks khutbah yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Panel Khutbah akan disemak secara kolektif dengan mengambil kira kandungan, keberkesanan khutbah dan kesesuaian berkaitan isu semasa. Di samping itu dalil yang diberikan akan dipastikan tepat dari segi bahasa berdasarkan kepada garis panduan penulisan khutbah. Sehubungan itu, khutbah bertarikh 10 Jun 2011 telah diterima oleh Jawatankuasa Panel Khutbah untuk dibaca bagi mendidik umat Islam supaya menghindari daripada perkara-perkara yang membawa kepada fitnah dan qazaf.
- b) Semua teks khutbah termasuk khutbah berkenaan boleh di perolehi melalui Laman Web Rasmi JAIS dalam versi jawi, rumi dan Inggeris.
- c) Panjangan ke Jabatan Mufti Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : INVENTORI ASET NEGERI**

157. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status cadangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan inventori aset-aset negeri untuk mengetahui nilai sebenar aset dan pemilikan Kerajaan Negeri bagi tujuan meningkatkan produktiviti?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : SISTEM MAKLUMAT REKOD JALANRAYA MALAYSIA (MARRIS)**

:

158. Penyelenggaraan di bawah MARRIS yang dikemukakan oleh ADUN / Penyelaras Pusat Khidmat bagi daerah Klang dan Petaling

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah ia akan dimulakan kerana sehingga soalan ini ditanya, masih tiada perkembangan?
- b) Berikan penjelasan kenapakah pegawai yang terlibat di Majlis Bandaraya Shah Alam tidak merujuk kepada ADUN Kawasan / Penyelaras Pusat Khidmat sebelum membuat keputusan jalan yang perlu di perbaiki mengikut keutamaan?
- c) Senaraikan jumlah sebenar yang di perolehi oleh kawasan DUN Sri Muda dari MPSJ, MPK DAN MBSA kerana tiada maklumat tepat diterima.

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, butir-butir pelaksanaan projek tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh Tawaran Di Iklankan : 29/06/2011

Tarikh Tawaran Di Tutup : 14/07/2011

Tawaran kerja di jangka di keluarkan pada 1/8/2011

- b) Surat kepada YB ADUN Sri Muda telah dihantar pada 22 Februari 2011. Majlis telah menerima Senarai Cadangan Jalan daripada ADUN pada 28 Mac 2011.

Dokumen sebutharga dan perincian kerja telah di siapkan dan diserahkan kepada Bahagian Tender dan Kontrak bertarikh 21 Jun 2011 untuk mengeluarkan sebutharga.

Disamping itu kerja-kerja pembaikan jalan berjumlah RM100,000.00 juga telah di keluarkan sebahagiannya untuk jalan-jalan kampung (PLB) menggunakan peruntukan penyelenggaraan Majlis.

- c) Jumlah peruntukan YB ADUN Sri Muda untuk kawasan MBSA yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor melalui surat bertarikh 20 Mei 2011 adalah sebanyak RM572,020.00 (Lima Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu Dua Puluh Ringgit Malaysia).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : MEWUJUDKAN SEBUAH BANDAR BAGI KAUM CINA**

159. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sebarang perancangan untuk mempunyai satu Bandar bagi kaum Cina seperti "China Town" pada masa hadapan?
- b) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai satu Bandar Cina (China Town) tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membuka sebuah Bandar Cina (China Town) untuk menarik lebih ramai para pelancong ke Negeri Selangor ini?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mewujudkan satu Bandar bagi kaum Cina seperti "China Town".
- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai Bandar Cina (China Town) memandangkan tiada perancangan atau keperluan bagi mewujudkan Bandar tersebut di Negeri Selangor.
- c) Memandangkan Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mewujudkan sebuah Bandar Cina (China Town) di Negeri Selangor, tiada langkah-langkah yang khusus diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membuka Bandar tersebut. Walau bagaimanapun, penubuhan Kampung-Kampung Baru Cina di sekitar Negeri Selangor sedikit sebanyak menyumbang kepada pembentukan sebuah Bandar Cina dalam nisbah yang lebih kecil di samping menjadi tarikan pelancong ke Negeri Selangor seperti Kampung Baru Tanjung Sepat di Daerah Kuala Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : AUDIT TERHADAP PKNS INFRA BHD**

160. Merujuk kepada Usul No. 16 tahun 2010 berkenaan "Audit terhadap PKNS Infra Bhd":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap usul ini?
- b) Apakah langkah-langkah strategik yang telah diambil terhadap Excelon Sdn Bhd?
- c) Berapakah kos operasi Excelon Sdn Bhd, jika ada, sepanjang tahun 2009-2010?

**JAWAPAN :**

- a) Tiada berkaitan.
- b) Langkah-langkah strategik yang telah diambil oleh Excelon ialah dengan meneroka dan mengkaji peluang dalam bidang-bidang perniagaan lain yang berdaya maju untuk menyediakan asas pendapatan yang kukuh dan memastikan *survival* Excelon.

Antara bidang-bidang yang telah dikenalpasti mempunyai potensi dan sedang dipertimbangkan untuk membuat pelaburan adalah seperti berikut:-

- i) Perubatan dan teknologi penjagaan kesihatan

Menjadi pengedar/pembekal secara usahasama produk dan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan yang menyediakan penyelesaian berteknologi yang tidak berasaskan dadah dan kurang pembedahan kepada pesakit yang meliputi pasaran Malaysia dan beberapa buah negara di rantau Asia Pasifik (Jenama dari Kanada : Theralase dan Genesis).

Cadangan perniagaan tersebut kini sedang dalam peringkat untuk mendapatkan kelulusan di peringkat Lembaga Pengarah PKNS.

Rasionalnya bagi cadangan tersebut adalah seperti berikut:

Excelon Sdn Bhd adalah anak syarikat kepada PKNS Infra Berhad (milikan sebanyak 85% oleh PKNS). Modal berbayar adalah sebanyak RM100,000. Tujuan asal penubuhan Excelon adalah untuk menjalankan perniagaan yang berasaskan bidang penyelenggaraan bangunan, pembinaan dan lanskap.

Anggapan bahawa Excelon telah mengalami kerugian selepas sembilan (9) tahun beroperasi adalah tidak benar. Sebaliknya Excelon tidak pernah mengalami sebarang kerugian sejak dari tarikh penubuhan. Keuntungan bagi lima (5) tahun kewangan yang terakhir adalah seperti berikut :

Tahun	Keuntungan (RM)
2008	102,578
2009	30,507
2010	25,544
2007	44,162
2006	50,236

Jumlah keuntungan terkumpul sehingga 31 Disember 2010 adalah RM407,421.00

Namun begitu perniagaan Excelon dalam bidang-bidang tersebut tidak dapat berkembang dengan pesat disebabkan oleh faktor-faktor seperti keadaan pasaran yang terlalu kompetitif dan peluang yang terhad berikutan masalah kekangan dari segi urusan pelesenan PKK iaitu pertindihan bidang antara Excelon dan PKNS Infra bagi bidang pembinaan serta polisi semasa kerajaan (sebagai contoh : polisi pengambilan pekerja asing).

Selain dari itu, bidang pembinaan, penyelenggaraan dan lanskap merupakan bidang di mana peluang Excelon adalah amat bergantung kepada tawaran kerja/tender oleh pihak lain atau pelanggan. Dengan menceburi bidang lain yang mana peluang penawaran perkhidmatan/ produk boleh dicipta oleh Excelon sendiri, memudahkan Excelon untuk bergerak maju dan membina potensi yang lebih luas untuk berjaya.

- c) Kos operasi Excelon bagi tahun 2009 adalah RM77,518 dan RM51,739 bagi tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah pelaburan yang Berjaya dibawa masuk ke Negeri Selangor sehingga Jun 2011.
- b) Nyatakan Negara-Negara yang paling banyak melabur di Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tempoh Januari hingga April 2011, sebanyak 80 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 3,193,884,013. Dari jumlah ini sebanyak RM 1,608,638,345 daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 1,585,245,668 daripada pelaburan asing. Sebanyak 4,621 peluang pekerjaan telah diwujudkan.
- b) Projek pelaburan yang diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor mengikut penyertaan pelaburan asing adalah seperti berikut:-

<b>Negara</b>	<b>Projek</b>	<b>Jumlah Pelaburan Asing (RM)</b>
<b>Korea Rep.</b>	2	641,613,063
<b>Singapore</b>	4	485,203,850
<b>Australia</b>	2	101,700,000
<b>Switzerland</b>	1	92,000,000
<b>Japan</b>	4	76,341,102
<b>Taiwan</b>	1	37,500,000
<b>India</b>	1	24,567,000
<b>United Kingdom</b>	1	23,575,000
<b>United States</b>	2	17,151,280
<b>Germany</b>	2	16,660,000
<b>Canada</b>	1	14,600,003
<b>China</b>	4	11,134,000
<b>Netherlands</b>	1	3,050,360
<b>Bangladesh</b>	1	2,560,000
<b>Italy</b>	1	1,321,325
<b>Lain-Lain</b>	6	36,268,685
<b>Jumlah</b>	***	1,585,245,668

\*sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBERSIHAN SUNGAI**

162. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status buat masa kini?
- b) Berapa lama tempoh masa bagi program ini?

**JAWAPAN :**

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil pendirian untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Projek 'River of Life' bagi menjamin synergy yang lebih baik serta mengelakkan sebarang pertindihan. Melalui penglibatan negeri dalam Jawatankuasa Pemandu 'Greater KL/Klang Valley' kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mewujudkan 'River Protocol' bagi mengawal selia sumber sungai di negeri ini.

Selain itu, melalui Sub-Task Force Pembersihan Sungai di bawah Projek River of Life yang dipimpin oleh JPS, sebagai permulaan sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada Selangor di mana MPAJ sebagai agensi pelaksana akan membina Sistem Rawatan Air di salur keluar sistem perparitan utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Klang, Daerah Gombak Selangor bagi pengawalan mutu air. Projek tersebut sedang dalam proses penenderan dan dijangka disiapkan pada penghujung tahun 2011.

- b) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek yang unik kerana ianya merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI). Syarikat-syarikat yang telah di senarai pendek harus mengemukakan cadangan pembangunan untuk pertimbangan kerajaan negeri Selangor bagi membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai.

Usaha Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang dijangka akan berterusan dan dilaksanakan secara berfasa selama 15 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : BANJIR KILAT DI TAMAN SRI NANDING DAN SEBAHAGIAN  
KAWASAN PEKAN BATU 14 HULU LANGAT (HADAPAN  
KAMPUNG PAK CHAT)**

163. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri atau PBT untuk menangani masalah banjir di kawasan tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan kepada SUK telah dipohon untuk menaiktaraf keseluruhan longkang di Taman Sri Nanding kerana melibatkan kos yang terlalu tinggi.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : TANAH UNTUK SEKOLAH TAMIL DAN SEKOLAH CHINA**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila sebutkan tanah yang telah diperuntukkan kepada sekolah-sekolah tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Tanah yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah Tamil dan Cina di Mukim Ampang bagi tempoh 2008 sehingga kini adalah sebanyak 3.2106 hektar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK RM 100,000**

165. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah matlamat utama pelaksanaan projek rumah mampu milik di Negeri Selangor khususnya di Lembah Klang ?
- b) Sila nyatakan apakah perbezaan di antara rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor dengan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ?
- c) Sila senaraikan lokasi-lokasi yang sudah dikenalpasti bagi pelaksanaan projek tersebut dan jumlah bilangan unit yang ditawarkan serta apakah kriteria minima yang ditetapkan ?

**JAWAPAN:**

- a) Matlamat utama pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik Konsep Baru di Negeri Selangor adalah seperti berikut:
  - i. Memberi pilihan kepada rakyat Negeri Selangor khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan rumah yang lebih selesa pada harga yang mampu dimiliki dalam lingkungan RM85,000 berpatutan sehingga RM120,000. Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan Malaysia mendapati purata harga jualan rumah di Negeri Selangor pada tahun 2009 adalah RM272,285 seunit dan meningkat kepada RM301,443 seunit pada tahun 2010.
  - ii. Membantu golongan berpendapatan sederhana iaitu pendapatan di bawah RM5,000 sebulan khususnya golongan muda di bawah umur 35 tahun memiliki rumah pertama yang lebih selesa. Kajian mendapati penduduk di Negeri Selangor terdiri daripada 40% berpendapatan kurang RM2,500.00, 40% berpendapatan RM2,500.00 hingga RM5,000.00 dan 20% lagi berpendapatan melebihi RM5,000.00.
  - iii. Memberi pilihan kepada pemaju untuk menyediakan rumah mampu milik konsep baru di samping keperluan penyediaan rumah kos rendah.

- b) Antara Perbezaan ketara di antara rumah mampu milik yang dilaksanakan Kerajaan Negeri Selangor dengan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

<b>Perbezaan</b>	<b>Kerajaan Negeri</b>	<b>Kerajaan Persekutuan</b>
<b>Kelayakan Pendapatan</b>	Pendapatan isirumah di bawah RM5,000 sebulan	Pendapatan isirumah di bawah RM6,000 sebulan
<b>Harga Jualan</b>	Di bawah RM120,000 seunit	Antara RM150,000 hingga RM300,000 seunit.
<b>Saiz Rumah</b>	850 – 1,000 kaki persegi	850 – 1,400 kaki persegi.
<b>Kumpulan Sasaran</b>	1. Tidak memiliki rumah kecuali bagi mereka yang memiliki RKR lebih 5 tahun. 2. Keutamaan untuk golongan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Golongan di bawah 35 tahun.</li> <li>- Warga emas.</li> <li>- Golongan Kelainan Upaya (OKU).</li> </ul>	Terbuka kepada pembeli pertama.
<b>Kebenaran Pindah milik</b>	Selepas 5 tahun	Selepas 10 tahun

- c) Dalam tempoh 5 tahun (2011 – 2016) Kerajaan Negeri melalui PKNS telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit rumah mampu milik dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya.

Di samping projek perintis di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, PKNS juga telah mengenalpasti lokasi-lokasi bagi pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor seperti di Seksyen U10 Shah Alam, Kg. Temenggong di Gombak, Taman Sains Selangor 2 di Sepang, Kota Puteri di Kuala Selangor, Antara Gapi dan Bernam Jaya di Hulu Selangor.

Bagi memastikan pengagihan rumah mampu milik ini hanya untuk golongan sasaran, beberapa kriteria pemilihan telah ditetapkan iaitu:

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Berumur 18 tahun ke atas
- iii. Pemohon (suami / isteri) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor. Namun, pemohon yang telah memiliki RKR selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon rumah mampu milik sebagai rumah kedua.
- iv. Pemohon bujang yang mempunyai tanggungjawab keluarga boleh memohon.
- v. Berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.
- vi. Pembelian rumah ini adalah untuk didiami dan bukan untuk disewa.
- vii. Pindah milik hanya akan dibenarkan selepas 5 tahun dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : PERUNTUKAN DARI MARRIS**

166. Setiap kawasan Dewan Negeri Selangor diperuntukkan RM 1 juta bagi memperbaiki jalan-jalan di kawasan Dewan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS bagi Negeri Selangor?
- b) Ada kekeliruan antara pihak PBT di dalam menentukan tempat-tempat bagi memperbaiki jalan. Apakah keutamaan yang patut diberi tumpuan?
- c) Adakah ahli dewan negeri berhak menentukan tempat dibaiki jalan, kontraktor dan jumlah peruntukan?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah terimaan peruntukan MARRIS bagi Negeri Selangor sehingga Jun 2011 ialah sebanyak RM175,829,970.00. Perincian bagi jumlah terimaan dari tahun 2007 adalah seperti di bawah :-

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH TERIMAAN (RM)</b>
2007	276,723,369.00
2008	300,966,292.00
2009	315,627,131.00
2010	351,659,938.00
2011 sehingga bulan Jun 2011	175,829,970.00

- b) Sebaik sahaja ADN mencadangkan senarai kerja-kerja, ADN akan berbincang bersama-sama PBT yang berkenaan untuk penyediaan 'Bill Of Quantity" (BQ) dan anggaran kos setiap cadangan kerja-kerja. Persefahaman ini yang akan menjadi asas utama dalam memastikan keperluan dan keutamaan setiap cadangan kerja-kerja yang akan dilaksanakan. Keutamaan yang diberi tumpuan adalah penyelenggaraan jalan, pembaharuan muka jalan serta kerja-kerja tampalan jalan-jalan sedia ada. selain daripada itu, pembaikan dan penyelenggaraan bagi longkang yang telah rosak juga diberi keutamaan.
- c) Setiap ADN diberi tanggungjawab untuk mencadangkan senarai kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan longkang kepada PBT yang terlibat. bagi proses pelantikan kontraktor pula adalah menjadi tanggungjawab PBT untuk melaksanakannya dengan mematuhi prosedur dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Untuk makluman, siling peruntukan bagi kerja-kerja di bawah peruntukan MARRIS telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM1 juta bagi setiap DUN. Maka, ADN hanya diberi hak bagi penentuan cadangan senarai kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan longkang sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA GOLONGAN PEMANDU-PEMANDU  
TEKSI**

167. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar .

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai apa-apa perancangan khas untuk membantu golongan pemandu-pemandu Teksi di dalam Negeri Selangor pada masa kini?
- b) Sekiranya ada, apakah rangka bentuk rancangan-rancangan yang bakal atau sedang dijalankan bagi membantu golongan pemandu-pemandu teksi tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor ada membantu dalam apa jua cara sekalipun golongan pemandu-pemandu teksi di Negeri Selangor ini?

**JAWAPAN :**

- a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor masih dalam perancangan dan mempertimbangkan untuk meneliti sekiranya terdapat sebarang cadangan dalam pelbagai bentuk program yang dapat membantu golongan pemandu-pemandu teksi, khususnya di Negeri Selangor.
- b) Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti di jawapan a)
- c) Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor melalui Skim Mikro Kredit Miskin Bandar (MiMBAR) menawarkan bantuan pinjaman kepada masyarakat yang berpotensi untuk menambahkan pendapatan, khusus kepada golongan peniaga dan usahawan yang telah memulakan perniagaan. Bantuan pinjaman ini juga layak dinikmati oleh golongan pemandu-pemandu teksi yang mempunyai lesen permit persendirian yang sah bagi membantu menampung kos penyelenggaraan dan lain-lain yang berkaitan dalam usaha memberikan kemudahan perkhidmatan awam kepada masyarakat dan mendatangkan pendapatan kepada golongan tersebut.

Pemandu-pemandu teksi yang layak mendapatkan bantuan pinjaman ini, mestilah memenuhi antara syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- i) Anak kelahiran Negeri Selangor ;
- ii) Isteri atau suami pemandu teksi yang mempunyai pekerjaan dan berpendapatan tetap; dan
- iii) Mempunyai tanggungan ahli keluarga yang melebihi 4 orang.
- iv) Berkemampuan membuat pembayaran balik maksima selama satu (1) tahun berjadual.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KEJADIAN GEGARAN GEMPA BUMI DAN BENCANA ALAM**

168. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu lagi versi gegaran gempa bumi yang telah melanda beberapa kawasan di dalam Negeri Selangor

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri di dalam membendung dan mengelakkan kejadian bencana alam di kawasan tertentu terus berlaku?
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan atau telah mewujudkan kumpulan-kumpulan dan badan-badan yang dipertanggungjawabkan bagi menyelia setiap kawasan sasaran di dalam Negeri Selangor?
- c) Nyatakan kawasan terkini yang kerap dilanda gegaran gempa bumi di dalam Negeri Selangor dan apakah inisiatif dari Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Dari segi bencana alam, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Cerun di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan akan diikuti oleh beberapa Majlis lain seperti Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Shah Alam. Tujuan Unit ini ditubuhkan adalah untuk memantau dan menilai cerun-cerun yang terdapat di PBT masing-masing dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar untuk mempertimbangkan dan menilai cadangan pembangunan di kawasan bukit.
- b) Kejadian gempa bumi yang mengakibatkan berlaku gegaran kecil di Negeri Selangor semuanya berpunca dari aktiviti gempa bumi yang berpusat di Indonesia. Kejadian gempa bumi terakhir yang direkodkan berlaku pada 14 Jun 2011 dengan magnitud 5.4 berpusat di Sumatera Utara. Kesan gegaran adalah bergantung pada magnitud gempa bumi yang berlaku dan pada kebiasaannya ia hanya dirasai oleh penghuni di bangunan yang tinggi sahaja. setakat ini, tiada kerosakan major yang berlaku ke atas bangunan seperti keretakan struktur yang boleh mengakibatkan bangunan tidak selamat diduduki. di antara usaha Kerajaan Negeri bagi memberi kesedaran dan persiapan kepada penghuni yang terlibat adalah dengan mengadakan latihan seperti 'fire drill' supaya penghuni bangunan tinggi dapat membiasakan diri dengan latihan kecemasan sekiranya kejadian gegaran akibat gempa bumi.
- c) Di antaranya kawasan yang terlibat dengan kesan gegaran adalah Petaling Jaya, Subang Jaya, Puchong, Damansara, Shah Alam, Kelang, Putrajaya, K.Lumpur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : AHLI MAJLIS PBT**

169. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah prestasi Ahli Majlis PBT memenuhi kehendak rakyat?
- b) Bagi mereka yang kurang berprestasi, apakah tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan negeri?
- c) Berapakah peruntukan Ahli Majlis PBT dan perbelanjaan bulanan pejabat Zon PBT?

**JAWAPAN :**

- a) Keseluruhan prestasi Ahli-ahli Majlis PBT sehingga penggal ini adalah amat memuaskan kerana Ahli-ahli Majlis telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan berkesan. Inisiatif melalui pembahagian zon serta mewujudkan pejabat Ahli Majlis juga memudahkan penduduk mengenali dan menyampaikan aduan terus kepada Ahli Majlis yang dilantik di sesebuah zon. Berdasarkan pemantauan secara rawak, penduduk-penduduk setempat semakin aktif dalam menggerakkan persatuan masing-masing dengan adanya bantuan dan galakkan daripada Ahli Majlis. Ini telah menunjukkan bahawa rakyat menyenangi dengan kehadiran Ahli-ahli Majlis sebagai pengantara di antara penduduk dan PBT sekali gus memperlihatkan peningkatan prestasi Ahli Majlis di mata rakyat.

Walau bagaimanapun, hanya terdapat segelintir Ahli Majlis sahaja yang kurang aktif dalam penyampaian perkhidmatannya yang mungkin perlu diberi lebih pendedahan mengenai peranan sebenar sebagai Ahli Majlis.

- b) Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar setiap Parti Politik hendaklah bertanggungjawab untuk memberi nasihat ke atas mana-mana Ahli Majlis yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan namun dikekalkan jawatannya sebagai Ahli Majlis PBT. Tujuan keputusan ini dibuat adalah bagi memberi peluang kepada Ahli-Ahli Majlis berkenaan membuat penambahbaikan ke atas prestasinya dari segi perkhidmatan dan juga penyampaian terhadap Kerajaan Negeri, PBT dan penduduk setempat.

Walau bagaimanapun, sekiranya peluang yang diberikan oleh Kerajaan Negeri gagal untuk mempertingkatkan prestasi, **tempoh perkhidmatan** Ahli Majlis berkenaan tidak akan disambung semula seperti mana yang telah dilaksanakan sebelum ini.

- c) Jumlah peruntukan yang diberikan kepada Ahli-ahli Majlis pada setiap tahun adalah bergantung kepada kemampuan PBT masing-masing samada terdapat keperluan atau kemudahan lain yang disediakan. Buat masa ini, peruntukan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kepada PBT adalah peruntukan bagi bayaran Elaun Tetap dan Elaun Mesyuarat Ahli Majlis yang menelan belanja sejumlah RM4,185,920.00 dan RM4,278,890.00 pada tahun 2009 dan 2010 bagi seluruh PBT Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan kepada semua PBT untuk mewujudkan pejabat zon kepada setiap Ahli Majlis dan dihadkan perbelanjaan pejabat sejumlah RM2,500.00 sebulan. Kebanyakan PBT telah menggunakan bangunan kerajaan untuk dijadikan pejabat Ahli Majlis bagi menjimatkan kos sewaan.

Berikut adalah jumlah peruntukan lain yang disediakan kepada 24 orang Ahli Majlis mengikut kemampuan PBT di mana merangkumi program mesra rakyat /kerja-kerja pembangunan Ahli Majlis.

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM) (Setahun)</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	1,080,000.00
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2,400,000.00
3.	Majlis Perbandaran Klang	480,000.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	1,200,000.00
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2,568,000.00
6.	Majlis Perbandaran Selayang	480,000.00
7.	Majlis Perbandaran Kajang	480,000.00
8.	Majlis Perbandaran Sepang	720,000.00
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	336,000.00
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	500,000.00
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	480,000.00
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	240,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>10,964,000.00</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : AIR TERJUN SUNGAI GABAI, HULU LANGAT**

170. Air Terjun Sungai Gabai Hulu Langat merupakan destinasi pelancongan yang menarik bagi negeri Selangor dan menerima ramai pengunjung pada hujung minggu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri atau PBT mempunyai rancangan untuk menaiktaraf kawasan pelancongan tersebut ?
- b) Adakah kerajaan negeri atau PBT bercadang melebarkan jalan masuk ke kawasan air terjun terbabit yang begitu sempit dan menyukarkan pengunjung untuk datang ?
- c) Sila berikan maklumat lengkap badan ngo atau pihak swasta yang mengendalikan kawasan tersebut sekiranya tidak dikendalikan oleh pihak PBT ?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak PBT tidak mempunyai peruntukan sewajarnya bagi tujuan menaiktaraf kawasan tersebut dalam tempoh terdekat.
- b) Jalan yang dimaksudkan bukan diselenggara oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang kerana di luar kawasan operasi.
- c) Kawasan tersebut dikendalikan oleh JKK Bt 21 Kg Sg Lui Hulu Langat. Pihak yang terlibat boleh dihubungi En. Alias 019-659 6604.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANPA KELULUSAN**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengawal selia pembangunan tanpa kelulusan yang terdapat di kawasan luar bandar seperti tanah pertanian , kampung tradisi dan kampung baru?
- b) adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memasukkan semua kawasan luar bandar ke dalam kawasan penguatkuasaan PBT?
- c) apakah tindakan kerajaan terhadap pembangunan eko-pelancongan tanpa kebenaran di tepi sungai?

**JAWAPAN :**

- a) Pembangunan tanpa kelulusan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan ditadbir dan dikawal oleh PBT melalui penguatkuasaan di bawah Akta 172. Aktiviti – aktiviti yang boleh diambil tindakan adalah kesalahan yang berhubungan dengan pemajuan yang tidak dibenarkan seperti kegunaan tanah dan bangunan yang dijalankan tidak mematuhi Rancangan Tempatan, pemajuan tanpa kebenaran merancang dan pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang.
- b) Semua kawasan / tanah di kawasan Daerah di Negeri Selangor telah disusun semula dan dimasukkan di bawah pentadbiran PBT.
- c) Setiap Pembangunan eko-pelancongan sama ada di tepi sungai atau sebaliknya perlu mendapat kebenaran merancang daripada PBT. Pemajuan tersebut perlu mematuhi Garis Panduan dan Piawaian Pembangunan Dalam Koridor Sungai dalam Manual Garis Panduan dan Piawaian Negeri Selangor di mana hanya aktiviti pasif yang tidak mengancam pokok bakau dibenarkan dan struktur binaan yang mengunjur ke dalam sungai perlu mendapat kelulusan JPS. Sekiranya aktiviti ekopelancongan tersebut dijalankan tanpa kebenaran, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 172 boleh dikenakan kepada pemilik tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN MELAYU DAN INDIA**

172. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terbaru pembinaan kedua-dua pusat kebudayaan ini memandangkan perbincangan telah bermula sejak lebih tiga tahun yang lalu tetapi ianya masih belum ada apa-apa perkembangan terbaru?

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga kini, status pembinaan Pusat Kebudayaan Melayu dan India telah berada di peringkat mengenal pasti tapak yang bersesuaian. Bagi Pusat Kebudayaan Melayu, tapak telah pun dikenalpasti tetapi masih di peringkat kajian selanjutnya. Kini cadangan reka bentuk dan konsep pembangunan pusat kebudayaan berkenaan telahpun dikemukakan kepada Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan.

Bagi Pusat Kebudayaan India, tapak cadangan sedang dalam proses dikenal pasti dan dikaji dari sudut kesesuaian bagi pembangunan selanjutnya. Kini, Jawatankuasa Kecil masih menunggu cadangan reka bentuk dan pelan konsep pembangunan pusat kebudayaan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : MIMBAR**

173. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah orang pemohon Skim Mikrokredit MIMBAR dan berapakah orang yang telah mendapat kelulusan?
- b) Sila nyatakan pecahan mengikut kaum yang telah berjaya mendapat pinjaman Mikrokredit ini.
- c) Memandangkan kurangnya sambutan kaum cina, apakah langkah2 kerajaan negeri untuk memperbaiki keadaan ini?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah permohonan MiMBAR adalah sebanyak 5,360 pemohon dan permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 1,048 orang.
- b) Bilangan peserta berjaya mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>ETNIK/KAUM</b>	<b>PERMOHONAN DITERIMA</b>	<b>PESERTA BERJAYA</b>	<b>PERATUSAN (%) BERJAYA</b>
1	MELAYU	4,458	943	89.90
2	INDIA	744	79	7.54
3	CINA	157	25	2.39
4	ORANG ASAL	1	1	0.10
<b>JUMLAH</b>		<b>5,360</b>	<b>1,048</b>	<b>100.00</b>

- c) Sepanjang pelaksanaan Program MiMBAR SELANGOR ini rata-rata sambutan dari kalangan kaum Cina amatlah kurang memuaskan. Berbagai langkah promosi telah cuba dilakukan walaupun hasil sambutan sehingga kini masih berkurangan.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini adalah;

- 1 Mendapatkan bantuan daripada pegawai-pegawai MES dan PKD setiap kawasan untuk giat menyebarkan maklumat kepada penduduk terutama berbangsa Cina. Memandangkan borang-borang permohonan telahpun diberikan kepada setiap DUN, adalah diharapkan mereka menjalankan tanggungjawab mencari seramai mungkin peserta-peserta berbangsa Cina untuk memohon pinjaman MiMBAR.
- 2 Pihak MiMBAR akan membantu secara langsung dalam menyampaikan taklimat dan penerangan lanjut disamping menjalankan sesi soal jawab antara rakyat.
- 3 Mengedarkan brosur dan iklan dalam bahasa Cina dan akan disampaikan di sasaran miskin bandar berbangsa Cina
- 4 Taklimat dan program diadakan di kawasan Kg. Baru Cina dan penempatan rakyat miskin berbangsa Cina melalui penyelarasan di kawasan PBT-PBT terbabit
- 5 Salah satu isu yang timbul pula adalah permasalahan komunikasi yang mana ia diambil penting untuk berkomunikasi dengan rakyat Cina. Oleh itu, pihak MiMBAR Selangor akan mengambil kakitangan berbangsa Cina yang mahir bertutur dan menulis sekurang-kurangnya Cantonese dan Mandarin (iklan jawatan kosong telah dikeluarkan di Sin Chiew Jit Poh telah dikeluarkan pada 25hb Jun 2011) untuk memberi taklimat, membuat 'roadshow', menemuduga dan menyiasat sasaran bangsa Cina yang tidak mahir berbahasa Melayu atau Inggeris

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PENGENDALIAN ADUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI**

174. Pengendalian aduan yang ditujukan kepada Dato Menteri Besar kini, biasanya dirujuk oleh pejabat Yang Amat Berhormat kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan yang lain . Jawapan yang diterima daripada agensi tersebut seterusnya di hantar ke pengadu tersebut dan aduan tersebut berakhir dianggap selesai

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri dapat memastikan bahawa laporan yang diberikan oleh PBT, Jabatan atau agensi tersebut adalah tepat dan memenuhi kehendak pengadu tersebut ?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki pengendalian aduan ini agar tindakan dan laporan PBT dan Jabatan Kerajaan tersebut itu diteliti semula diperingkat Kerajaan Negeri sebelum dikemukakan kepada pengadu.

**JAWAPAN :**

- a) Pengendalian aduan yang ditujukan kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor akan dikemukakan secara terus kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkaitan untuk maklum balas lanjut. Di dalam meneliti laporan yang disediakan oleh Jabatan/Agensi tersebut, beberapa perkara sentiasa diberi perhatian seperti:-
  - i. Punca sebenar permasalahan tersebut berlaku;
  - ii. *Legal standi* pengadu dalam perkara yang diadukan;
  - iii. Legaliti tindakan yang dibuat oleh Jabatan/Agensi sama ada mengikut peraturan serta undang-undang yang sedang berkuat kuasa; DAN
  - iv. Adakah tindakan Jabatan/Agensi tersebut tindakan yang terbaik dalam menyelesaikan permasalahan yang dibangkitkan.

Secara umumnya, kesemua aspek di atas telah pun diberi penjelasan yang sewajarnya oleh Jabatan/Agensi. Walaubagaimanapun, Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sering mendapat aduan berulang daripada pihak pengadu yang masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat Jabatan/Agensi sama ada dari pengadu yang sama atau pihak lain yang terkesan akibat keputusan itu.

Di dalam usaha memastikan semua pihak berpuas hati dan mencapai situasi menang-menang (*win-win situation*), Pejabat Menteri Besar Selangor telah mengesyorkan supaya Jabatan/Agensi yang menerima aduan berulang untuk mengadakan rundingan bersama pihak-pihak yang berkepentingan supaya keputusan yang dibuat adalah yang paling adil dan saksama.

Walaupun bagaimanapun, jika permasalahan yang dimaksudkan terlalu rumit dan khususnya yang melibatkan konflik dalam masyarakat umum, Jabatan/Agensi adalah disyorkan supaya membawa permasalahan tersebut untuk perhatian Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Melalui platform yang diwujudkan ini, Jabatan/Agensi boleh menyenaraikan pilihan-pilihan yang ada untuk diputuskan oleh mesyuarat. Kerajaan Negeri Selangor memberi jaminan bahawa setiap permasalahan rakyat yang mempunyai merit serta asas akan diberi perhatian sewajarnya. Prinsip kepentingan umum (*public interest*) sentiasa menjadi asas pertimbangan kepada segala keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Justeru itu, mana-mana pihak yang masih terkilan dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor yang didapati tidak memihak kepada mereka harus memahami dan mengamalkan sikap bertolak ansur kerana keputusan yang dibuat itu pada asasnya telah mengambil kira semua faktor terutamanya kepentingan umum (*public interest*).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MASALAH SOSIAL DI NEGERI SELANGOR**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan terkini yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah sosial ketika ini.
- b) Apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini.

**JAWAPAN:**

- a) Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial disediakan sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan menangani gejala sosial secara holistik dan bersepadu. Ianya meliputi semua aspek bagi memastikan tindakan menangani gejala sosial dapat dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Selamat, Sejahtera dan Berkeadilan. Semua Program Menangani Gejala Sosial akan dikenali sebagai **Program Generasi Idaman Selangor (GeMS)**.

Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) adalah satu langkah serius yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani isu gejala sosial yang melanda masyarakat di Negeri Selangor. Satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri Selangor yang dipengerusi oleh YB Dr Hajah Halimah Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor.

Jawatankuasa yang bersifat inklusif dan telah diwujudkan di setiap Daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor JAIS, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, JKKK, Jabatan Pelajaran Selangor, Pertubuhan Belia, Pertubuhan Wanita, Majlis Permuafakatan Guru MPPBIG, Majlis Permuafakatan Tadika Selangor, Majlis Intitutsi Pendidikan Islam Selangor, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, Ketua-ketua kaum, Persatuan Pesara, Kaunselor dan Agensi dan NGO,s yang berkaitan.

Kerajaan Negeri bersetuju untuk menggunakan pendekatan bersepadu iaitu 5P :

- 1) Pembangunan           *(Development)*
- 2) Pencegahan           *(Prevention)*
- 3) Pencilahan           *(Intervention)*
- 4) Penguatkuasaan       *(Enforcement)*
- 5) Pemulihan            *(Rehabilitation)*



- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor telah melaksanakan sebanyak 31 Program Menangani Gejala sosial pada tahun 2010. Manakala pada tahun 2011 sehingga Jun 2011 sebanyak 10 Program dilaksanakan.

Antara Program-program yang berjaya dilaksanakan dalam usaha menangani gejala sosial adalah seperti berikut :

BIL	PROGRAM	OBJEKTIF/FOKUS
a)	Bengkel Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor	Merancang Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial yang melibatkan semua Jabatan/Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's).
BIL	PROGRAM	OBJEKTIF/FOKUS
b)	Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS)	Membangkitkan kesedaran kepada pemimpin dan masyarakat mengenai tanggungjawab menangani gejala sosial secara kolektif dan peranan mereka untuk menjayakannya di seluruh Negeri Selangor.
c)	<b>Program Pencegahan Zina</b> I. Kempen Anti Zina. II. Majlis Perkhawinan Perdana.	Memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai bahaya zina dan langkah menanganinya.
d)	Program Sembang Santai.	Memberi nasihat kepada golongan remaja dan belia dalam bentuk santai.
e)	Kursus Jati Diri GeMS.	Memberi pendedahan kepada remaja mengenai bahayanya terjebak dalam masalah gejala sosial melalui aktiviti berfaedah.
f)	<b>Program Pengupayaan Pemimpin</b> I. Kursus Kepimpinan Masyarakat Kawasan Fokus.	Pimpinan Masyarakat di kawasan fokus diberi pendedahan mengenai tanggungjawab dalam menangani gejala sosial di kawasan mereka.

g)	Program Jalinan Kasih.	Melahirkan masyarakat yang mengambil berat diantara satu sama lain dalam menangani masalah gejala sosial.
<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>OBJEKTIF/FOKUS</b>
f)	<b>Program Anti dadah</b> I. Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) Bebas Dadah.	Memberi pendedahan kepada mahasiswa dan pelajar sekolah mengenai bahaya dadah.
g)	Program Jom Jadi Generasi Idaman Selangor (GeMS).	Memberi pendedahan mengenai cara berhibur yang berfaedah dan berkualiti.

Perlaksanaan program di atas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri begitu prihatin terhadap masalah gejala sosial di Negeri Selangor yang semakin meningkat. Oleh itu, dengan perlaksanaan program di atas merupakan usaha Kerajaan bagi mengurangkan masalah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : BEKALAN AIR PERCUMA UNTUK RUMAH PANGSA KOS RENDAH**

176. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah rumah pangsa kos rendah yang telah mendapat kemudahan kupon air percuma?
- b) Sila jelaskan kawasan-kawasan yang telah mendapat kemudahan ini mengikut PBT.

**JAWAPAN :**

- a) Setakat ini sejumlah 223 kawasan melibatkan 61,873 unit pangsapuri kediaman kos rendah telah mendapat kemudahan rebet pemberian air percuma.
- b) Senarai kawasan pangsapuri kos rendah yang telah mendapat rebet air percuma mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:

**A- MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (42 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Seri Melewar, U1
2. Pangsapuri Orkid, Desa Subang
3. Pangsapuri Mentari, U5
4. Pangsapuri Sunway Sinar, U9
5. Pangsapuri Rimau Indah, Seksyen 32
6. Pangsapuri Seri Murni, U5
7. Pangsapuri Seri Era, Seksyen 36
8. Pangsapuri Blok 54, Seksyen 7 Shah Alam
9. Pangsapuri Blok 53, Seksyen 7 Shah Alam
10. Pangsapuri Blok 3, Seksyen 20 Shah Alam
11. Pangsapuri Blok 4, Seksyen 20 Shah Alam
12. Pangsapuri Jalan Kobis 24/30, Seksyen 30 Shah Alam
13. Pangsapuri Blok 45, Seksyen 7 Shah Alam
14. Pangsapuri Blok 46, Seksyen 7 Shah Alam
15. Pangsapuri Blok 47, Seksyen 7 Shah Alam
16. Pangsapuri Blok 50, Seksyen 7 Shah Alam
17. Pangsapuri Blok 51, Seksyen 7 Shah Alam
18. Pangsapuri Blok 48, Seksyen 7 Shah Alam
19. Pangsapuri Blok 44, Seksyen 7 Shah Alam
20. Pangsapuri Blok 38-43, Seksyen 7 Shah Alam
21. Pangsapuri Blok 52, Seksyen 7 Shah Alam
22. Pangsapuri Blok 55, Seksyen 7 Shah Alam
23. Pangsapuri Blok 56, Seksyen 7 Shah Alam
24. Pangsapuri Blok 57, Seksyen 7 Shah Alam
25. Pangsapuri Blok 58, Seksyen 7 Shah Alam
26. Pangsapuri Blok 49, Seksyen 7 Shah Alam
27. Pangsapuri Blok 12-14, Seksyen 6 Shah Alam
28. Pangsapuri Blok 1-22, Seksyen 8 Shah Alam

29. Pangsapuri Jalan 6/6, Seksyen 6 Shah Alam
30. Pangsapuri Jalan 17/24, Seksyen 17 Shah Alam
31. Pangsapuri Blok 3, Seksyen 18 Shah Alam
32. Pangsapuri Blok 2, Seksyen 18 Shah Alam
33. Pangsapuri Blok 5, Seksyen 18 Shah Alam
34. Pangsapuri Blok 7, Seksyen 19 Shah Alam
35. Pangsapuri Blok 6, Seksyen 19 Shah Alam
36. Pangsapuri Blok 8, Seksyen 19 Shah Alam
37. Pangsapuri Blok 14, Seksyen 20 Shah Alam
38. Pangsapuri Blok 13, Seksyen 20 Shah Alam
39. Pangsapuri Blok 16, Seksyen 20 Shah Alam
40. Pangsapuri Blok 15, Seksyen 20 Shah Alam
41. Pangsapuri Blok 17, Seksyen 20 Shah Alam
42. Pangsapuri Blok 18, Seksyen 20 Shah Alam

**B- MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (19 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Lestari
2. Pangsapuri Desa Mentari Blok 1-8
3. Pangsapuri Desa Mentari Blok 10
4. Pangsapuri Vista Subang
5. Pangsapuri Utama Blok C & D
6. Pangsapuri Flora Damansara Blok A & B
7. Pangsapuri Desaria Fasa 5B
8. Pangsapuri Damai
9. Pangsapuri Desa Perangsang A & B
10. Pangsapuri Sri Pelangi
11. Pangsapuri Sri Ara
12. Pangsapuri Impian Baiduri
13. Pangsapuri Taman sri Aman
14. Pangsapuri Medan Cahaya Blok A-C
15. Pangsapuri Medan Cahaya Blok D-F
16. Pangsapuri Medan Cahaya Blok G-H
17. Pangsapuri Desa Sepakat Blok A & B
18. Pangsapuri Kelompok Bidara Blok A
19. Pangsapuri Kelompok Bidara Blok B (Permai)

**C- MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (27 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Seri Mutiara
2. Pangsapuri Sri Tanjung
3. Pangsapuri Seri Kayan
4. Pangsapuri Taman Seksyen 2 (Blok Angsana, Bougenvilla, Carnation & Daisy)
5. Pangsapuri Enggang
6. Pangsapuri Seri Begonia
7. Pangsapuri Puchong Permai Blok F1-F4
8. Pangsapuri Puchong Permai Blok F5-F8
9. Pangsapuri Puchong Permai Blok F9-F10
10. Pangsapuri Sri Pulai
11. Pangsapuri Angsana Blok A
12. Pangsapuri Angsana Blok B
13. Pangsapuri Angsana Blok C
14. Pangsapuri Angsana Blok D
15. Pangsapuri Angsana Blok E
16. Pangsapuri Angsana Blok F
17. Pangsapuri Angsana Blok G
18. Pangsapuri Angsana Blok H
19. Pangsapuri Mutiara Subang
20. Pangsapuri Sri Dahlia
21. Pangsapuri Seri Pagi
22. Pangsapuri Kampung Seri Aman
23. Pangsapuri Anggerik
24. Pangsapuri Putra Permai 1A
25. Pangsapuri Putra Permai 1B (Bakawali)
26. Pangsapuri Putra
27. Pangsapuri Ruselia

**D- MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (45 KAWASAN)**

1. Pangsapuri 700 Pandan Perdana
2. Pangsapuri Taman Ampang Mewah, Jalan Mewah 6
3. Pangsapuri Taman Ampang Mewah, Jalan Mewah 8
4. Pangsapuri Taman Industri Lembah Jaya Blok A
5. Pangsapuri Sri Intan
6. Pangsapuri Al-Ridhuan
7. Pangsapuri 610 Pandan Indah
8. Pangsapuri Nusa Kurnia
9. Pangsapuri Merpati A
10. Pangsapuri Merpati B
11. Pangsapuri Desa Lembah Permai Blok 2
12. Pangsapuri Jalan Pandan Indah 1 Blok A & B
13. Pangsapuri Jalan Pandan Indah 1 Blok C
14. Pangsapuri Jalan Pandan Indah 1 Blok D
15. Pangsapuri Cemara 1 & 2
16. Pangsapuri Mesra Ria
17. Pangsapuri Kenanga

18. Pangsapuri Meranti
19. Pangsapuri Kampung Tasek Tambahan Blok 1
20. Pangsapuri Bukit Baru
21. Pangsapuri Pandan Cahaya 120 unit
22. Pangsapuri Pandan Cahaya 240 unit
23. Pangsapuri Sri Nilam
24. Pangsapuri Sunrise
25. Pangsapuri Jalan Wawasan 3 Blok Kemboja
26. Pangsapuri Tanjung Merdeka Villa
27. Pangsapuri Mutiara Taman Sri Merdeka Blok C
28. Pangsapuri Jed Taman Sri Merdeka Blok B
29. Pangsapuri Delima Taman Sri Merdeka Blok A
30. Pangsapuri Mega Indah
31. Pangsapuri Blok 7, Jalan AU 3/1
32. Pangsapuri Blok 10, Jalan AU 3/1
33. Pangsapuri Blok 9, Jalan AU 3/1
34. Pangsapuri Blok 8, Jalan AU 3/1
35. Pangsapuri Blok 12, Jalan AU 3/1
36. Pangsapuri Blok 11, Jalan AU 3/1
37. Pangsapuri Blok 15, Jalan AU 3/1
38. Pangsapuri Blok 14, Jalan AU 3/1
39. Pangsapuri Blok 13, Jalan AU 3/1
40. Pangsapuri Blok 2, Jalan Tasek Tambahan 2
41. Pangsapuri Blok 4, Jalan Tasek Tambahan 1
42. Pangsapuri Blok 3, Jalan Tasek Tambahan
43. Pangsapuri Taman Permai Jaya Blok A
44. Pangsapuri Taman Permai Jaya Blok B
45. Pangsapuri Jalan AU 2A Blok Merak

**E- MAJLIS PERBANDARAN KLANG (47 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Blok Mawar
2. Pangsapuri Blok Cempaka
3. Pangsapuri Mutiara Fasa 2 Bukit Raja
4. Pangsapuri Taman Permai Indah Blok A
5. Pangsapuri Taman Permai Indah Blok B
6. Pangsapuri Taman Permai Indah Blok C
7. Pangsapuri Taman Permai Indah Blok D
8. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok A
9. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok B
10. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok C
11. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok D
12. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok E
13. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok F
14. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok G
15. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok H
16. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok J
17. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 1 Blok K
18. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok A
19. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok B
20. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok C

21. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok D
22. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok E
23. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok F
24. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok G
25. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok H
26. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok I
27. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok J
28. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok K
29. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok L
30. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok M
31. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok N
32. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok O
33. Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi 2 Blok P
34. Pangsapuri Sri Angkasa Blok J
35. Pangsapuri Taman Raja Uda
36. Pangsapuri Seri Perantau Blok A
37. Pangsapuri Seri Perantau Blok B
38. Pangsapuri Seri Perantau Blok C
39. Pangsapuri Seri Perantau Blok D
40. Pangsapuri Seri Perantau Blok E
41. Pangsapuri Seri Perantau Blok F
42. Pangsapuri Seri Perantau Blok G
43. Pangsapuri Seri Perantau Blok H
44. Pangsapuri Seri Perantau Blok I
45. Pangsapuri Seri Perantau Blok J
46. Pangsapuri Seri Perantau Blok K
47. Pangsapuri Seri Perantau Blok L

**F- MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (17 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Tasik Sungai Chua
2. Pangsapuri Taman Sri Kenari Blok A
3. Pangsapuri Taman Tanming Indah Blok Indah
4. Pangsapuri Bandar Damai Perdana Fasa 1
5. Pangsapuri Taman Cheras Awana Blok D
6. Pangsapuri Seri Mesra
7. Pangsapuri Taman Asa Jaya
8. Pangsapuri Sri Murni, Taman Pinggiran Sungai Long
9. Pangsapuri Taman Desa Wangsa Blok A
10. Pangsapuri Taman Alam Jaya
11. Pangsapuri Suteramas, Sungai Chua
12. Pangsapuri Bandar Damai Perdana Fasa 1F1
13. Pangsapuri Sri Cempaka, Seksyen 16  
Bandar Baru Bangi Blok C
14. Pangsapuri Sri Cempaka, Seksyen 16  
Bandar Baru Bangi Blok D
15. Pangsapuri Sri Cempaka, Seksyen 16  
Bandar Baru Bangi Blok E
16. Pangsapuri Sri Cempaka, Seksyen 16  
Bandar Baru Bangi Blok F
17. Pangsapuri Sri Cempaka, Seksyen 16  
Bandar Baru Bangi Blok G

**G- MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (20 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Kota Warisan Selayang Bahagia
2. Pangsapuri Batai, Selayang Heights
3. Pangsapuri Sri Laman, Taman Industri Bolton
4. Pangsapuri Taman Pinggiran Indah Blok Camar
5. Pangsapuri Laksamana Jaya Blok A
6. Pangsapuri Laksamana, Kampung Laksamana
7. Pangsapuri Kenanga Taman Gombak Permai
8. Pangsapuri Cempaka Taman Gombak Permai
9. Pangsapuri Delima Taman Tun Teja
10. Pangsapuri Kenanga Taman Tun Teja
11. Pangsapuri Dahlia Taman Tun teja
12. Pangsapuri Cempaka Taman Tun Teja
13. Pangsapuri Danau Rebung Blok A
14. Pangsapuri Danau Rebung Blok B
15. Pangsapuri Amaniah, Taman Amaniah Mulia
16. Pangsapuri Saujana Ria
17. Pangsapuri Prima Selayang Blok A & B
18. Pangsapuri Prima Selayang Blok C & D
19. Pangsapuri Selayang Sejati
20. Pangsapuri Desa Aman Puri, Kepong

**H- MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (1 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Cengal

**I- MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (4 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Taman Dato' Hormat
2. Pangsapuri Taman Langat Utama Blok G & H
3. Pangsapuri Sri Pelangi, Tanjung Sepat
4. Pangsapuri Carnation D' Menara

**J- MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (1 KAWASAN)**

1. Pangsapuri Seri Kiambang



Sehingga kini, hanya **43 kawasan** pangsapuri kos rendah yang telah **berjaya membuat tuntutan** rebet air percuma. Faktor-faktor yang menyebabkan lain-lain kawasan pangsapuri masih belum membuat tuntutan rebet air percuma seperti berikut:

- i- 43 kawasan yang telah membuat tuntutan rebet air percuma adalah daripada 86 kawasan pangsapuri kos rendah yang dikenalpasti sehingga bulan Mac 2011. Manakala, baki 138 kawasan yang belum mengemukakan tuntutan rebet air percuma sebenarnya baru bermula **secara berperingkat-peringkat** seperti berikut:
  - **52 kawasan** tambahan bermula bulan **April 2011**
  - **85 kawasan** tambahan bermula bulan **Mei 2011**
- ii- Sebahagian besar pangsapuri kos rendah didapati **TIDAK MAMPU** melaksanakan program pemberian air percuma walaupun JMB/MC telah ditubuhkan kerana sistem pengurusan bangunan mereka masih tidak teratur berikutan tenaga kerja yang terhad dan tidak mencukupi untuk menguruskan pemberian air percuma melalui kupon.

Justeru itu, Kerajaan Negeri sedang mengkaji supaya mekanisme tuntutan rebet air percuma lebih dipermudahkan di samping menekankan aspek-aspek keselamatan bagi mengelakkan pemberian rebet air percuma disalahgunakan. Kerajaan Negeri juga sedang mempergiatkan usaha-usaha pemantauan bersama Pesuruhjaya Bangunan di kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan terlibat supaya program pemberian air percuma dilaksanakan secara menyeluruh kepada penghuni-penghuni pangsapuri kediaman kos rendah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUMAHAN PJS1, RUMAH PANJANG**

177. Kes perobohan rumah panjang PJS1, jelas menunjukkan tindakan pemaju yang engkar dan tidak mementingkan perumahan kos rendah untuk rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri ingin memperkenalkan beberapa polisi baru yang dapat mengawal pemaju-pemaju agar mereka tidak lari dari tanggungjawab sosialnya dan membina rumah kos rendah terlebih dahulu sebelum projek pembangunan lain di luluskan ?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebagai pengawal pembangunan untuk memastikan kes-kes seperti rumah panjang PJS1 tidak berlaku lagi ?

**JAWAPAN :**

- a)
  - i. Pihak Berkuasa Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan perlu mensyaratkan kepada pemaju supaya membina Rumah Kos Rendah terlebih dahulu atau serentak dengan pembangunan lain setelah meluluskan skim pembangunan yang mempunyai perumahan kos rendah.
  - ii. Pihak Berkuasa Tempatan diminta tidak menerima pelan pembangunan lain dalam skim pembangunan pihak pemaju sekiranya mereka masih belum memulakan pembinaan Rumah Kos Rendah dalam skim pembangunan atau pembinaan Rumah Kos Rendah yang tidak disediakan mengikut jadual.
- b)
  - i. Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengadakan mesyuarat khas setiap bulan bersama pihak pemaju dan lain-lain agensi kerajaan terlibat bagi memantau, mendapatkan laporan terkini serta menyelesaikan masalah-masalah yang timbul semasa pembinaan Rumah Kos Rendah dan untuk memastikan penyiapan Rumah Kos Rendah tersebut dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut Surat Perjanjian Jual Beli Rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : ASPEK KESELAMATAN DALAM MENJAGA HARTA KERAJAAN –  
SAR/SRA SELURUH SELANGOR**

178. Terdapat banyak kes SAR/SRA telah dipecah masuk mengakibatkan banyak kehilangan harta benda kerajaan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan kerajaan untuk menangani aspek keselamatan untuk mengekang kehilangan harta kerajaan di SAR/SRA.
- b) Berapakah sekolah SAR/SRA yang mempunyai pengawal keselamatan sepenuh masa 24 jam?

**JAWAPAN :**

- a) Jabatan telah melantik syarikat untuk mengawal aset kerajaan mengikut kemampuan peruntukkan. Maklumat tahap sekolah seperti berikut :

BIL	TAHAP SEKOLAH	JUMLAH
1.	Sekolah Ren.Agama Integrasi	11 Buah
2.	Maahad Tahfiz Sains & Teknologi	2 Buah
3.	Sekolah Rendah Agama	31 Buah sekolah
4.	KAFA / Sekolah Agama Rakyat	Tiada
5.	Prasekolah	Tiada

Mengikut kemampuan peruntukkan.

- b) Hanya sebuah sekolah iaitu SRA Sijangkang Jaya yang mempunyai pengawal keselamatan sepenuh masa kerana Sekolah melaksanakan 1 sesi pengajaran dan pembelajaran. Sekolah yang melaksana 2 sesi pengajaran dan pembelajaran , pengawal keselamatan yang bertugas hanya dari jam 6.00 petang hingga 7.00 Pagi. Ini disebabkan pada jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan warga sekolah ada di kawasan sekolah. Tujuan pelaksanaan dasar ini untuk dilaksanakan supaya banyak bilangan sekolah dapat perkhidmatan pengawal walaupun tidak 24 jam.

Tiada pengawal keselamatan di SAR ( KAFA Integrasi)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PERLANTIKAN BARU BERMULA 2011 DI SELURUH PBT, GLC,  
JABATAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Senaraikan pelantikan baru YDP dan Datuk Bandar di semua PBT
- b) Senaraikan pelantikan ahli-ahli pengarah yang dilantik dalam semua GLCs Selangor
- c) Senaraikan pelantikan ketua-ketua pengarah jabatan-jabatan berkanun

**JAWAPAN :**

- a) Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah melantik seorang Datuk Bandar dan tiga (3) orang Yang Dipertua (YDP) yang baru iaitu:

Bil	PBT	Nama	Tarikh Lantikan
1.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	YBhg Dato' Zainal Abidin bin A'ala	16 Mac 2011
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	YBhg Dato' Haji Mohd Jaafar bin Hj Mohd Atan	1 April 2011
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	YBhg Dato' Asmawi bin Kasbi	1 Jun 2011
3.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Puan Noraini binti Roslan	1 Julai 2011

- b) Berikut disenaraikan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dalam semua GLCs Selangor:

- 1) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB):
  - YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
  - Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
  - YB Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi
  - YB Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman
  - YM Raja Haji Idris bin Raja Kamarudin

- 2) Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor:
- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
  - YB Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi
  - YB Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman
  - YBhg. Tuan Haji Mohd Adenan Bin Derman
  - YB Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali
  - Encik Ilham Bin Marzuki
- 3) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB):
- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
  - YB Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman
  - YBhg Dato' Noordin Bin Sulaiman
  - YBhg Dato' Haji Ahmad Bin Omar
  - YB Azan Bin Ismail
  - YBhg Dato' Rahmat Bin Jamari
  - Tuan Haji Md Yusof Bin Hussin
- 4) Selangor State Investment Corporation (SSIC):
- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
  - YB Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi
  - YB Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman
  - YB Puan Teresa Kok Suh Sim
  - YB Dato' Dr. Hassan bin Mohd Ali
  - YB Tuan Dr. Yaakob Sapari
  - YBhg Dato' Noordin Bin Sulaiman
  - Dato' Mohd Jabar Ahmad Kembali

5) Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS):

- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
- YB Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi
- YB Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman
- YB Datin Paduka Zauyah Be T. Loth Khan
- Dato' Setia Hj Mohamad Adzib Mohd Isa
- SS Haji Marzuki bin Hussin
- Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir
- Prof. Dato' Dr. Sidek Baba
- Dato' Dr Hasan Hj Mohamed Ali
- Prof. Dato' Dr. Aziuddin Ahmad

6) Tourism Selangor:

- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
- YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping
- YBhg Dato' Noordin Bin Sulaiman
- YB Tuan Edward Lee Poh Lin
- YBhg Datin Jasmine Abdullah Heng
- En. Perremal a/l Maruthamuthu
- Mr Wong Kim Hooi
- YB Gwo-Burne Loh
- YB Tuan Haji Khasim bin Abdul Aziz
- YB Tuan Dr Mohd Nasir bin Hashim

7) Universiti Selangor (Unisel):

- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
- Datuk Dr. Rosti Saruwono
- YB Datin Paduka Zauyah Be T. Loth Khan
- YB Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman
- YBhg Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie bin Bardaie
- YB Puan Dr. Halimah binti Ali
- YBhg Dato' Dr. Adnan bin Alias
- YBhg Dato' Dr. Mohamed Ariffin bin Aton
- YB Dr. Che Rosli bin Che Mat
- YB Dato' Rashid bin Din
- YBhg Cik Faekah binti Haji Husin

8) Majlis Sukan Negeri Selangor

- YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
- YB Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi
- YBhg Dato' Tarmedi bin Haji Omar
- YB Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman
- Tuan Haji Makruzi bin Haji Iksan
- Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
- YBhg Tuan Tukiman bin Nail
- YBhg Dato' Hj. Jaafar Bin Hj. Mohd Atan
- YBhg Dato' Amiruddin bin Hj Mohd Radzi
- Encik Tan Chin Siea
- Encik Kula Chelliah
- YBhg Dato' Abdul Malik bin Mohd Salleh
- YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
- YBhg Dato' Noordin b Sulaiman

- c) Terdapat enam (6) badan berkanun di Negeri Selangor dan disenaraikan Pengarah bagi setiap Badan Berkanun Negeri seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Badan Berkanun</b>	<b>Ketua Pengarah</b>
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)	Puan Mastura binti Hj Muhamad
2	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Puan Hajjah Azlinda binti Azman
3	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	Tuan Haji Md Khairi Bin Selamat
4	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	YBhg Datin Paduka Alinah binti Ahmad
5	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Encik Othman bin Haji Omar
6	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS)	Tuan Haji Ali bin Ahmad



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG.PELEK)**

**TAJUK : PERANAN PENASIHAT EKONOMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

180. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah penasihat Ekonomi dapat membantu dalam pembangunan ekonomi negeri?
- b) Sila nyatakan contoh sumbangan yang berjaya dibawa oleh penasihat ekonomi negeri.

**JAWAPAN :**

- a) Penasihat Ekonomi mempunyai pengalaman yang lama dan pada tahap tertinggi di dalam Kerajaan. Beliau juga mempunyai pengalaman di peringkat badan-badan dunia seperti UNESCO dan Bank Dunia.

Selama 16 tahun di dalam kerajaan, beliau telah mahir dalam selok belok birokrasi dan boleh mengambil pengajaran mengenai pendekatan yang berkesan dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan berpandukan pengalaman beliau.

Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mentadbir buat penggal yang pertama dan banyak mengguna pakai nasihat beliau mengenai pendekatan dan kaedah pelaksanaan yang berkesan.

- b) Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mengangkat dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sebagai dasar utama pentadbiran kerajaan negeri. Ini adalah satu anjakan yang besar berbanding dengan kerajaan sebelum ini yang mengaut kekayaan negeri tetapi tidak sampai kepada rakyat.

Penasihat Ekonomi memainkan peranan utama di belakang tabir yang menekankan pendekatan dasar ekonomi pro-rakyat seperti ini. Penasihat Ekonomi menghabiskan masa yang banyak untuk membuahakan dasar-dasar yang terus menjaga kebajikan rakyat, termasuklah pengenalan skim mikrokredit kepada rakyat.

Sumbangan beliau yang terus menentukan keutamaan yang nyata kepada Kerajaan Negeri banyak membantu kejayaan dasar-dasar ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : TANAH RUNTUH DI JALAN AMPANG HULU LANGAT DAN  
JALAN SUNGAI LUI (BERHAMPIRAN SIMPANG KE KUALA  
KELAWANG)**

181. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menyelesaikan dengan kadar segera masalah ini demi keselamatan pengguna jalan raya yang melalui kawasan tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JKR Selangor telah selesai menjalankan kajian dan rekabentuk bagi membaikpulih lokasi tanah runtuh di Jalan Ampang – Hulu Langat. Tender projek ini akan diiklankan pada awal September 2011 dan dijangka akan bermula pada awal Oktober 2011.

Langkah-langkah pencegahan awalan seperti menutup permukaan cerun dengan kepingan plastik dan pemasangan tanda-tanda amaran kepada pengguna jalan raya telah dilaksanakan oleh pihak JKR sementara menunggu pembaikan kekal yang akan dijalankan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PERLANTIKAN PEGUAM MEWAKILI KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

182. Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah melantik peguam untuk melawan dalam kes saman melibatkan ADUN Pelabuhan Klang, ADUN Seri Muda, dan Perlantikan YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam melantik peguam bagi mewakili kes tersebut.
- b) Senaraikan nama-nama syarikat guaman yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri.
- c) Apakah kriteria dalam pemilihan syarikat-syarikat guaman tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Kos yang terlibat dalam melantik peguam bagi mewakili kes ADUN Pelabuhan Klang, ADUN Seri Muda dan Pelantikan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM165,000.00 (setakat 4.7.2011).
- b) Senarai syarikat guaman yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan ADUN yang berkaitan seperti berikut:

<b>KES</b>	<b>SYARIKAT GUAMAN</b>
Saman ADUN Pelabuhan Klang	Tetuan Tommy Thomas
ADUN Seri Muda	Tetuan Kanesalingam & Co. (dilantik sendiri oleh YB. Seri Muda)
Pelantikan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dr. Aziz Bari</li><li>• Dato' Param Cumaraswamy (merupakan orang perseorangan tanpa syarikat guaman)</li></ul>

- c) Pemilihan Syarikat guaman tersebut adalah kerana mereka berkaliber dan berwibawa dalam bidang perundangan masing-masing. Tugas mereka adalah untuk menegakkan keadilan kepada rakyat dan sehingga kini telah menjalankan tugas dengan profesional serta telus.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PERKEMBANGAN INDUSTRI DI DAERAH KUALA SELANGOR**

183. Peluang pekerjaan di Daerah Kuala Selangor kurang dan usaha-usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan mestilah di mulakan. Jika sektor perindustrian dimajukan, ia akan memberi peluang pekerjaan kepada lebih kurang 5000 belia di daerah ini. Malah kawasan IKS di Bandar Kuala Selangor yang dimajukan oleh PKNS tidak berjaya dan sebahagian besar daripada tapak ditinggalkan tanpa sebarang aktiviti. Ini adalah kerana sewa yang tinggi dikenakan kepada penyewa.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah untuk memulihkan sektor IKS di Daerah Kuala Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang sedang di ambil untuk membawa industri industri besar ke Daerah Kuala Selangor ?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam pelan pembangunan bagi tapak yang dimajukan oleh PKNS di Bandar Kuala Selangor, PKNS telah menyediakan 5 lot tapak industri seluas 11.82 ekar untuk industri IKS. Dari jumlah berkenaan, 1 lot (2.97 ekar) telah dijual kepada Syarikat Medidata Sdn Bhd yang akan mengeluarkan produk Pharmaceutical. Mengikut perancangan pihak Medidata Sdn Bhd, operasi syarikat dijangka bermula pada bulan Jun 2012 yang akan menyediakan 500 – 1,000 peluang pekerjaan. PKNS akan berusaha mempromosikan baki tapak industri bersama-sama Selangor State Investment Co. (SSIC) bagi menarik lain-lain pelabur IKS untuk menrancakkan lagi ekonomi di Bandar Kuala Selangor.
- b) Selain daripada itu, PKNS juga telah membina 24 unit kilang berkembar dan 20 unit kilang teres. Dari jumlah di atas sebanyak 11 unit telah disewa dengan kadar RM350.00 sebulan (kilang teres) dan RM880.00 sebulan (kilang berkembar). Manakala bakinya telah dijual kepada syarikat pengusaha dan mereka telah menjalankan operasi perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : SEMINAR MAQASSID SYARIAH**

184. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Kerajaan Negeri ingin melaksanakan saranan-saranan dalam Seminar Maqassid Syariah anjuran Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Maqasid Syariah atau tujuan Syariah adalah satu konsep penting dalam Islam bagi melihat hubungan dan kepentingan ekonomi sesebuah negara yang bersesuaian dengan konsep Islam yang bersandarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Maqasid Syariah juga menerangkan tentang pembentukan dan penyusunan dasar dan kaedah mualamat yang adil bertujuan melindungi kepentingan semua pihak.

Selaras dengan konsep Merakyatkan Ekonomi Selangor atau MES, Maqasid Syariah menyarankan untuk tidak menyekat kebebasan manusia mencari rezeki dan mengelakkan daripada kegiatan yang boleh merugikan orang lain. MES juga menggunakan pendekatan yang sama di mana pelbagai fasa program dan aktiviti telah dilaksanakan dan dirancang supaya pengagihan hasil ekonomi negeri diberikan secara sama rata kepada semua penduduk.

Maqasid Syariah juga menjamin kemaslahatan atau kebaikan kepada semua manusia dan menghindarkan kemudaratan atau keburukan yang berlaku kepada manusia. Terdapat lima (5) teras atau konsep Masaqid Syariah yang sejajar dengan dasar dan polisi Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat. Pertama, konsep pemeliharaan harta dengan mengamalkan penguasaan harta secara halal dengan menjauhi perbuatan riba, perjudian, rasuah dan penipuan dalam urusan jual beli amat ditekankan di dalam pelaksanaan Maqasid Syariah. Konsep ini seiring dengan polisi Kerajaan Negeri dengan Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (SELCAT) dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Mengenai Panduan Perbelanjaan Berhemah yang bertujuan memastikan tidak berlaku sebarang bentuk penyelewengan kewangan atau fizikal berlaku di negeri Selangor.

Kedua, Maqasid Syariah menekankan pemeliharaan agama dan beriman kepada tuhan dengan membebaskan minda daripada dibelenggu perkara khurafat, tahyul, kemunafikan dan kesyirikan. Ini juga selari dengan program pembangunan Modal Insan seperti S.P.I.E.S. yang mengutamakan pembangunan rohani dan jasmani ke seluruh genap lapisan rakyat di negeri Selangor terutama golongan muda dan belia.

Ketiga, Maqasid Syariah amat mementingkan pemeliharaan akal fikiran demi menjamin kemurnian fikiran dan kewarasan akal. Konsep ini menekankan manusia menjadi Khalifah muka bumi yang bertanggungjawab, mampu menilai baik buruk dalam menjamin kesejahteraan alam serta menambah ilmu pengetahuan serta mengamalkan apa yang dipelajari. Mengambil asas tersebut, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri sebagai tanggungjawab memelihara kesejahteraan sumber alam negeri Selangor dan diolah kepada pulangan yang menguntungkan negeri Selangor kembali.

Teras yang keempat yang ditekankan oleh Maqasid Syariah adalah berkaitan pemeliharaan manusia sesama manusia. Ini bagi menjamin keselamatan nyawa dan anggota tubuh badan dan mengelak perbuatan yang boleh mengancam keselamatan nyawa dan anggota tubuh badan. Di dalam urus tadbir Kerajaan Negeri amat mementingkan kesamarataan jantina dan hak bersuara. Ini diterjemahkan lagi dengan penglibatan golongan wanita menjadi wakil dalam Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, serta peluang bersuara kepada golongan belia dan muda melalui penubuhan Sekretari Muda Negeri Selangor di bawah Menteri Besar Selangor.

Teras yang terakhir dan kelima adalah berkaitan pemeliharaan keturunan dengan menjaga dan menjamin kehormatan dan maruah diri. Kemuliaan dan keperibadian seorang individu adalah dengan menghindari zina, fitnah, berbohong, dan mencuri. Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan kebebasan menganut dan beragama. Tujuan adalah bagi memantapkan nilai-nilai keagamaan di dalam setiap rakyat negeri Selangor tanpa mengira anutan agama. Pelbagai program-program keagamaan seperti Majlis Berbuka Puasa & Bersahur Perdana bersama Y.A.B Dato' Menteri Besar, penubuhan Majlis Gabungan Penganut Agama Bukan Islam Negeri Selangor serta pelbagai sambutan perayaan pelbagai kaum diraikan di negeri Selangor dengan harmoni dan aman damai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)**

185. Kawasan pilihanraya DUN Sri Muda termasuk sebahagian kecil ke dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Huraikan, kenapakah kawasan Kampung Bukit Lanchong, USJ 22 hingga USJ 27, seluruh kawasan Putra Heights, Putra Bistari, Putra Avenue dan sekitarnya tidak dicatatkan sebagai kawasan Dun Sri Muda hingga kebanyakan urusan majlis tidak mengundang Adun kawasan?
- b) Bilakah perubahan dalam sempadan majlis dapat di buat dan huraikan kenapakah aduan pada majlis sebelum ini tidak diambil tindakan segera?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak Majlis dari masa ke semasa akan mengundang Adun Kawasan bersama-sama Ahli Majlis kawasan dalam sebarang majlis-majlis rasmi terutama program-program yang melibatkan JKP Zon 7 (Putra Height).
- b) Perubahan sempadan Majlis adalah di dalam kuasa pentadbiran Kerajaan Negeri. Sementara itu aduan-aduan diselesaikan mengikut prosedur ISO iaitu 7 (tujuh) hari bekerja. Pihak pengadu boleh merujuk aduan-aduan melalui sistem i-responz secara online mpsj.gov.my.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK**

186. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk menjalankan projek perumahan mampu milik mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008 hingga 2012.
- b) Siapakah golongan sasaran untuk projek perumahan mampu-milik ini dan jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk memantau serta menentukan lokasi untuk dijalankan projek perumahan mampu milik.
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengawal jumlah dan harga rumah di negeri Selangor supaya mampu dibeli dan didiami oleh golongan berpendapatan menengah rendah?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui PKNS telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2016 dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya.

Selain projek perintis di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, PKNS juga telah mengenalpasti beberapa lokasi bagi pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru iaitu di Kg. Seri Temenggong di Gombak, Seksyen U10 Shah Alam, Taman Sains Selangor 2 di Sepang, Kota Puteri di Kuala Selangor, Antara Gapi dan Bernam Jaya di Hulu Selangor.

Bagi tujuan yang sama, PKNS juga sedang mengadakan rundingan dengan pemaju-pemaju swasta lain bagi mengadakan kolaborasi dalam membangunkan projek perumahan mampu milik di tapak pembangunan milik pemaju-pemaju swasta ini. Melalui inisiatif ini, disasarkan sebanyak 30,000 lagi unit rumah mampu milik akan dibina untuk tempoh 15 tahun.

- b) Golongan sasaran bagi pelaksanaan projek rumah mampu milik ini adalah untuk pembeli kali pertama khususnya untuk golongan muda di bawah umur 35 tahun yang berpendapatan sederhana di antara RM2,500 sehingga RM5,000 sebulan. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan setiap pemohon yang berminat untuk memiliki rumah mampu milik baru yang diperkenalkan ini wajib berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Pendaftaran ini penting selain sebagai langkah pengawalan ia juga bagi memudahkan perancangan dibuat dalam mengenalpasti keperluan penyediaan mampu milik bagi sesuatu kawasan. Setakat ini seramai 1,850 pemohon yang telah berdaftar dengan LPHS sejak Projek Perumahan Mampu Milik Selangor ini dilancar pada 3 Jun 2011 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.



- c) Melalui Dasar Pembangunan Tanah sedia ada Kerajaan Negeri telah menetapkan pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah (RKR), 20% Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) dan 10% Rumah Kos Sederhana (RKS) manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% RKR, 10% RKSR dan 10% RKS. Manakala bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% RKS akan dikenakan bagi kawasan Lembah Klang. Semua jenis-jenis rumah ini dikawal harga jualan berdasarkan kriteria seperti berikut:

<b>Kawasan</b>	<b>Jenis Bangunan</b>	<b>Harga (RM)</b>
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00
	10% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
	10% rumah kos sederhana	85,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Selain daripada menggunakan dasar pembangunan sedia, Kerajaan Negeri ketika ini sedang berusaha menyediakan dasar baru bagi penyediaan rumah mampu milik di mana, pemaju perlu menyediakan 10% rumah kos rendah dan kemudiannya dikuti dengan 30% rumah mampu milik atau 20% rumah kos rendah dan 20% rumah mampu milik yang mana bergantung kepada sesuatu kawasan. Melalui cara ini sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri dapat memperbanyakkan penyediaan rumah di bawah harga RM120,000 yang mampu dibeli di samping rumah harga bebas yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KOS PERLANTIKAN PEGUAM MEWAKILI ANAK SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam melantik peguam bagi mewakili kes di atas.
- b) Senaraikan nama-nama syarikat guaman yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.
- c) Apakah kriteria dalam pemilihan syarikat-syarikat guaman tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Kos yang terlibat dalam melantik peguam bagi mewakili kes ADUN Pelabuhan Klang, ADUN Seri Muda dan Pelantikan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM165,000.00 (setakat 4.7.2011).
- b) Senarai syarikat guaman yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan ADUN yang berkaitan seperti berikut:

<b>KES</b>	<b>SYARIKAT GUAMAN</b>
Saman ADUN Pelabuhan Klang	Tetuan Tommy Thomas
ADUN Seri Muda	Tetuan Kanesalingam & Co. (dilantik sendiri oleh YB. Seri Muda)
Pelantikan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dr. Aziz Bari</li><li>• Dato' Param Cumaraswamy (merupakan orang perseorangan tanpa syarikat guaman)</li></ul>

- c) Pemilihan Syarikat guaman tersebut adalah kerana mereka berkaliber dan berwibawa dalam bidang perundangan masing-masing. Tugas mereka adalah untuk menegakkan keadilan kepada rakyat dan sehingga kini telah menjalankan tugas dengan profesional serta telus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENGECILAN OPERASI KUMPULAN PKPS**

188. Merujuk kepada Usul No. 15 Tahun 2010 berkenaan "Keputusan Mengecilkan Operasi Kumpulan PKPS":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap usul ini?
- b) Berapa ramaikah kakitangan yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dipindahkan sejak bermulanya tindakan mengecilkan operasi syarikat?
- c) Berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar, jika ada, kepada kakitangan yang ditamatkan perkhidmatan?

**JAWAPAN :**

- a) Pada awal tahun 2009, PKPS telah mengubah hala tuju selaras dengan perubahan yang berlaku di peringkat Jemaah Ahli dan pengurusan atasan PKPS. Pengubahan hala tuju ini dibuat untuk menjadikan PKPS sebagai sebuah organisasi korporat yang berdaya maju dan kukuh dengan penumpuan yang lebih fokus kepada aktiviti-aktiviti projek-projek pertanian komersil.

Tindakan-tindakan yang telah diambil dalam pengecilan operasi Kumpulan PKPS adalah seperti berikut:

i. Pengecilan Operasi di Ibu Pejabat PKPS

Operasi dikecilkan dengan menutup Bahagian Pemasaran dan Bahagian Ameniti Sosial PKPS.

Bahagian Pemasaran ditutup kerana tugas dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan di Bahagian Pemasaran dan Operasi bertindih. Bagi menangani masalah ini, kedua-dua bahagian digabungkan di bawah Bahagian Operasi dan melapor terus kepada Timbalan Pengurus Besar Kumpulan (Pembangunan Perniagaan).

Bahagian Ameniti Sosial pula ditutup kerana program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dipusatkan di bawah Pejabat Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan sumbangan PKPS dicarumkan terus ke pusat tersebut.

Sementara itu, Bahagian Perancangan Perniagaan dikecilkan daripada empat (4) orang kakitangan kepada dua (2) orang kakitangan. Dua (2) orang kakitangan tersebut telah ditempatkan di projek-projek PKPS.

Secara keseluruhannya, PKPS telah menutup dan mengecilkan sebahagian daripada operasi Bahagian-bahagian yang ada supaya pegawai dan kakitangan lebih efisien dalam menjalankan tugas disamping dapat mengurangkan kos.

ii. Pengecilan operasi Anak-anak Syarikat

Anak syarikat yang telah ditutup operasi ialah MAIS Food Industries Sdn. Bhd. berkuatkuasa pada 1 April 2009 dan PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd. berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.

Penutupan ini adalah selaras dengan hala tuju baru PKPS iaitu untuk meneruskan operasi anak-anak syarikat yang berdaya maju sahaja dan menutup anak syarikat yang bermasalah dan tidak dapat dipulihkan bagi mengurangkan kerugian yang berterusan (*cut loss*).

Keputusan penutupan dibuat dengan mengambil kira prestasi untung/(rugi) syarikat, kedudukan aliran tunai syarikat dan prospek perniagaan di masa hadapan syarikat yang terlibat.

b) Kakitangan yang telah ditamatkan perkhidmatan atau telah dipindahkan adalah seperti berikut:

i. Ibu Pejabat PKPS di Shah Alam (2009 - 30 Jun 2011)

Bil.	Sebab Penamatan	Bil. Kakitangan
1.	Pencen Wajib	3 orang
2.	Pencen Pilihan	6 orang
3.	Diberhentikan (Tindakan Tatatertib)	5 orang
4.	Meletak Jawatan	21 Orang
5.	Tamat Kontrak	14 orang
6.	Dipindahkan	14 orang

ii. Anak-anak Syarikat

**PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd.**

PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd. telah ditutup pada 1 Julai 2009 dan seramai tujuh (7) orang kakitangan telah ditamatkan perkhidmatan.

**MAIS Food Industries Sdn. Bhd.**

MAIS Food Industries Sdn. Bhd. telah ditutup pada 1 April 2009 dan seramai dua puluh dua (22) orang kakitangan telah ditamatkan perkhidmatan.

- c) Semua kakitangan yang terlibat dalam penutupan anak syarikat telah dibayar pampasan berdasarkan kepada satu (1) bulan gaji pokok akhir didarab dengan bilangan tahun perkhidmatan.

Jumlah pampasan yang telah dibayar kepada kakitangan PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd. dan MAIS Food Industries Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

Bil.	Anak Syarikat	Jumlah Pampasan
1.	PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd.	RM 169,490
2.	MAIS Food Industries Sdn. Bhd.	RM 39,523
Jumlah		RM 209,013

**TAMAT KONTRAK****PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
**Senarai Kakitangan Tamat Perkhidmatan 2009-2011 (30 Jun 2011)**

Bil	Nama	Jawatan	Gred	Tarikh		Tempoh Berkhidmat (Tahun)	Alasan / Sebab
				Lantikan	Tamat		
1	Jamilah bt. Latib	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	11.02.2008	10.02.2009	1	Tamat Kontrak
2	Norsalina bt Jamil	Pembantu Tadbir Rendah	N11	01.08.2008	30.07.2009	1	Tamat Kontrak
3	Muhamad Ar Rashid b. Rusli	Pembantu Tadbir Rendah	N11	16.06.2008	15.06.2009	1	Tamat Kontrak
4	Anadiah Rabiha bt. Miskan	Penolong Pengurus Operasi	N27	01.08.2008	31.07.2009	1	Tamat Kontrak
5	Nor Fariza bt. Daud	Pengurus Sistem Maklumat	N41	01.08.2008	31.07.2009	1	Tamat Kontrak
6	Mohd Noor Hafizi b. Nawarwy	Juruteknik	J17	01.01.2009	31.12.2010	1	Tamat Kontrak
7	Mohamad Sufian b. Abdul Jabbar	Pemandu Kenderaan	R3	09.01.2009	08.10.2010	1	Tamat Kontrak
8	Mohd Fahmi b. Mohd Zam Zam	Pengurus Perancangan Perniagaan	G41	05.05.2008	04.05.2010	2	Tamat Kontrak
9	Mohd Suffie b. Roslan	Pembantu Pertanian	G17	16.06.2008	15.06.2010	2	Tamat Kontrak
10	Muhamad Nasir bin Din	Pengurus Ladang	G41	01.11.2008	31.10.2010	2	Tamat Kontrak. Dilantik ke Anak Syarikat
11	Nik Adnan b. Raja Muhammad	Pengurus Ladang	G27	15.11.2008	14.11.2011	3	Tamat Kontrak. Dilantik ke Anak Syarikat
12	Mohd Fazali b. Md. Jaki	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	03.03.2008	05.03.2011	3	Tamat Kontrak
13	Zurkimin b. Ahmad	Pengurus Kanan Perancangan Perniagaan	N44	01.02.2008	31.01.2011	3	Tamat Kontrak
14	Rosdi b. Mat Deris	Pemandu Kenderaan	R3	05.01.2010	30.06.2011	1 1/2	Tamat Kontrak

**MELETAK JAWATAN****PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
**Senarai Kakitangan Tamat Perkhidmatan 2009-2011 (30 Jun 2011)**

Bil	Nama	Jawatan	Gred	Tarikh		Tempoh Berkhidmat (Tahun)	Alasan / Sebab
				Lantikan	Tamat		
1	Hj. Abdullah Sani b. Sahbudin	Pengurus Sistem Maklumat	F41	15.6.1990	01.08.2010	20	Meletak Jawatan
2	Fatimah bt. Ayob	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	01.08.2006	28.02.2011	5	Meletak Jawatan
3	Nordin b. Abdul Razak	Pengurus Operasi	N44	16.06.2008	30.04.2009	1	Meletak Jawatan. Dilantik P.Besar Anak Sykt
4	Samihah bt. Sarpan	Pengurus Perancangan Perniagaan	N41	01.09.2005	30.04.2009	4	Meletak Jawatan
5	Zaihasra bt. Arazman	Penolong Pengurus Operasi	N127	01.08.2007	30.06.2009	2	Meletak Jawatan
6	Nuraniza bt. Mat Saad	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	01.10.2005	30.04.2009	4	Meletak Jawatan
7	Mohd Azroy b. Othman	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	01.10.2005	30.04.2009	4	Meletak Jawatan
8	Salmiah bt. Hamdan	Pengurus Hartanah	N41	01.11.2007	09.01.2011	4	Meletak Jawatan
9	Abdul Azim b. Yusof	Penolong Pengurus Sistem Maklumat	F29	01.12.2004	07.03.2011	7	Meletak Jawatan
10	Mohd Faizal bin Md. Arifin	Pengurus Perundangan	N41	01.08.2007	10.03.2010	3	Meletak Jawatan
11	Megat Shahrizal b. Suliman	Pemandu Kenderaan	R3	05.05.2008	30.06.2009	1	Meletak Jawatan
12	Zahid b. Abdul Rahman	Pengurus Operasi	G41	01.09.2008	30.06.2009	1	Meletak Jawatan
13	Hanafi b. Sairi	Pengurus Perancangan Perniagaan	N44	01.08.2006	30.03.2009	3	Meletak Jawatan. Dilantik P.Besar Anak Sykt
14	Siti Norzeihan bt. Ahmad Afandi	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	11.02.2008	14.10.2009	1	Meletak Jawatan

**MELETAK JAWATAN****PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
**Senarai Kakitangan Tamat Perkhidmatan 2009-2011 (30 Jun 2011)**

Bil	Nama	Jawatan	Gred	Tarikh		Tempoh Berkhidmat (Tahun)	Alasan / Sebab
				Lantikan	Tamat		
15	Yang Kabir Mohd b. Zainal Abidin	Penolong Pengurus Perladangan	N27	02.09.2008	03.04.2010	2	Meletak Jawatan
16	Mohamad Mukhriz b. Mohamad Roslan	Pengurus Pusat Latihan	N41	13.10.2008	26.09.2010	2	Meletak Jawatan
17	Azli b. Wasir	Pemandu Kenderaan	R3	05.05.2008	31.08.2010	2	Meletak Jawatan
18	Huzaifa b. Othman	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	01.04.2008	25.11.2010	2	Meletak Jawatan
19	Md. Syazwan b. Adnan	Pengurus Ladang Editas	G27	14.08.2008	25.06.2010	2	Meletak Jawatan
20	Norhidayah bt. Zainol	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	01.04.2008	28.02.2010	2	Meletak Jawatan
21	Hj. Abdul Aziz b. Abu Bakar	Timbalan Pengurus Besar Kumpulan (Perkhidmatan Korporat)	VU7	01.10.2010	31.03.2011	8 bulan	Meletak jawatan



**TATATERTIB****PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
**Senarai Kakitangan Tamat Perkhidmatan 2009-2011 (30 Jun 2011)**

Bil	Nama	Jawatan	Gred	Tarikh		Tempoh Berkhidmat (Tahun)	Alasan / Sebab
				Lantikan	Tamat		
1	Iskandar Shah b. Abd. Rahman	Penolong Pegawai Pertanian	G27	01.03.2002	09.10.2009	7	Diberhentikan (Tindakan Tatatertib)
2	Sadali bin Yahya	Pemandu Kenderaan	R3	01.04.2005	09.10.2009	4	Diberhentikan (Tindakan Tatatertib)
3	Muhammad Nur bin Ahmad	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	01.06.2005	30.11.2009	4	Diberhentikan (Tindakan Tatatertib)
4	Samsul Kamal b. Arshad	Pemandu Kenderaan	R3	01.02.2002	09.03.2010	8	Diberhentikan (Tindakan Tatatertib)
5	Hj. Norizan b. Ibrahim	Pegawai Pertanian	G44	02.05.1994	25.06.2010	16	Diberhentikan (Tindakan Tatatertib)

**PENCEN****PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
**Senarai Kakitangan Tamat Perkhidmatan 2009-2011 (30 Jun 2011)**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Tarikh</b>		<b>Tempoh Berkhidmat (Tahun)</b>	<b>Alasan / Sebab</b>
				<b>Lantikan</b>	<b>Tamat</b>		
1	Siti Shaharah bt. Kamarudin	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	16.05.1975	01.05.2009	34	Persaraan Wajib
2	Samiah bt. Mohd. Noor	Pembantu Tadbir Rendah	N11	06.09.1974	04.09.2008	34	Persaraan Wajib
3	Ismail b. Ahmad	Penyelia Rancangan Tanah	G17	01.10.1978	12.09.2010	32	Persaraan Wajib
4	Ahmad Jamallullail b. Omar	Pengurus Kanan Operasi	G48	15.07.1982	01.01.2010	28	Persaraan Pilihan
5	Mohamad Yusof b. Misiran	Penyelia Rancangan Tanah	G17	02.05.1981	06.09.2009	28	Persaraan Pilihan
6	Sani b. Hj. Ahmad	Penyelia Rancangan Tanah	G17	02.05.1981	01.09.2009	28	Persaraan Pilihan
7	Rohani bt. Ismail	Pembantu Tadbir Rendah	N11	10.05.1975	27.03.2010	35	Persaraan Pilihan
8	Sahrudin b. Juhar	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	01.10.1981	01.04.2010	29	Persaraan Pilihan
9	Rahmat bin Dasuki	Penyelia Rancangan Tanah	G17	02.05.1981	01.05.2010	29	Persaraan Pilihan

**DIPINDAHKAN****PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**  
**Senarai Kakitangan Dipindahkan 2009-2011 (30 Jun 2011)**

Bil	Nama	Jawatan	Gred	Penempatan		
				Asal	Baru	Tarikh
1	Haji Mohd Nordin b. Darhan	Timbalan Pengurus Besar Kumpulan	VU7	Ibu Pejabat	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	01.01.2010
2	Haji Ahmad Seri bin Marjiku	Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan	N48	Ibu Pejabat	Pusat Latihan	04.01.2010
3	Haji Mohd Yunos b. Kusairi	Pengurus Kewangan	W41	Ibu Pejabat	Projek Ternakan	10.01.2011
4	Mohamad Azmi b. Abd. Hamid	Pengurus Kanan Ladang	N48	Ibu Pejabat	Ladang PKPS Editas	04.01.2010
5	Reena Zuliana bt. Abd. Rashid	Pengawai Pusat Latihan	N41	Ibu Pejabat	Pusat Latihan	01.08.2010
6	Nor Asilah bt. Hj. Atdenan	Pengurus Pemasaran	N41	Ibu Pejabat	Selangor Fruit Valley	16.08.2010
7	Siti Rahimah bt. Jumani	Penolong Pengurus Kewangan	W32	Ibu Pejabat	Selangor Fruit Valley	03.01.2011
8	Siti Masayu bt. Laton	Penolong Pengurus Ladang	G27	Ibu Pejabat	Ladang Sg. Panjang	01.03.2011
9	Omar b. Basari	Pegawai Akaun	W27	Ibu Pejabat	PKPS Farm Mart S/B	01.07.2011
10	Rohaiza bt. Mat Ghani	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	Ibu Pejabat	Selangor Fruit Valley	01.01.2011
11	Sa'ari bin Misran	Pegawai Pemantau	N17	Ibu Pejabat	Projek Tanjung 12	01.02.2010
12	Irwan b. Masdar	Penyelia Projek	N17	Ibu Pejabat	Projek Nenas, Tebu	04.01.2010
13	Norazzyati bt. Hassan	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	Ibu Pejabat	Selangor Fruit Valley	01.12.2009
14	Jefferee b. Mohd Kamil	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	Ibu Pejabat	Ladang Sg. Panjang	01.12.2010

## PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

---

### PENUTUPAN OPERASI MAIS FOOD INDUSTRIES SDN. BHD.

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1 Mais Food Industries Sdn. Bhd. (MFISB) ditubuhkan pada 15 Mac 1999 dengan modal berbayar sebanyak RM0.435 juta. Pemilik syarikat terdiri daripada:

- i. Majlis Agama Islam Selangor - 58.6 %
- ii. Pantai Bharu Holding Sdn.Bhd - 41.4 %

1.2 Pada 19 Jun 2001, saham-saham yang dimiliki oleh kedua-dua pemegang saham MFISB telah diambilalih sepenuhnya oleh PKPS.

1.3 Struktur modal MFISB pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

- i. Modal Dibenar - RM 1.0 juta
- ii. Modal Dibayar - RM 0.435 juta

#### 2. AKTIVITI PERNIAGAAN

2.1 Aktiviti utama perniagaan MFISB adalah seperti berikut:

- i. Pengedaran bantuan makanan kepada golongan fakir miskin di bawah program Pusat Zakat Selangor dan program PKPS.

- iii. Pemasaran produk makanan halal.
  - iv. Pemprosesan keli salai.
- 2.2 Pendapatan MFISB bergantung kepada kontrak pengedaran yang diberikan oleh Pusat Zakat Selangor. Mulai tahun 2009, Pusat Zakat Selangor tidak lagi memberi kontrak tersebut secara runding terus kepada MFISB dan sebaliknya telah menawarkan kontrak kepada orangramai secara tender terbuka.
- 2.2 Program bantuan makanan di bawah PKPS pula telah dihentikan pada tahun 2008 kerana Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan untuk memusatkan aktiviti kebajikan kepada satu badan sahaja di bawah Menteri Besar Incorporation.
- 2.3 Pada masa yang sama, projek keli salai gagal mendapat sambutan di pasaran kerana faktor harga jualan yang lebih mahal berbanding harga jualan ikan keli biasa.
- 2.4 Lanjutan kepada perkembangan-perkembangan tersebut maka pada tahun 2009, MFISB telah mengalami masalah kritikal dalam aliran tunai syarikat sehingga memerlukan pendahuluan kewangan daripada PKPS pada setiap bulan untuk membayar gaji pekerja.

### **3. PRESTASI KEWANGAN**

- 3.1 Penyata pendapatan MFISB dari tahun 2000 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Pendapatan (RM)	Untung/(Rugi) (RM)
1	2000	13,030,548	345,497
2	2001	1,156,093	68,060
3	2002	4,436,237	238,664
4	2003	2,265,563	184,162
5	2004	2,578,525	159,677
6	2005	2,845,852	(125,603)
7	2006	2,348,129	20,262
8	2007	1,905,080	(314,272)
9	2008	1,089,066	(1,588,709)
10	2009	630,995	(1,039,755)
Jumlah			(2,052,017)

3.2 Jumlah Sipiutang MFISB sehingga 1 April 2009 ialah RM2.9 juta merangkumi hutang kepada pembekal mesin/peralatan kilang, pembekal produk makanan dan PKPS sendiri.

#### 4. **PROSPEK PERNIAGAAN**

Masa depan MFISB adalah malap kerana:

- i. MFISB tidak mempunyai aktiviti perniagaan yang mampu menjana pendapatan kepada syarikat selain daripada mengharapkan kontrak kerja-kerja pengedaran makanan oleh Pusat Zakat Selangor.

- ii. Operasi pemrosesan keli salai pula telah berhenti kerana hasil jualan produk tidak dapat menampung kos pengeluaran yang terlibat.

## **5. PENUTUPAN OPERASI SYARIKAT**

- 5.1 Penutupan operasi MFISB berkuatkuasa pada 1 April 2009.
  
- 5.2 PKPS telah menyediakan peruntukan kewangan berjumlah RM134,947/- iaitu sehingga 31 Mac 2009 bagi pembayaran seperti berikut:
  - i. Pampasan kepada kakitangan : RM39,523/-  
(sebulan gaji pokok x bilangan tahun perkhidmatan)
  - ii. Gaji bulanan kakitangan : RM69,165/-
  - iii. Caruman KWSP : RM22,101/-
  - iv. Caruman Perkeso : RM 4,158/-
  
- 5.3 Bilangan kakitangan yang telah ditamatkan perkhidmatan adalah seramai dua puluh dua (22) orang terdiri daripada kumpulan berikut:
  - i. Pengurusan : 1 orang
  - ii. Kakitangan : 10 orang
  - iii. Pekerja : 11 orang

Senarai penerima bayaran pampasan adalah seperti di lampiran.

## PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

---

### PENUTUPAN OPERASI PKPS LANDSCAPING SERVICES SDN. BHD.

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1 PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd. (PLSSB) ditubuhkan pada 26 Januari 1991 dengan modal berbayar sebanyak RM0.65 juta. Pemilik syarikat terdiri daripada:

i.	PKPS	-	51 %
ii.	Uniteers Landscape Sdn.Bhd	-	35 %
iii.	SPL Sdn.Bhd	-	14 %

1.2 Pada 31 Disember 1996, saham-saham yang dimiliki oleh kedua-dua pemegang saham SPL Sdn. Bhd. dan Uniteers Landscape Sdn. Bhd. telah diambilalih sepenuhnya oleh PKPS.

1.3 Struktur modal PLSSB pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

i.	Modal Dibenar	-	RM 2.0 juta
ii.	Modal Dibayar	-	RM 1.5 juta

#### 2. AKTIVITI SYARIKAT

2.1 Aktiviti perniagaan PLSSB ialah:

- i. Penanaman dan penjualan pokok-pokok nurseri.



- ii. Kontrak kerja perlaksanaan dan penyelenggaraan.
- iii. Pengeluaran baja kompos daripada jerami padi menggunakan media cacing.
- iv. Perdagangan baja dan input pertanian lain.

2.2 Selama beroperasi, pendapatan PLSSB bergantung kepada kontrak kerja terutama sekali dengan PKPS dan anak syarikat PKPS. Antara kontrak-kontrak tersebut ialah pembekalan baja kepada PKPS, perlaksanaan kawasan Wisma PKPS, pembekalan anak benih pokok buah-buahan kepada anak syarikat PKPS dan penyelenggaraan projek-projek PKPS.

2.3 Mulai tahun 2009, pembelian baja dan pemberian lain-lain kontrak oleh PKPS telah dibuat secara tender terbuka bagi mengurangkan kos operasi. Tanpa kontrak-kontrak ini maka PLSSB telah mengalami masalah kritikal dalam menjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan syarikat.

2.4 PLSSB memerlukan pendahuluan kewangan daripada PKPS untuk meneruskan operasi perniagaan syarikat kerana pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan sedia ada tidak mencukupi untuk menampung kos operasi syarikat.

### **3. PRESTASI KEWANGAN**

3.1 Penyata pendapatan PLSSB dari tahun 1999 hingga 2008 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Pendapatan (RM)	Untung/(Rugi) (RM)
1	1999	846,498	(427,295)
2	2000	759,439	(331,816)
3	2001	827,309	(218,708)
4	2002	1,601,143	363,341
5	2003	1,184,242	76,054
6	2004	555,552	(172,822)
7	2005	2,935,052	244,754
8	2006	3,097,214	(328,665)
9	2007	2,244,395	356,811
10	2008	2,538,605	(2,114,911)
Jumlah			(3,053,473)

3.2 Jumlah Sipiutang PLSSB sehingga 31 Mac 2009 ialah RM2.0 juta merangkumi hutang kepada PKPS (RM0.4 juta), PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (RM0.9 juta) dan pembekal mesin/peralatan pertanian.

#### 4. **PROSPEK PERNIAGAAN**

Masa depan PLSSB adalah malap kerana:

- i. PLSSB tidak mempunyai aktiviti perniagaan yang mampu menjana pendapatan kepada syarikat selain daripada kontrak kerja-kerja perlaksanaan dan penyelenggaraan.

- ii. Kontrak perlantikan kawasan yang diharapkan daripada PBT-PBT di Negeri Selangor tidak berjaya diperolehi seperti yang dirancang.
- iii. PKPS telah membuat keputusan untuk mendapatkan bekalan baja bagi keperluan ladang-ladang PKPS secara tender terbuka dan tidak lagi secara runding terus dengan PLSSB.

## **5. PENUTUPAN OPERASI SYARIKAT**

- 5.1 Penutupan operasi PLSSB berkuatkuasa pada 1 Julai 2009.
- 5.2 PKPS telah menyediakan peruntukan kewangan berjumlah RM169,490/- iaitu sehingga 30 Jun 2009 bagi pembayaran pampahsan (sebulan gaji pokok x bilangan tahun perkhidmatan) kepada kakitangan PLSSB.
- 5.3 Bilangan kakitangan yang telah ditamatkan perkhidmatan adalah seramai tujuh (7) orang terdiri daripada kumpulan berikut:
  - i. Pengurusan : 4 orang
  - ii. Kakitangan : 3 orang

Senarai penerima bayaran pampasan adalah seperti di lampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PEMERIKSAAN PAYU DARA**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah penduduk di Selangor telah menikmati kemudahan ini?
- b) Apakah kos untuk setiap pemeriksaan?

**JAWAPAN :**

- a) Skim Kesihatan Wanita, Mammogram Selangor atau 'MammoSEL' telah dilancarkan pada Sambutan Hari Wanita Desa Peringkat Negeri Selangor pada 6 November 2010. Ini merupakan skim dan insentif kerajaan negeri Selangor melalui agenda 'merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) untuk kaum wanita menjalani pemeriksaan mammogram secara percuma. Kempen 'Satu Juta Wanita Selangor Sihat' menunjukkan kerajaan negeri Selangor amat mengambil berat mengenai kesihatan wanita Selangor. Memandangkan kos untuk menjalani pemeriksaan mammogram pada masa ini amat tinggi. Setakat ini seramai 8,225 orang telah melakukan pemeriksaan mammogram melalui Pusat Khidmat Dewan Negeri DUN.
- b) Kos pemeriksaan adalah percuma kepada semua wanita Selangor. Namun begitu kos pemeriksaan dan pengangkutan sebanyak RM90.00 ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5**

190. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses menaiktaraf jalan tersebut yang kebelakangan ini semakin sesak khususnya menjelang hari-hari kelepasan am ?
- b) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja menaiktaraf dan memasang pembahagi jalan dari kilang Bernas hingga ke Balai Bomba Sekinchan dapat dimulakan ?
- c) Sila huraikan apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri bagi mengatasi kesesakan lalu lintas terutamanya di persimpangan lampu isyarat Pekan Sekinchan dan Tanjung Karang ?

**JAWAPAN:**

- a) Ibu Pejabat JKR Malaysia telah pun membuat permohonan untuk menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 kepada Kementerian Kerja Raya bagi dimasukkan di dalam 'Second Rolling Plan' Rancangan Malaysia Ke 10 untuk dipertimbangkan dan diberi keutamaan memandangkan terdapat keperluan yang mendesak dari segi keselamatan dan keselesaan pengguna.

Walaupun bagaimanapun, pihak JKR mengambil maklum tentang masalah kesesakan pada hari-hari kelepasan am dan hujung minggu seperti yang dibangkitkan. Hal ini berlaku disebabkan oleh beberapa simpang berlampu isyarat yang terdapat di laluan tersebut yang mengganggu aliran trafik di laluan ini. Pejabat ini akan menjalankan kajian lanjut tentang kepadatan trafik di simpang-simpang berkenaan bagi mengurangkan masalah ini.

- b) Kerja-kerja menaiktaraf dan memasang pembahagi jalan dari Kilang Bernas hingga ke Balai Bomba Sekinchan akan dilaksanakan pada akhir Julai 2011.
- c) Jalan Persekutuan 5 adalah merupakan jalan di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah pun bersetuju dengan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Lebuhraya Pantai Barat dari Banting ke Taiping. Dengan siapnya lebuhraya ini kelak, dijangkakan bilangan trafik yang akan menggunakan laluan ini akan berkurangan dan seterusnya meredakan kesesakan di laluan ini.

Untuk makluman, JKR Selangor akan melaksanakan program 'Green Wave' di beberapa lampu isyarat di Pekan Sekinchan bagi menyediakan aliran terus kepada trafik di laluan utama dan seterusnya melancarkan aliran trafik di Laluan Persekutuan 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : BANGI PERLU DEWAN PERSIDANGAN**

191. Semasa YAB Dato' Menteri Besar turun padang ke Hulu Langat, 6 Mei 2011, Tuan Pegawai Daerah dalam ucapan alu-aluannya menyebut Bangi memerlukan sebuah dewan persidangan (kompleks serbaguna).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Dato' Menteri Besar berpendapat permohonan ini wajar?
- b) Jika wajar bilakah dewan serbaguna ini akan didirikan?
- c) Adakah tanah kosong dekat PKNS berdekatan Tasik Cempaka wajar didirikan?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap keperluan kemudahan awam yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang permohonan berhubung keperluan sebuah dewan persidangan (Kompleks serbaguna) di Bangi (Kompleks Pentadbiran Hulu Langat) daripada pihak Pejabat Daerah.

Justeru, Kerajaan Negeri akan mengkaji kewajaran berhubung keperluan Dewan tersebut. namun demikian, kewajaran untuk membina dewan ini juga perlu dilihat dari aspek kesesuaian reka bentuk bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna serta kesesuaian tapak.

- b) Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan dewan tersebut dan bersedia mempertimbangkan sejumlah peruntukan sekiranya pembinaan dewan berkenaan adalah wajar dan perlu untuk kegunaan pihak Pejabat Daerah serta masyarakat setempat.
- c) Pemilihan kawasan pembinaan bagi dewan persidangan tersebut adalah lebih wajar dibina atau didirikan di kawasan sekitar Kompleks Pentadbiran Kerajaan Hulu Langat memandangkan ia lebih praktikal di kawasan tersebut kerajaan dewan tersebut adalah untuk kegunaan pentadbiran oleh semua jabatan di Kompleks Pentadbiran Hulu Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : SEKOLAH-SEKOLAH PERSENDIRIAN JENIS CINA.**

192. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar .

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membina sebuah Sekolah Menengah Cina Persendirian untuk mengatasi permintaan yang melebihi daripada kalangan kaum Cina di negeri ini?
- b) Selain daripada bantuan kewangan, apakah bantuan-bantuan lain yang telah dan bakal diberikan kepada Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor pada masa kini?
- c) Berapakah jumlah Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Persendirian Cina yang terdapat di Negeri Selangor pada hari ini?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan negeri Selangor tidak berhasrat untuk membina Sekolah Menengah Cina Persendirian. Ini kerana Sekolah Menengah Cina Persendirian adalah bermaksud milik individu atau persatuan-persatuan tertentu, dan kerajaan tiada mempunyai apa-apa autoriti ke atas sekolah tersebut sama ada pentadbiran mahupun pembinaan.
- b) Kerajaan negeri Selangor tidak memberi bantuan selain bantuan peruntukan secara *direct grant* kepada empat (4) buah Sekolah Menengah Cina Persendirian yang beroperasi di negeri Selangor.
- c) Setakat ini, hanya terdapat empat (4) buah Sekolah Menengah Cina Persendirian yang beroperasi di negeri Selangor, manakala tiada data yang menunjukkan Sekolah Rendah Cina Persendirian wujud di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : DASAR PEMILIKAN TANAH/RUMAH**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pemberian geran hak milik tanah kediaman dengan pembayaran RM 1000 bercanggah dengan kanun tanah negara atau mana-mana akta tanah?
- b) Berapakah anggaran kekurangan kutipan bawah tajuk pelupusan tanah setiap tahun di PTG negeri?
- c) Apakah syarat-syarat yang dikenakan dalam pelaksanaan dasar tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Merujuk kepada Pekeliling PTGS Bil.6/2011 :Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian di Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2011, sekiranya individu memilih untuk membayar premium nominal pada kadar RM1,000.00, hakmilik akan dikeluarkan kepada individu tersebut.

Peruntukan di dalam seksyen 76 KTN dengan jelas membenarkan pemberimilikan tanah sebagai balasan pembayaran premium. Premium RM1,000 ini, bukanlah initial premium atau dianggap sebagai bayaran deposit premium untuk mendapatkan dokumen hakmilik tanah. Bayaran RM1,000.00 hendaklah sentiasa dirujuk sebagai bayaran premium NOMINAL RM1,000.00, bagi mengelakkan kekeliruan dari semua pihak.

- b) Namun, sekatan kepentingan tambahan akan dikenakan kepada pemilik (individu yang memilih untuk membayar premium nominal RM1,000) iaitu;
  - pemilik hendaklah menjelaskan **bayaran khas** tanah kepada Kerajaan Negeri sebelum apa-apa urusan pindahmilik melalui kaedah jual beli atau permohonan mengubah kategori dan syarat nyata tanah baru didaftarkan. (seperti di dalam Pekeliling PTGS Bil.6/2011)
  - Bayaran Khas tanah ini **hendaklah tidak dianggap** sebagai *baki bayaran premium* atau *premium yang perlu dijelaskan*, memandangkan Bayaran Khas ini **BUKAN** merupakan bayaran premium yang perlu dibayar oleh pemilik tanah.
  - Bayaran Khas ini **hanya perlu dijelaskan** oleh pemilik tanah sekiranya beliau ingin menjual tanah tersebut atau mengubah syarat nyata tanah (seperti di dalam Sekatan Kepentingan Tambahan)



Justeru, tiada percanggahan terhadap KTN mahupun Kaedah-Kaedah Tanah Selangor dan sebagai langkah berjaga-jaga, bayaran khas tanah ini hendaklah senantiasanya dirujuk sebagai Bayaran Khas Tanah dan bukannya baki premium yang perlu dibayar.

Anggaran tidak dapat dibuat kerana kutipan premium merupakan hasil bukan cukai dan Kerajaan juga tidak dapat satu angka asas untuk membuat perkiraan memandangkan dasar ini terbuka bukan sahaja kepada tanah-tanah kerajaan yang dipohon pemberimilikan tetapi juga tanah-tanah milik secara pajakan yang boleh diserahkan balik untuk tujuan menyambung tempoh pajakan atau/dan mengubah syarat kepada tanah kediaman. Memandangkan dasar ini baru dilaksanakan, pada peringkat ini, Kerajaan juga tidak dapat memastikan sama ada pemohon-pemohon yang terlibat akan memilih bayaran nominal RM1,000.00 ataupun opsyen pertama iaitu membayar jumlah sepenuhnya bagi memperoleh faedah diskaun 30% yang juga merupakan satu insentif yang sangat menarik”

- c) Syarat-syarat tanah yang dipohon untuk mengguna pakai pembayaran premium RM 1,000 adalah seperti berikut :-

Pemberimilikan	Pelanjutan Tempoh Pajakan
Individu yang telah lama menduduki/mendiami tanah kerajaan.	Tanah hak milik Pejabat Pendaftar atau hak milik Pejabat Tanah yang didaftarkan atas nama individu.
Individu yang berkeelayakan seperti yang dijelaskan di dalam Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.	Permohonan oleh pemilik berdaftar atau waris pemilik berdaftar sahaja (individu).
	Masih dalam tempoh atau telah luput tempoh pajakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : TANAH RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM**

194. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak tanah ibadat selain Islam yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara sehingga sekarang?
- b) Apakah Jabatan-Jabatan Teknikal yang dimaksudkan dan nyatakan secara ringkas pertimbangan-pertimbangan jabatan ini?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah tanah ibadat selain Islam yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara sehingga kini adalah sebanyak 12 kawasan.
- b) Jabatan-Jabatan Teknikal adalah agensi yang bertanggungjawab untuk memberikan ulasan dan pandangan berhubung sesuatu permohonan tanah. Jabatan Teknikal berkenaan akan mempertimbangkan sesuatu permohonan tersebut berdasarkan perancangan Jabatan bagi sesuatu kawasan yang dipohon. Di antara Jabatan- Jabatan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-
  - i. Jabatan Perancang Bandar dan Desa
  - ii. Pihak Berkuasa Tempatan
  - iii. Jabatan Kerja Raya Negeri/Daerah
  - iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri/ Daerah
  - v. Jabatan Alam Sekitar
  - vi. Jabatan Mineral dan GeoSains
  - vii. Tenaga Nasional Berhad
  - viii. Syarikat Bekalan air Selangor

Pertimbangan/ulasan yang diberikan kebiasaannya adalah berdasarkan kepada bidang kuasa jabatan-jabatan berkenaan contohnya sama ada tapak berkenaan berada dalam zon yang sepatutnya atau tapak tersebut berada dalam rizab jalan ataupun tidak, ataupun tapak tersebut berada di dalam rizab sungai mahupun tidak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH**

195. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan dan berapakah jumlah unit rumah pangsa yang mendapat faedah dari program ini?
- b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk meluaskan bantuan yang diberikan kepada rumah pangsa kos rendah?

**JAWAPAN :**

- a) Pada tahun **2010**, sejumlah **RM1,648,805** telah digunakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor bagi tujuan baikpulih kerosakan lif di tiga (3) pangsapuri kos rendah yang merangkumi 41 unit lif. Senarai pangsapuri tersebut mengikut pecahan kos adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>KAWASAN PANGSAPURI</b>	<b>BILANGAN LIF</b>	<b>AMAUN (RM)</b>
1.	Desa Mentari, Petaling Jaya	27	RM 568,805.00
2.	Taman Permai Indah, Klang	8	RM 600.000.00
3.	Taman Ampang Mewah, Ampang	6	RM 480,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>41</b>	<b>RM 1,648,805.00</b>

Manakala bagi tahun **2011**, sejumlah **RM2 juta** telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di bawah **Skim Bantuan Baikpulih Negeri Berkebajikan** bagi menampung kos keperluan 18 kawasan pangsapuri kos rendah yang meliputi hampir 8,000 unit kediaman. Skim ini akan dibiayai melalui penubuhan Tabung Amanah berjumlah RM9.7 juta. Senarai 18 kawasan terbabit adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	BIL UNIT	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	LEMBAH JAYA	428	64,000	4 unit tangki
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	TERATAI	700	324,000	4 unit lif
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	208	110,000	1 unit lif
4.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	651	185,000	Kerosakan bumbung membabitkan 134 unit rumah di tingkat paling atas
5.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	BUKIT LANJAN	1,157	212,000	4 unit lif
6.	Pangsapuri Desa Perangasng Blok A & B	MBPJ	TAMAN MEDAN	300	100,000	2 unit lif
7.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	TAMAN MEDAN	421	7,757	2 unit lif
8.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	TAMAN MEDAN	500	192,243	Salur air hujan ( <i>gutter</i> ) 5 blok
9.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	SERI SETIA	296	42,000	2 unit lif
10.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	KAMPUNG TUNKU	350	131,000	3 unit lif
11.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	SERI KEMBANGAN	480	56,000	Salur air hujan ( <i>gutter</i> ) 4 blok
12.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	DENGKIL	80	93,000	Kerosakan bumbung yang menjejaskan

						16 unit tingkat 5 Blok G
13.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	KAJANG	214	18,000	Pembentong di Blok C
14.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	MPKj	DUSUN TUA	180	42,000	Bumbung Blok D & E
15.	Pangsapuri Mentari	MBSA	KOTA DAMANSARA	850	45,000	3 unit lif

16.	Rumah Kos Rendah Taman Subang Perdana	MBSA	KOTA DAMANSARA	200 (anggaran- kerana JMB tiada rekod)	24,000	Bumbung
17.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	KOTA ANGGERIK	617	250,000	5 unit Lif
18.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	PELABUHAN KLANG	216	100,000	2 unit lif
<b>JUMLAH</b>				<b>7,848</b>	<b>RM2,000,000</b>	

Manakala baki RM7.7 juta akan digunakan bagi fasa seterusnya dan dijangka sebanyak 70 pangsapuri kos rendah akan mendapat manfaat daripada peruntukan ini.

- b) Sememangnya Skim Bantuan Baikpulih ini diwujudkan dengan tujuan untuk membaikpulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah. Keutamaan perlu diberikan kepada pangsapuri kos rendah memandangkan rata-rata penghuninya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan Pengurusan Bangunannya pula seringkali berhadapan dengan kekangan kewangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERBELANJAAN PENYELENGGARAAN JKR SELANGOR**

196. Merujuk kepada jawapan JKR Selangor dalam sesi yang lalu, JKR Selangor telah menerima peruntukkan sebanyak RM 70juta untuk tahun 2009 dan RM 30juta untuk tahun 2010 untuk tujuan penyelenggaraan jalan oleh konsesi dan JKR Daerah daripada Kerajaan Pusat. JKR juga melaporkan bahawa kontraktor penyelenggaraan yang dilantik telah gagal melaksanakan tugas mereka dengan sempurna.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah kontraktor penyelenggaraan baru sekarang dan apakah kerja-kerja yang telah dilakukan olehnya sehingga kini.

**JAWAPAN :**

- a) Bagi Jalan Lapangan Terbang Subang ini, kerja-kerja penyelenggaraan masih lagi di bawah kontraktor utama iaitu syarikat Perkim (Damansara Utama) - Rira Bina JV sehingga akhir Tempoh Tanggung Kecacatan iaitu pada Jun 2011. Pihak kontraktor utama diberi tempoh selama tiga bulan untuk kerja-kerja pembaikan kecacatan sehingga Ogos 2011. Selepas tarikh ini kerja-kerja penyelenggaraan akan diambil oleh Syarikat Konsesi Roadcare Sdn Bhd. Kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh Konsesi Roadcare Sdn.Bhd. adalah kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan berkala. Skop kerja-kerja rutin adalah seperti berikut :

<b>Kod Aktiviti</b>	<b>Aktiviti / Kerja</b>
R 01	Pavemen / Permukaan jalan - Menampal lubang di permukaan jalan
R 02	Bahu jalan - Merata dan menaikaras bahu jalan
R 03	Memotong rumput
R 04	Membersih perabot jalan
R 05	Membersih jambatan & pembentung
R 06	Penyenggaraan lanskap
R 07	Membersih longkang dan peparitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KAWASAN PERUMAHAN DAN PADANG TIDAK DIURUSTADBIR  
DENGAN BAIK**

197. Kebanyakan padang dan kawasan permainan di taman-taman Kawasan DUN Meru terabai dengan permainan yang rosak, padang tidak dikawal selia dengan penanaman pokok kekal oleh penduduk, sampah sarap dsbnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang patut diambil oleh MPK dalam menangani aduan seperti ini?
- b) Apakah langkah drastik bagi mengembalikan "Tamanku Syurgaku" dalam meningkatkan kualiti taman perumahan di Selangor.

**JAWAPAN :**

- a) Tindakan yang patut diambil oleh MPK dalam menangani aduan berikut adalah :-
  - i) Menjalankan pemantauan terhadap kontraktor yang dilantik untuk menjalankan pembersihan kawasan.
  - ii) Tindakan penguatkuasaan terhadap penduduk setempat agar tidak membuang sampah di kawasan permainan.
  - iii) Notis dan kompaun diberikan kepada pesalah yang membuang sampah di merata tempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : YAYASAN SELANGOR**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Adakah Yayasan Selangor terlibat dalam projek-projek pembinaan dalam tempoh 1991-2008? Nyatakan keseluruhan projek-projek tersebut dan pemaju-pemaju berkaitan.
- b) Terdapat dakwaan berlaku ketirisan dan penyelewengan dalam 15 projek tersebut dan 10 syarikat yang terbabit. Apakah tindakan pihak kerajaan negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Projek-projek pembinaan dalam tempoh 1991 hingga 2008 yang melibatkan Yayasan Selangor

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek (Lokasi)</b>	<b>Pemaju</b>
1	Seksyen 26, Petaling Jaya, Selangor Projek Kondominium (1991)	Abinas Enterprise
2	Pembangunan Tanah Ulu Yam seluas 1620 ekar (1993)	SAP Ulu Yam Sdn Bhd
3	Pembangunan Taman Yayasan, Jenjarum Kuala Langat (1993)	Fajar Melati
4	Pt. 4, Petaling Jaya, Selangor (1996)	Melawangi Sdn. Bhd.
5	Lot 2450, Mukim Damansara, Daerah Petaling (1999/2003) <i>Pembangunan Tanah Parcel C seluas 15 ekar</i>	Puncakdana Sdn Bhd
6	Semenyih Sentral, Lot 7, Pekan Semenyih (2002)	Kreatif Rakyat Sdn. Bhd.
7	Lot 2450, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Puncakdana Sdn Bhd



	(2004) (Parcel A, B & D) Lot 59211, 59212 & 59214 ( 31.7 ekar )	
8	Tanah Lot 1440, Bandar Kuala Selangor (2004) (7 ekar)	Pembinaan Isjaya SB
9	Tanah PT4221 Pembangunan Tanah Bandar Klang (16.59), (2004)	Persada Istimewa Sdn. Bhd
10	Pajakan Tanah PT 357, 358 & 359, Pulau Carey, Mukim Jugra, Daerah Kuala Langat (2005)	Alaf Gigih Sdn Bhd
11	Pajakan Sebahagian Tanah Lot 495, Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur bagi Tujuan Pembangunan (2006)	Alaf Satria Sdn Bhd
12	Pelupusan Tanah Parcel E & F (Lot 59215 & Lot 59216), Mukim Damansara, Daerah Petaling (2007)	MNH Global Asset Management Sdn Bh
13	Penyewaan Jangka Pendek Tanah Lot PT 7, Seksyen 14, Shah Alam dengan keluasan 1.1 ekar atau 49,856 k.p. sebagai Tempat Letak Kereta. (2007)	Suara Makmur Sdn Bhd
14	Pembangunan Usahasama Tanah Lot 5592, SKC Hulu Bernam (217 ekar) bagi Projek 'AirPark' (2007)	Aviatiaon Dev. Corporation Sdn. Bhd
15	Pembangunan Asrama Desa Di Pancang Bedena, Sabak Bernam (2007)	PKNS/ UPEN
16	Cadangan Pajakan Jangka Panjang Tanah PT 88 Pulau Carey, Mukim Jugra, Daerah Kuala Langat dengan keluasan 91 ekar (2007)	Apai Bina Enterprise Sdn Bhd
17	Perjanjian Usahasama Pengurusan Ladang Kelapa	Agrosegar Sdn Bhd

	Sawit di atas Tanah PT552, Pulau Carey, Mukim Jugra seluas 1296.57 ekar. (2008)	
18	Penyewaan The Woods Resort HSD 4102, PT No. 2729 (Blok 12 seluas 34.09 ekar) (2009)	Taroff Corporation Sdn Bhd
19	Pembangunan Usahasama Tanah Lot 712 Kuala Kubu Baharu (13 Ekar) bagi tujuan Pertanian (Kelapa Sawit)	Agrifarm Enterprise
20	Lot 23, Jln. Raja Muda Kuala Lumpur	Swasta Setia

- b) Terdapat 10 projek (bukan 15 projek) yang dikhuatiri berlaku ketirisan dan Yayasan Selangor telah membuat aduan kepada SPRM . Aduan No 0158/2011 pada 20 /5/11 projek-projek dan syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Syarikat yang terlibat</b>
1	Pembangunan Tanah Di jalan Lapangan Terbang Subang	Puncakdana Sdn. Bhd.
2	Penyewaan Tempat Letak kereta didalam bangunan dan diluar bangunan	Secure Parking Sdn. Bhd.
3	Usahasama Pembangunan Tanah di Ulu Yam	SAP Ulu Yam Sdn. Bhd.
4	Pembangunan Tanah Seluas 16.8 ekar Di Bandar Kelang	Persada Istimewa Sdn. Bhd.
5	Tanah Hulu Bernam Projek Airfield	Aviation Development Corp.Sdn. Bhd.
6	Taman Yayasan Jenjarum, Kuala Langat	Fajar Melati Sdn. Bhd.
7	Pt. 4, Petaling Jaya, Selangor	Melawangi Sdn. Bhd.
8	Lot 23, Jln. Raja Muda Kuala Lumpur	Swasta Setia

9	Seksyen 26, Petaling Jaya, Selangor	Abinas Ent.
10	Semenyih Sentral, Lot 7, Pekan Semenyih	Kreatif Rakyat Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : STATUS KEWANGAN YAYASAN SELANGOR**

199. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan status kewangan Yayasan Selangor dari tahun 2008 hingga kini.

**JAWAPAN :**

a) Kedudukan tunai & simpanan tetap Yayasan Selangor adalah seperti berikut

<b>Tahun</b>	<b>Simpanan Tetap (RM'juta)</b>	<b>Tunai (RM'juta)</b>	<b>Jumlah (RM'juta)</b>
Mei 2011	45.06	10.82	55.08
Laporan Audit 2010	42.00	15.69	57.69
Laporan Audit 2009	38.86	22.00	60.86
Laporan Audit 2008	18.90	26.65	45.55

Dari tahun 2008 sehingga Mei 2011, YS komited dalam menguruskan aliran tunai. Lebihan tunai yang ada akan dilaburkan dalam simpanan tetap. Ini dapat dilihat melalui trend peningkatan simpanan tetap. Untuk tempoh 5 bulan pertama 2011, YS mencatatkan peningkatan sebanyak 7% dalam simpanan tetap jika dibandingkan dengan tahun 2010 sebanyak 8% (untuk tempoh 12 bulan).

Keputusan Penyata Pendapatan yang dicatatkan oleh Yayasan Selangor adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Lebihan/ (Kurangan) (RM'juta)</b>
Sehingga Mei 2011	1.32
Laporan Audit 2010	(5.09)
Laporan Audit 2009	18.69
Laporan Audit 2008	127.6

Nota: Penyata Pendapatan YS bagi tempoh berakhir 31 Mei 2011, menunjukkan lebihan pendapatan sebanyak RM1.32juta (Sehingga Mei 2010:RM0.88juta). Peningkatan sebanyak 50% dalam lebihan pendapatan adalah disebabkan oleh sikap berhati-hati pihak pengurusan dalam berbelanja, di mana setiap perbelanjaan dipantau bagi memastikan tidak berlakunya pembaziran.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TANAH UNTUK SEKOLAH TAMIL DI DUN BUKIT MELAWATI**

200. Laporan dan permohonan tanah untuk 6 buah sekolah - sekolah Tamil di DUN Bukit Melawati telah pun diserahkan kepada kerajaan negeri.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah rundingan untuk mengambil alih tanah dengan tuan punya tanah dimulakan oleh kerajaan negeri ? Apakah perkembangan dalam perkara ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat 2 kaedah untuk pemilikan tanah bagi tujuan tapak sekolah tersebut iaitu :-
- i. Pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.
  - ii. Pemilik tanah menyerahkan sama ada semua bahagian atau sebahagian tanahnya di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Rundingan sama ada hendak menggunakan kaedah pertama atau kedua di atas seharusnya dimulakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan pihak sekolah serta pemilik tanah berkenaan.

Sekiranya kaedah pertama iaitu melalui pengambilan tanah, pihak Kementerian perlu menyediakan sejumlah wang pampasan yang mencukupi untuk kos pengambilan tanah.

Sehingga kini, pihak Kementerian berkenaan belum mengemukakan sebarang permohonan untuk pemilikan tanah bagi tujuan tapak sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PENILAIAN KESAN IMPAK PELABURAN**

201. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan Kerajaan Pusat telah menolak cadangan ADB berhubung mekanisme penilaian kesan impak pelaburan (*Legal Impact Assessment*) yang telah diguna pakai oleh kesemua 11 negara Asean. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menerima pakai cadangan tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Isu-isu berkenaan polisi dan insentif pelaburan adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan digunapakai oleh setiap Negeri di Malaysia. Sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan telah menolak penilaian kesan impak pelaburan (*Legal Impact Assessment*) yang dicadangkan oleh ADB, maka Kerajaan Negeri tiada pilihan melainkan menggunakan pakai setiap polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Legal Impact Assessment adalah kaedah yang diguna pakai oleh pihak ADB bagi menilai prestasi ekonomi negara-negara yang membuat pinjaman kemudahan kewangan daripada ADB. Sehingga ke hari ini Negara Malaysia tiada membuat apa-apa pinjaman kemudahan kewangan daripada ADB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**

202. Program MIMBAR merupakan satu langkah yang baik. Rungutan masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Proses yang diambil untuk kelulusan agak lama, melepasi 2 bulan. Apakah masalahnya? Huraikan
- b) Proses kelulusan meremehkan dan pegawai penemu duga kurang pengalaman. Apakah penjelasan kerajaan dalam perkara ini
- c) Apakah '*standard operation procedure*' yang diguna pakai semasa temu duga?

**JAWAPAN :**

- a) Proses pemilihan pada peringkat awal boleh dikatakan sehingga dua bulan. Walaubagaimana pun proses ini telah dibaik-pulih dan secara putaranya kini proses pemilihan hanya memakan masa 2 (dua) minggu selepas sesi temuduga dijalankan. Setiap peserta hendaklah menjalani proses-proses berikut:
  - i) Penerimaan borang permohonan secara online, PBT, PKD dan penghantaran terus ke pejabat MiMBAR Selangor (proses akan dijalankan setelah borang permohonan diterima di pejabat MiMBAR Selangor)
  - ii) Sesi temuduga
  - iii) Sesi siasatan
  - iv) Jawatankuasa Pemilihan
  - v) Tawaran pinjaman diberikan

BIL	AKTIVITI	ANGGARAN HARI
1.	Borang diterima – Temuduga	2 – 5 hari *
2.	Temuduga – Siasatan	2 – 5 hari
3.	Siasatan – J/K Pemilihan	2 – 5 hari
4.	J/K Pemilihan – Tawaran	2 – 4 hari
	Anggaran hari	6 – 14 hari **

\*proses dijalankan setelah borang permohonan diterima oleh Pejabat MiMBAR Selangor.

\*\*KPI 14 hari dikira selepas sesi temuduga dijalankan.



Masalah yang dihadapi pada permulaan operasi MiMBAR termasuklah;

- 1) Sambutan yang amat menggalakkan dari orang ramai dan borang yang diterima telah mencecah lebih daripada 5,300 permohonan. Memandangkan kakitangan yang terhad terdapat sedikit 'back-log' di dalam proses ini.

Penyelesaian/Tindakan: Kakitangan telah ditambah terutama di bahagian pemilihan peserta. Di samping itu, sistem proses pemilihan telah ditingkatkan bagi memudah dan mempercepatkan proses pemilihan melalui sistem zon.

- 2) Kebanyakan borang dihantar di Pusat Khidmat DUN (PKD) dan PBT dikumpul dahulu dan akan dihantar atau dikutip oleh pegawai MiMBAR. Ini menyebabkan banyak masa terbuang di PKD sehingga berbulan-bulan.

Penyelesaian/Tindakan: PKD diminta TIDAK lagi mengumpul borang terlalu lama dan diminta dihantar atau memberitahu MiMBAR untuk mengutip dengan kadar segera tanpa perlu menunggu borang-borang yang lain. KPI proses pemilihan diambil kira 14 hari selepas tarikh temuduga dijalankan.

- b) Proses pemilihan terpaksa dibuat melalui lima (5) proses tapisan dan ianya boleh dianggap 'meremehkan'. Walaubagaimana pun, perkara ini terpaksa dilakukan bagi memastikan setiap peserta ditapis dan diteliti serapi mungkin, dan hanya peserta yang benar-benar layak sahaja yang akan diberikan pinjaman mengikut matlamat asal program ini diwujudkan.

Tapisan-tapisan ini dibuat kerana berdasarkan pengalaman yang telah dilalui sepanjang melaksanakan program ini;

- 1) Terdapat peratus yang tinggi daripada kalangan pemohon yang cuba menipu dan tidak jujur dalam memberi maklumat semasa mengisi borang, temuduga dan siasatan. Oleh kerana itu, pegawai temuduga hendaklah menemuduga peserta secara tulus bagi memastikan peserta yang dipilih adalah orang yang benar-benar layak disamping menjalankan dasar workfare seperti yang telah dihebahkan.
- 2) Terdapat juga peratus yang tinggi pemohon bermasalah, terutama hutang along yang melampau, yang tidak dapat dibantu dan tidak termasuk di dalam sasaran utama MiMBAR SELANGOR. Kepada mereka ini, pinjaman mikrokredit adalah ibarat mencurahkan garam di laut dan agak pasti tidak berniat untuk memulang semula pinjaman kerana penyakit hutang yang tidak dapat dikawal
- 3) Terdapat ramai di kalangan pemohon yang cuba mengambil kesempatan memohon walaupun sedia maklum mereka tidak layak meminjam dan bukan di kalangan golongan miskin bandar, dan sebahagian mereka

berpendapatan RM5,000-RM10,000 tetapi atas nama parti atau memegang jawatan tertentu di dalam parti memohon MiMBAR memberi kelonggaran walaupun bersalahan dengan matlamat asal program ini dan cuba mengambil hak rakyat miskin bandar.

Penyelesaian/Tindakan: Pihak MiMBAR akan terus melakukan proses tapisan ini dan akan memperbaiki dengan lebih teliti supaya ianya lebih efektif dan efisien berdasarkan kelayakan ('merits'), dan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin (buat masa ini KPI yang ditetapkan adalah 14 hari sesudah temuduga).

Tanggapan pegawai temuduga kurang berpengalaman adalah kerana masalah komunikasi semasa sesi temuduga dijalankan. Pelbagai soalan yang dianggap 'common' akan ditanya bagi memastikan peserta berkenaan benar-benar layak memohon pinjaman MiMBAR Selangor. Soalan-soalan 'common' dan 'standard' ini adalah amat penting bagi pihak pengurusan MiMBAR Selangor meneliti setiap permohonan.

Penyelesaian/Tindakan: Dari semasa ke semasa pihak pengurusan MiMBAR Selangor akan sentiasa memperbaiki perkhidmatan yang dilaksanakan dengan mengadakan latihan yang bersesuaian.

- c) 'Standard operation procedure' (SOP) yang digunakan semasa proses permohonan adalah seperti yang dinyatakan di brosur dan borang asas MiMBAR SELANGOR.
- 1) Secara ringkasnya SOP temuduga tersebut adalah seperti berikut;
    - i) Pegawai temuduga menerima borang yang telah selesai tapisan pertama.
    - ii) Pegawai membuat panggilan kepada pemohon untuk menetapkan tarikh dan tempat yang sesuai untuk temuduga.
    - iii) Pegawai menggunakan borang temuduga yang telah disediakan termasuk soalan-soalan lazim yang akan digunakan. Borang tersebut mestilah diisi sepenuhnya termasuk ulasan dan cadangan mengenai pemohon.
    - iv) Setelah pemohon dikumpulkan di PKD, suatu taklimat ringkas akan diberikan bagi memberi penjelasan asas mengenai MiMBAR SELANGOR dan proses temuduga yang akan dijalankan.
    - v) Memberi salinan soalan lazim ('FAQ') kepada PKD atau terus para peserta yang menunggu.
    - vi) Meminta para pemohon mengisi borang profil atau butiran lengkap pemohon sebelum ditemuduga.

- vii) Membuat temuduga mengikut soalan yang disediakan dan latihan yang diberikan. Pelbagai soalan yang ditanya adalah bagi memastikan pemohon benar-benar layak.
  - viii) Memastikan setiap temuduga adalah di antara 10-20 minit setiap seorang.
  - ix) Memberi keterangan lanjut sekiranya pemohon masih tidak memahami program atau perjalanan proses pemilihan.
- 2) Garis panduan asas dan keutamaan MiMBAR semasa proses temuduga adalah seperti berikut;
- i) Melepasi syarat-syarat asas yang ditetapkan
  - ii) Ibu tunggal atau ibu tunggal yang berniaga yang mempunyai tanggungan yang ramai
  - iii) Rakyat miskin bandar yang mempunyai tanggungan yang ramai
  - iv) Warga asal Selangor (KP nombor 10/43 di tengah-tengah)
  - v) Peniaga-peniaga yang telah menjalankan perniagaan, agak stabil, mempunyai pendapatan harian, mingguan atau bulanan dan mampu membayar balik pinjaman MiMBAR yang di luluskan nanti.

3) Garispanduan sampingan termasuklah;

Memastikan peserta menjalankan perniagaan kecil-kecilan yang ada berkemampuan untuk berkembang jika mendapat tambahan modal. Definasi perniagaan di sini adalah sebarang aktiviti yang dapat menjana tambahan pendapatan kepada keluarga berkenaan.

- i) Keutamaan pertama golongan peniaga peniaga kecil yang menjadikan perniagaan mereka sumber pendapatan utama keluarga.
- ii) Kedua, golongan peniaga peniaga di mana si suami atau si isteri mempunyai pekerjaan tetap, bergaji bulanan dan pasangan masing-masing menjalankan perniagaan sampingan untuk menambah pendapatan keluarga.
- iii) Ketiga, golongan pekerja bermajikan tapi berusaha menjalankan perniagaan sampingan untuk menambah pendapatan keluarga setelah keluarga bertambah besar.
- iv) Keempat, golongan peniaga-peniaga yang telah lama berniaga dan telah sampai ke satu tahap di mana perniagaan mereka telah stabil tetapi tidak berdaya maju ke hadapan kerana tidak ada pengetahuan di dalam pengurusan kewangan. Peniaga-peniaga golongan ini tidak akan mendapat bantuan Institusi Perbankan kerana tidak ada kemampuan untuk mengendali/menyediakan akaun perniagaan masing masing. MiMBAR akan cuba membantu dalam urusan pengendalian akaun peniaga ini dengan mencari/menggalakkan supaya mengikuti kursus Pentadbiran

Kewangan yang asas sesuai dengan usaha peniaga peniaga berkenaan.

- v) Dalam proses temuduga keperluan utama adalah untuk mengetahui akan jenis perniagaan, kemampuan modal, perolehan pendapatan dan pengetahuan perniagaan yang di jalankan. Proses temuduga juga diharap dapat meneliti kemampuan peniaga ini dan apakah bantuan yang betul-betul diperlukan. Jika bantuan modal tambahan diharapkan, pegawai temuduga mestilah membuat satu kesimpulan samaada peniaga ini berkemampuan membayar balik pinjaman ini. Ini dapat disimpulkan melalui proses soal jawab dengan peniaga ini tentang tabiat perbelanjaan harian, keperluan harian sekeluarga dan hutang-piutang yang masih dipikul oleh peniaga tersebut.

Hasil dari temuduga ini dapat membantu pegawai siasatan untuk membuat pemantauan keadaan tempat tinggal dan tapak perniagaan peserta yang memohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : CARUMAN KUBUR**

203. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah hasil caruman kubur yang dikutip oleh kerajaan negeri mengikut pecahan daerah daripada tahun 2005-2010.
- b) Jawatankuasa manakah yang bertanggungjawab memantau caruman ini dan senaraikan projek yang dilaksanakan menggunakan caruman ini mengikut pecahan PBT bagi tahun 2000 hingga 2009.
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kekurangan tanah perkuburan bagi golongan Islam dan bukan Islam?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah hasil caruman kubur yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri mengikut pecahan daerah daripada tahun 2005 hingga tahun 2010 adalah seperti jadual berikut:

BIL	DAERAH	2005	2006	2007	2008	2009	2010	JUMLAH
1	Petaling	512,511.50	146,062.50	239,578.00	163,250.00	140,187.50	140,512.50	<b>1,342,102.00</b>
2	Gombak	198,777.81	481,805.00	164,094.25	388,867.00	116,785.25	114,531.25	<b>1,464,860.56</b>
3	Klang	589,843.75	143,310.50	164,094.25	200,526.50	64,470.00	126,341.75	<b>1,288,586.75</b>
4	Kuala Langat	47,750.00	41,729.50	74,127.00	46,946.25	27,313.00	77,405.75	<b>315,271.50</b>
5	Hulu Langat	690,782.00	225,324.85	186,999.50	336,728.75	416,531.35	664,780.75	<b>2,521,147.20</b>
6	Sepang	200,013.75	181,107.00	230,895.50	65,913.50	154,188.75	195,418.25	<b>873,348.00</b>
7	Kuala Selangor	'0	14,531.50	117,249.50	125,468.75	45,937.50	45,937.50	<b>349,124.75</b>
8	Hulu Selangor	72,562.50	204,193.25	15,719.50	8,000.00	49,250.00	15,375.00	<b>365,100.25</b>

9	Sabak Bernam	16,559.00	39,350.00	29,243.00	188,676.00	74,075.25	26,696.00	<b>374,599.25</b>
JUMLAH		2,328,800.31	1,477,414.10	1,222,000.50	1,524,376.75	934,549.85	1,406,998.75	8,894,140.26

- b) Jawatankuasa Akaun Amanah Perkuburan adalah jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam memantau caruman kubur ini. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pihak berkuasa negeri yang terdiri daripada Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Bendahari Negeri dan semua Pentadbir Tanah Daerah. Jawatankuasa Akaun ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dalam memastikan fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa ini dilaksanakan.

Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2009 hanya satu program / aktiviti yang dilaksanakan menggunakan caruman kubur iaitu Projek Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek, Mukim Klang, Daerah Klang. Peruntukan berjumlah RM800,000.00 telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Klang pada tahun 2009 bagi pelaksanaan projek ini.

- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan **Laporan Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 di Negeri Selangor (Jilid 1)** dan **Laporan Inventori Tanah Perkuburan di Negeri Selangor, 2010 (Jilid 2)** yang menyenaraikan kesemua tapak-tapak perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama di Negeri Selangor serta unjuran keperluan tapak perkuburan di Negeri Selangor sehingga tahun 2060. Laporan ini akan dijadikan sebagai pangkalan data bagi penyediaan tapak perkuburan untuk keperluan di Negeri Selangor.

Selaras dengan itu, untuk mengatasi kekurangan tapak perkuburan di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan penyediaan Tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu secara pekongsian antara PBT bagi penyediaan tapak perkuburan dan kemudahan berkaitan dengannya. Perkara ini masih di peringkat perbincangan MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENJUALAN HARTANAH SECARA PUKAL DI TAMAN MELAWATI  
JAYA, KUALA SELANGOR**

204. Merujuk Usul No. 14 Tahun 2010 berkenaan "Penjualan Hartanah Secara Pukal di Taman Melawati Jaya":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap usul ini?
- b) Apakah garis panduan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan SAP Holdings Bhd bagi membolehkan potongan harga jualan sebanyak 50.90% dilakukan?
- c) Apakah kaedah perakaunan yang digunakan oleh SAP Holdings Bhd untuk merekodkan kehilangan hasil jualan sebanyak RM617,000 daripada syarikat?

**JAWAPAN :**

- a) Soalan ini wajar dimajukan kepada Kerajaan Negeri.
- b) Banyak faktor yang harus dipertimbangkan oleh pihak syarikat sebelum membuat keputusan untuk menjual 12 unit hartanah tersebut. Setelah membuat penilaian secara terperinci, pada 12 Februari 2009, pihak Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk menjual 12 unit hartanah tersebut dengan harga RM595,000 atas sebab-sebab yang berikut:-
  - i) Hartanah tersebut telah siap dibina semenjak tahun 2004. Keadaan hartanah tersebut pada waktu itu amat usang dan tidak memuaskan kerana sudah lama terbiar tanpa pembeli;
  - ii) Berdasarkan pada rekod jualan bagi projek ini, jangkamasa penjualan biasanya mengambil masa selama 6 bulan (sehingga pinjaman bank diluluskan);
  - iii) Pihak syarikat tidak perlu menanggung kos untuk membaik pulih hartanah tersebut yang dianggarkan sebanyak RM15,000 ke RM20,000 seunit;
  - iv) Jualan 12 unit tersebut juga adalah secara pukal ('bulk sales') dan dijual dalam keadaan sedia ada (as is where is basis)

Terma pembayaran yang diluluskan adalah seperti berikut:-

- i) Wang pendahuluan sebanyak 80% dari hasil jualan dibayar semasa Perjanjian Jual Beli ditandatangani;
- ii) baki 20% pula dijelaskan selepas kelulusan pindah milik diperolehi

Untuk makluman, pihak pembeli telah mematuhi kesemua syarat-syarat yang telah ditetapkan dan pembayaran telah dibuat secara tunai.

- c) Memandangkan Lembaga Pengarah telah meluluskan penjualan secara pukal pada harga jualan RM595,000.00, akaun syarikat tidak perlu merekodkan kehilangan hasil.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : IBU TUNGGAL**

205. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sokongan yang telah diberikan kepada ibu tunggal pada tahun 2010 ?
- b) Berapakah ibu tunggal telah berdaftar di portal kerajaan negeri Selangor ?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan negeri Selangor telah merangka Pelan Tindakan Wanita Selangor 2010 – 2025 bagi mempromosi pemberdayaan wanita dalam semua ruang lingkup kehidupan di peringkat individu, keluarga dan masyarakat. Di mana Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor bertindak memenuhi keperluan Wanita Selangor dalam konteks kualiti hidup yang akan dilaksanakan secara berperingkat menurut fokus yang dikenal pasti dari masa ke semasa dan ibu tunggal merupakan salah satu kumpulan sasarannya.

Di bawah pentadbiran kerajaan Selangor , banyak bantuan sokongan telah dilaksanakan melalui Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).Sila lihat Lampiran A. Sedangkan Pembangunan Wanita dan PEKAWANIS lebih kepada bantuan pembangunan sumber manusia.

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor telah melaksanakan beberapa program terutama *Program Welfare To Work* dengan penubuhan Pusat Komuniti Wanita sebanyak 20 buah bertujuan untuk menjadi pusat perkembangan potensi wanita terutama ibu tunggal dengan mewujudkan sistem sokongan bagi memudahkan mereka berkecimpung dalam perniagaan atau pekerjaan di mana mereka boleh menggunakan kemudahan di pusat komuniti wanita bagi meningkatkan pengetahuan kemahirannya seperti penggunaan peralatan mesin jahit atau masakan. Di samping mereka mendapat keuntungan, mereka juga dapat meningkatkan kesedaran tentang kemampuan sendiri.Sila lihat Lampiran B

Peluang kemahiran melalui Program Kursus atau Bengkel jangka pendek juga diperkenalkan dengan memberi peluang kepada sepuluh (10) peratus ibu tunggal untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di dalam bidang kemahiran dan keusahawanan. Program ini telah dilaksanakan setiap bulan di setiap DUN atau Daerah mengikut keperluan kemahiran.Kemahiran ini meliputi masakan, kraftangan atau jahitan.

Kempen 1 Juta Wanita Selangor Sihat di bawah Skim Kesihatan Wanita juga memberi peluang kepada ibu tunggal untuk menjalani pemeriksaan kesihatan percuma mammogram melalui Pusat Khidmat Dewan Negeri DUN.

Di samping itu, pembinaan jati diri ibu tunggal turut dirangka dan diberikan tumpuan agar mereka mempunyai prinsip berupaya mencorakkan suasana dan mencipta perubahan terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

Hasrat kerajaan Selangor untuk meningkatkan ekonomi rakyatnya juga disokong dengan penglibatan PEKAWANIS dengan menambah pendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan.

b) Seramai 22,349 ibu tunggal telah berdaftar di portal kerajaan negeri Selangor.

Sila lihat Lampiran C

#### LAMPIRAN A

#### STATISTIK BANTUAN UNTUK GOLONGAN IBU TUNGGAL

TAHUN 2009 SEHINGGA MEI,2011

BIL	JENIS BANTUAN	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011 (MEI)	JUMLAH
1.	BLUEPRINT PEMBASMI KEMISKINAN	12	27	19	58
2.	INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA	1994	83	131	2,208
3.	KERAJAAN PRIHATIN	215	44	35	294
	JUMLAH KESELURUHAN				2,560

## LAMPIRAN B

## PUSAT KOMUNITI WANITA MENGIKUT DUN

BIL	NAMA DUN	ALAMAT	JENIS OPERASI
1.	JERAM	PKW Jeram, Jln. Raja Hamzah Alang, Kampung Bukit Kuching Tengah, 45000 Jeram.	Jahitan
2.	MORIB	Pusat Pemasaran Desa, Jln. Alam Shah, Kg. Kanchong Darat, 42700 Banting	Masakan
3.	TAMAN MEDAN	No. 15, Tingkat 1, Jln. PJS 3/32, Taman Sri Manja	Masakan
4.	LEMBAH JAYA	Dewan Masyarakat Kampong Campuran	Masakan
5.	BUKIT ANTARABANGSA	Dewan Seri Melur Kampong Melayu Tambahan, Ampang	Masakan
6.	SEMENTA	No. 45, Jln. Sg. Kapar Indah, 3F, Taman Sg. Kapar Indah, Klang	Jahitan
7.	KOTA DAMANSARA	Dewan Orang Ramai, Alan Nuri, Seksyen 7, Kota Damansara	Jahitan
8.	KOTA ANGGERIK	Dewan Jati, Seksyen 16, Shah Alam	Masakan
9.	SIJANGKANG	Batu 9, Kampong Medan, Kuala Langat.	Jahitan
10.	SELAT KLANG	Balai Raya Kg. Sungai Delek Kanan, Klang	Masakan
11.	BATU TIGA	No. 27, Jln. Timur 24/1, Dewan Seksyen 24, Shah Alam	Jahitan
12.	IJOK	Pusat Belia, Kg. Bukit Badong, Bestari Jaya	Jahitan
13.	BATU CAVES	Jalan Mulia 3, Taman Mulia, Batu Caves.	Masakan
14.	SUNGAI AIR TAWAR	Pejabat JKKK Jln. Kebun Baru, Kg. Tebuk Jawa, Sabak Bernam	Jahitan
15.	HULU KLANG	Dewan Pusat Komuniti, Pangsapuri PKNS, Taman Keramat Permai	Masakan
16.	SERISSETIA	Dewan Masyarakat PKNS, Jln. SS 6/1, Kelana Jaya	Masakan
17.	KAJANG	No. 4, First Floor, JLN. Cuepac 5, Taman Koperasi Caupecs, Batu 12, Kajang	Masakan
18.	GOMBAK SETIA	Dewan Komuniti Rakyat, Lebuhr Pinggiran, Pinggiran Batu Caves.	Jahitan
19.	TAMAN BUNGA RAYA	H-G-1 Taman Bunga Raya /AG2, Taman Bunga Raya	Masakan#
20.	SABAK BERNAM	Jalan Kampong Tengah, Batu 39, Sabak Bernam	Masakan#

# Pusat Komuniti Wanita di bawah Komuniti Tempatan

## LAMPIRAN C

STATISTIK PENDAFTARAN IBU TUNGGAL (PORTAL E-BU)  
TAHUN 2009 HINGGA MEI 2011

BIL	TAHUN	JUMLAH
1	2009	21,592
2	2010	268
3	2011	489
	JUMLAH KESELURUHAN	22,349

## PECAHAN IBU TUNGGAL MENGIKUT USIA

BIL	USIA	JUMLAH
1	20 Tahun hingga 59	10,876
2	60 tahun ke atas	8,941
3.	Data tidak lengkap	2,532
	JUMLAH KESELURUHAN	22,349

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : ZON BERSIH**

206. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bagaimanakah pencapaian dan keberkesanan kempen Zon Bersih yang dilaksanakan oleh setiap PBT ?
- b) Sila nyatakan apakah bentuk usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah kebersihan Pekan dan juga Bandar-bandar ?
- c) Sila perjelaskan apakah punca utama yang menyebabkan kawasan Zon Bersih hanya bersih ketika waktu kempen sahaja ?

**JAWAPAN:**

- a) Pencapaian dan keberkesanan kempen zon bersih di peringkat PBT adalah memuaskan di mana objektif utama program untuk menyampaikan maklumat mengenai kepentingan menjaga kebersihan di kalangan masyarakat dilihat mula memberi kesan dan mendapat maklum balas yang positif daripada Ahli Majlis, penduduk, NGO dan agensi luar. Ini dapat dilihat melalui penglibatan komuniti penduduk dan peniaga dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan program gotong royong di mana kerjasama yang diperolehi amat memuaskan. Penglibatan secara langsung Ahli Majlis Zon bersama-sama PBT memainkan peranan penting melalui usaha dan inisiatif Ahli Majlis di kawasan itu sendiri yang sering mengadakan perbincangan dan perjumpaan bagi mengatasi masalah aduan oleh masyarakat setempat.

Kesemua usaha- usaha tersebut adalah berdasarkan kriteria penilaian Zon Bersih yang menjadi asas rujukan PBT dalam meningkatkan aspek kebersihan, keindahan landskap, kemudahan awam, infrastruktur, aduan setempat melalui program- pogram yang dirancang dan dilaksanakan di peringkat PBT masing-masing dan merupakan sasaran utama dalam pelaksanaan Zon Bersih.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan pelbagai usaha dan langkah- langkah bagi menangani serta menyelesaikan masalah kebersihan di PBT khususnya. Antaranya adalah seperti berikut:-
- i) Pemantauan secara berkala termasuk kerja-kerja pembersihan yang dilakukan oleh pihak kontraktor.
  - ii) Aktiviti gotong royong.
  - iii) Menambah papan tanda mengenai kesedaran menjaga kebersihan.
  - iv) Menambah tong sampah di sekitar kawasan PBT
  - v) Meningkatkan penguatkuasaan dan mengeluarkan kompaun terhadap pihak yang melanggar peraturan kebersihan.
  - vi) Menubuhkan Unit Aduan bagi memantau kesalahan berkaitan kebersihan yang dilakukan oleh orang awam.
- c) Pihak Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa faktor yang boleh menyumbang sebagai punca utama menyebabkan kawasan Zon Bersih hanya bersih ketika waktu kempen sahaja antaranya ialah :-
- i) Kurangnya kesedaran mengenai tujuan dan kepentingan program Zon Bersih oleh masyarakat setempat.
  - ii) Budaya dan kesedaran untuk menjaga kebersihan di Tempat Awam masih lemah.
  - iii) Promosi dan maklumat pelaksanaan program Zon Bersih sepanjang tempoh berjalan perlu lebih kerap diwar-warkan.
  - iv) Tidak membuat hubungan secara langsung dengan pihak sekolah yang boleh memainkan peranan bagi memastikan kesedaran penjagaan kebersihan boleh disemai dari usia muda.
  - v) Masalah kekurangan sumber kewangan dan tenaga kerja untuk melaksanakan program secara berterusan di samping pemantauan dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : BANGUNAN TEATER NEGERI SELANGOR**

207. Bangunan Teater Negeri Selangor di Shah Alam telah disiapkan sejak Ogos 2008.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah yang menghalang teater berkenaan daripada beroperasi?
- b) Apakah cadangan pengisian yang akan dilakukan?
- c) Mengapakah seni binaannya seperti 'Perut perahu tertangkup atau terbalik'?

**JAWAPAN :**

- a) Bangunan Teater Diraja Shah Alam masih belum dapat beroperasi sepenuhnya disebabkan oleh kerja-kerja penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Majlis Bandaraya Shah Alam berdasarkan ulasan-ulasan auditan yang telah dilakukan oleh Jabatan Audit Negara dan Tetuan ArchiCenter Sdn Bhd. Kerja-kerja penambahbaikan tersebut perlu dilaksanakan sebelum bangunan teater beroperasi untuk memastikan perjalanan operasi bangunan teater ini dapat berjalan dengan lancar dan secara optimum.

Mesyuarat MTES pada 9.6.2011 telah bersetuju untuk melantik MBSA sebagai 'care taker' untuk mentadbir, menyelaraskan dan menyelenggara bangunan tersebut untuk tempoh 6 bulan mulai dari 1hb Julai 2011 sehingga 31hb Disember 2011 dengan peruntukkan sebanyak RM1.3 juta.

- b) Pihak Kerajaan Negeri di bawah kelolaan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi Dan Inovasi Y.B Rodziah bin Ismail sedang dalam tindakan untuk menentukan "End-User" bangunan tersebut. 'End User' bagi bangunan teater ini akan menyediakan perancangan pengisian dan aktiviti bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan bangunan ini.
- c) Rekabentuk bangunan ini telah di ilhamkan daripada konsep "Kipas Merafak Sembah" di mana dua bilah kipas ditemukan dibahagian hujung bagi membentuk bumbung Bangunan Teater. Rekabentuk tersebut telah direka oleh Tetuan Shams Architect dan dibentangkan di dalam beberapa Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor sepanjang tahun 2003-2004 untuk tujuan pengesahan dan persetujuan rekabentuk.

## 1.0 KOS PEMBINAAN BANGUNAN TEATER NEGERI SELANGOR

Cadangan pembinaan teater ini adalah merupakan sebuah projek dibawah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor dan diserahkan kepada Majlis untuk pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan seterusnya perlu diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri. Projek ini adalah merupakan sebuah projek yang dilaksanakan secara runding terus diantara Kerajaan Negeri Selangor dan Tetuan Kembang Serantau Sdn Bhd sebagai kontraktor 'Turnkey'. Bagi melengkapkan pelaksanaan projek ini Tetuan Kembang Serantau Sdn Bhd telah melantik perunding-perunding yang terdiri daripada Tetuan Shams Architect, Megajati Consult (M&E /Consultant), HZ (M&E Theatre Consultant), DRSA Consulting (C&S Consultant), Halim Associates (Quantity Surveyor) dan Sitescapes (Landscape Consultant). Pada peringkat awal rekabentuk, bangunan teater ini telah dicadangkan untuk dibina di atas sebuah tapak berkeluasan 5 ekar, di Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, Shah Alam dengan konsep rekabentuk "Kipas Merafak Sembah". Walaubagaimanapun tapak cadangan ini telah diubah ke Seksyen 14, Shah Alam.

Pada 16hb. Mac 2003 persembahan rekabentuk telah dibuat oleh Tetuan Kembang Serantau Sdn Bhd kepada Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES). Mesyuarat juga mengehendaki cadangan ini boleh memuatkan seramai 1500 orang penonton. Perunding juga diingatkan supaya membuat rekabentuk dengan terperinci dan Kerajaan Negeri Selangor tidak akan menanggung sebarang tambahan kos pembinaan yang berpunca dari kelalaian perunding. Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) telah menetapkan bangunan teater akan dibina di atas sebuah tapak milik Persatuan Bekas Perajurit Cawangan Selangor, di belakang Hotel Grand Blue Wave, Jalan 14/1, Seksyen 14, Shah Alam. Walaubagaimanapun sehingga kini pihak PKNS masih lagi dalam proses perancangan semula susun atur dan menyelesaikan isu hakmilik tapak teater dan kawasan persekitarannya untuk kelulusan pejabat tanah.

Pada 17hb. Oktober 2003, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui mesyuarat MMKN ke 22/2003 telah mengemukakan surat kelulusan untuk melantik Tetuan Kembang Serantau Sdn Bhd secara runding terus dan Majlis Bandaraya Shah Alam diminta mengeluarkan surat niat dan pada 5hb. Mac 2004 Kembang Serantau Sdn Bhd menyerahkan 'Dokumen Asas Rekabentuk' kepada Majlis Bandaraya Shah Alam.

Pada 13hb. Februari 2004 Kembang Serantau Sdn Bhd. telah membentangkan perkembangan rekabentuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dalam pembentangan tersebut Kembang Serantau Sdn Bhd telah mengemukakan cadangan 1500 tempat duduk penonton dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM79,139,208.00 seperti yang diminta oleh Mesyuarat MTES pada 16hb. Mac 2003 berbanding cadangan asal 800 tempat duduk penonton dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM43,838,000.00. Walaubagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebaliknya bersetuju mengekalkan kapasiti 800 tempat duduk penonton dengan kos pembinaan RM43,838,000.00 sahaja. Pada 8hb. Mac 2004, satu sesi pembentangan perkembangan rekabentuk dan perancangan kerja dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan Majlis. Pada



dasarnya mesyuarat bersetuju dengan jadual perancangan kerja bermula pada 5hb. Disember 2004 dan tarikh siap pada 4hb. Jun 2007 dan pihak Kembang Serantau Sdn Bhd sebagai kontraktor diminta menyegerakan kerja-kerja pembinaan.

Pada 8hb. dan 17hb. September 2004 Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat kelulusan bagi pembinaan bangunan Teater ini dan surat kelulusan bagi perlantikan Kembang Serantau Sdn Bhd secara runding terus dengan kos pelaksanaan tidak melebihi RM43,838,000.00. Kembang Serantau Sdn Bhd telah diberi pemilikan tapak dan memulakan kerja-kerja pembinaan pada 5hb. Disember 2004.

Di atas permintaan Jabatan Kebudayaan Negeri Selangor sebagai "End-User" bangunan ini, penambahan kos bagi arahan perubahan (V.O) untuk kerja-kerja 'rear projection system' dan ubahsuai ruang latihan berjumlah RM700,000.00 telah diluluskan oleh MMKN Bil 12/2007 pada 30hb. Mei 2007.

## **2.0 PERJAWATAN**

### **2.1 Pelantikan Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai 'Care-Taker' Bangunan Teater Di Raja Shah Alam.**

Di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor ( MTES ) yang bersidang pada 9 Jun 2011, mesyuarat telah bersetuju untuk melantik Majlis Bandaraya Shah Alam ( MBSA ) sebagai 'Care Taker' Bangunan Teater Diraja Shah Alam untuk tempoh selama 6 bulan sahaja dan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam mencadangkan tempoh ini bermula dari 1hb Julai 2011 sehingga 31hb Disember 2011.

### **2.2 Peruntukkan Yang Dimohon Dan Peruntukkan Yang Diluluskan Oleh Perbendaharaan Negeri Selangor**

Di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor ( MTES ) Bil 15/2011 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 22 yang bersidang pada 22hb Jun 2011, mesyuarat telah bersetuju untuk pihak Majlis Bandaraya Shah Alam menjadi 'care taker' untuk mentadbir, mengurus dan menyelenggara Bangunan Teater Di Raja Shah Alam. Mesyuarat juga bersetuju memohon pihak Majlis Bandaraya Shah Alam menyediakan struktur asas (skeleton structure) bagi tenaga kerja yang akan menjalankan tugas-tugas di bangunan tersebut. Seramai lima (5) orang kakitangan pengurusan Teater Diraja Shah Alam akan dilantik bertugas selama enam (6) bulan.

Di dalam kertas kerja asal Cadangan Pentadbiran, Pengurusan, Penyelenggaraan Dan Operasi Bangunan Teater DiRaja Shah Alam, pihak Majlis memohon peruntukkan sebanyak **RM 1,766,840.00 . ( Ringgit Malaysia: Satu Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Enam Ribu Lapan Ratus Empat Puluh Sahaja )** bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai 'care-taker' bagi tempoh selama enam (6) bulan dengan sebelas (11) orang kakitangan. Walaubagaimanapun pihak Perbendaharaan Negeri Selangor hanya memperuntukkan sebanyak **RM1,283,500.00 ( Ringgit Malaysia: Satu Juta Dua Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Sahaja )** kerana peruntukkan

yang dipertimbangkan adalah hanya bagi kos-kos baik pulih, utiliti bulanan dan keperluan peralatan yang mendesak sahaja. Pihak Perbendaharaan Negeri Selangor berpendapat cadangan pengambilan kakitangan baru untuk tempoh enam (6) adalah kurang praktikal.

Justeru itu pihak Majlis Bandaraya Shah Alam telah mengkaji semula struktur organisasi dengan mengambilkira ulasan Mesyuarat Exco-MTES Bil 15/2011 bertarikh 9hb Jun 2011 mengenai pengujudan struktur asas dan keperluan yang diperlukan bagi menyokong struktur tersebut berfungsi dengan optimum. Oleh yang demikian kos yang diperlukan bagi pelaksanaan tanggungjawab tersebut adalah sebanyak **RM1,587,460.00. ( Ringgit Malaysia: Satu Juta Lima Ratus Lapan Puluh Tujuh Ribu Empat Ratus Enam Puluh Sahaja )** iaitu pertambahan sebanyak **RM303,960.00 ( Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Tiga Ribu Sembilan Ratus Enam Puluh Sahaja )** dari peruntukkan yang diluluskan oleh pihak Perbendaharaan Negeri. Cabutan keputusan Kertas Exco-MTES tersebut juga menyatakan;

***'Peruntukan akan diluluskan berdasarkan kepada perjawatan yang diluluskan dan kerja-kerja penyelenggaraan yang akan dilaksanakan'.***

### **2.3 Perlantikan Kakitangan**

Majlis Bandaraya Shah Alam melalui Jabatan Khidmat Pengurusan akan mengenal pasti dan melantik kakitangan secara kontrak untuk menguruskan bangunan teater ini yang mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu seperti pentadbiran, pengurusan, penyelenggaraan, operasi dan lain-lain tugas yang dinyatakan mengikut skop dan justifikasi jawatan. Cadangan Struktur Organisasi dan Pengurusan Teater DiRaja Shah Alam tersebut akan dianggotai oleh lima (5) orang kakitangan yang diketuai oleh Penyelia Bangunan Teater ( Jurutera- J41 ) dan dibantu dua (2) orang Juruteknik (J17), seorang (1) Pembantu Tadbir (N17) dan pengawal (N1) yang akan bertanggungjawab memastikan pengurusan, penyelenggaraan dan operasi bangunan tersebut diselia dan diurustadbir secara berhemah dan tersusun. Unit Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Unit Kejuruteraan Awam dan Unit Pentadbiran juga akan ditubuhkan dibawah carta organisasi tersebut bertujuan memastikan setiap aspek penyelenggaraan dan urusan bangunan teater ini dirancang dan diselia seperti yang akan dijadualkan kelak.

Ingin dicadangkan selepas tamat tempoh 6 bulan tersebut pihak Majlis Bandaraya Shah Alam menjadi 'care-taker', Pegawai dan Kakitangan seramai lima (5) org ini diserapkan di dalam satu badan yang boleh dipanggil 'Royal Teater Incorporated' yang akan diwujudkan oleh Kerajaan Negeri seperti yang dicadangkan oleh YB Dato' Menteri Besar didalam Meyuarat MTES bertarikh 13hb Mei 2011 yang lalu.

## 2.4 Implikasi Kewangan

Untuk memastikan pengurusan , penyelenggaraan dan operasi di bangunan teater berjalan dengan lancar seperti yang direncanakan, Kerajaan Negeri perlu membantu untuk menyediakan peruntukan bagi pembayaran emolumen kakitangan yang terdiri dari kakitangan Pengurusan dan Profesional (Jurutera), kakitangan sokongan 4 ( Juruteknik, Pembantu Tadbir dan Pengawal ) berjumlah RM10,410.00 sebulan yang membawa jumlah **RM62,460.00 ( Ringgit Malaysia : Enam Puluh Dua Ribu Empat Ratus Enam Puluh Sahaja )** untuk tempoh enam (6) bulan seperti yang dicadangkan.

## 3.0 KOS MENAMBAHBAIK

### 3.1 KERJA-KERJA BAIK PULIH

Kertas Laporan Kajian Audit oleh Architect Centre dan Kerja-kerja Baikpulih Bangunan Teater DiRaja Shah Alam telah disediakan bersama-sama Unit Perancang Ekonomi Negeri ( UPEN ) Selangor di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (Exco- MTES) Bil 12/2011 bertarikh 5hb Mei 2011 dimana pihak Majlis Bandaraya Shah Alam memerlukan peruntukkan sejumlah **RM868,500.00 ( Ringgit Malaysia : Lapan Ratus Enam Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Sahaja )** bagi kerja-kerja baikpulih hasil dari penemuan kajian audit oleh Architect Centre.

### 3.2 PEMBAYARAN BIL UTILITI BULANAN

Selain daripada kos pembaikan 'one-off' tersebut pihak Majlis Bandaraya Shah Alam memerlukan peruntukkan bagi kos penyelenggaraan dan pembayaran bil utiliti bulanan bagi bangunan teater tersebut. Ia melibatkan pembayaran bil kepada penggunaan elektrik, air dan bil TNEC (kemudahan 'distric cooling system') berjumlah **RM333,000.00 ( Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu Sahaja )** untuk tempoh enam (6) bulan seperti yang dicadangkan.

## 4.0 KOS PERABOT

Untuk mewujudkan persekitaran dan ruang kerja yang kondusif bagi Bangunan Teater DiRaja Shah Alam , pembelian peralatan dan perkakas pejabat serta perabot di ruang menunggu orang kenamaan perlu disediakan dengan segera. Antara perkara-perkara yang perlu disegerakan adalah bilik Penyelia Bangunan Teater, ruang kerja kakitangan , pembelian peralatan pejabat, penyediaan litar CCTV dan penyediaan perabot dan peralatan keperluan ruang menunggu orang kenamaan ( VIP Holding Room ) . Peruntukkan yang diperlukan adalah sebanyak **RM323,500.00 ( Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Dua Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Sahaja )**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : BANTUAN UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN BAGI KAUM INDIA**

208. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar .

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membuka tanah pertanian seperti "Skim FELDA" bagi kaum India miskin untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan mereka pada masa hadapan?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk membasmi kemiskinan di kalangan kaum India di Negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah wang peruntukan yang telah dibelanjakan setakat hari ini untuk membasmi kemiskinan di kalangan kaum India?

**JAWAPAN :**

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mewujudkan tanah pertanian secara berkelompok atau seperti "Skim FELDA". Tetapi Kerajaan Negeri telah mewujudkan program-program yang dapat membantu golongan sasaran agar mendapat manfaat dan kehidupan yang lebih sempurna, antara program-program yang ditawarkan bagi golongan sasaran adalah :
  - i. Program Tabung Anak-anak Pekerja Ladang
  - ii. Program Subsidi Bas Sekolah
  - iii. Program Pendidikan Kemahiran Teknikal
- b) Langkah-langkah yang diambil bagi membasmi kemiskinan dikalangan rakyat di Negeri Selangor adalah mewujudkan program-program yang boleh memberi manfaat dan membantu rakyat Negeri Selangor agar keluar dari kelompok kemiskinan antaranya adalah dengan mewujudkan program seperti:
  - i. Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor
  - ii. Program Kerajaan Prihatin
  - iii. Program Bantuan Kesihatan
  - iv. Program Back to School
  - v. Program Tabung Anak-anak Pekerja Ladang
  - vi. Program Subsidi Bas Sekolah
  - vii. Program Pendidikan Kemahiran Teknikal

- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak menjurus atau memberi fokus khusus kepada mana-mana kaum, setakat ini peruntukkan sebanyak RM 2 juta setiap tahun telah dibelanjakan sejak Pemerintahan Pakatan Rakyat. Berikut adalah pecahan tersebut:

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
2008	2,000,000.00
2009	2,000,000.00
2010	2,000,000.00
2011	2,000,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>RM 8,000,000.00</b>

Program-program lain yang ditawarkan antaranya adalah;

**Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)**

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Selain dari itu beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi OKU/Anak Yatim, Bantuan Kepada Peniaga Muda, Bimbingan Perniagaan Kepada Belia, Bantuan Anak ke Nurseri RM75 sebulan/orang, Bantuan Anak Pra Sekolah RM50 sebulan/orang, Bantuan Mendirikan Rumah Tangga, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Khas Suri Rumah dan Bantuan memiliki Kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan sasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : KAWAL SELIA PANGSAPURI KOS RENDAH**

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memperolehi semula (reprocess) unit-unit yang melanggar syarat-syarat perolehan?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk memastikan pemilik unit-unit pangsapuri (dan rumah) kos rendah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan?
- c) Adakah kerajaan boleh pertimbangkan pelaksanaan sistem kawal selia perolehan unit-unit pangsapuri(dan rumah) kos rendah di MBSA & MBPJ?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan untuk memperolehi semula unit-unit rumah kos rendah yang dimiliki tanpa mengikut prosedur tidak perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini. Ini kerana Kerajaan Negeri telah mempunyai dasar yang jelas dan proses yang ketat untuk orang awam memiliki rumah kos rendah di Negeri Selangor. Selain dari itu, pindah milik rumah kos rendah hanya boleh dibuat selepas 5 tahun dari tarikh perjanjian jual beli ditandatangani. Pendaftaran dan penawaran rumah kos rendah juga mestilah melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sahaja.

Walau bagaimanapun, memang diakui terdapat unit-unit yang tidak memenuhi keperluan dan dasar Kerajaan Negeri bagi pemilikan rumah kos rendah. Perkara ini disebabkan kelonggaran telah diberikan kepada setinggan-setinggan untuk membolehkan mereka memiliki rumah kos rendah walaupun pendapatan bulanan mereka melebihi syarat ditetapkan atau telah memiliki rumah sendiri. Dasar setinggan ketika itu adalah untuk menyelesaikan masalah setinggan di tapak dengan menawarkan pembelian rumah kos rendah kepada mereka.

- b) Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan hanya golongan yang layak sahaja memiliki rumah kos rendah (RKR) di Negeri Selangor. Mulai Mac 2008, Kerajaan Negeri telah menetapkan hanya mereka yang mendaftar dengan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sahaja layak membeli rumah kos rendah. Dasar baru ini telah menetapkan 100% nama pembeli RKR mestilah menggunakan senarai nama daripada Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR) yang berpusat di LPHS. Dasar ini bagi menggantikan dasar pembahagian kuota pembeli RKR terdahulu di mana sebanyak 50% dari Sistem Pendaftaran Terbuka Berpusat RKR dan 50% lagi dari perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD). Penetapan ini

mbolehkan LPHS mengawal sepenuhnya nama pembeli di samping pengagihan RKR dapat dilaksanakan dengan adil dan telus.

Selain wajib berdaftar dengan LPHS, satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah Kos Rendah Negeri Selangor yang dianggotai oleh LPHS sebagai urusetia, Pejabat Tanah Daerah berkaitan dan wakil UPEN telah ditubuhkan bagi menyenarai pendek dan memperakukan nama-nama pembeli sebelum dihantar kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Nama-nama pemohon yang telah diluluskan akan dipaparkan dalam laman web LPHS dan sekiranya ada bantahan terhadap mana-mana nama yang dipamerkan ianya akan disiasat. Sekiranya didapati benar maka tawaran RKR kepada pemohon tersebut akan dibatalkan.

Pemaju-pemaju yang membangunkan RKR di Negeri Selangor juga mestilah mematuhi dasar pemilikan rumah kos rendah ini dengan memastikan senarai nama pembeli hanya diperolehi daripada LPHS. Pemaju-pemaju yang ingkar atau enggan mendaftar dengan LPHS berhubung penjualan RKR akan dikenakan denda sebanyak RM500.00 bagi setiap nama yang tidak berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR). Dasar ini ditetapkan bagi mengelak berlakunya penyelewengan pembelian dan penjualan RKR di lokasi-lokasi tumpuan terutamanya di Daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat dan sebagainya.

- c) Kerajaan Negeri tidak perlu melaksanakan sistem kawal selia perolehan unit-unit rumah kos rendah di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) atau Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kerana dasar pemilikan rumah kos rendah yang ketat digunapakai sekarang meliputi semua permohonan di Negeri Selangor. Malahan setiap pemaju yang membangunkan rumah kos rendah dikehendaki menggunakan 100% nama-nama pemohon yang berdaftar di LPHS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT**

210. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah Pusat Dialisis Rakyat Selangor yang telah beroperasi dan di kawasan manakah terletak pusat ini?
- b) Apakah syarat-syarat untuk mendapat kemudahan ini dan jumlah rakyat yang telah memperolehi faedah ini?
- c) Selain daripada itu, apakah rancangan-rancangan kerajaan seterusnya bagi membantu rakyat yang kurang mampu untuk menerima faedah perubatan secara keseluruhannya

**JAWAPAN :**

- a) Terdapat lima (5) Pusat Dialisis Rakyat, iaitu :-
  1. Sementa
  2. Hulu Kelang
  3. Taman Medan
  4. Parlimen Ampang
  5. Sri Muda - Jalan Kebun : masih dalam proses
- b) Syarat-syarat untuk mendapat kemudahan ini adalah pengguna perkhidmatan ini mestilah anak Selangor atau sedang bermastautin di Negeri Selangor  
Seramai 49 orang pesakit yang telah menerima manfaat dan faedah. Pecahan bilangan pesakit yang telah memperolehi faedah daripada perkhidmatan Pusat Dialisis Rakyat adalah seperti berikut :-
  1. Sementa : 15 orang
  2. Hulu Kelang : 1 orang
  3. Taman Medan : 11 orang
  4. Parlimen Ampang : 22 orang
  5. Sri Muda - Jalan Kebun : masih dalam proses
- c) Selain Pusat Dialisis Rakyat, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan program Skim Kesihatan Wanita yang menawarkan pemeriksaan Mammogram untuk wanita di Negeri Selangor yang berumur 35 tahun dan keatas yang menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Buat masa ini Kerajaan Negeri masih dalam perancangan untuk memperkenalkan faedah tambahan yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat di Negeri Selangor..  
*(Sumber dari Rantaian Mesra Usia Emas (RMSB))*



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : MASALAH PENDUDUK AKIBAT PEMBANGUNAN DI LEMBAGA  
GETAH  
MALAYSIA**

211. Difahamkan bahawa seramai 250 pekerja Lembaga Getah Malaysia di arah untuk berpindah ke Kota Tinggi , Bukit Kuantan dan Kedah untuk bekerja di pusat penyelidikan LGM di tempat tersebut . Pekerja-pekerja LGM ini akan dihentikan kontrak kerja mereka di LGM , Sg.Buloh akibat pembangunan yang akan dilakukan di LGM. Mereka tidak setuju dengan pemindahan ini .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kerajaan Negeri Selangor mempunyai polisi yang memastikan pekerja ladang ditawarkan rumah jika mereka diberhentikan kerja. Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk memastikan hak perumahan untuk pekerja-pekerja ini .
- b) Saya juga difahamkan bahawa Sekolah Tamil LGM , Kuil dan juga Masjid juga akan di ditutup oleh kerana tindakan menghentikan pekerja ini ? Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa jua pelan tindakan untuk menawarkan lokasi baru untuk Sekolah Tamil,Kuil dan Masjid tersebut ?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sentiasa memantau mana-mana kawasan ladang yang akan dibangunkan untuk projek perumahan atau komersial di mana perumahan kos rendah akan ditawarkan terlebih dahulu kepada bekas pekerja ladang pada harga RM 35,000 seunit berbanding harga RM 42,000 seunit yang dijual kepada bukan pekerja ladang. Setelah semua pekerja ladang ditawarkan, perumahan kos rendah tersebut akan ditawarkan kepada pihak yang layak untuk membeli.
- b) Setiap permohonan projek pembangunan sesuatu kawasan perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan. Pihak berkuasa tempatan akan memastikan semua infrastruktur atau kemudahan seperti masjid,sekolah, rumah ibadat selain Islam akan dimasukkan dalam pelan pembangunan yang dikemukakan. Sehubungan itu, isu berkaitan tapak untuk kemudahan tidak timbul kerana pihak pemaju wajib menyediakan tapak tersebut dalam permohonan projek pembangunan yang dikemukakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PENGURUSAN MUALAF**

212. Terdapat banyak kes mereka cuba memohon agama asal. Mengalami tekanan hidup yang berat, dibuang keluarga, dibuang kerja dan tiada tempat perlindungan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada mualaf yang baru memeluk Islam?
- b) Apakah program yang berterusan yang dilaksanakan bagi memperkuatkan ilmu dan akidah mereka. Terdapat banyak kes mereka cuba memohon agama asal.

**JAWAPAN :**

- a) Bantuan-bantuan yang diberi kepada mualaf adalah seperti berikut:
  - 1. Bantuan Pengislaman
  - 2. Bantuan Bulanan
  - 3. Bantuan Kecemasan
  - 4. Bantuan Perubatan
  - 5. Bantuan Sewa Rumah
  - 6. Bantuan Hari Raya
  - 7. Bantuan Pengurusan Jenazah
  - 8. Bantuan Bina Rumah
  - 9. Bantuan Baik Pulih rumah
  - 10. Pengurusan Rumah Perlindungan
  - 11. Bantuan Modal Perniagaan
  - 12. Bantuan berkhatan
  - 13. Bantuan Perkahwinan
  - 14. Bantuan Guaman
  - 15. Elaun Kehadiran Kelas Fardhu Ain
  - 16. Dermasiswa
  - 17. Bantuan Umum Pelajaran
- b) Peraturan 27 (1), Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran Bagi Mualaf (Negeri Selangor) 2009 pada dasarnya telah menetapkan "*Majlis hendaklah mengadakan apa-apa bentuk bimbingan yang sesuai untuk memberi pengetahuan dan meningkatkan kefahaman Islam kepada mualaf*".

Berdasarkan kepada peruntukan dalam Peraturan ini, MAIS telah menyediakan beberapa perkhidmatan dan program bagi memastikan matlamat tersebut tercapai seperti yang berikut:

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	OBJEKTIF	SASARAN
1	<p>Kursus Intensif Saudara Kita (Asas) selama 5 hari 4 malam setiap bulan (kecuali bulan Ramadan).</p> <p>Fokus pembelajaran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rukun Islam,</li> <li>2. Rukun Iman,</li> <li>3. Toharah dalam Islam,</li> <li>4. Solat-Solat Fardu,</li> <li>5. Qasas al-Anbiya',</li> <li>6. Praktikal Toharah,</li> <li>7. Praktikal Solat,</li> <li>8. Pembelajaran Huruf Hija'iyah.</li> <li>9. Bacaan dalam Solat.</li> <li>10. Dialog Kemusykilan Agama.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pendedahan awal tentang Agama Islam dari segi pelaksanaan ibadah, solat fardu dan bersuci (mandi hadas, wuduk, tayammum, kaedah menyuci Najis Mughallazoh dan istinja).</li> <li>• Mewujudkan komunikasi mesra antara mualaf pelbagai bangsa.</li> <li>• Membina asas perhubungan antara mualaf dengan pihak MAIS.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mualaf yang baru memeluk Islam.</li> <li>• Mualaf yang masih belum mengikuti Kursus Intensif Saudara Kita (Asas) meskipun telah lama memeluk Islam.</li> </ul>
2	<p>Kursus Intensif Saudara Kita (Lanjutan) selama 4 hari 3 malam. Diadakan 3 kali setahun pada bulan Februari, Mei dan November 2011.</p> <p>Fokus pembelajaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puasa Dalam Islam</li> <li>• Asas Halal Haram dalam Islam</li> <li>• Asas Nikah Kahwin Dalam Islam</li> <li>• Pengurusan Jenazah Dalam Islam</li> <li>• Praktikal Sembelihan Haiwan</li> <li>• Praktikal Solat Jenazah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pendedahan tambahan kepada mualaf tentang isu-isu semasa agama Islam dalam kalangan masyarakat Islam.</li> <li>• Membantu mengukuhkan kefahaman mualaf tentang teori dan praktis berkaitan fokus pembelajaran yang diterapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mualaf yang telah hadir dan lulus ujian kefahaman dalam Kursus Intensif Saudara Kita (Asas).</li> </ul>
3	<p>Kursus Pengukuhan dan Pemahaman Islam selama 3 hari 2 malam yang diadakan pada setiap tahun oleh Unit Pembangunan Insan daerah-daerah di Pejabat Agama Islam daerah-daerah dalam Negeri Selangor dengan fokus kepada;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Tahsin Ibadah</li> <li>• Kursus Pemantapan Akidah</li> <li>• Kursus Sembelihan Haiwan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendedahkan kepada mualaf tentang elemen-elemen penting dalam mengukuhkan kefahaman mualaf terhadap ajaran Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mualaf pelbagai bangsa yang tinggal di daerah-daerah dalam Negeri Selangor.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kursus Pengurusan Jenazah</li><li>• Kursus Pasca Perkahwinan</li><li>• Kuliah Tafahum fi al-Din (bulanan)</li><li>• Seminar Keluarga Bahagia</li><li>• Kursus Imam dan Bilal.</li></ul>		
--	---	--	--

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PREMIUM TANAH DI SELANGOR**

213. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah kadar premium bagi tanah-tanah pajakan dalam negeri Selangor?
- b) Apakah syarat premium dan tempoh perlaksanaannya?

**JAWAPAN :**

- a) Kadar premium bagi tanah-tanah pajakan dalam Negeri Selangor adalah :-

Bil	Kategori Syarat Nyata Tanah	Pemberimilikan	Perlanjutan Tempoh Pajakan
1.	Bangunan Kediaman	$1/4 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas	i. <u>Serentak Tukar Syarat dan Lanjut Tempoh Pajakan</u>  $1/4 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas  ii. <u>Lanjut Tempoh Bagi Kategori dan Syarat Nyata Tanah Yang Sama</u>  $1/4 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x (tempoh pajakan – baki tempoh pajakan) x luas
2.	Bangunan Perniagaan	$3/4 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas	i. <u>Serentak Tukar Syarat dan Lanjut Tempoh Pajakan</u>  $3/4 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas  iii. <u>Lanjut Tempoh Bagi Kategori dan Syarat Nyata Tanah Yang Sama</u>  $3/4 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x (tempoh pajakan – baki tempoh

Bil	Kategori Syarat Nyata Tanah	Pemberimilikan	Perlanjutan Tempoh Pajakan
			pajakan) x luas
3.	Bangunan Kemasyarakatan	$1/8 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas	<p>i. <u>Serentak Tukar Syarat dan Lanjut Tempoh Pajakan</u></p> <p><math>1/8 \times 1/100 \times</math> nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas</p> <p>iv. <u>Lanjut Tempoh Bagi Kategori dan Syarat Nyata Tanah Yang Sama</u></p> <p><math>1/8 \times 1/100 \times</math> nilai tanah yang diluluskan x (tempoh pajakan – baki tempoh pajakan) x luas</p>
4.	Industri	$3/4 \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas	<p>i. <u>Serentak Tukar Syarat dan Lanjut Tempoh Pajakan</u></p> <p><math>3/4 \times 1/100 \times</math> nilai tanah yang diluluskan x tempoh pajakan x luas</p> <p>v. <u>Lanjut Tempoh Bagi Kategori dan Syarat Nyata Tanah Yang Sama</u></p> <p><math>3/4 \times 1/100 \times</math> nilai tanah yang diluluskan x (tempoh pajakan – baki tempoh pajakan) x luas</p>

- b) Premium hanya dikenakan kepada semua permohonan pemberimilikan, perlanjutan tempoh pajakan dan serah balik dan beri milik semula untuk tujuan mengubah syarat nyata tanah, penyatuan dan pecah sempadan.

Premium yang dikenakan melalui Notis Borang 5A hendaklah dijelaskan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Notis Borang 5A diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : DANA KHAS AKTIVISME MAHASISWA DAN BELIA**

214. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan dana khas untuk menggalakkan aktivisme mahasiswa dan belia untuk menggarap potensi mereka seperti keusahawanan, kesukarelawan dan kesedaran alam sekitar?

**JAWAPAN :**

- a) Hala tuju Negeri Selangor di antaranya ialah untuk memperkasa Pendidikan Tinggi dan di antara objektif yang telah dirangka ialah melahirkan mahasiswa yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran kerja dan meningkatkan daya kepimpinan mahasiswa.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi tidak meletakkan jumlah khas bagi tujuan ini. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah menyalurkan dana yang ada kepada mahasiswa dan belia melalui kertas cadangan yang dikemukakan oleh mahasiswa dengan mengambil kira manfaat kepada Kerajaan Negeri.

Permohonan yang dikemukakan sama ada melalui IPT atau melalui platform yang telah disediakan oleh YB Exco iaitu Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor (MPMS). Di antara program-program yang telah dilaksanakan melalui MPMS adalah program bakti siswa di Hulu Selangor, di Hulu Langat sempena Program Jelajah GEMS Daerah Hulu Langat di perumahan Asnaf di Subang dan di Hulu Selangor. Mahasiswa juga disediakan dengan program-program pembangunan mahasiswa dengan menggunakan program SPIES sebagai modul.

Selain itu yang terbaru iaitu Konvokesyen Mahasiswa di mana di dalam konvokesyen tersebut mahasiswa telah berpeluang untuk berdialog dan berinteraksi dengan pimpinan Kerajaan Negeri Selangor dan mendengar pembentangan kertas kerja oleh ilmuwan-ilmuwan yang terkenal di seluruh negara bagi membentuk kefahaman dan membina sikap prihatin mahasiswa terhadap masyarakat.

Untuk aktiviti yang menjurus kepada keusahawanan, Kerajaan Negeri telah menyediakan program pembinaan kerjaya seperti "grooming class" dan "How to write an effective resume" serta program "Success Stories" bersama tokoh-tokoh yang telah berjaya di dalam bidang-bidang masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PROJEK PERKUBURAN CINA FAIRY PARK SDN BHD DI SEKSYEN U4, SHAH ALAM**

215. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri setelah mengenal pasti bahawa projek perkuburan Cina oleh Fairy Park Sdn Bhd di Seksyen U4, Shah Alam adalah haram?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan bahawa harga tapak kubur di negeri Selangor untuk golongan bukan Islam adalah mampu dimiliki oleh mereka yang berpendapatan rendah.

**JAWAPAN :**

a) & b)

Majlis telah mengenal pasti 10 lot tapak perkuburan (Lot 3863, 3864, 3865, 3866, 3876, 3877, 3881, 3882, 3883 dan 3884) seluas 92.0 ekar yang telah dimajukan secara komersial oleh Tetuan Fairy Park Sdn. Bhd. sebagai tapak perkuburan bukan Islam. Majlis juga mendapati tapak perkuburan ini telah wujud sebelum perluasan kawasan pentadbiran MBSA pada 2hb. Januari, 1997.

MMKN yang bersidang pada 15hb. Disember, 2010 telah meluluskan permohonan tukar syarat nyata tanah daripada pertanian kepada perkuburan bukan Islam dan bersetuju pemilik tanah dikenakan denda di atas kelewatan menjelaskan bayaran premium

Majlis mendapati 100% kerja-kerja tanah telah pun dilaksanakan dan hampir 80% tanah berkenaan telah digunakan untuk pengebumian mayat.

Majlis telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis Borang F (Notis Memanggil Permohonan Untuk Kebenaran Merancang Dalam Hal Pemajuan Tanpa Kebenaran) pada 19hb. Januari 2011.



Majlis akan membentangkan isu-isu tapak perkuburan di Seksyen U14 Shah Alam di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat dijangka pada awal Julai 2011, sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan perundangan di bawah Akta dan undang-undang berkaitan seperti berikut:

- i) **Seksyen 26, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**  
Terus dibawa ke mahkamah tanpa notis dan jika disabitkan kesalahan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua – duanya.

Atau

- ii) **Seksyen 27, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**  
Menyampaikan notis kepada pemilik tanah untuk menghentikan aktiviti serta – merta dan tanah hendaklah dipulihkan semula setakat yang mungkin. Kegagalan mematuhi notis dalam tempoh yang dibenarkan apabila disabitkan kesalahan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua – duanya dan RM5000 setiap hari kesalahan itu dilakukan.

Atau

- iii) **Seksyen 70A (9) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)**  
Mengambil tindakan perundangan ke atas pemilik tanah di atas kesalahan memulakan menjalankan atau membenarkan supaya dimulakan atau dijalankan sesuatu kerja tanah tanpa mendapat kelulusan . Jika disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau didenda tidak melebihi RM50,000 atau kedua – duanya dan RM500 setiap hari kesalahan itu dilakukan.

Atau

- iv) **Seksyen 70 (12) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)**  
Mengambil tindakan perundangan ke atas pemilik tanah di atas kesalahan mendirikan bangunan tanpa mendapat kelulusan Majlis. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi RM100 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas suatu notis untuk memberhentikan bangunan itu daripada digunakan bagi maksud lain itu telah disampaikan.

Atau

- v) **Tindakan di bawah Seksyen 128, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965)**  
Mengambil tindakan di bawah Seksyen 128, Kanun Tanah Negara 1965 untuk mengembalikan tanah kepada keadaan asal dan sekiranya gagal, di ambil tindakan di bawah Seksyen 130, KTN 1965 (Perampasan Tanah).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : OPERASI KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG**

216. Merujuk kepada Usul No. 13 Tahun 2010 berkenaan "Operasi Kuari Haram di Bandar Baru Selayang":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap usul ini?
- b) Apakah status tanah di mana operasi kuari tersebut dijalankan?
- c) Sekiranya operasi tersebut dijalankan di tanah kerajaan berapakah kehilangan hasil daripada premium dan cukai tahunan yang tidak dijelaskan oleh pengusaha?

**JAWAPAN :**

- a) Pentadbir Tanah Gombak telah mengarahkan Unit Penguatkuasaan untuk menjalankan operasi pemantauan serta rondaan terhadap kawasan yang di dakwa bermula sejak penghujung tahun 2010. Hasil rondaan tersebut, 2 (buah) lori yang didapati membawa muatan batu kuari keluar dari kawasan tersebut telah ditahan dan dirampas oleh Unit Penguat kuasa, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak pada 21 Oktober 2010 serta 2 November 2010. Kertas siasatan berkaitan penahanan lori tersebut disusuli dengan Notis 7A kepada pemilik tanah berkenaan.

**25 Mei 2011** - Pentadbir Tanah Gombak akan mengeluarkan Notis 7A mengikut Seksyen 128 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) iaitu Notis Unuk Memulih Pelanggaran Syarat kepada pemilik tanah berdaftar iaitu Shah Alam Properties Sdn Bhd (SAP). Pelanggaran syarat yang dinyatakan di dalam notis tersebut adalah "**Belum mendirikan bangunan seperti yang disyaratkan di dalam syarat tersirat di atas kategori Bangunan mengikut Seksyen 116(1) KTN 1965 dan menjalan operasi kuari tanpa permit yang sah**". Di bawah peruntukan seksyen ini, pemilik tanah adalah dikehendaki mengambil tindakan cepat untuk memastikan remedi pelanggaran syarat dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Gombak. Tempoh yang diberikan adalah 14 hari. Jika notis itu tidak dipatuhi, Pentadbir Tanah Gombak boleh mengambil tindakan selaras dengan peruntukan-peruntukan seksyen 129 KTN 1965.

**13 Jun 2011 dan 4 Julai 2011** – Susulan selepas tamat tempoh Notis 7A yang tersebut di atas, Pentadbir Tanah Gombak telah mengeluarkan Notis 7B (Seksyen 129 Kanun Tanah Negara 1965) kepada Shah Alam Properties (SAP) iaitu Notis supaya menunjukkan sebab bagi pelanggaran syarat yang termaktub di dalam Notis 7A. Di bawah peruntukan seksyen ini, kegagalan tuan punya tanah untuk mematuhi mana-mana notis di bawah seksyen yang berkaitan adalah bertanggung untuk pelucuthakan seperti yang termaktub dalam Seksyen 130 KTN 1965.

- b) Sehingga kini, tanah ini masih berstatus tanah hak milik berdaftar Shah Alam Properties Sdn Bhd (SAP) dan sedang dalam siasatan di bawah Seksyen 129 Kanun Tanah Negara 1965 oleh Pentadbir Tanah Gombak. Sekiranya tindakan pelucuthakan dikuatkuasakan atas kesalahan pelanggaran syarat tersebut, tanah tersebut akan berstatus milik Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Pihak pemilik tanah tidak mempunyai apa-apa tunggakan cukai tanah bagi hak milik PN 89881 Lot 72916 Bandar Selayang iaitu kawasan yang telah dijalankan kuari haram di atasnya. cukai tanahnya adalah pada kadar Rm292,714.00 setahun.

Anggaran bagi kehilangan royalti bahan batuan daripada operasi kuari berkenaan tidak dapat dianggarkan oleh pentadbiran ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : JEREBU DARI INDONESIA & MALAYSIA TELAH MENGANCAMKAN  
KESIHATAN RAKYAT SELANGOR SETIAP TAHUN**

217. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengawal jerebu yang timbul setiap tahun ?

**JAWAPAN :**

- a) Kejadian jerebu yang berlaku setiap tahun adalah berpunca dari dua punca iaitu pembakaran terbuka dari dalam negara dan pencemaran merentasi sempadan yang berpunca dari pembakaran di Sumatera semasa monsun baratdaya. Bagi mengawal jerebu yang berpunca dari aktiviti pembakaran terbuka di tanah gambut khususnya, di dalam negara, pihak Kerajaan melalui agensi-agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta agensi-agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) telah melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran Di Tanah Gambut. Di negeri Selangor kawasan yang terlibat adalah di sekitar Johan Setia, Kelang; kawasan sekitar Pulau Kempas, Mukim Tanjung 12, Kuala Langat; dan kawasan Hutan Simpan Raja Muda Musa.

Di antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan di dalam program ini adalah meliputi:-

- 1) Pembinaan 3 unit sekatan saliran atau empangan (check dam) di kawasan Johan Setia bagi meninggikan dan mengekalkan paras air tanah gambut semasa musim panas dan kering (lazimnya di antara bulan Jun hingga September);
- 2) Pembinaan 2 buah telaga air tanah (tube well) untuk mendapatkan sumber alternatif bekalan air bagi memadam kebakaran dan mengekalkan paras air di kawasan Pulau Kempas, Mukim Tanjung 12, Kuala Langat;
- 3) Pembinaan 1 buah menara tinjau (watch tower) juga di Pulau Kempas, Mukim Tanjung 12, Kuala Langat; bagi mengawasi dan membantu penguatkuasaan ke atas aktiviti pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut; dan
- 4) Pengurusan paras air di kawasan Hutan Simpan Raja Muda Musa.

Selain dari tindakan-tindakan yang telah disebutkan tadi, Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan pasukan khas bagi mencegah pembakaran terbuka di Majlis Perbandaran Kelang bagi mengawal kawasan pertanian revolusi hijau, Johan Setia, Kelang. Kerja-kerja penguatkuasaan ke atas pembakaran terbuka juga dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, manakala pembakaran terbuka dari kawasan perumahan dan tapak pelupusan dikawal oleh pihak berkuasa tempatan di bawah kacau ganggu.

Pada tahun 2011 (Januari hingga Jun), sebanyak 28 kompaun telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor ke atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di negeri Selangor dengan denda berjumlah RM 56,000.00; manakala bagi kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah pada tahun 2011 adalah sebanyak 13 kes; di mana 5 kes telah disabitkan kesalahan di bawah Akta yang sama dan jumlah denda yang dikenakan adalah berjumlah RM 53,000.00. Disamping itu sebanyak 10 kertas siasatan lagi sedang disediakan untuk difailkan di mahkamah bagi kesalahan yang sama.

Pada tahun 2010, sebanyak 49 kompaun telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dengan kutipan kompaun berjumlah RM 76,800.00 manakala bagi kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah pada tahun 2010 adalah sebanyak 6 kes; di mana 3 kes telah disabitkan kesalahan di bawah Akta yang sama dan jumlah denda yang dikenakan adalah berjumlah RM 31,000.00

Usaha-usaha bagi mengawal jerebu yang merentasi sempadan pula dibuat melalui usaha sama negara-negara ASEAN peringkat serantau. Malaysia meneruskan kerjasama dengan negara ahli melalui *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi menangani isu jerebu merentas sempadan (*transboundary haze*). Kerjasama dua hala dengan pihak Indonesia juga diteruskan dan dipertingkatkan dengan tumpuan ke atas sokongan serta bantuan kepada usaha-usaha pencegahan pembakaran tanah dan hutan yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Indonesia Bagi Menangani Masalah Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH KEKURANGAN BUAH KELAPA**

218. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini industri kelapa muda dan tua serta apakah potensi masa depannya ?
- b) Sila huraikan keluasan tanah yang diusahakan dengan penanaman pokok kelapa mengikut susunan daerah ? Sila berikan butir-butir.
- c) Sila nyatakan berapakah jumlah permintaan kelapa muda dan tua setiap hari di Negeri Selangor ?

**JAWAPAN:**

- a) Keperluan kelapa bagi setahun adalah lebih kurang 500 juta biji. Pengeluaran tempatan adalah sebanyak 90% manakala 10% lagi adalah diimport. Kelapa amat diperlukan terutamanya menjelang hari perayaan. Fenomena peningkatan harga kelapa membuktikan ia sebagai satu komoditi yang tinggi permintaan.
- b) Keluasan kelapa mengikut daerah adalah seperti berikut :

<b>Daerah</b>	<b>Keluasan Kelapa (ha)</b>
Gombak/Petaling	6
Klang	3,715
Kuala Langat	752
Kuala Selangor	3,958
Sabak Bernam	14,791
Sepang	60
Hulu Langat	998
Hulu Selangor	82
<b>Jumlah</b>	<b>24,362</b>

- c) Jumlah permintaan kelapa muda adalah lebih tinggi berbanding dengan kelapa tua iaitu dengan nisbah 2:1. Bagi setiap 500 juta biji yang dijual lebih kurang 330 juta biji dijual sebagai kelapa muda manakala 170 lagi sebagai kelapa tua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : PINJAMAN KREDIT LUAR BANDAR DAN DALAM BANDAR.**

219. Setelah kedua-dua pinjaman ini dilancarkan,

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi pinjaman kedua-dua pinjaman di Selangor?
- b) Berapakah jumlah pinjaman kredit luar bandar di pejabat Daerah Hulu Langat?
- c) Setakat ini, bagaimanakah perkembangan kredit luar bandar MIMBAR di MPKj?

**JAWAPAN :**

Jawapan kepada soalan (a) dan (b):

Jadual Menunjukkan Prestasi Kemajuan Kerja SKIMSEL sehingga 23hb Jun 2011

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Jumlah Pembiayaan
1.	Sabak Bernam	712	2,309,600.00
2.	Hulu Selangor	456	1,257,000.00
3.	Kuala Selangor	431	1,072,100.00
4.	Hulu Langat	366	956,500.00
5.	Kuala Langat	445	1,182,500.00
6.	Sepang	205	492,500.00
	Jumlah	2,624	7,270,200.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : BANTUAN UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN BAGI KAUM CINA**

220. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor setakat ini untuk membasmi kemiskinan di kalangan Kaum Cina?
- b) Berapakah jumlah wang peruntukan yang telah dibelanjakan setakat hari ini bagi membantu membasmi kemiskinan di kalangan kaum Cina?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memberi lebih banyak peluang-peluang perniagaan kepada kaum Cina dan jika sekiranya ada, apakah peluang-peluang perniagaan tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Kemiskinan membawa maksud, jumlah pendapatan bulanan sesebuah isi rumah yang berada di bawah tahap Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu indikator yang membolehkan sesebuah keluarga tersebut memiliki dan memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan, yang membolehkan setiap ahli keluarga berfungsi di dalam masyarakat. Kerajaan Negeri tidak memberi penumpuan atau fokus hanya kepada satu-satu kaum sahaja. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah dengan mewujudkan program-program yang memberi peluang kepada golongan sasaran agar dapat keluar dari pelompok kemiskinan, selain memberikan peluang pendidikan, pekerjaan dan perumahan kepada golongan ini agar dapat terus hidup dengan lebih selesa. Antara program yang diwujudkan dalam Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor diantaranya adalah;
  - i. Program **Blueprint** Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor.
  - ii. Program Perumahan Rakyat Miskin "**Kerajaan Prihatin**".
  - iii. Program Tajaan Pendidikan **Kemahiran Teknikal** di Kolej INPENS.



- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak menjurus atau memberi fokus khusus kepada mana-mana kaum, setakat ini peruntukkan sebanyak RM 2 juta setiap tahun telah dibelanjakan sejak Pemerintahan Pakatan Rakyat. Berikut adalah pecahan tersebut:

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
2008	2,000,000.00
2009	2,000,000.00
2010	2,000,000.00
2011	2,000,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>RM 8,000,000.00</b>

- c) Kerajaan Negeri Selangor memberikan peluang perniagaan kepada semua lapisan masyarakat pada kadar yang sama. Oleh yang demikian tiada kaum tertentu yang diberi pengkhususan khas bagi tujuan tersebut.

Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Bajet 2009 telah menggariskan lima (5) strategi khusus bagi memastikan kestabilan ekonomi Negeri Selangor seterusnya menangani masalah kemiskinan. Antara strategi tersebut ialah :

#### **Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)**

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Selain dari itu beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi OKU/Anak Yatim, Bantuan Kepada Peniaga Muda, Bimbingan Perniagaan Kepada Belia, Bantuan Anak ke Nurseri RM75 sebulan/orang, Bantuan Anak Pra Sekolah RM50 sebulan/orang, Bantuan Mendirikan Rumah Tangga, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Khas Suri Rumah dan Bantuan memiliki Kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan sasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : BANTUAN BAIK PULIH PANGSAPURI KOS RENDAH**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan pangsapuri yang menerima bantuan tersebut dan kos perbelanjaan yang terlibat.
- b) Apakah kriteria pertimbangan dalam pemberian bantuan tersebut?
- c) Berapakah bilangan pangsapuri dalam kawasan MPKj yang mendapat bantuan tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Senarai 18 kawasan pangsapuri kos rendah yang menerima bantuan berdasarkan kos adalah seperti berikut:-

BIL.	PANGSAPURI	PBT	DESKRIPSI KEROSAKAN	ANGGARAN KOS (RM)
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	4 unit tangki	64,000.00
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	4 unit lif	324,000.00
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	1 unit lif	110,000.00
4.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Kerosakan bumbung membabitkan 134 unit rumah di tingkat paling atas	185,000.00
5.	Pangsapuri Flora Damansara A&B	MBPJ	4 unit lif	212,000.00
6.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A&B	MBPJ	2 unit lif	100,000.00
7.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	2 unit lif	7,757.00
8.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	Salur air hujan 'gutter' 5 blok	192,243.00
9.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	2 unit lif	42,000.00
10.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	3 unit lif	131,000.00
11.	Tembikai&Pulasan Court	MPSJ	Salur air hujan 'gutter' 4 Blok	56,000.00

12.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	Kerosakan bumbung yang menjejaskan 16 unit tingkat 5 Blok G	93,000.00
13.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	Pembentong di Blok C	18,000.00
14.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	MPKj	Bumbung Blok D & E	42,000.00
15.	Pangsapuri Mentari	MBSA	3 unit lif	45,000.00
16.	Rumah Kos Rendah Taman Subang Perdana	MBSA	Bumbung	24,000.00
17.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	5 unit lif	250,000.00
18.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	2 unit lif	100,000.00
<b>JUMLAH</b>				<b>2,000,000.00</b>

b) Pemilihan kawasan bagi pemberian Skim Bantuan Baikpulih Negeri Berkebakikan ini adalah berasaskan kriteria-kriteria berikut:

- i) Tahap kerosakan harta bersama yang kritikal
- ii) Permohonan daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC)/Persatuan Penduduk/ Ejen yang aktif dan berdaftar
- iii) Kedudukan kewangan JMB/MC/Persatuan Penduduk yang memuaskan

Bagi pelaksanaan projek perintis ini, keutamaan diberikan kepada kerosakan harta bersama yang boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan penduduk seperti lif, bumbung, tangki air dan pembentong.

c) Dua (2) kawasan pangsapuri kos rendah yang dipilih dari kawasan MPKj untuk menerima Skim Bantuan Baikpulih ini adalah seperti berikut:

BIL	PANGSAPURI	DUN	DESKRIPSI KEROSAKAN	PENGURUSAN BANGUNAN
1.	Flat Taman Damai Jaya	Kajang	Pembentong Di Blok C	MC
2.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	Dusun Tua	Bumbung Blok D & E	JMB

**ANGGARAN KOS  
SENARAI PENDEK KAWASAN  
SKIM BANTUAN BAIKPULIH NEGERI BERKEBAJIKAN**

<b>BIL</b>	<b>NAMA PANGSAPURI</b>	<b>PBT</b>	<b>DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA</b>	<b>ANGGARAN KOS</b>
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	4 unit tangki	<b>66,000</b>
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	4 unit lif	<b>340,000</b>
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	1 unit lif	<b>115,000</b>
4.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Kerosakan bumbung membabitkan 134 unit rumah di tingkat paling atas	<b>190,000</b>
5.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	4 unit lif	<b>212,800</b>
6.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	2 unit lif	<b>103,310</b>
7.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	2 unit lif	<b>7,757</b>
8.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	Salur air hujan (gutter) 5 blok	<b>250,000</b>
9.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	2 unit lif	<b>42,932</b>
10.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	3 unit lif	<b>131,850</b>
11.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	Salur air hujan (gutter) 4 blok	<b>57,480</b>
12.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	Kerosakan bumbung yang menjejaskan 16 unit tingkat 5 Blok G	<b>93,900</b>
13.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	Pembentong di Blok C	<b>18,100</b>
14.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	MPKj	Bumbung Blok D & E	<b>42,100</b>
15.	Pangsapuri Mentari	MBSA	3 unit lif	<b>47,000</b>
16.	Rumah Kos Rendah Taman Subang Perdana	MBSA	Bumbung	<b>24,300</b>
17.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	5 unit lif	<b>350,000</b>
18.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	2 unit lif	<b>110,000</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>				<b>2,202,529.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PROGRAM MIKROKREDIT BANDAR (MIMBAR)**

222. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan bilangan pinjaman yang telah diluluskan sehingga sekarang dan beri pecahan permohonan yang diterima mengikut etnik dan daerah?
- b) Nyatakan kos pentadbiran yang terlibat dalam program ini.
- c) Berapa banyak peratusan pembayaran balik?

**JAWAPAN :**

- a) Pinjaman yang telah diluluskan setakat 25 Jun 2011 adalah seramai 1,048 orang keseluruhannya dan pecahan adalah seperti berikut:

BIL	ETNIK/KAUM	JUMLAH	PERATUSAN (%)
1	MELAYU	943	89.90
2	INDIA	79	7.54
3	CINA	25	2.39
4	ORANG ASAL	1	0.10
<b>JUMLAH</b>		<b>1,048</b>	<b>100.00</b>

Pecahan yang dibuat mengikut daerah/PBT adalah seperti berikut:

BIL	PBT	JUMLAH	PERATUSAN (%)
1	MBPJ	73	6.97
2	MBSA	132	12.60
3	MPAJ	132	12.60
4	MPK	276	26.34
5	MPKj	73	6.97
6	MPS	180	17.18
7	MPSJ	80	7.63
8	MPSp	102	9.73
<b>JUMLAH</b>		<b>1,048</b>	<b>100.00</b>

- b) Kos Pentadbiran yang terlibat dalam program ini adalah sebanyak RM115,254.80 daripada bulan Mac sehingga Jun 2011 iaitu sebanyak 0.005 %  
Kos pembiayaan yang telah digunakan adalah RM2,486,200 = 12.43%

- c) Statistik pembayaran balik setakat ini adalah sebanyak 89% keseluruhannya. 84% telah membuat bayaran melalui sistem 'auto-debit' terus daripada akaun mereka dan 5% pula tidak begitu jelas dengan sistem tersebut dan mempunyai masalah-masalah lain yang memerlukan kutipan secara manual dibuat oleh pegawai-pegawai MiMBAR.

Manakala sebanyak 11% daripada peserta boleh dianggap sebagai bermasalah di mana kebanyakan peserta memohon menangguhkan pembayaran pada peringkat awal bagi menggunakan modal sebagai pusingan awal, dan pihak MiMBAR akan terus memantau dan mengutip pembayaran mereka. Ini termasuk juga terdapat kes-kes sabotaj daripada pihak-pihak tertentu yang mana mereka mendapat maklumat bahawa tidak perlu membayar balik pinjaman. Walau bagaimana pun, kes-kes terpencil ini dapat diatasi dengan baik dan beberapa tindakan susulan akan diambil bagi memastikan peserta membuat pembayaran balik pinjaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : KEMUDAHAN AWAM ROSAK DAN TINDAKAN KEPADA ADUAN**

223. Isu Pemantauan infra/ kemudahan awam yang rosak dan tindakan susulan. –JKR/JPS. Terdapat banyak aduan terutama kemudahan awam seperti jalan-jalan rosak, lampu isyarat rosak, rumput panjang, parit tersumbat, sampah tidak dikutip belum dapat ditangani dengan baik oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kriteria utama yang diambil untuk tindakan yang lebih pantas bagi mengatasi aduan seperti ini?
- b) Apakah peranan Jabatan yang berkenaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat?

**JAWAPAN :**

- a) Kriteria utama yang diambil untuk tindakan yang lebih pantas bagi mengatasi aduan seperti ini adalah :-
  - i) Menubuhkan unit tindakan aduan dibawah kumpulan litter picking yang menggunakan kenderaan dan pekerja Majlis sendiri.
  - ii) Mengambil tindakan ke atas aduan dalam tempoh 6 jam waktu bekerja.
  - iii) Mengadakan mesyuarat bersama Ahli Majlis, Pemimpin Masyarakat dan Pegawai Pemantau setiap minggu untuk mesyuarat seperti masalah di kawasan masing-masing dan tindakan segera.
- b) Peranan Jabatan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat adalah :-
  - i) Memastikan semua perkhidmatan diberikan kepada semua pembayar cukai.
  - ii) Mengambil tindakan segera (dalam tempoh 6 jam waktu bekerja) untuk memastikan aduan dapat diselesaikan dan perkhidmatan menjadi berkesan.
  - iii) Mendapatkan maklumbalas daripada Pemimpin Masyarakat atau Pegawai Pemantau tentang mutu perkhidmatan Majlis.
  - iv) Mengadakan lawatan bersama penduduk untuk memastikan tahap perkhidmatan yang berkesan diberikan kepada masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : TANAH RANCANGAN FELDA DI SELANGOR**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Berapakah tanah rancangan FELDA yang terdapat dalam negeri Selangor serta apakah keluasan setiap satu dan melibatkan berapa peneroka?
- b) Apakah permasalahan yang dihadapi oleh para peneroka di tanah-tanah rancangan FELDA tersebut dan bagaimana kerajaan negeri boleh bantu?

**JAWAPAN :**

- a) Terdapat lima tanah rancangan FELDA di Selangor dengan jumlah keluasan sebanyak 23430 ekar dan jumlah bilangan peneroka adalah seramai 2343 orang. Perincian keluasan serta bilangan peneroka bagi setiap rancangan FELDA adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TANAH RANCANGAN FELDA</b>	<b>KELUASAN (ekar)</b>	<b>BILANGAN PENEROKA</b>
1.	FELDA Sg. Tenggi Selatan	1390	139
2	FELDA Sg. Tenggi	5560	556
3	FELDA Soeharto	6850	685
4	FELDA Gedangsa	6000	600
5	FELDA Sungai Buaya	3630	363

- b) Antara permasalahan yang dihadapi oleh para peneroka di tanah-tanah rancangan FELDA tersebut adalah seperti berikut:
  - i) Isu geran tanah yang masih belum diterima seperti di Felda Sg. Tenggi Selatan ke semua 139 peneroka masih belum menerima geran manakala di Felda Sg. Tenggi terdapat sekitar 6 orang peneroka belum mendapat geran.
  - ii) Masalah pemilikan Tanah TOL. Di Felda Gedangsa, terdapat 50 orang pengusaha ikan air tawar yang telah memohon tanah TOL ini sejak 30 tahun yang lalu namun masih gagal mendapatkannya.
  - iii) Masalah perumahan generasi kedua akibat tiada program pembangunan setempat yang dilaksanakan selama ini.
  - iv) Masalah penduduk di Felda Sg. Buaya yang ditipu oleh syarikat Murnajaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**



(BUKIT ANTARABANGSA)

**TAJUK : SUMBANGAN KEPADA UNISEL**

225. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dan jumlah peruntukan yang disumbangkan kepada Universiti Selangor untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan, inovasi dan bagi tujuan harta intelek?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan dana untuk penyelidikan yang dianggap UNISEL boleh menyumbang terhadap projek-projek yang akan meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor telah memberi dana untuk projek-projek berikut:

**Geran Penyelidikan - Kerjasama UNISEL & SUK**

Bil	Nama Ketua Projek	Fakulti	Tajuk Projek	Tahun Projek Lulus	KOS LULUS (RM)	Status
1	Prof. Dr. Lokman Shamsudin	Sains dan Bioteknologi	Development of Bio-Mass Production of Spirulina by Using Bio-Reactor	2011	1,000,000.00	Aktif
2	Prof. Dr. Haji Anuar Haji Ahmad	Centre for Research & Innovation (CRI)	Penyelidikan Teknologi Hijau dan Pertanian di Negeri Selangor	2011	500,000.00	Aktif
3	Prof. Dr. Khafilah Binti Din (Urusetia) Prof. Dr. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hajazi (Ketua Bidang Sains Sosial) Dr. Setyawan Widyarto (Ketua Bidang Statistik & IT) Encik Raduwan Bin Idar (Ketua Bidang Ekonomi)	Centre for Research & Innovation (CRI) Pusat Pengajian Luar & Antarabangsa Fakulti Industri Teknologi Maklumat Fakulti Perniagaan	Kajian berhubung <i>Economic After Effect of Giving PPR Houses To The Family</i>	2011	108,060.00 (Menunggu Kelulusan)	Aktif

4	Prof. Dr. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hajazi	Pusat Pengajian Luar & Antarabangsa	Sistem Pengurusan Social Flat Sri Perantau, Kelang	2011	30,000.00	Aktif
5	Emeritus Prof. Dato' Dr. Abdul Latif Ibrahim	Pusat Bio-IT Selangor	Quality Assurance of Halal Products	2009	100,000.00	Aktif
6	Emeritus Prof. Dato' Dr. Abdul Latif Ibrahim	Pusat Bio-IT Selangor	Tropical Plant Mentioned in the Holy Quran and Hadith	2009	50,000.00	Aktif
7	Emeritus Prof. Dato' Dr. Abdul Latif Ibrahim	Pusat Bio-IT Selangor	Study on Selected Enzymes from <i>Rhodococcus</i> UKMP-5M and Its Application in Green Chemistry	2009	200,000.00	Aktif
8	Suzana Binti Basaruddin	Teknologi Maklumat	Kajian Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Pusat Siber Rakyat (PSR) Negeri Selangor Selama 10 Tahun Kewujudannya	2009	19,983.00	Tamat
<b>JUMLAH</b>					<b>2,008,043.00</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PELAN INTEGRITI KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

226. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Apakah visi, misi serta kayu pengukur kejayaan untuk Pelan Integriti Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Siapakah ahli jawatankuasa yang menganggotai badan pelaksana Pelan Integriti Kerajaan Negeri Selangor bagi memantau keberkesanan pelan tersebut?
- c) Senaraikan polisi dan program yang telah dilaksanakan di bawah Pelan Integriti Kerajaan Negeri Selangor dan sejauh manakah pelan tersebut berjaya dalam mewujudkan sistem pentadbiran yang telus, amanah dan bertanggungjawab terhadap rakyat?

**JAWAPAN :**

- a) Pada masa kini, tiada pelan integriti yang komprehensif disediakan untuk Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sejak cawangan integriti di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ditubuhkan dari tahun 2008, peranan dan fungsi cawangan ini adalah mempertingkatkan serta memperkukuhkan integriti penjawat awam di Negeri Selangor. Cawangan ini juga telah membangunkan visi dan misinya tersendiri dalam usaha memperkukuhkan peranannya.

**Visi :** Penjawat Awam Negeri Selangor bersih

- Rasuah
- Penyelewengan
- Salah gunaKuasa
- Masalah integrity / kodetika / tatatertib

**Misi :** Memastikan konsep 4P (Penerapan, Penghayatan, Pengamalan dan Pengukuhan) berkaitan nilai murni dan integriti sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa

- b) Tiada badan pelaksana yang menganggotai pelaksanaan pelan ini kerana pelan yang komprehensif masih belum dibangunkan. Walau bagaimanapun, Cawangan integriti bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Agensi lain untuk sentiasa menambah baik aktiviti dan program berkaitan integriti khusus untuk penjawat awam di Negeri Selangor. Bagi pemantauan pelaksanaan program/ aktiviti ianya dijadikan Sasaran Kerja Tahunan bagi Cawangan Integriti di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang perlu dilaksanakan.

c) Pelan yang komprehensif masih belum dibangunkan tetapi program / aktiviti berteraskan konsep 4P (Penerapan, Penghayatan, Pengamalan dan Pengukuhan) telah dipergiatkan sejak tahun 2008 kerana ianya dibawah fungsi Cawangan Integriti. Program/ Aktiviti adalah seperti berikut:

- Seminar Pemantapan dan Pengukuhan Integriti
- Kursus Pemantapan Individu dan Organisasi Berintegriti
- Hebahan/ Peringatan Bulanan melalui email - My Integriti
- Kempen Nilai Murni
  - Ceramah
  - Email Hebahan
- Pemakaian Collar Pin "Integriti Amalan Hidup Saya"
- Kursus Pengukuhan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Berdasarkan program / aktiviti yang dilaksanakan telah banyak mempertingkatkan produktiviti serta kecekapan perkhidmatan awam yang disediakan di mana apabila penjawat awam mengamalkan konsep integriti dalam kerja seharian sekali gus ianya merubah sistem penyampaian sedia ada ke arah yang lebih telus, amanah dan bertanggungjawab kepada rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH SELUAS 9.554 EKAR MILIK KDEB/KHSB DI DENGKIL**

227. Merujuk kepada Usul No. 12 tahun 2010 berkenaan "Tanah Seluas 9.554 Ekar Milik KDEB/KHSB di Dengkil":

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap usul ini?
- b) Apakah jumlah premium yang ditanggung oleh KHSB telah dibayar?
- c) Berapakah jumlah premium dan cukai tertunggak yang perlu dibayar kepada Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan sekiranya premium dan cukai masih belum dibayar?

**JAWAPAN :**

- a) Soalan ini wajar dimajukan kepada Kerajaan Negeri.
- b) Premium berjumlah RM4,103,708.00 telah dibayar oleh KHSB pada 25 Feb 2011.
- c) - Tidak berkenaan –

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROGRAM JOM KE PASARAYA BERSAMA ADN**

228. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bilakah program tersebut akan dimulakan dan apakah matlamat yang disasarkan ?
- b) Sila perelaskan golongan manakah yang bakal menerima manfaat daripada pelaksanaan program tersebut ?
- c) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan disalurkan dan dari manakah dana tersebut diperolehi ?

**JAWAPAN:**

- a) Program Jom ke Pasaraya dilaksanakan bermula pada tahun 2011 selaras dengan Keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor(MTES) yang bersidang pada 30 Jun 2011. Sasaran awal adalah sekurang-kurangnya 50% daripada golongan warga emas yang telah berdaftar melalui sistem Skim Mesra Usia Emas (SMUE).
- b) Golongan yang bakal menerima manfaat daripada pelaksanaan tersebut adalah golongan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan berdaftar melalui sistem Skim Mesra Usia Emas (SMUE).
- c) Dana awal yang akan disalurkan adalah berjumlah **RM 5,000,000.00** bagi tahun 2011. Dana tersebut dibiayai oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : BANTUAN MEMBINA RUMAH DAN BAIKPULIH**

229. Kerajaan negeri ada mewujudkan projek membina dan membaik pulih rumah warga miskin.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah yang layak dibina atau dibaikpulih rumah berkenaan?
- b) Bagaimanakah prosedur yang perlu bagi yang mahu memohon?
- c) Sejak 2008 berapakah jumlah yang dibina, dibaikpulih dan kos yang dikeluarkan.

**JAWAPAN :**

- a) Syarat-syarat yang melayakkan seseorang mendapat rumah atau rumah dibaikpulih untuk Program Kerajaan Prihatin ialah:
  - i. Pendapatan isi rumah pemohon hendaklah di bawah RM419.00 sebulan;
  - ii. Umur pemohon adalah di antara 50 tahun hingga 65 tahun sahaja kecuali Orang Kurang Upaya (OKU);
  - iii. Keadaan rumah yang daif dan tidak sesuai untuk diduduki. Kerosakan asas akan dipertimbangkan untuk baik pulih;
  - iv. Tanggungan yang tinggal bersama tidak mempunyai pendapatan;
  - v. Mempunyai tapak untuk membina kediaman baru.

Setiap permohonan akan disiasat oleh pihak UPEN bersama wakil daripada Pejabat Daerah dan akan dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Bantuan Kerajaan Prihatin.

b) Prosedur-prosedur yang perlu diikuti bagi permohonan Program Kerajaan Prihatin adalah seperti berikut:

- i. Pemohon boleh mendapatkan borang Program Kerajaan Prihatin di Pejabat Daerah atau di Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri.
- ii. Pemohon perlu mengisi borang dengan lengkap dan hantar kepada Pejabat Penghulu Mukim atau Pejabat Daerah untuk semakan dan tapisan awal.
- iii. Borang permohonan akan dihantar oleh Pejabat Daerah kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk siasatan.
- iv. UPEN akan membuat siasatan bersama wakil dari Pejabat Daerah sekiranya permohonan mengikut syarat-syarat kelayakan.
- v. Hasil siasatan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin.
- vi. UPEN akan mengeluarkan surat tawaran kepada permohonan yang berjaya atau surat tolak kepada permohonan yang gagal.
- vii. Pejabat Daerah akan melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan bina baru

c) Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan **bina baru** rumah Kerajaan Prihatin sebanyak 384 buah sejak tahun 2008 sehingga Jun 2011 dengan kos pembinaan sebanyak **RM9,127,222**.

Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan **baik pulih** sebanyak 440 buah rumah di seluruh Negeri Selangor sejak tahun 2008 sehingga Jun 2011 dengan kos baik pulih sebanyak **RM 4,037,230**.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

230. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah PKNS mempraktikkan Skim Kuota dalam penjualan rumah-rumah bagi projek-projek perumahan mereka?
- b) Adakah PKNS mengenakan apa-apa syarat bagi penentuan di dalam menjadi panel Peguam cara dan Peguambela bagi semua projek-projek perumahannya?
- c)

**JAWAPAN :**

- a) Selaras dengan dasar penubuhannya, PKNS telah menetapkan Skim Kuota Jualan untuk Bumiputera sebanyak 70% dan kuota jualan untuk Bukan Bumiputera adalah 30%.
- b) PKNS telah menetapkan syarat-syarat asas perlantikan panel peguam seperti berikut
  - i) Firma hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 rakan kongsi
  - ii) Pengalaman rakan kongsi – 10 tahun (minimum)
  - iii) Profesional Indemnity Insurance – RM1.0 juta (minimum)

PKNS juga turut melihat kepada bidang kepakaran yang ditawarkan oleh sesebuah firma sebelum dipertimbangkan untuk menjadi panel peguam PKNS.

- c) Program pembasmian kemiskinan yang diluluskan oleh PKNS ialah :-
  - i) PKNS terlibat melalui program Kerajaan Prihatin dengan menyumbangkan sebanyak RM1.0 juta setiap tahun bagi membantu, membina dan membaikpulih rumah-rumah golongan termiskin di Negeri Selangor.
  - ii) Program penempatan semula setingga sifar sehingga tahun 2010 PKNS telah membiaya sebanyak RM130 juta.
  - iii) Pembangunan bandar baru PKNS dimana 11 bandar baru telah dimajukan. Dengan pembangunan bandar baru ini telah menggalakkan golongan Bumiputera untuk tinggal di bandar dan mempunyai pemilikan harta di bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PERTANDINGAN MEMANCING DAERAH**

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah objektif dan kos program pertandingan memancing daerah?
- b) Adakah program riadah tersebut merupakan sebahagian rancangan memajukan sektor pertanian negeri?
- c) Berapakah jumlah bilangan peserta dan perbelanjaan pengurusan tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Objektif bagi program memancing kebiasaannya berbeza mengikut matlamat yang ditetapkan oleh penganjur seperti mengeratkan perpaduan di kalangan masyarakat, merapatkan lagi hubungan pihak berkuasa tempatan dengan penduduk setempat, sempena menyambut ulang tahun, sebagai aktiviti tahunan dan ada juga yang menyasarkan untuk memancing ikan yang memberi kesan kepada ekosistem. Walau bagaimanapun kebiasaannya objektif memancing adalah untuk merapatkan hubungan dan menggalakkan beriadah.

Kos program pertandingan pula bergantung kepada hadiah yang ditawarkan oleh pihak penganjur. Sekiranya besar hadiah yang ditawarkan maka semakin besarlah kos bagi sesuatu penganjur program memancing ditambah pula dengan harga pasaran ikan hidup yang semakin meningkat. Kebiasaannya kos program pertandingan memancing daerah dianggarkan sebanyak RM 20,000.00 sehingga RM 80,000.00 untuk keperluan hadiah wang tunai, pembelian iakan hidup, logistik dan bayaran petugas sahaja tidak termasuk kos yang lain seperti hadiah cabutan bertuah, t-shirt peserta, makan/minum VIP dan marsyal dan lain-lain.

- b) Program memancing ini sememangnya memajukan sektor pertanian negeri khususnya bagi penternak ikan air tawar kerana setiap kali pertandingan diadakan penganjur kebiasaannya akan memasukan ikan bagi setiap kolam yang dipertandingkan. Di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang sahaja boleh dianggarkan sebanyak 24 acara program memancing setahun yang menawarkan hadiah utama wang tunai di atas RM 10,000 sehingga RM 30,000. Ini tidak termasuk pertandingan memancing yang menawarkan hadiah utama wang tunai di bawah RM 10,000. Jadi sememangnya program ini dapat memajukan sektor pertanian negeri.

- c) Jumlah peserta bergantung kepada hadiah utama wang tunai yang ditawarkan. Secara purata sekiranya hadiah utama wang tunai berjumlah RM 20,000 ke atas boleh dianggarkan kehadiran peserta seramai 800 sehingga 1500 peserta dalam satu-satu masa bergantung kepada keadaan cuaca dan kawasan program yang dilaksanakan. Perbelanjaan pengurusan di antara RM 20,000 sehingga RM 80,000 bagi setiap penganjuran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PROGRAM MIKROKREDIT LUAR BANDAR (SKIMSEL)**

232. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terbaru program ini dan beri statistik pinjam yang telah diberi mengikut daerah dan etnik?
- b) Berapa banyak kos pentadbiran yang diperlukan untuk menjalankan program ini serta berikan peratusan pembayaran baliknya.

**JAWAPAN :**

- a) Jadual 1, di bawah menunjukkan jumlah pengeluaran pembiayaan mengikut daerah sehingga 23hb Jun 2011.

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Jumlah Pembiayaan
1.	Sabak Bernam	712	2,309,600.00
2.	Hulu Selangor	456	1,257,000.00
3.	Kuala Selangor	431	1,072,100.00
4.	Hulu Langat	366	956,500.00
5.	Kuala Langat	445	1,182,500.00
6.	Sepang	205	492,500.00
	Jumlah	2,624	7,270,200.00

- b) Jadual 2, menunjukkan bilangan etnik penerima pembiayaan mengikut daerah sehingga 23hb Jun 2011

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Bilangan Sadiq	Pecahan Etnik			
			Melayu	Cina	India	Lain-lain
1.	Sabak Bernam	712	710	0	2	0
2.	Kuala Selangor	456	449	3	4	0
3.	Hulu Selangor	431	412	15	3	1
4.	Hulu Langat	366	364	0	2	0
5.	Kuala Langat	445	412	7	26	0
6.	Sepang	205	204	0	1	0
	Jumlah	2,624	2,560	25	38	1

- c) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM50 juta dengan 70% disalurkan kepada pembiayaan dan 30% untuk kos pentadbiran SKIMSEL dan peratusan bayar 99%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN DEWAN/BALAIRAYA**

233. Isu Penyelenggaraan Dewan2 /balai raya DUN Meru – bil elektrik, air, pemotongan rumput dan lain2. – bil tertunggak TNB/SYABAS - bekalan telah dipotong

Sebelum 2008, dewan dan balai raya di seluruh kampung mempunyai amaun tunggakan yang tinggi walaupun penggunaan minima pada setiap bulan. Ini menunjukkan tiada pemotongan dilakukan oleh pihak SYABAS dan TNB sendiri. Tetapi selepas 2008, PR memerintah, semua balai dan dewan telah dipotong bekalan tanpa notis menyebabkan kesukaran kepada pentadbir JKKK yang baru.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini terutama balai raya/dewan di bawah seliaan Pejabat Daerah Masing-masing. Apakah peranan Pejabat daerah bagi mengekalkan dewan/balai raya untuk terus dalam keadaan baik dan terurus.

**JAWAPAN :**

- a) Bagi setiap dewan / balai raya yang telah diserahkan dan dipertanggungjawabkan penggunaannya kepada JKKK, Pejabat Daerah / Tanah Klang membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan dewan / balai raya berkenaan digunakan dengan baik dan terurus oleh JKKK. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat permohonan daripada JKKK bagi kerja - kerja membaikpulih dewan / balai raya, PDTK bertanggungjawab untuk :
- i. Mengenal pasti punca dan jenis kerosakan dewan / balai raya JKKK.
  - ii. Memastikan bahawa dewan / balai raya berkenaan berkeperluan dan aktif digunakan bagi tujuan awam untuk masyarakat setempat.
  - iii. Menyediakan anggaran harga (BQ) bagi kerja-kerja pembaikan dan seterusnya;
  - iv. Mengemukakan ke Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN untuk kelulusan peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : DASAR PERUMAHAN BAGI MENGELAK PROJEK TERBENGGKALAI**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah dasar perumahan yang akan diperkenalkan bagi mengelak projek perumahan terbengkalai?
- b) Berapakah projek perumahan terbengkalai yang sudah dan masih belum diselesaikan?
- c) Bagaimana dengan perumahan yang terbengkalai disebabkan injunksi mahkamah, serta adakah dibenarkan injunksi terhadap perumahan bagi orang miskin?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedang mengambil beberapa langkah yang lebih komprehensif dan berkesan dengan memperkenalkan beberapa dasar baru bagi mengelak projek perumahan terbengkalai seperti berikut :
  - 1) Kerajaan Negeri akan minta KPKT untuk meningkatkan penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) melalui pemantauan 6 bulan sekali di mana pemaju diwajibkan menghantar Borang 7F untuk memaklumkan status terkini kedudukan projek yang sedang dibina.
  - 2) Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu memantau secara dekat dimana Jadual Kedua Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 menghendaki pemaju mengemukakan Borang-borang A, B, C, D dan E kepada PBT dan salinan borang-borang tersebut perlu dikemukakan kepada LPHS bagi tujuan pemantauan. Dengan mengemukakan salinan-salinan borang tersebut LPHS akan dapat mengenal pasti sekiranya berlaku masalah terhadap sesebuah projek dan tindakan awal akan dapat dijalankan.
  - 3) LPHS melalui sistem pendaftaran pemaju akan memantau terus projek dimana pemaju dikehendaki berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Selain dari itu mereka turut dikehendaki mengemukakan laporan status projek berserta jadual kerja bagi setiap projek pembangunan di Selangor bagi tujuan pemantauan dan setiap projek dijalankan mengikut jadual. Dengan sistem pendaftaran pemaju ini, LPHS juga akan bertindak sebagai '*one stop centre*' di mana semua maklumat dikumpulkan dan diedarkan kepada semua Bank, PBT dan KPKT sebagai sistem amaran awalan sekiranya berlaku projek terbengkalai. Lawatan ke tapak projek akan dijalankan dari masa ke semasa bersama pihak perunding projek, bank-bank berkenaan dan PBT sekiranya projek tersebut menunjukkan ciri-ciri projek akan bermasalah.

- 4) Konsep Bina dan Jual perlu dilaksanakan lebih meluas lagi, demi melindungi rakyat daripada dianiaya oleh pemaju. Melalui konsep ini masalah projek terbengkalai tidak akan berulang.
- b) Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, adalah dimaklumkan sehingga kini Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 24 projek yang melibatkan 9,431 unit dari Mac 2008.

Walaupun terdapat sebanyak 135 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 46,879 pembeli yang masih belum dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang dipengerusikan oleh saya sendiri, telah mengenalpasti sebanyak 9 projek terbengkalai untuk dipulihkan semula. Manakala sebanyak 14 projek sedang berjalan semula dan 112 projek masih dalam peringkat kajian dan perancangan pemulihan oleh Kerajaan Negeri.

- c) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "*breach of contract*" maka pihak terlibat boleh mengambil tindakan injunksi mahkamah termasuk juga kes perumahan orang miskin yang melibatkan penempatan semula setinggan. Begitu juga keadaannya apabila pihak-pihak berkepentingan ke atas tanah dan projek tersebut untuk mengambil tindakan injuksi Mahkamah di atas sebab-sebab tertentu. Oleh demikian, Kerajaan Negeri tidak mempunyai "*locus standi*" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat bagi menghalang tindakan injuksi yang diambil oleh pihak berkepentingan ke atas projek tersebut dan perkara ini tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Mahkamah. Apa yang Kerajaan Negeri boleh lakukan ialah dengan memberikan khidmat guaman percuma kepada pembeli terlibat jika diperlukan.



**STATISTIK PROJEK TERBENGGALAI DI NEGERI SELANGOR SEHINGGA 31 MEI 2011**

<b>N O</b>	<b>KAWASAN PBT</b>	<b>PROJEK PERUMAHAN</b>	<b>PROJEK KOMERSIAL</b>	<b>PROJEK INDUSTRI</b>	<b>PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG</b>	<b>JUMLAH PROJEK</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>
1	MPK	23	5	1	-	29	4,061
2	MBPJ	3	4	-	-	7	2,996
3	MBSA	15	1	1	-	17	5,160
4	MPSJ	5	3	-	-	8	7,734
5	MPAJ	10	1	-	-	11	2,949
6	MPKj	11	-	-	-	11	4,150
7	MPS	9	1	-	2	12	2,310
8	MPSp	8	-	-	-	8	3,641
9	MDKS	8	-	-	2	10	7,111
10	MDHS	6	1	-	5	12	5,955
11	MDKlgt	7	2	-	-	9	1,032
12	MDSB	1	-	-	-	1	32
<b>JUMLAH</b>		<b>106</b>	<b>18</b>	<b>2</b>	<b>9</b>	<b>135</b>	<b>46,879</b>

19 Projek Terbangkalai Yang Berjalan Semula Seperti Berikut :

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL. UNIT	KWSN PBT
1.	Projek Perumahan <b>Saujana Puchong</b> , Mukim Petaling	Tetuan Expand Fxctor Sdn. Bhd.	203 Unit	MPSJ
2.	<b>Lestari Puchong</b> - Kos Rendah	Lestari Puchong Sdn Bhd	400 Unit	MPSJ
3.	<b>Taman Puncak Jalil</b> , Mukim Petaling	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	7,041 Unit	MPSJ
4.	<b>Services Kondominium Kinrara</b>	Tetuan Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1,131 unit	MPSJ
5.	<b>Projek Perumahan Lestari Putra</b>	Tetuan Lestari Puchong Sdn. Bhd.	1592 Unit	MPSJ
6.	Pembangunan Apartment <b>Seri Putri</b> Jalan Rama-rama 20/2, Seksyen 20, Shah Alam.	Pemilik : MBSA Diambilalih Oleh Semangat Ulung S/B	312 Unit	MBSA
7.	Rumah Kos Rendah, Jalan Pluto U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd. Diambilalih oleh ECL Management Sdn Bhd	840 Unit	MBSA
8.	Penempatan Setinggalan Bukit Botak – <b>Pengambilan Tanah</b>	Delpuri Corp. Sdn Bhd. - <b>Diambilalih oleh PKNS</b>	1,422 Unit	MPS
9.	Projek Pembangunan <b>Kampung Tengah</b> , Mukim Setapak	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.	246 Unit	MPS
10.	Taman Prima Hijau	Tetuan Lim Chin Hin & Sons Industries Sdn Bhd	330 Unit	MPS
11.	<b>Desa Seri Baiduri, Desa Permai 2 &amp; Seri Jentayu 13</b>	Rhid Development Sdn Bhd	66 Unit	MPK
12	<b>Pembangunan Kawasan Industri @ Industri Ringan, Mukim</b>	Tetuan Farbina S/B Tetuan Tiara Etika Development (M) S/B	783 Unit	MPK

13.	<b>Bandar Pinggiran Cyber, Cyberjaya</b>	Tetuan Perspektif Perkasa Sdn. Bhd.	404 Unit	MPSp
14.	Projek Perumahan Putra Perdana (La Cottage) Dengkil, Sepang	Tetuan Intel Vest Sdn. Bhd – telah digulung dan dibawah Rimbun Capital Sdn Bhd.	187 Unit	MPSp
16.	Rumah Kos Rendah 2,500 Unit, Alam Perdana, Ijok.	LBCN Developments <b>- Dipulihkan oleh SPNB</b>	2,500 Unit	MDKS
17.	Perumahan Kos Rendah Di Taman Sungai Yu Indah, Kuala Selangor	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.	499 Unit	MDKS
18.	Cadangan Membina Rumah Teres Di <b>Bandar Saujana Putra</b>	Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.	531 Unit	MDKIgt
19.	Rumah Teres 1 Tingkat di atas Lot 5341, Olak Lempit-Dengkil	Tetuan Konsortium Nuri Sdn. Bhd. <b>(Liquidator) Dipulihkan - SPNB</b>	54 unit	MDKIgt
<b>JUMLAH</b>			<b>17,579 UNIT</b>	

Ini telah dilaksanakan melalui sistem pemantauan sedia ada yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meningkatkan penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) bagi memantau 6 bulan sekali ke atas pemaju dengan mewajibkan mereka menghantar Borang 7F untuk memaklumkan status terkini kedudukan projek yang sedang dibina.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT memantau secara dekat melalui Jadual Kedua Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang menghendaki pemaju mengemukakan Borang-borang A, B, C, D dan E kepada PBT dan salinan kepada LPHS bagi tujuan pemantauan. Melalui salinan borang-borang tersebut LPHS akan dapat mengenal pasti sekiranya berlaku masalah terhadap sesebuah projek dan tindakan awal akan dapat dijalankan.

LPHS juga melalui sistem pendaftaran pemaju akan membuat pemantauan terus projek-projek yang berdaftar dengan LPHS. Pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Laporan status projek berserta jadual kerja bagi setiap projek pembangunan di Selangor juga dikemukakan secara berkala bagi memastikan projek berjalan mengikut jadual. Melalui sistem pendaftaran ini LPHS bertindak sebagai '*one stop centre*' di mana semua maklumat dikumpulkan dan diedarkan kepada semua Bank, PBT dan KPKT sebagai sistem amaran awalan sekiranya berlaku projek terbengkalai. Lawatan ke tapak projek akan dijalankan dari masa ke semasa bersama pihak perunding projek, bank-bank berkaitan dan PBT sekiranya projek tersebut menunjukkan ciri-ciri akan bermasalah.

Pada masa ini, semua nama pengarah syarikat pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai akan diperolehi melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Selangor selain dicadangkan untuk dipaparkan dalam laman web sebagai panduan kepada bakal pembeli rumah. Nama-nama yang telah disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah nama syarikat yang lain.

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>NAMA PEMAJU</b>	<b>UNIT</b>
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS ( D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit

13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
21	Putra Intan Kondominium	Pemaju Asal : Lembah Kerjaya (Telah Digulung) Diambil Alih Oleh Rimbun Capital Sdn Bhd	300 Unit
22	Taman Khalid Al-Walid, Shah Alam	Nuri Konsortium Sdn Bhd Diambilalih Oleh SPNB	48 Unit
23	Lagoon Perdana, Subang Jaya	Pemaju : Tenaga Gagah S/B Diambilalih Oleh IJM Construction	1,052 Unit

24	Projek <b>Pembesaran Kampung Desa Alam Ria</b>	Tetuan JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit
<b>Jumlah Pembeli/Unit</b>		<b>9,431 unit</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : MEMARTABATKAN PERANAN WANITA**

235. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berbanding dengan Kerajaan Pusat yang sering meremehkan potensi wanita, apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan peranan wanita termasuk membangunkan profil tokoh-tokoh wanita di Negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Di dalam usaha Kerajaan negeri Selangor ingin memertabatkan peranan wanita kefahaman keperluan sebenar rakyat Selangor perlu dilihat lebih-lebih lagi di mana separuh daripadanya adalah wanita, proses pengarus utamaan gender juga perlu berlaku. Kefahaman gender akan menghasilkan pengamatan yang lebih terperinci terhadap jalan-jalan penyelesaian khusus terhadap permasalahan rakyat agar tercapai keadilan sosial dengan lebih berkesan dan segera.

Kerajaan negeri Selangor berusaha untuk memartabatkan peranan wanita melalui beberapa mekasnisme pengukuhan dan pelaksanaan menerusi Majlis Permuafakatan Wanita Selangor (MPWS), Sekretariat Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Selangor, Minimum 30% Pembuat Keputusan dan Kepimpinan Kepada Wanita dan Pengarus Utamaan Gender. Mekasnisme ini terkandung di dalam Pelan Tindakan Wanita Selangor di mana pelaksanaan dilakukan secara berperingkat iaitu:

- 1) Jangka panjang 2010-2025
- 2) Jangka pertengahan 2010 – 2015 dan
- 3) Jangka pendek 2010 -2012

Pelaksanaan berperingkat jangka pendek pemberdayaan wanita Selangor telah berjaya memartabatkan peranan wanita termasuk membangunkan profil tokoh-tokoh wanita di Selangor seperti:

- i. Minimum 30% pembuat keputusan dan kepimpinan kepada wanita melalui kesedaran gender menerusi pengarus utamaan gender di mana komposisi barisan pembuat keputusan di berbagai peringkat dalam pentadbiran Negeri Selangor menjadi lebih adil, seperti di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri – EXCO Wanita MMKN yang telah memenuhi 40% dari jawatan portfolio sedia ada.
- ii. Mempunyai 8 Pusat Khidmat Masyarakat DUN yang diwakili oleh wanita di dalam Dewan Undangan Negeri
- iii. Pelantikan Yang Dipertua (YDP) Majlis Daerah Kuala Selangor mulai 1 Julai 2011, merupakan wanita pertama yang menjawat Yang Dipertua (YDP) di Selangor, dan



- iv. Pelantikan Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seramai 14 wakil wanita dari 12 buah PBT atau 14% menggambarkan peranan wanita di negeri Selangor telah diperakui oleh pentadbiran kerajaan negeri Selangor.
- v. Pelaksanaan Dasar Baru melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan keprihatinan dan keutamaan kekeluargaan dengan memberi kemudahan kepada wanita untuk cuti bersalin 90 hari, cuti isteri bersalin 14 hari dan cuti kematian suami 30 hari.

Dalam konteks ini kerajaan negeri Selangor disokong oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor akan sentiasa dan berterusan memberi impetus dan keprihatinan yang khusus dalam meningkatkan kualiti hidup dan status pembangunan menyeluruh wanita di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

236. Menurut pembentangan Rancangan Malaysia Ke-10 oleh Perdana Menteri pada Sidang Parlimen baru-baru ini, pengurusan sisa pepejal akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan pengurusan sisa pepejal akan diswastakan kepada syarikat swasta. Rundingan dijangka siap pada hujung tahun 2010 dan berkuat kuasa pada bulan April 2011.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri serta bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam rundingan pengurusan sisa pepejal tersebut?
- b) Apakah mekanisme yang akan diwujudkan bagi memantau keberkesanan pengurusan sisa pepejal oleh kontraktor swasta di setiap PBT memandangkan aduan awam biasanya dikemukakan kepada PBT?
- c) Apakah langkah yang dirancang oleh kerajaan bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal oleh masyarakat umum sebagai satu langkah mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri menyatakan komitmen penuh dalam membantu dan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan berhubung pengurusan sisa pepejal. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara akan bertanggungjawab penuh dalam menguruskan segala berhubung sisa pepejal. Kerajaan Negeri akan membantu dalam penyelarasan dan penguatkuasaan di peringkat PBT.
- b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melakukan aktiviti pemantauan terhadap aduan yang diterima. Bagi Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), pihak majlis mempunyai pengawas di setiap kawasan yang berperanan bagi memantau dan menyelia kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor. Sekiranya terdapat kontraktor yang gagal melaksanakan tugas, pengawas kawasan akan mengeluarkan notis agar kerja-kerja dilakukan dengan sempurna. Manakala bagi Majlis Perbandaran Selayang (MPS) adalah dengan menubuhkan unit pemantauan dengan kakitangan yang mencukupi.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius mengenai masalah sampah yang semakin meningkat. Pelbagai aktiviti telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah sampah ini. Antara program yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) adalah seperti mengadakan "Kempen Kitar Semula" bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Manakala bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), mereka sentiasa meningkatkan dan menggalakkan program '3R' (*reuse, reduce, recycle*) kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : KEUTAMAAN RUMAH MAMPU MILIK**

237. Pada 3 Jun 2011 YAB Dato' menteri Besar melancarkan buat pertama kali Rumah Mampu Milik di Bangi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah projek perumahan berkenaan dinamakan 'Rumah Mampu Milik'?
- b) Golongan manakah disasarkan 'Rumah Mampu Milik' ini?
- c) Apakah syarat-syarat dikenakan bagi yang memohon 'Rumah Mampu Milik' ini?

**JAWAPAN :**

- a) Projek perumahan ini dinamakan sebagai rumah mampu milik adalah bersesuaian dengan matlamat Kerajaan Negeri menyediakan rumah yang mampu dimiliki untuk pembelian kali pertama oleh rakyat Negeri Selangor khususnya golongan berpendapatan sederhana dan juga perumahan untuk golongan muda di bawah umur 35 tahun.

Ini kerana berdasarkan kepada pemerhatian mendapati kebanyakan ekonomi golongan belia khususnya eksekutif muda masih kurang stabil. Purata pendapatan golongan ini adalah di antara RM2,500 sehingga RM5,000. Pengenalan dasar ini akan dapat memberi peluang kepada mereka memiliki hartanah mampu milik sebelum berkemampuan memiliki perumahan harga tinggi pada masa hadapan.

- b) Golongan sasaran utama bagi pelaksanaan projek rumah mampu milik ini adalah untuk memenuhi keperluan penyediaan kediaman bagi golongan berpendapatan sederhana yang berpendapatan diantara RM2,500 sehingga RM5,000 sebulan. Ini kerana berdasarkan kajian mendapati bahawa golongan berpendapatan sederhana iaitu pendapatan di bawah RM5,000 sebulan khususnya golongan muda di bawah umur 35 tahun merupakan golongan yang sukar untuk memiliki rumah pertama yang selesa dengan kadar yang berpatutan sedangkan purata harga jualan rumah di pasaran ketika ini mencecah RM301,443 seunit. Oleh itu, dengan pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru ini dijangka mampu memberi lebih pilihan kepada golongan tersebut untuk memiliki rumah.

- c) Bagi memastikan pengagihan rumah mampu milik ini hanya untuk golongan sasaran, beberapa kriteria pemilihan telah ditetapkan iaitu:
- i. Warganegara Malaysia.
  - ii. Berumur 18 tahun ke atas
  - iii. Pemohon (suami / isteri) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor. Namun, pemohon yang telah memiliki RKR selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon rumah mampu milik sebagai rumah kedua.
  - iv. Pemohon bujang yang mempunyai tanggungjawab keluarga boleh memohon.
  - v. Berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).
  - vi. Pembelian rumah ini adalah untuk didiami dan bukan untuk disewa.
  - vii. Pindah milik hanya akan dibenarkan selepas 5 tahun dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Pendaftaran dengan LPHS ini sebagai langkah pengawalan dan juga bagi memudahkan perancangan dibuat dalam mengenalpasti keperluan mendesak penyediaan mampu milik bagi sesuatu kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : BANDAR DIRAJA KLANG DIISTIHAR SEBAGAI SEBUAH BANDARAYA.**

238. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah Bandar DiRaja Klang masih belum diisytiharkan secara rasmi sebagai sebuah Bandaraya?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menekan Kerajaan Persekutuan untuk mengisytiharkan Bandar DiRaja Klang sebagai sebuah Bandaraya secara rasminya?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menarik lebih banyak pelaburan di Bandar DiRaja Klang?

**JAWAPAN :**

- a) MPK telah membentangkan kertas cadangan untuk menaiktaraf MPK kepada Majlis Bandaraya Diraja Klang kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam (JPSPA) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 12.03.2009 dan keputusan minta ditangguhkan.
- b) Majlis akan memohon Seksyen Kerajaan Tempatan SUK untuk memohon semula kepada JPSPA supaya menimbang semula permohonan untuk menaiktaraf kepada Bandaraya Diraja.
- c)
  - i) mengujudkan dan memperkasakan Unit Pelaburan, MPK
  - ii) mempercepatkan urusan kelulusan pelan pemajuan
  - iii) bekerjasama rapat dengan MIDA, SSIC, Dewan Perniagaan Melayu, Cina dan India Selangor
  - iv) menaiktaraf dan memperbaiki kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian.